

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK : KERJA-KERJA BAIK PULIH BANGUNAN PEJABAT DAERAH**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

Status kerja-kerja baik pulih Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat,

- a) Sungai Sedu di mana struktur bangunan berkeadaan retak serius? Nyatakan anggaran kos, masa diambil untuk baik pulih.
- b) Siapakah menanggung kos pembaikan
- c) Adakah bangunan ini selamat digunakan?

**JAWAPAN:**

- a) Anggaran kos dan masa yang diambil untuk baik pulih bangunan tersebut adalah seperti berikut:-
  - i. Kos Kontrak : RM 3,248,370.00
  - ii. Tempoh Kontrak :13hb Dec 2011 sehingga 20hb Ogos 2012 (36 Minggu)
- b) Pihak yang menanggung kos pembaikan adalah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor.
- c) Bangunan tersebut adalah selamat untuk diduduki kerana mendapan tanah yang berlaku tidak melibatkan struktur utama bangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : PROJEK ZON BERSIH DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk Projek Zon Bersih dari tahun 2008 hingga 2013?
  - b) Apakah kesan dan faedah projek tersebut kepada komuniti tempatan?
  - c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf kesan projek tersebut dan mengatasi kelemahannya?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM 1.2 juta setiap tahun bermula tahun 2009 sehingga 2012 kepada semua PBT bagi melaksanakan Program Zon Bersih menggunakan peruntukan Pembangunan (P01) Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan. Jumlah keseluruhan peruntukan ialah sebanyak RM4.8 juta.
- b) Program Zon Bersih merupakan satu konsep dimana ia diwujudkan bagi memupuk semangat kerjasama diantara pihak kerajaan dan rakyat. Program Zon Bersih dianggap sebagai usaha menggalakkan "*Smart Partnership*" antara kerjasama PBT, swasta, NGO dan komuniti dalam mewujudkan suasana "Kejiranan Hijau" yang kondusif. Kesan dan faedah pelaksanaan Program Zon Bersih kepada komuniti tempatan adalah seperti berikut :
  - i. Kerjasama erat yang ditunjukkan di antara masyarakat dan penduduk setempat dalam menyokong pelaksanaan Program Zon Bersih dapat dilihat melalui penyertaan dalam program-program sosial / kemasyarakatan yang diadakan seperti program gotong royong, pengindahan kawasan dan sebagainya;
  - ii. Masyarakat dan komuniti setempat telah peka kepada membudayakan amalan penjagaan kebersihan dalam kehidupan seharian dengan memastikan kawasan kediaman dalam keadaan bersih, teratur dan tidak bersemak samun bagi mencegah daripada pembiakan nyamuk aedes yang membawa kepada demam denggi;
  - iii. Terdapat sesetengah penduduk dan peniaga di kawasan Zon Bersih telah mengamalkan budaya konsep 3R (*reduce, reuse & recycle*), mengitar semula minyak masak dan mengurangkan pembuangan sisa pepejal di premis rumah dan perniagaan masing-masing;



- iv. Penyelenggaraan infrastruktur & Kemudahan awam diselenggara dengan baik, Pengindahan dan penyelenggaraan landskap di setiap kawasan Zon Bersih dilaksanakan dengan sempurna serta pengurusan aduan dijalankan dengan cekap dan efisien;
  - v. Kerjasama pihak swasta juga memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan Program Zon Bersih di sesuatu kawasan. Sumbangan pihak swasta dalam bentuk kewangan dan petugas melalui Corporate Social responsibilities (CSR) dalam pelaksanaan program yang dianjurkan oleh penduduk ataupun Pihak Berkuasa Tempatan.
- c) Kerajaan Negeri akan menggalakkan semua PBT untuk meneruskan pelaksanaan zon bersih. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan apa-apa peruntukan khusus memandangkan PBT boleh bergerak sendiri dan merancang aktiviti dengan bantuan Ahli Majlis, Jawatankuasa Penduduk (JKP), persatuan peniaga dan juga sumbangan daripada badan-badan korporat, NGO, CSR dan agensi lain yang berkaitan. Pengalaman selama empat (4) tahun telah mematangkan PBT dalam melaksanakan program ini dan pihak Kerajaan Negeri akan membuat pemantauan dan naziran terhadap PBT setiap tiga (3) bulan sekali bagi memastikan kawasan zon bersih tidak diabaikan dan penglibatan Ahli Majlis serta PBT dalam usaha ini perlu dikekalkan ke arah mewujudkan Selangor Negeri Bersih, Hijau dan Sejahtera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PROGRAM CERIA**

3. Bertanya kepada Y.A..B Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan projek-projek bagi program Ceria yang sedang dilaksanakan di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) secara terperinci ?

**JAWAPAN:**

a) Sejumlah 101 projek telah pun dilaksana di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Setakat 21 Mac 2014, sebanyak 91 projek telah pun selesai manakala 10 lagi masih dalam pembinaan. Perincian projek adalah seperti pada **Lampiran B**.

**LAMPIRAN B**

**SENARAI PENERIMA SKIM CERIA DI BAWAH PELAKSANAAN LPHS  
SEHINGGA 21 MAC 2014**

BIL	NAMA PEMAJUAN	NAMA PBT	NAMA DUN	PERIHAL KERJA BAIKPULIH		STATUS KEMAJUAN KERJA	KOS SEBENAR/ HARGA KONTRAK (RM)
1	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	Bukit Antarabangsa	Tangki	4 unit	100%	71,900.00
2	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	Teratai	Lif	4 unit (2 unit lif -BlokA & B)	100%	355,800.00
3	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	Lembah Jaya	Lif	1 unit	100%	122,000.00
4	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Lembah Jaya	Bumbung	Blok D	100%	186,000.00
5	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	Bukit Lanjan	Lif	4 unit (Blok A & B)	100%	220,000.00
6	Pangsapuri Desa Perangsang A & B	MBPJ	Taman Medan	Lif	2 unit (Blok A & B)	100%	105,830.00
7	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	Taman Medan	Lif	2 unit (Blok C)	100%	20,151.00
8	Flat Taman Medan 32, Taman Medan Baru	MBPJ	Taman Medan	Gutter	5 Blok (Blok A-E)	100%	219,645.50
9	Blok 1, Rumah Pangsa Kos Rendah Desa Mentari	MBPJ	Seri Setia	Lif	2 unit	100%	41,240.00
10	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	Kampung Tunku	Lif	3 unit	100%	140,500.00

11	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	Seri Kembangan	Gutter	4 blok	100%	54,365.00
12	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	Dengkil	Bumbung	- (Blok G)	100%	83,832.00
13	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	Kajang	Pembentong	- (Blok C)	100%	18,950.00
14	Pangsapuri Pinggiran Delima	MPKj	Semenyih	Bumbung	- (Blok D&E)	100%	87,720.00
15	Pangsapuri Mentari, Seksyen U5, Shah Alam	MBSA	Kota Damansara	Lif	3 unit	100%	44,400.00
16	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	Kota Anggerik	Lif	5 unit	100%	392,840.00
17	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	Pelabuhan Klang	Lif	2 unit	100%	115,000.00
18	Pangsapuri Dahlia, Persiaran Bukit Raja	MPK	Kota Anggerik	Lif	3 unit	100%	238,200.00
19	Pangsapuri Kenanga, Tmn Bukit Kinrara	MPSJ	Kinrara	Cat	3 blok	100%	126,000.00
20	Blok A, B, C, D, E & G Apartment Julia, Bandar Baru Selayang	MPS	Taman Templer	Cat	6 blok	100%	238,000.00
21	Blok F, Apartment Julia Bandar Baru Selayang	MPS	Taman Templer	Cat	1 blok	100%	40,700.00
22	Pangsapuri Kenanga, Taman Gombak Permai, Batu Caves	MPS	Batu Caves	Pagar	140 m (panjang)	100%	9,100.00
23	Rumah Pangsa Taman Subang Perdana, Seksyen U3, Shah Alam	MBSA	Kota Damansara	Cat	4 blok	100%	71,190.00
24	Pangsapuri Orkid,	MPKj	Dusun Tua	Bumbung	5 blok	100%	367,000.00
25	Bandar Mahkota Cheras Blok 1, Pangsapuri Mas Ayu, Bandar Baru Selayang	MPS	Taman Templer	Cat	1 blok	100%	45,640.00
26	Blok 2, Pangsapuri Mas Ayu, Bandar Baru Selayang	MPS	Taman Templer	Cat	1 blok	100%	45,640.00
27	Flat Samudera, Batu Caves	MPS	Gombak Setia	Cat	6 blok	100%	360,950.00
28	Flat Sri Cemara, Bandar Sri Damansara	MBPJ	Bukit Lanjan	Cat	-	100%	123,487.00
29	Apartment Harmoni, Damansara Damai	MBPJ	Bukit Lanjan	Turap jalan	-	100%	110,900.00
30	Blok 1-5, Pangsapuri Dahlia A, Bandar Baru Selayang	MPS	Taman Templer	Longkang	-	100%	41,000.00
31	Blok 6, Pangsapuri Dahlia A Bandar Baru Selayang	MPS	Taman Templer	Longkang	-	100%	15,245.00
32	Blok 1-3, Pangsapuri Dahlia B Bandar Baru Selayang	MPS	Taman Templer	Handrail & Landing Slab	-	100%	13,995.00
33	Pangsapuri Kenari ABCD Taman Impian	MPKj	Balakong	Kotak Pendawaian	4 blok	100%	48,742.00

				Elektrik			
34	Blok A, Pangsapuri Taman Muhibbah	MPSJ	Seri Kembangan	Cat	1 blok	100%	49,552.00
35	Blok B, Pangsapuri Taman Muhibbah	MPSJ	Seri Kembangan	Cat	1 blok	100%	44,852.00
36	Blok D, Pangsapuri Taman Muhibbah	MPSJ	Seri Kembangan	Cat	1 blok	100%	44,552.00
37	Pangsapuri Kos Rendah Bandar Sunway	MPSJ	Subang Jaya	Cat	10 blok	100%	323,400.00
38	Flat Taman Daya, Taman Daya Kepong	MPS	Taman Templer	Pagar	-	100%	43,050.00
39	Blok 3, Flat Desa Mentari	MBPJ	Seri Setia	Lif	2 unit	5%	208,700.00
40	Pangsapuri Enggang	MPSJ	Seri Serdang	Sistem pencegah kebakaran	-	100%	226,380.00
41	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	MPKj	Semenyih	Taman Permainan	-	100%	24,140.00
42	Pangsapuri Inai Pandan Indah	MPAJ	Chempaka	Cat	4 blok	100%	197,003.00
43	Flat Pandan Jaya L28	MPAJ	Chempaka	Cat	1 blok	100%	49,780.00
44	RPKR Taman Cahaya	MPAJ	Chempaka	Cat	3 blok	100%	121,000.00
45	F9-10 Flat Puchong Permai	MPSJ	Seri Serdang	Cat	3 blok	100%	71,500.00
46	F5-F8 Flat Puchong Permai	MPSJ	Seri Serdang	Cat	4 blok	100%	74,450.00
47	Pangsapuri Kos Rendah Teratai, Seksyen U16	MBSA	Kota Anggerik	Bumbung	-	100%	193,600.00
48	Merpati B Apartment	MPAJ	Chempaka	Tangki	9 unit	100%	175,460.00
49	Blok A1 Taman Bukit Segar	MPAJ	Teratai	Lif	1 unit	100%	66,370.00
50	Blok A5 & A6 Taman Bukit Segar	MPAJ	Teratai	Lif	4 unit	100%	331,570.00
51	Blok C, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	MPK	Pel. Klang	Salur pembentungan	-	100%	55,230.00
52	Blok D, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	MPK	Pel. Klang	Salur pembentungan	-	100%	52,389.00
53	Blok E, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	MPK	Pel. Klang	Salur pembentungan	-	100%	36,139.00
54	Blok F, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	MPK	Pel. Klang	Salur pembentungan	-	100%	39,084.00
55	Pangsapuri Kos Rendah Carnation 1 & 2, Taman D' Menara	MDKL	Dengkil	Tangki	8 unit	100%	178,129.50
56	Blok 31-36, Seksyen 27 Taman Bunga Negara	MBSA	Sri Muda	Gutter	-	100%	155,852.00
57	Pangsapuri Pendamar 7B, Jalan Pendamaran	MPK	Pel. Klang	Lif	3 unit	100%	361,350.00

58	Pangsapuri Kos Rendah Blok Dahlia & Cempaka, Taman Tun Teja (Fasa 1)	MPS	Rawang	Lif	4 unit lif	100%	386,980.00
59	Pangsapuri Kos Rendah Blok Delima & Kenanga, Taman Tun Teja (Fasa 2)	MPS	Rawang	Lif	4 unit lif	100%	67,800.00
60	Apartment Sri Bayu, Taman Bayu Perdana	MPK	Kota Alam Shah	Cat	4 blok	50%	399,121.00
61	Pangsapuri Sri Era, Desa Latania, Seksyen 36 Shah Alam	MBSA	Sri Andalas	Bumbung	1 blok	100%	534,000.00
62	Pangsapuri Mutiara Bukit Raja 2	MPK	Sri Andalas	Bumbung	1 blok	100%	157,004.00
63	Anggerik 21, Seksyen 24 Shah Alam	MBSA	Batu Tiga	Bumbung	6 blok	100%	216,684.80
64	Anggerik 46, Seksyen 24 Shah Alam	MBSA	Batu Tiga	Bumbung	3 blok	100%	113,718.00
65	Anggerik 6, Seksyen 24 Shah Alam	MBSA	Batu Tiga	Bumbung	8 blok	100%	329,934.00
66	Anggerik 52, Seksyen 24 Shah Alam	MBSA	Batu Tiga	Bumbung	5 blok	100%	186,850.00
67	Blok D & F, Taman Medan	MBPJ	Taman Medan	Tangki	2 unit	100%	59,950.00
68	Pangsapuri Puncak Desa	MPS	Bukit Lanjan	Bumbung	2 blok	100%	181,896.00
69	Pangsapuri Kiambang Seksyen U16	MBSA	Kota Anggerik	Bumbung	-	100%	77,400.00
70	Pangsapuri Tulip Pandan Indah	MPAJ	Chempaka	Gutter	5 blok	100%	177,650.00
71	Pangsapuri Taman Bunga Negara Blok 37 -39, Seksyen 27, Shah Alam	MBSA	Sri Muda	Lif	6 unit	100%	332,160.00
72	Anggerik 16, Seksyen 24 Shah Alam	MBSA	Batu Tiga	Bumbung	5 blok	100%	226,400.90
73	Anggerik 44, Seksyen 24 Shah Alam	MBSA	Batu Tiga	Bumbung	3 blok	100%	124,300.00
74	Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16, Subang Jaya	MPSJ	Kinrara	Membina tempat letak kenderaan	-	100%	317,998.86
75	Pangsapuri Happy Mansion, Happy Mansion	MBPJ	Bukit Gasing	Lif	2 unit	100%	191,000.00
76	Pangsapuri Nusa Kurnia	MPAJ	Teratai	Pagar	-	0%	-
77	Pangsapuri Seri Pulai, Taman Puchong Hartamas	MPSJ	Seri Serdang	Tangki & paip	2 unit	0%	16,200.00
78	Pangsapuri Sri Murni, Seksyen U5, Shah Alam	MBSA	Kota Damansara	Cat	1 blok	100%	126,321.00
79	Pangsapuri Seri Melewar	MBSA	Seri Setia	Cat	2 blok	100%	169,540.00
80	Pangsapuri Cengal, Taman Mas, Puchong	MPSp	Dengkil	Lif	2 unit	100%	144,500.00
81	Pangsapuri Golden Villa Blok G, Klang	MPK	Sri Muda	Lif	2 unit	100%	167,850.00

82	Pangsapuri Anggerik, Seri Kembangan	MPSJ	Seri Kembangan	Lif	2 unit	95%	119,122.00
83	Pangsapuri Pandan Jaya Blok L34 & L35	MPAJ	Chempaka	Cat	2 blok	100%	91,530.40
84	Pangsapuri Kelompok Camar, Ampang Blok A	MPAJ	Lembah Jaya	Bumbung	1 blok	0%	106,836.00
85	Pangsapuri Kelompok Camar, Ampang Blok B	MPAJ	Lembah Jaya	Bumbung	1 blok	100%	107,276.00
86	Apartment Taman Medan Jaya Blok C, Petaling Jaya	MBPJ	Taman Medan	Tangki	2 unit	100%	57,000.00
87	Pangsapuri Pelangi Damansara A,B & C	MBPJ	Bukit Lanjan	Lif	6 unit	85%	425,000.00
88	Pangsapuri Pelangi Ara, PJU 6A	MBPJ	Bukit Lanjan	Genset & panel	-	100%	83,000.00
89	Desa Impian	MPSJ	Kinrara	Lif	2 unit	0%	255,480.00
90	Pangsapuri Seri Kayan, USJ 2	MPSJ	Batu Tiga	Tangki	4 unit	100%	67,800.00
91	Desa Tanjung, Seri Kembangan	MPSJ	Seri Kembangan	Lif	2 unit	0%	138,955.20
92	Desa Mentari Blok 3	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
93	Desa Mentari Blok 4	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
94	Desa Mentari Blok 5	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
95	Desa Mentari Blok 6	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
96	Desa Mentari Blok 8	MBPJ	Seri Setia	Lif	1 unit	100%	20,000.00
97	Pangsapuri 15 tingkat SS8, Petaling Jaya	MBPJ	Seri Setia	Pagar	Panjang=412m Tinggi=1.5m	100%	97,600.00
98	Pangsapuri Tulip Blok 1,2,3,4	MDKL	Dengkil	Tangki & paip	2 unit	100%	125,536.00
99	Pangsapuri Astana Alam 2	MDKS	Jeram	Cat	4 blok	100%	373,732.00
100	Apartment Mawar, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung	MDHS	Batang Kali	Lif	6 unit	100%	350,500.00
101	Pangsapuri Ruvena Villa	MPSp	Dengkil	Sistem paip dalaman	-	16%	792,170.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PKNS HOLDING BERBANDING SUBSIDIARI PKNS YANG LEBIH LAMA**

4. Merujuk perbahasan Belanjawan 2011.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Kenapa PKNS Holding diutamakan berbanding empat subsidiari lain yang telah menceburi bidang hartanah lebih 15 tahun?
- b) Apakah kelebihan PKNS Holding berbanding SC Sdn Bhd, PIB Sdn Bhd, PECB Sdn Bhd dan Selaman Sdn Bhd.?
- c) Kenapa PKNS Holding dengan hanya 10 anggota diutamakan daripada subsidiari dengan ratusan pekerja?

**JAWAPAN:**

a), b) & c)

PKNS Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) telah ditubuhkan pada 3 Januari 2006. Pada asalnya PHSB dikenali sebagai PKNS Federal Furniture Sdn. Bhd. (PFFSB) yang mana syarikat ini telah ditubuhkan sejak dari tahun 1989. Namun begitu, prestasi PFFSB tidak memuaskan sehinggakan syarikat tidak lagi aktif pada tahun 2002.

Melalui PHSB, PKNS telah mengaktifkan semula syarikat tersebut pada tahun 2006 dengan tujuan utama untuk menswastakan Worlwide Holdings Berhad (WHB). PHSB telah digunakan sebagai SPV untuk melaksanakan proses penswastan WHB dan melaluinya pada tahun 2010, PKNS telah berjaya memeterai beberapa perjanjian usahasama.

Hasrat dan tujuan awal PHSB adalah untuk dijadikan sebagai syarikat pemegang pelaburan bagi PKNS memandangkan syarikat telah mempunyai aktiviti-aktiviti lain berbanding dengan syarikat-syarikat anak PKNS yang lain. Dari segi pemantauan projek pula, tidak memerlukan anggota yang ramai dan dengan sebab itu PHSB telah dikurniakan dengan beberapa projek usahasama berbanding dengan syarikat-syarikat anak PKNS yang lain.

PKNS sedang dalam proses untuk menyusun semula anak-anak syarikat di mana perkara-perkara yang telah berlaku terdahulu akan diambilkira disamping strategi-strategi yang sedang dan akan diperincikan bagi memastikan supaya peranan-peranan anak syarikat dapat diperluaskan dan membolehkan PKNS untuk

mengoptimalkan susunatur anak-anak syarikat tersebut bagi merealisasikan keuntungan masa hadapan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: POLENS (M) SDN BHD**

5. Syarikat Polens (M) Sdn Bhd menumpukan bidang perniagaan produk-produk makanan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jenis produk makanan dan jenama yang dihasilkan?
- b) Bagaimanakah pelan dan skop pemasaran produk tersebut?
- c) Nyatakan prestasi jualan dan keuntungan yang diperolehi dari 2010-2013?

**JAWAPAN :**

- a) Jenis produk makanan dan jenama yang dihasilkan adalah :

**Latar Belakang**

POLENS (M) Sdn. Bhd. (PSB) telah ditubuhkan pada 1993 dan merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor.

Aktiviti perniagaan PSB tertumpu kepada:

- i. Mengeluarkan produk jenama sendiri, iaitu "POLENS", yang berkualiti tinggi untuk pasaran domestik.
- ii. Menyediakan perkhidmatan pengilangan dan pembungkusan produk pelanggan di bawah konsep Pengilangan Kontrak.
- iii. Membantu usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) makanan dalam membangunkan (*develop*) produk mereka dan mendapatkan pensijilan Halal.

### **Jenama Produk Yang Dihasilkan**

Jenama produk-produk keluaran PSB terdiri daripada dua (2) kategori iaitu:

i. Jenama sendiri, iaitu "POLENS":

<b>Bil</b>	<b>Jenis Produk</b>	<b>Diskripsi Produk</b>
1	Teh uncang herba Misai Kucing	Produk minuman herba
2	Madu tulen	Produk minuman kesihatan
3	Madu delima	Produk minuman kesihatan berasaskan madu dan jus delima
4	Sachet Ratu Collagen	Produk kesihatan berasaskan kolagen
5	Produk kapsul herba: a. Tongkat Ali b. Kacip Fatimah c. Gingko biloba d. Belimbing Buloh	Produk tradisional berasaskan herba

- ii. Produk jenama pelanggan (produk dikilangkan di bawah konsep Pengilangan Kontrak):

<b>Bil</b>	<b>Jenis Produk</b>	<b>Jenama Produk</b>	<b>Pelanggan</b>
1	Air Musofa	Naqia	Naqia Corporation S/B
	Madu Naqia	Naqia	Naqia Corporation S/B
2	Redianze	Eskayvie	Eskayvie S/B
	Reduze	Eskayvie	Eskayvie S/B
	I-Qids	Eskayvie	Eskayvie S/B
3	Madu Plus Delima	Natural Herbs	Natural Herbs Marketing
4	Mineral Drop	Ammay	Ammay Enterprise S/B
5	Excel Supreme	Nizh	Nizh Goodwill S/B
6	RX Young	Passion	Passion Herbs
	RX Coffee	Passion	Passion Herbs
	Apricollagen	Passion	Passion Herbs
7	Super White Collagen	Mia Superior	Mia Superior
8	Manuka Honey	G-Health	G-Health Network S/B
9	Phyto Andro Coffee	Herbal Zone	Herbal Zone International S/B
10	TMS Fenugreek	Ryverra	Ryverra Chocolate & Confectionary
	TMS Collagen	Ryverra	Ryverra Chocolate & Confectionary
11	Nano FOS	NMS	NMS Marketing S/B

b) Pelan dan skop pemasaran produk tersebut adalah:

i. Produk Jenama "POLENS"

- Pelan Pemasaran
  - PSB melaksanakan program pemasaran melalui pengiklanan di media cetak seperti akhbar tempatan, majalah mingguan wanita, TV Selangor, You Tube dan 'flyers'.
  - Mengambil bahagian dalam expo dan pameran perdagangan.
  - Melantik stokis mengikut kawasan untuk memasarkan dan mengedarkan produk-produk jenama "POLENS".
- Skop Pemasaran
  - Skop pemasaran untuk produk jenama "POLENS" adalah meliputi pasaran di seluruh negara.
  - Memberi perkhidmatan khidmat nasihat kepada stokis-stokis yang dilantik dengan membuat lawatan secara berkala.

ii. Produk Jenama Pelanggan

- Pelan dan skop pemasaran diuruskan sendiri oleh pelanggan-pelanggan kerana produk yang dikilangkan oleh PSB adalah menggunakan jenama pelanggan.

c) prestasi jualan dan keuntungan yang diperolehi dari tahun 2010 – 2013 adalah:

Penyata pendapatan PSB bagi tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut:

<b>PERKARA</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>
Pendapatan	2.677	2.270	1.862	1.622
Tolak: Perbelanjaan	5.895	2.032	1.832	1.599
Untung/(Rugi) Kasar	(3.218)	0.238	0.030	0.023
Tolak: Cukai	-	0.034	-	-
Untung/(Rugi) Bersih	(3.218)	0.204	0.030	0.023

Nota: Faktor utama kerugian pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh perbelanjaan hapus kira hutang lapuk, inventori, belanja penyelidikan dan pembangunan yang kesemuanya berjumlah RM2.7 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD**

6. Antara perniagaan teras Worldwide Holding Berhad ialah perkhidmatan alam sekitar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah skop kerja perkhidmatan alam sekitar dan teknologi digunakan?
- b) Apakah nama dan lokasi projek-projek untuk perkhidmatan alam sekitar ini?
- c) Berapakah nilai pelaburan projek dan pulangan yang diperolehi pada 2010-2013?

**JAWAPAN :**

a)

	<b>SKOP KERJA PERKHIDMATAN ALAM SEKITAR</b>	<b>TEKNOLOGI</b>
i)	Pelupusan sisa pepejal	Tapak pelupusan sanitari
ii)	Pelupusan sisa lengai	Tapak pelupusan sisa lengai
iii)	Membaik pulih dan menutup selamatserta pasca pemutup	Teknologi sanitari dengan komponen-komponen berikut:- a) Kawasan penerimaan sisa pepejal b) Sel-sel penerimaan sisa pepejal c) Loji rawatan air larut resap "leachate" Sistem gas tapak
iv)	Menaik taraf tapak pelupusan terbuka untuk beroperasi secara sanitari	Teknologi sanitari dengan komponen-komponen berikut:- d) Kawasan penerimaan sisa pepejal e) Sel-sel penerimaan sisa pepejal

		f) Loji rawatan air larut resap "leachate" g) Sistem gas tapak
v)	Pembinaan dan peroperasian stesen pemindahan sisa pepejal	Sistem 'vertical' dari Belanda
vi)	Merekabentuk dan membina Loji Rawatan 'leachate'	Rawatan biologi dan kimia fizikal
vii)	Penjanaan tenaga elektrik menggunakan gas tapak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Enjin dari Austria.</li> <li>• Unit pembersihan gas dari UK</li> </ul>
viii)	Loji kitar semula sisa domestik	Mini Material Recovery Facility (MRF)
ix)	Pusat pemprosesan sisa binaan	MRF

b) dan c)

Nama Projek	Nilai, RM	Pulangan (Kasar)				Lokasi
		2010	2011	2012	2013	
Tapak Pelupusan Sanitari Jeram	146,030,942	11,408,421	10,151,084	12,275,860	15,516,164	Kuala Selangor
Tapak Pelupusan Sanitari Tanjong12	417,909,709	1,189,921	1,893,949	1,335,428	1,984,607	Kuala Langat
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Kuang	12,845,000	246,261	517,114	527,510	860,458	Rawang
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Dengkil	40,061,216	996,189	938,833	1,074,970	1,101,033	Sepang
Tapak Pelupusan Sisa Lengai Sungai Kertas	13,295,485	N/A	(227,849)	276,736	353,811	Gombak
Penyelenggaraan Tapak Pelupusan Sungai Kembong	934,118	285,924	(2,294)	150,398	84,828	Hulu Langat
Stesen Pemindahan Shah Alam	82,391,485	N/A	N/A	3,362,323	2,212,760	Shah Alam
Projek Biogas Tapak Pelupusan Air Hitam	56,536,225	(313,898)	(1,000,820)	665,185	1,771,454	Puchong
Projek Biogas Tapak Pelupusan Jeram	58,442,710	N/A	N/A	Dalam Pembinaan	Dalam Pembinaan	Kuala Selangor
Pembinaan Loji Kitar Semula Sisa Binaan	3,500,000	N/A	N/A	N/A	516,528	Gombak



**PERTANYAAN–PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO’ HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: KENAIKAN GAJI / ELAUN**

7. Kerajaan negeri telah menaikkan gaji dan elaun ahli MMKN, Speaker dan ADUN  
Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:-

- a) Apakah perincian kenaikan untuk semua penjawat tersebut?
- b) Adakah penjawat awam kumpulan lain menikmati kenaikan ini?
- c) Adakah pesara berpencen turut menerima manfaatnya?

**JAWAPAN:**

- (a) Sepertimana sedia maklum, kenaikan gaji dan elaun Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri telah diwartakan secara khas di dalam Rang Undang-undang dan dibentangkan semasa Persidangan Dewan Negeri pada 25 November 2013.

Kenaikan gaji dan elaun ini berdasarkan formula 75% daripada gaji dan elaun yang diterima oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Sarawak.

Pada dasarnya, maklumat ini tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri boleh mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar atau Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri sekiranya memerlukan penjelasan lanjut. Maklumat berkenaan hanya akan diberikan kepada Y.B. Ahli Dewan Negeri yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa Y.B. Ahli Dewan Negeri yang berkenaan hendaklah bertanggungjawab terhadap maklumat tersebut dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) adalah berkaitan.

\*

*\* Maklumat diperolehi daripada pihak pengurusan Pejabat Dewan Negeri Selangor*

- (b) Secara langsung sememangnya kenaikan gaji Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri ini tidak melibatkan penjawat awam di Negeri Selangor.

Namun yang demikian, MMKN telah menimbang dan meluluskan penerimaan pakai **tiga (3) Pekeliling Perkhidmatan** berkaitan pelarasan gaji pada tahun 2013 seperti berikut:

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2013 berkaitan 'Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)';
  - ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2013 berkaitan 'Pemberian Pemindahan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)'; dan
  - iii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013 berkaitan 'Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum Gred 1 Hingga 54 di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM)'
- (c) Kenaikan gaji Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri ini juga tidak melibatkan pesara kerajaan secara langsung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: KEWANGAN PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD (PIYS)**

8. Berdasarkan prestasi kewangan, PIYS telah mengalami kerugian besar dari 2009 hingga 2013

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kerugian ini berlaku?
- b) Sejauh manakah prestasi pertambahan pelajar baru mampu mengurangkan masalah kerugian?
- c) Apakah sumber dana kewangan bagi pelajar-pelajar?

**JAWAPAN:**

- a) Penurunan jumlah pelajar yang mendaftar merupakan salah satu faktor penyumbang kepada kerugian yang dialami oleh PIYS. Faktor tersebut telah secara langsung menyebabkan penurunan pendapatan yuran.

Faktor seterusnya adalah kerana kurangnya permintaan bagi kursus yang mempunyai margin yang lebih tinggi berbanding kursus lain seperti Kursus Kejuruteraan. Kursus tersebut ditawarkan di Kampus Bestari Jaya yang mana ianya terkesan dengan isu-isu operasi berhubung penutupan asrama pelajar yang dikaitkan dengan pemendapan tanah.

- b) Pertambahan pelajar baru perlu mencapai jumlah minima pelajar aktif kepada 13,000 orang untuk mencapai pulangan modal dan seterusnya mengelakkan kerugian kepada PIYS. Pertambahan pelajar baru juga perlu seimbang bagi keseluruhan kursus yang ditawarkan.
- c) Sumber dana kewangan bagi pelajar-pelajar UNISEL merangkumi tajaan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Zakat Selangor, Dana Pendidikan Karangkrif, pembiayaan sendiri serta tajaan-tajaan lain seperti Yayasan Selangor, SUK, Perkeso, SUKAN, PNB/PNS dan KITAB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: SKIM TUNAS-BANTUAN TADIKA SELANGOR**

9. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :
- a) Berapa banyak peruntukan yang telah dikeluarkan setakat ini setelah ianya dilancarkan?
  - b) Berapa banyakkah dalam bentuk statistik, Tadika dan Pelajar yang mengambil bahagian dan yang telah mendapat manfaat hasil dari program ini sejak ianya dilancarkan?

**JAWAPAN :**

- a) dan b) Jawapan seperti di lampiran.

**Rumusan Keseluruhan Prestasi Skim Bantuan Tadika Selangor (Skim TUNAS) Tahun 2012 – 2014 (1 Julai 2012 – 30 April 2014\*)**

Bil	Tahun	Permohonan Daftar Tadika	Tadika Berjaya	Permohonan Ibumama	Permohonan KIV	Permohonan Gagal	Permohonan Berjaya	Jumlah (RM)	Keseluruhan Bayaran Setahun	Peruntukan Tahunan Skim Tunas
1	2012	217 Tadika	198 Tadika	1,903 Orang	-	663 Orang	1,240 Orang	RM210,475.00	RM210,475.00	RM1,016,600.00
2	2013	273 Tadika	273 Tadika	4,241 Orang	-	106 Orang	3,068 Orang	RM1,491,802.00	RM1,491,802.00	RM3,000,000.00
3	2014	189 Tadika	189 Tadika	7,263 Orang	770 Orang	316 Orang	6,159 Orang	RM992,735.00*	RM2,943,310.00*	RM3,000,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>679 Tadika</b>	<b>679 Tadika</b>	<b>13,407 Orang</b>	<b>770 Orang</b>	<b>1,085 Orang</b>	<b>10,467 Orang</b>	<b>RM2,695,012.00*</b>	<b>RM4,741,542.00</b>	<b>RM7,016,600.00</b>

KATEGORI TADIKA	BILANGAN PER TADIKA
Pra Sekolah Jais	36
Pra Sekolah KPM	10
Tabika Kemas	1
Tabika Perpaduan Selangor	136
Tadika Abim	17
Tadika Pasti	236
Tadika Pertim	34
Tadika Hira'	1
Tadika Swasta (Lain-lain)	203
<b>JUMLAH</b>	<b>679</b>

**\*Nota Penting**

\*Jumlah Bantuan Tahun 2014 yang dibayar adalah sehingga kelulusan bayaran bulan April 2014 Sahaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: TUNGGAKAN HUTANG KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN**

10. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Sila senarai berapakah jumlah tunggakan hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan?
- b) Sila nyatakan jumlah tunggakan hutang secara perbandingan di kalangan negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan?
- c) Sila nyatakan jumlah tunggakan hutang yang berjaya dibayar sejak 5 tahun yang lalu ?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga 31 Disember 2013 (belum diaudit), jumlah keseluruhan tunggakan pinjaman Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM 49,270,000.00 dan perinciannya adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Pinjaman</b>	<b>Amaun pokok</b>	<b>Amaun faedah</b>	<b>Jumlah keseluruhan</b>
1.	Penjadualan Semula Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	28,847,033.45	11,152,966.55	40,000,000.00
2.	Penjadualan Semula Projek Bekalan Air (pinjaman dibayar oleh SYABAS)	9,270,000.00	-	9,270,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>38,117,033.45</b>	<b>11,152,966.55</b>	<b>49,270,000.00</b>

\*Pembayaran pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (selain daripada pinjaman bekalan air) adalah mengikut keupayaan tunai pada tahun – tahun berkenaan.

- b) Jumlah tunggakan hutang secara perbandingan dikalangan negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2012 (telah diaudit) adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah tunggakan hutang pada 31.12.2012 RM Juta</b>
1.	Sabah	Tiada
2.	Pulau Pinang	Tiada
3.	Perak	Tiada
4.	Sarawak	12.98
5.	Selangor	57.27
6.	Johor	91.66
7.	Melaka	174.53
8.	Perlis	175.72
9.	Negeri Sembilan	215.98
10.	Kelantan	216.88
11.	Terengganu	449.76
12.	Pahang	543.49
13.	Kedah	955.55

- c) Jumlah hutang yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak lima (5) tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<b>Bayaran Balik Pinjaman Kepada Kerajaan Persekutuan</b>			
<b>Tahun</b>	<b>Pokok RM</b>	<b>Faedah RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
2009	9,438,210.44	4,637,206.80	14,075,417.24
2010	58,904,244.82	16,207,760.56	75,112,005.38
2011	25,008,813.38	5,261,186.62	30,270,000.00
2012	120,334,728.99	6,998,251.44	127,332,980.43
2013	25,072,831.44	6,834,250.75	31,907,082.19
<b>Jumlah</b>	<b>238,758,829.07</b>	<b>39,938,656.17</b>	<b>278,697,485.24</b>

Pada tahun 2014, sejumlah **RM31,907,164.19** akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman – pinjaman berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Pinjaman</b>	<b>Amaun pokok</b>	<b>Amaun faedah</b>	<b>Jumlah keseluruhan</b>
1.	Penjadualan Semula Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	18,578,302.07	6,691,799.93	25,270,082.00
2.	Amanah Saham Selangor (ASAS)	1,229,903.19	663,476.27	1,893,379.46
3.	Projek Peluasan Zon Bebas Sg. Way	3,204,675.59	1,539,027.14	4,743,702.73
<b>Jumlah</b>		<b>23,012,880.85</b>	<b>8,894,283.34</b>	<b>31,907,164.19</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: HADIAH PENGAJIAN IPT**

11. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Butirkan bilangan pemohon mengikut kaum dari tahun 2008-2014.
- b) Butirkan bilangan pemohon yang berjaya mengikut kaum dari tahun 2008-2014.

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah pemohon bagi tahun 2008 – 2014 adalah seramai 52,780 orang. Pecahan mengikut kaum adalah seperti di **Jadual 1.**
- b) Jumlah pemohon mengikut kaum dari tahun 2008 – 2014 adalah seramai 40,133 orang. Pecahan adalah seperti di **Jadual 1.**

**Jadual 1:**

TAHUN	BERJAYA				TIDAK BERJAYA			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Melayu	Cina	India	Lain-lain
2008	2,502	742	462	12	1,318	309	175	3
2009	4,682	853	463	27	1,646	156	115	8
2010	6,172	1,153	819	18	1,927	179	162	9
2011	5,516	1,206	890	31	1,919	192	214	14
2012	5,000	1,399	955	43	1,671	218	250	5
2013	4,868	906	744	52	1,559	121	198	8
2014	485	69	60	4	237	11	18	5
<b>JUMLAH</b>	29,225	6,328	4,393	187	10,277	1,186	1,132	52
<b>KESELURUHAN</b>	<b>40,133</b>				<b>12,647</b>			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: RANCANGAN KAWASAN KHAS KUALA KUBU BHARU**

12. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Nyatakan status pelaksanaan Rancangan Kawasan Khas Kuala Kubu Bharu.
- b) Nyatakan cadangan-cadangan tindakan dan jumlah peruntukan untuk RKK tersebut bagi tahun 2013, 2014 dan 2015.

**JAWAPAN :**

a) Pelaksanaan projek – projek di bawah Rancangan Kawasan Khas Kuala Kubu Bharu telah memasuki tahun ke empat sejak ianya diwartakan pada 27 Mei 2010 (No. Warta 2010). Projek yang dijalankan adalah seperti yang telah disenaraikan dan diwartakan di dalam Rancangan Kawasan Khas Kuala Kubu Bharu 2015.

b) Projek bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

- 1. Longkang tertutup pusat Bandar Kuala Kubu Bharu
- 2. Pengisahan sejarah

Jumlah peruntukan yang dibekalkan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM 1 juta.

Projek bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

- 1. Program mengecat semula Bandar Kuala Kubu Bharu
- 2. Cadangan pengindahan *monsoon drain*.
- 3. Pembaikan monumen jam
- 4. Cadangan *interlocking pavement* Bandar Kuala Kubu Bharu

Jumlah peruntukan yang dibekalkan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM 750,000

Projek bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

1. Program mengecat semula Bandar Kuala Kubu Bharu
2. Cadangan *interlocking pavement* Bandar Kuala Kubu Bharu
3. Cadangan sambungan laluan pejalan kaki dan laluan basikal Bandar Kuala Kubu Bharu

Jumlah peruntukan akan ditentukan ketika mesyuarat pembentangan bajet Majlis Daerah Hulu Selangor bagi tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: SUNGAI SEPANG BESAR**

13. Dimaklumkan terdapat penduduk yang ingin mengusahakan ternakan sangkar ikan di Sungai Sepang Besar.

Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

a) Adakah Sungai Sepang Besar di bawah bidang kuasa JPS atau Pejabat Tanah?

**JAWAPAN :**

a) Salah satu tanggungjawab utama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor adalah pemeliharaan dan pemuliharaan sungai sungai di negeri Selangor. Di dalam usaha ini pihak jabatan bertanggungjawab sebagai “*caretaker*” sungai. Sebarang aktiviti pengusahaan hendaklah mendapatkan kelulusan oleh Pejabat Tanah dan dirujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk maklumbalas dari segi teknikal. Di dalam hal ini sebarang aktiviti di Sungai Sepang Besar perlu dipohon terus kepada Pejabat Tanah dan Daerah Sepang terlebih dahulu dan diluluskan berdasarkan syarat syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sepang dan agensi lain yang berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Urus Air Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: PERUNTUKAN UNTUK SEKTOR PERTANIAN**

14. Jumlah peruntukan untuk sektor pertanian sebanyak RM17.8 juta di dalam Perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor 2014 bagi sektor sosial.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rasional kerajaan negeri hanya memperuntukkan RM17.8 juta untuk sektor pertanian?
- b) Apakah Key Result Area (KRA), Objektif Strategik dan KPI yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dalam pembangunan pertanian Selangor?
- c) Apakah asas agihan peruntukan kepada petani-petani di Selangor khususnya petani Melayu?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk Program Pembangunan Pertanian di Negeri Selangor, peruntukkan yang telah ditetapkan dan 2014 adalah seperti berikut:

***Jumlah Keseluruhan Peruntukan Pembangunan Jabatan Pertanian Negeri Selangor***

<i>Tahun</i>	<i>Pembangunan (RM)</i>	<i>Mengurus (RM)</i>
<i>2014</i>	<i>10,000,000</i>	<i>19,963,754</i>

Rasional peruntukkan tersebut diagihkan adalah untuk menyokong program-program Jabatan untuk membangunkan petani di Selangor seperti berikut.:

1. Pembangunan Taman Agroteknologi
2. Pembangunan Tanaman Makanan (Buah, Sayur, Padi dan Kelapa)
3. Pembangunan Tanaman Industri (Umbisi dan Nanas)
4. Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan
5. Pembangunan Industri Asas Tani
6. Pembangunan Pusat-pusat Teknologi Pertanian
7. Pengurusan Perosak Bersepadu

8. Memajukan Kompleks Pertanian
9. Pembangunan Agropelancongan
10. Pembangunan Pertanian Bersepadu (Intergrasi Tanaman, Cendawan, Herba dan Lebah)
11. Pembangunan Teknologi Maklumat (Laman Web dan Kaji Selidik Pertanian)
12. Perkhidmatan Pengembangan dan Perundingan (Khidmat Nasihat, Kursus, Seminar)
13. Program Pengurusan Tanah Bermasalah
14. Pembangunan/Pengurusan Tanah Terbiar
15. Pembangunan Kemudahan Kejenteraan dan Logistik Pertanian
16. Penyelidikan dan Perolehan Teknologi Baru Tanaman

b) Terdapat 8 KPI yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dalam pembangunan pertanian Selangor adalah:

1) Meningkatkan Peratus Sara Diri (SSL) Negeri Selangor

KPI untuk meningkatkan SSL bagi tanaman utama daripada 45.87% pada tahun 2013 kepada 46.13% pada 2014

Bil	Komoditi	Penggunaan Per Kapita (kg/orang/tahun)	Penggunaan Penduduk Selangor (tan/tahun)	Pengeluaran Selangor (tan/ tahun)	% Sara Diri Negeri (SSL) 2013	Sasaran % Sara Diri Negeri (SSL) 2014
i.	Beras	79.1	422,825	129,071.4	30.53	30.65
ii.	Buah	93.4	499,265	106,623.0	21.36	21.43
iii.	Sayur	56.2	300,414	83,093.00	27.66	27.96
iv.	Kelapa	18.8	100,494	104,421.60	103.91	104.48
<b>Purata Peratus Sara Diri Negeri</b>					<b>45.87</b>	<b>46.13</b>

\*Penduduk Selangor 2010 adalah seramai 5,345,454

(Sumber: Banci penduduk dan perumahan Malaysia, 2010)

## 2) Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor.

Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 16.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013). Tahun 2014 sebanyak RM1.56 juta diperuntukkan.

Keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada :

- Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin
- Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
- Pembajaan
- Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
- KPI program padi adalah untuk meningkatkan hasil padi kepada purata pengeluaran melebihi 7.5 mt/ha

## 3. Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

- Terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk Program ini Kerajaan Negeri Memperuntukkan RM7,560,000 di bawah RMK10 (Tahun 2011-2015).
- Sasaran pengeluaran pada tahun 2014 adalah sebanyak 28,764 Mtan dengan sasaran nilai pengeluaran sebanyak RM31.4 juta

KPI/ Tahun	Pengeluaran Hasil ( Mtan)			Nilai Pengeluaran Tanaman (RM)		
	Sasaran	Capai	% Capai	Sasaran	Capai	% Capai
2013	28,344	28,161	99.4	30,053,141	30,460,600	101.4
2014	28,764			31,374,314		

## 4. Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan, dan Program Pembangunan Tanaman Industri

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut di bawah RMK10 (Tahun 2011-2015).

Program pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran menumpukan kepada penggunaan teknologi fertigasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

<b>KPI Pengeluaran Sektor Agro Makanan</b>	<b>Capai 2012</b>	<b>Sasaran 2013</b>	<b>Capai 2013</b>	<b>Sasaran 2014</b>
a) Kelapa ('000 mt)	100	90	98	90
b) Buah-Buahan ('000 mt)	106	115	130	135
c) Sayur-Sayuran ('000 mt)	82	47	72	79

5. Menggalakkan dan membimbing petani kearah Pertanian Lestari

Objektif:

- Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani
- Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna .
- Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam
- Mengurangkan kos bahan input kimia dan pada masa yang sama memberi pendapatan sampingan kepada petani terlibat melalui penghasilan produk Natural Farming yang boleh digunakan untuk tanaman sendiri atau dijual.

<b>KPI Pelaksanaan Natural Farming di Kawasan Padi</b>	<b>Capai 2012</b>	<b>Capai 2013</b>	<b>Sasaran 2014</b>
a) Kumpulan Pelaksana (bilangan)	5	15	15
b) Petani yang menghasilkan produk (bilangan)	38	124	124
c) Produk yang dihasilkan (bilangan)	16,250	14,832 (nilai jualan produk RM 543,220.00)	15,000
d) Keluasan kawasan yang menggunakan Produk Natural Farming	-	1,395.2	1,000
e) Petani yang mengamalkan kaedah Natural Farming (orang)	-	831	800



6. Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)

melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan.

MyGAP adalah penjenamaan semula Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM), yang merupakan skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia

<b>KPI Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (Mygap) Dan Skim Organik Malaysia (SOM)</b>	<b>Capai 2012</b>	<b>Capai 2013</b>	<b>Sasaran 2014</b>
a) Penerima sijil MyGAP (bilangan)	92	136	100
b) Penerima sijil SOM (bilangan)	3	3	2

7. Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani

Program ini dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian melalui seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan kearah Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Pensijilan Halal.

<b>KPI Industri Asas Tani</b>	<b>Sasaran 2013</b>	<b>Capai 2013</b>	<b>Sasaran 2014</b>
a) Nilai Pengeluaran (RM juta)	100	119	119

- c) Asas agihan peruntukan kepada petani-petani di Selangor adalah merujuk kepada 16 program-program Jabatan untuk membangunkan petani di Selangor seperti yang telah dinyatakan di atas [perkara (a)]. Permohonan insentif pertanian adalah terbuka kepada semua kaum dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN KENDERAAN RASMI**

15. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan tahunan bagi penyelenggaraan kenderaan rasmi Kerajaan Negeri?
- b) Sila nyatakan butiran lengkap penyelenggaraan kenderaan rasmi Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2013?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan bagi penyelenggaraan kenderaan rasmi jabatan bagi tahun 2014 adalah sebanyak \*RM 1,280,000.00 (26000) yang mana ia merangkumi 81 buah kenderaan yang digunakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN), Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor serta kenderaan gunasama (pool).
- b) Rumusan maklumat penyelenggaraan adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>PERBELANJAAN (RM)</b>
2008	1,823,834.87	1,757,702.70
2009	1,025,408.00	946,495.05
2010	1,137,250.00	959,564.71
2011	990,900.00	942,021.91
2012	1,062,622.00	1,015,652.93
2013	1,325,320.44	1,270,581.00

Senarai penyelenggaraan kenderaan rasmi adalah seperti **Lampiran A**.

\* Peruntukan di bawah kod ini tidak digunakan untuk penyelenggaraan sahaja tetapi termasuk dengan pembelian minyak

**DAFTAR PENYELENGGARAAN HARTA MODAL**

( diisi oleh Pegawai Aset )

**Sub Kategori : KERETA**

**No Siri Pendaftaran**

**: BFQ 7777**

**Jenis : NISSAN X-TRAIL**

**Lokasi**

**: PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR**

(a) Tarikh	(b) Butir-butir kerja	(c) No. Kontrak/Pesanan Kerja dan Tarikh	(d) Nama Syarikat/Jabatan Yang Menyelenggara	(e) Kos (RM)	(f) Nama dan Tandatangan
2/12/2009	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	1066/02/09 11/2/09	TAN CHONG EKSPRES AUTO SERVIS SDN BHD	99.30	
26/3/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060000843 26/3/09	TAN CHONG EKSPRES AUTO SERVIS SDN BHD	158.00	
7/8/2009	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060002501 6/7/09	ZAAN MAJU ENTERPRISE	298.00	
30/9/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060003628 4/9/08	ZAAN MAJU ENTERPRISE	355.00	
29/10/09	SERVIS	L009006004294 26/10/09	NAZORI ENTERPRISE	238.00	
24/12/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060005507 15/12/09	MASSAGA AUTO SERVICES SDN BHD	614.00	

Nota a) **Tarikh pembaikan/penyelenggaraan yang telah dilakukan bagi harta nodal berkenaan**

b) **Butir-butir kerja**

Keterangan mengenai kerja-kerja pembaikan termasuk alat ganti yang dibeli

c) **No. Kontrak/No. Pesanan Rasmi Kerajaan berserta tarikh**

No Rujukan Pesanan Kerajaan/No. Kontrak berserta tarikh

d) **Nama Syarikat/Jabatan yang menyelenggara**

Nama Nama Syarikat atau Jabatan yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan

e) **Kos**

Kos alat ganti atau kos pembaikan atau kedua-duanya sekali

f) **Nama dan Tandatangan**

Pegawai Aset/Pegawai Pengangkutan hendaklah menandatangani bagi mengesahkan butir-butir penyelenggaraan tersebut

**DAFTAR PENYELENGGARAAN HARTA MODAL**

( diisi oleh Pegawai Aset )

Sub Kategori : KERETA

No Siri Pendaftaran

: BFQ 2222

Jenis : NISSAN X-TRAIL

Lokasi

: PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR

(a) Tarikh	(b) Butir-butir kerja	(c) No. Kontrak/Pesanan Kerja dan Tarikh	(d) Nama Syarikat/Jabatan Yang Menyelenggara	(e) Kos (RM)	(f) Nama dan Tandatangan
13/2/09	MENUKAR ALAT GANTI	1065/02/09 11/2/09	TAN CHONG EKSPRES AUTO SDN BHD	99.30	
29/10/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L0090060004119 15/10/09	NAZORI ENTERPRISE	2,814.00	

Nota a) **Tarikh pembaikan/penyelenggaraan yang telah dilakukan bagi harta nodal berkenaan**

b) **Butir-butir kerja**

Keterangan mengenai kerja-kerja pembaikan termasuk alat ganti yang dibeli

c) **No. Kontrak/No. Pesanan Rasmi Kerajaan berserta tarikh**

No Rujukan Pesanan Kerajaan/No. Kontrak berserta tarikh

d) **Nama Syarikat/Jabatan ynag menyelenggara**

Nama Nama Syarikat atau Jabatan yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan

e) **Kos**

Kos alat ganti atau kos pembaikan atau kedua-duanya sekali

f) **Nama dan Tandatangan**

Pegawai Aset/Pegawai Pengangkutan hendaklah menandatangani bagi mengesahkan butir-butir penyelenggaraan tersebut

**DAFTAR PENYELENGGARAAN HARTA MODAL**

( diisi oleh Pegawai Aset )

Sub Kategori : KERETA

No Siri Pendaftaran

: WQR 779

Jenis : LEXUS

Lokasi

: PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR

(a) Tarikh	(b) Butir-butir kerja	(c) No. Kontrak/Pesanan Kerja dan Tarikh	(d) Nama Syarikat/Jabatan Yang Menyelenggara	(e) Kos (RM)	(f) Nama dan Tandatangan
15/4/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060001169 16/4/09	LEXUS MALAYSIA	3,444.95	
7/10/2009	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060002541 7/7/09	LEXUS MALAYSIA	3,450.40	
29/7/09	TUKAR TAYAR	L090060002809 21/7/09	E.D TAYAR & BATERI SDN BHD	4,480.00	
9/2/2009	MENUKAR ALAT GANTI	L090060003436 18/8/09	ZAAN MAJU ENTERPRISE	570.00	
26/8/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060003435 18/8/09	LEXUS MALAYSIA	1,417.60	
30/9/09	ALINGMENT	L090060003686 11/9/09	E.D TAYAR & BATERI SDN BHD	84.00	
24/12/09	ALINGMENT	L090060005515 15/12/09	MASSAGA AUTO SERVICE SDN BHD	139.00	

Nota a) **Tarikh pembaikan/penyelenggaraan yang telah dilakukan bagi harta nodal berkenaan**

b) **Butir-butir kerja**

Keterangan mengenai kerja-kerja pembaikan termasuk alat ganti yang dibeli

c) **No. Kontrak/No. Pesanan Rasmi Kerajaan berserta tarikh**

No Rujukan Pesanan Kerajaan/No. Kontrak berserta tarikh

d) **Nama Syarikat/Jabatan yang menyelenggara**

Nama Nama Syarikat atau Jabatan yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan

e) **Kos**

Kos alat ganti atau kos pembaikan atau kedua-duanya sekali

f) **Nama dan Tandatangan**

Pegawai Aset/Pegawai Pengangkutan hendaklah menandatangani bagi mengesahkan butir-butir penyelenggaraan tersebut

**DAFTAR PENYELENGGARAAN HARTA MODAL**

( diisi oleh Pegawai Aset )

**Sub Kategori : KERETA**  
**Jenis : NISSAN X-TRAIL**

**No Siri Pendaftaran : BFH 888**  
**Lokasi : PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR**

(a) Tarikh	(b) Butir-butir kerja	(c) No. Kontrak/Pesanan Kerja dan Tarikh	(d) Nama Syarikat/Jabatan Yang Menyelenggara	(e) Kos (RM)	(f) Nama dan Tandatangan
18/8/09	MENUKAR BATERI	L090060003274 10/8/09	E.D TAYAR DAN BATERI SDN BHD	383.00	
26/08/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060003526 25/08/09	SYKT PERKHIDMATAN SYAHJAYA	1,969.00	
15/12/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	L090060004612 6/11/09	SYKT PERKHIDMATAN SYAHJAYA	1,468.00	
24/12/09	MENUKAR ALAT GANTI	L090060005508 15/12/09	MASSAGA AUTO SERVICE SDN BHD	1,975.00	

- Nota
- Tarikh pembaikan/penyelenggaraan yang telah dilakukan bagi harta nodal berkenaan**
  - Butir-butir kerja**  
Keterangan mengenai kerja-kerja pembaikan termasuk alat ganti yang dibeli
  - No. Kontrak/No. Pesanan Rasmi Kerajaan berserta tarikh**  
No Rujukan Pesanan Kerajaan/No. Kontrak berserta tarikh
  - Nama Syarikat/Jabatan yang menyelenggara**  
Nama Nama Syarikat atau Jabatan yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan
  - Kos**  
Kos alat ganti atau kos pembaikan atau kedua-duanya sekali
  - Nama dan Tandatangan**  
Pegawai Aset/Pegawai Pengangkutan hendaklah menandatangani bagi mengesahkan butir-butir penyelenggaraan tersebut

**DAFTAR PENYELENGGARAAN HARTA MODAL**

( diisi oleh Pegawai Aset )

**Sub Kategori : KERETA**  
**Jenis : PERDANA V6**

**No Siri Pendaftaran : BJA 6666**  
**Lokasi : PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR**

(a) Tarikh	(b) Butir-butir kerja	(c) No. Kontrak/Pesanan Kerja dan Tarikh	(d) Nama Syarikat/Jabatan Yang Menyelenggara	(e) Kos (RM)	(f) Nama dan Tandatangan
17/2/09	SERVIS DAN MENUKAR ALAT GANTI	I064/02/09 11/2/09	PEKAN JATI ENTERPRISE	9,695.00	
3/6/2009	MENUKAR ALAT GANTI	1112/02/09 25/2/09	PEKAN JATI ENTERPRISE	1,318.00	
3	MDHS-C3	PERSIMPANGAN JALAN KUBU DGN JALAN PAHANG, 44000 KUALA KUBU BAHRU SELANGOR
4	MDHS-C4	BERTENTANGAN AGRO BANK, JALAN KAMARUDDIN, 44000 KUALA KUBU BAHRU, SELANGOR
5	MDHS-C5	BERTENTANGAN STESEN BAS KKB, JALAN RASATHURAI, 44000 KUALA KUBU BAHRU, SELANGOR

6	MDHS-C6	SIMPANG KE SEKOLAH KEBANGSAAN KKB DGN JALAN JUTA UTAMA, 44000 KUALA KUBU BAHRU, SELANGOR
7	MDHS-C7	PERSIMPANGAN JALAN PADANG TEMBAK DGN JALAN SURAU, 44000 KUALA KUBU BAHRU, SELANGOR
8	MDHS-C8	PERSIMPANGAN JALAN AMPANG PECHAH DGN JALAN KAMPUNG SUNGAI DAMAR, 44000 KUALA KUBU BAHRU, SELANGOR

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jenis dan projek pelaburan yang di laksana oleh PNSB dan anak syarikat di bawahnya?
- b) Nyatakan perolehan dan keuntungan bersih PNSB dan anak syarikat pada tahun 2008 hingga 2013?

**JAWAPAN:**

- a) Semenjak dari tahun 2008, PNSB hanya menjalankan aktiviti projek pembangunan yang sedia ada. Selain dari itu pihak PNSB turut terlibat dalam proses pembelian tanah seluas 1,312.89 ekar di Bestari Jaya dan tanah seluas 1,275.92 ekar di Bukit Beruntung daripada Talam Corporation Berhad melalui Menteri Besar Incorporated (MBI) bagi tujuan penyelesaian hutang syarikat – syarikat yang berkaitan Talam Corporation Berhad.

PNSB turut terlibat dalam membantu Kerajaan Negeri dengan kerja membaikpulih projek terbengkalai di Alam Perdana, Mukim Ijok seluas 1,077 ekar pada Oktober 2011, Di mana PNSB telah melibatkan kos perbelanjaan berjumlah RM200 juta wang syarikat kepada MBI.

b)

Tahun	2008 (Beraudit) RM	2009 (Beraudit) RM	2010 (Beraudit) RM	2011 (Beraudit) RM	2012 (Beraudit) RM	2013 (Belum Beraudit) RM
Perolehan	39,891,020	34,878,158	34,125,590	66,379,792	78,199,146	98,892,312
Lain-Lain Perolehan	15,936,576	7,472,953	24,375,982	21,718,002	5,548,715	24,951,362
Keuntungan / (Kerugian) Selepas Cukai	(15,618,085)	8,016,448	23,392,659	28,385,881	9,265,033	43,330,271

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK : BANGUNAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT BANTING**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap struktur bangunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Banting, yang kini menduduki di atas sebidang tanah persendirian?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Banting terletak di atas tanah kerajaan di Lot 205 & Lot 216 seluas 10834 mp yang telah diluluskan oleh PBN dan dikeluarkan Notis 5A pada Oktober 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk SMUE dari tahun 2008 hingga 2013?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi kelewatan pemberian baki sumbangan RM1,500-00 di mana ada pemohon masih belum dapat menerimanya selepas 7 bulan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk SMUE dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah RM</b>
2008	867,000.00
2009	19,764,000.00
2010	21,515,500.00
2011	20,700,500.00
2012	24,725,500.00
2013	21,648,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>109,220,500.00</b>

Sumber: Portal Skim Mesra Usia Emas

- b) Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan pembayaran SMUE – Fasa II kepada penama dibuat di dalam tempoh yang ditetapkan akan melaksanakan beberapa penambahbaikan seperti berikut:-

- i. **Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II**

Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II oleh Pejabat Daerah dan Tanah hendaklah diadakan dengan lebih kerap bagi memastikan bayaran SMUE – Fasa II dapat diserahkan dengan lebih cepat. Kekerapan penganjuran Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II oleh Pejabat Daerah dan Tanah adalah seperti berikut:-

<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan Minimum Majlis</b>	<b>Pejabat Daerah Dan Tanah</b>
-----------------	---	-------------------------------------



Kecil	2 Kali Sebulan	Kuala Selangor, Sabak Bernam, Hulu Selangor, Sepang dan Kuala Langat
Besar	3 Kali Sebulan	Petaling, Gombak, Hulu Langat dan Klang

ii. **Penetapan tarikh Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II**

Pejabat Daerah dan Tanah hendaklah menyediakan Takwim Tahunan bagi Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II dan mengedarkannya kepada semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pusat Khidmat Masyarakat DUN. Penetapan tarikh Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II hendaklah dipatuhi oleh Ahli Dewan Negeri Selangor, Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pusat Khidmat Masyarakat DUN.

Sekiranya terdapat Pusat Khidmat Masyarakat DUN yang tidak dapat menguruskan Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II pada tarikh yang ditetapkan, pengurusan Majlis perlu atau boleh dilaksanakan oleh Pusat Khidmat Masyarakat DUN yang lain dan penyerahan akan dilaksanakan oleh Ahli Dewan Negeri yang berkenaan. Sekiranya Y.B. Ahli Dewan Negeri tidak dapat menghadiri Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II pada tarikh yang ditetapkan, ianya boleh disempurnakan oleh Tuan Pegawai Daerah atau Ketua Penolong Pegawai Daerah atau Penolong Pegawai Daerah mengikut daerah yang berkenaan.

iii. **Surat Panggilan Majlis Penyampaian Sumbangan SMUE – Fasa II**

Pejabat Daerah dan Tanah adalah dikehendaki menghantar surat secara terus kepada penerima bayaran dengan salinan kepada Pusat Khidmat Masyarakat DUN. Sekiranya penerima tidak hadir pada majlis tersebut, satu surat peringatan (surat peringatan pertama) hendaklah dihantar kepada penerima dengan memaklumkan beliau hendaklah hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan dalam masa 21 hari dari tarikh majlis untuk mengambil sumbangan. Seterusnya, surat peringatan kedua hendaklah dihantar kepada penerima sekiranya beliau masih belum hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah untuk mengambil sumbangan dengan pemakluman untuk hadir dalam masa 14 hari dari tarikh surat. Surat-surat ini akan dijadikan dokumen sokongan sekiranya nama penerima dikeluarkan dari senarai penerima di sistem Skim Mesra Usia Emas.

iv. **Tempoh tuntutan Bayaran SMUE – Fasa II**

Dasar sedia ada menetapkan nama penama akan dikeluarkan daripada senarai penerima SMUE - Fasa II sekiranya penama tidak hadir pada majlis penyampaian dan juga tidak menuntut wang dalam tempoh enam (6) bulan dan usaha/tindakan telah diambil untuk menghubungi penama. Pejabat Daerah dan Tanah hendaklah mengemukakan maklumat berserta dokumen lengkap kepada Yayasan Warisan Anak Selangor dalam tempoh tujuh (7) hari selepas genapnya tempoh enam (6) bulan tersebut untuk tujuan pengemaskinian maklumat di sistem Skim Mesra Usia Emas.

v. **Laporan Tunggakan Penghantaran Dokumen Rekupan SMUE**

Pusat Khidmat Masyarakat DUN adalah dikehendaki menyediakan Laporan Tunggakan Penghantaran Dokumen Rekupan SMUE pada setiap bulan. Laporan Tunggakan Penghantaran Dokumen Rekupan SMUE yang telah disahkan oleh Ahli Dewan Negeri / Pegawai Penyelaras hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan selewat-lewatnya pada 10 haribulan bulan berikutnya. Laporan tersebut juga boleh dihantar secara e-mel kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan.

vi. **Penyerahan Dokumen Pembayaran SMUE – Fasa I**

Pusat Khidmat Masyarakat DUN Selangor adalah dikehendaki mengemukakan dokumen pembayaran SMUE - Fasa I kepada Pejabat Daerah dan Tanah dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran SMUE - Fasa I bagi memastikan pembayaran SMUE - Fasa II kepada penama dapat dilaksanakan.

vii. **Pembersihan Data SMUE**

Pejabat Daerah dan Tanah adalah dikehendaki melaksanakan pembersihan data ke atas data-data yang wujud di dalam sistem Skim Mesra Usia Emas. Maklumat yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Yayasan Warisan Anak Selangor berkenaan kesilapan bayaran, kesilapan rekod, ahli tidak layak SMUE - Fasa II, bayaran SMUE - Fasa I kepada ahli tak layak dan pengguguran dari senarai penerima bayaran SMUE - Fasa II kepada waris yang gagal dihubungi selepas tempoh enam (6) bulan. Ini adalah penting agar data-data di sistem Skim Mesra Usia Emas akan dapat menggambarkan kedudukan sebenar pelaksanaan SMUE.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : SISTEM PENKALAN DATA**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tahap kesediaan Sistem Pangkalan Data yang dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan di setiap daerah melalui Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor ? Adakah sistem ini telah siap untuk diguna pakai ?

**JAWAPAN:**

- a) Land Bank Library System (LBLS) merupakan pangkalan data di mana dokumen urus niaga dan bukan urus niaga telah diimbas. Imej ini kemudiannya digunakan untuk urusan kaunter bagi salinan sah dokumen.

Projek ini masih di peringkat Fasa 1 dimana hanya dokumen di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) sahaja telah diimbas seperti maklumat berikut :

Hakmilik Landed : Tahun 2004 hingga 2010 **(1.7 Juta perserahan)**

Hakmilik Strata : Tahun 2007 hingga 2010 **(200,000 perserahan)**

Bagi tahun 2013, PTGS telah menambah baik LBLS dengan membangunkan modul laporan dan peningkatan dari segi keselamatan sistem sedia ada. Disamping itu Sistem Carian dokumen LBLS telah dibangunkan bagi memudahkan carian dokumen fizikal di Stadium Shah Alam.

Sehingga kini, LBLS digunakan di PTGS kerana dokumen berkenaan adalah hakmilik PTGS (HSD).

Fasa 2 LBLS masih di peringkat kajian dan melibatkan dokumen urusniaga dan bukan urusniaga berikut :

Hakmilik Landed : i. Tahun 2003 dan kebawah

ii. Tahun 2011 dan ke atas

Anggaran dokumen : **20 juta helaian**

Hakmilik Strata : i. Tahun 2006 dan kebawah

ii. Tahun 2011 dan keatas.

Anggaran dokumen : **3.5 juta helaian**

Bagi tahun 2014, PTGS sedang dalam proses kajian perluasan ke Pejabat Tanah/ Daerah meliputi jumlah dokumen setiap Daerah, peralatan-peralatan yang diperlukan dan tempat simpanan dokumen yang bersesuaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PERUNTUKAN KEPADA AHLI-AHLI MAJLIS MBPJ**

42. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jumlah peruntukan yang diberi setahun kepada setiap Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) setiap tahun sejak 2008 dan sila berikan senarai kegunaan peruntukan tersebut setiap tahun sejak 2008.

**JAWAPAN :**

- a) Jawapan seperti di lampiran.

BIL.	KEMUDAHAN	PERUNTUKAN	2008	2009	2010	2011	2012	2013
			RM					
1.	Kot dan Seluar	Dua tahun sekali-telah ukur	21,600		21,600			43200
2.	RawatanPerubatan	Buku perubatan bagi klinik panel	RM 2000 setahun -termasuk tanggungan, -cermin mata (RM800.00) -rawatan pergigian (RM600.00)  Klinik MBPJ (tiada had)					
		Insuran Nyawa (CIMB AVIVA)	Insurans kemalangan diri dan berkelompok -Keilatan kekal menyeluruh / kematian (RM30,000) -Keilatan kekal sementara (RM300 seminggu) -Keilatan separa sementara (RM150 seminggu) -Khairat kematian(RM50,000)					
		Manfaat kemasukan hospital Perubatan	Kemasukan hospital danpembedahan – Medilink RM30,000.00 setahun					

3.	Elaun Telefon	Bil telefon bimbit –RM200 sebulan (bagi yang adapejabat) dan RM250 (bagi yang tiadapejabat)	-	-	39,430	43,866	29,137	36,570
		Bil telefon pejabat-RM100.00 (dibayar oleh Majlis)	7,639	41,203	29,869	21,119	24,0934	21,897
		Streamyx – RM148.00 (dibayar oleh Majlis)	31,968	31,968	31,968	31,968	31,968	31,968
4.	Elaun Perjalanan (Tuntutan 25km keatas)	Menggunakan <u>kenderaan sendiri</u> bagi tujuan menghadiri kursus/lawatan dan mesyuarat	134,357	171,407	214,195.50	431,091.01	404,751.16	233,170.80
5.	Komputer Riba/ Galaxy Tab	Dua tahun sekali (RM 3500.00)	-	-	-	-	44,946	37,781





**KURSUS / LAWATAN KE LUAR NEGARA SEPANJANG TAHUN 2008**

<b>BIL</b>	<b>ANGGOTA</b>	<b>DESTINASI</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>TAHUN</b>
1	1 Orang Ahli Majlis	New delhi, India	Jemputan Mesyuarat, Seminar di Institute Sosial Sciences Kolkata dan Lawatan Ke Pejabat Mayor .	10 – 16 Dis 2008

**KURSUS / LAWATAN KE LUAR NEGARA SEPANJANG TAHUN 2009**

<b>BIL</b>	<b>ANGGOTA</b>	<b>DESTINASI</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>TAHUN</b>
1	13 Orang Ahli Majlis	Singapura	Lawatan Teknikal Ahli Majlis Dan Ketua-Ketua Jabatan.	10 - 12 Mei 2009
2	1 Orang Ahli Majlis	Praque, Czech Republic	Persidangan The Bell Association For Freedom & Democracy – Security Challenges Of Western Civilization	15 - 16 Mei 2009

**KURSUS / LAWATAN KE LUAR NEGARA SEPANJANG TAHUN 2010**

<b>BIL</b>	<b>ANGGOTA</b>	<b>DESTINASI</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>TAHUN</b>
1	1 Orang Ahli Majlis	Bali, Indonesia	Forum Advancing Democratic Governance In Asia Challenges And Way Forward.	07 - 10 Dis 2010

**KURSUS / LAWATAN KE LUAR NEGARA SEPANJANG TAHUN 2011**

<b>BIL</b>	<b>ANGGOTA</b>	<b>DESTINASI</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>TAHUN</b>
1	1 Orang Ahli Majlis	Guangzhou	Lawatan Badan Warisan Malaysia Ke Singapura .	06 - 08 Mei 2011
3	1 Orang Ahli Majlis	Taipei & Kaohsiung, Taiwan	3rd World Class Sustainable Cities : Pre-Conference Tour Taipei & Kaohsiung, Taiwan.	20 – 25 Mei 2011
4	1 Orang Ahli Majlis	Barcelona, Spain.	World Justice Forum III.	20 – 23 Jun 2011

**KURSUS / LAWATAN KE LUAR NEGARA SEPANJANG TAHUN 2012**

<b>BIL</b>	<b>ANGGOTA</b>	<b>DESTINASI</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>TAHUN</b>
1	2 Orang Ahli Majlis	Jaipur, India	Mendapat maklumat mengenai pembangunan mampan dan juga pelaburan dalam sektor tenaga solar.	5-10 Januari 2012
2	1 Orang Ahli Majlis	Rio De Janerio, Brazil	Selaras dengan inisiatif PJ Bandaraya hujan berkarbon rendah.	13-22 Jun 2012
3	4 Orang Ahli Majlis	Bandung Indonesia	The International Citywalk Festival 2012	28 – 30 Sep 2012
4	4 Orang Ahli Majlis	Bangkok, Thailand	Asian Forum on Corporate Social Responsibility.	25-26 Oktober 2012
5	4 Orang Ahli Majlis	Guangzhou, China	Guangzhou Fair 2012 Selangor Meet China	23 – 28 Ogos 2012
6	1 Orang Ahli Majlis	Brazil	ICLEI Local Governments For Sustainability World Congress 2012.	13 – 22 Jun 2012

**KURSUS / LAWATAN KE LUAR NEGARA SEPANJANG TAHUN 2013**

<b>BIL</b>	<b>ANGGOTA</b>	<b>DESTINASI</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>TAHUN</b>
1	6 Orang Ahli Majlis	Grand Hyatt, Bali Indonesia	Asian Forum On Corporate Sosial Responsibility	23 – 24 Sept 2013
2	1 Orang Ahli Majlis	The Hague, Netherlands	World Justice Forum IV	7 – 12 Julai
3	1 Orang Ahli Majlis	Suwan, Korea Selatan	Ecomobility World Festival	31 Ogos - 6 Sept 2013
4	1 Orang Ahli Majlis	Barcelona, Spain	Lawatan teknikal, Kursus & Program Antarabangsa	19 – 21 Nov 2013
5	2 Orang Ahli Majlis	Hong Kong, China	Lawatan teknikal, Kursus & Program Antarabangsa	24 – 26 Nov 2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) YAYASAN SELANGOR**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Yayasan Selangor bercadang membina sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bagi menggantikan tapak asrama Kampung Pandan. Apakah perancangan Yayasan Selangor terhadap cadangan tersebut ?
- b) Bilakah pelaksanaan projek gantian SBP tersebut akan dilakukan ?
- c) Apakah prosedur dan proses untuk menubuhkan sebuah SBP?

**JAWAPAN :**

a) b) dan c)

Prosedur dan proses untuk menubuhkan SBP tertakluk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : GERAKAN SYIAH**

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan sejarah, perkembangan dan status semasa gerakan Syiah di Selangor?
  - b) Apakah fatwa negeri yang pernah dikeluarkan?
  - c) Sejauh manakah ajaran ini mengancam masyarakat?

**JAWAPAN :**

- a) Sejarah gerakan Syiah di Negeri Selangor berkait rapat dengan tiga (3) kumpulan Syiah yang telah lama wujud khususnya di negeri ini. Tiga kumpulan tersebut iaitu:

i. **SYIAH TAIYIBA BOHRA (DAWOOD BOHRA)**

Kumpulan ini berasal dari India dan di Malaysia ia dikenali dengan golongan yang memiliki Kedai Bombay. mereka masih bergerak aktif menggunakan nama "**Persatuan Dawoodi Bohra Muslim Selangor**", di alamat, **Taieyebi Park, Pusat Kebudayaan 1467 Lorong Pokok Sakat 1, Off Jln Dato' Dollah, 41100 Klang**. Kumpulan yang berpusat di daerah Klang ini juga mempunyai tanah perkuburan dan madrasahnyanya sendiri. Anggaran pengikutnya adalah seramai 200 hingga 400 orang.

ii. **SYIAH ISMAILIAH AGHA KHAN**

Kumpulan yang dikenali dengan nama Kedai Peerbhai ini bergerak di sekitar Lembah Klang. Mereka juga tidak bergerak aktif dan jumlah pengikut tidak diketahui tetapi bilangannya lebih kecil dari kelompok Bohra.

iii. **SYIAH JA'FARIYAH @ IMAMIAH ITHNA ASSAYARIYYAH. (IMAM DUA BELAS)**

Kumpulan Syiah ini dipercayai mula bertapak di Malaysia selepas kejayaan Revolusi Iran tahun 1979. Pengaruh ajaran dan fahaman ini menular ke Negara ini melalui bahan-bahan bacaan dan orang perseorangan samaada yang berkunjung ke Iran atau yang datang dari Iran.

Anggaran Pengikut yang aktif sebanyak 200-300 orang di Selangor.

- b) Fahaman Syiah telah difatwa bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan diwartakan pada tahun 1998.

Sighah fatwa tersebut telah dipinda dan diwartakan pada 17 Oktober 2013 agar dapat menyekat pengembangannya sehingga ke akar umbi serta membawa mereka yang berfahaman Syiah kembali dengan menghayati arus perdana ajaran Islam.

- c) Setelah difatwakan pada tahun 1998, gerakan syiah bergerak secara senyap dan diamalkan secara individu. Namun sejak tahun 2009 sehingga kini, JAIS telah menerima aduan bahawa kumpulan ini telah menyebarkan fahaman syiah kepada masyarakat Islam sekitar Gombak khususnya secara terbuka. Selain itu juga, mereka mempunyai markaz utama untuk berkumpul dan mengamalkan fahaman syiah secara berjamaah.

Antara gejala-gejala yang timbul akibat dari ajaran Syiah ini ialah :

- i. Wujudnya kes kahwin Mut'ah
- ii. Meluasnya penyebaran buku-buku Syiah di masjid dan surau di negeri Selangor, laman-laman web dan sebagainya secara meluas.
- iii. Wujudnya sokongan dan golongan tertentu kepada pengaruh Syiah.
- iv. Wujudnya kesamaran dan keraguan orang ramai terhadap ajaran dan pegangan Islam yang sebenar, contohnya dalam aspek perkahwinan, pengkebumian dan sebagainya.
- v. Wujudnya ketidakharmonian di kalangan Masyarakat Islam.

Sanario ini jika dibiarkan tanpa ada sekatan dan kekangan daripada semua pihak, maka ia akan memberi ancaman terhadap akidah dan perpaduan umat Islam di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : TEMPAT LETAK KENDERAAN BERAT KOTA DAMANSARA**

45. Kenderaan berat sewenang-wenangnya di parkir yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya yang lain.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan susulan ke atas mereka yang dikenakan kompaun tetapi masih melakukan kesalahan yang sama?
- b) Berapa kerapkah rondaan dan pemantauan yang dilakukan oleh pihak berkuasa?

**JAWAPAN:**

- a) Tindakan kompaun terhadap kenderaan berat telah diambil oleh pihak Majlis di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (MBPJ) 2007 dan Undang-undang Kecil Taman (MBPJ) 2007. Tindakan susulan yang dilaksanakan ialah dengan menghantar senarai kenderaan berat yang dikompaun kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Sepanjang tahun 2013 dan 2014, sebanyak 3 surat telah dihantar kepada pihak SPAD yang melibatkan sebanyak 7 buah kenderaan.
- b) Rondaan dan pemantauan telah dijalankan berdasarkan kepada lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti berlakunya masalah perletakkan kenderaan berat yang boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: BADAN BERTINDAK TANAH ORANG ASAL SELANGOR (BBTOAS)**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah matlamat, fungsi dan terma rujukan badan bertindak BBTOAS?
- b) Apakah program-program yang telah dilaksanakan dan jumlah peruntukan diberi?
- c) Apakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PKNS MENAJA MAJLIS MAKAN PERKAHWINAN ANGKASAWAN  
NEGARA**

47. Merujuk perbahasan Belanjawan 2011.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah benar PKNS menaja jamuan makan astronaut berjumlah RM520,000 sempena perkahwinan Syeikh Muzaffar pada 8 Oktober 2010?
- b) Jika benar, apakah kaitannya dengan perniagaan PKNS?
- c) Apakah benar PKNS membayar RM400,000 untuk membawa astronaut luar ke majlis tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Tidak benar, majlis yang diadakan adalah majlis makan malam yang bertujuan untuk meraikan Memorandum Perjanjian Persefahaman (MOU) yang telah dimeterai oleh PKNS dan Advances Science Education Asia Sdn Bhd bagi menubuhkan *International Aerospace and Science Discovery Centre* di Taman Selangor Sains 2 (SSP2). Sehubungan itu, PKNS telah mendapat *international PR mileage* dengan meraikan lebih 70 angkasawan dari serata dunia. Majlis makan malam itu diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) bangunan milik penuh PKNS.
- b) Merujuk kepada jawapan pertama seperti di atas dakwaan adalah tidak benar.
- c) Tidak benar kos yang dibiayai oleh PKNS hanya berjumlah RM250,000 sahaja sementara bakinya iaitu RM150,000 dibiayai sepenuhnya melalui penajaan bersama seperti Bank Muamalat, Sunway City Bhd dan Dijaya Corporation Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PERTANIAN**

48. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Pendekatan apakah yang diambil oleh YB EXCO Pertanian yang baru bagi meningkatkan lagi taraf kehidupan petani dan nelayan khususnya di Negeri Selangor?
- b) Adakah bantuan pertanian selama ini diberikan kepada petani dari kaum asal?
- c) Jika ada apa jenis bantuan kah yang telah disalurkan kepada mereka?

**JAWAPAN :**

- a) Pendekatan yang diambil bagi meningkatkan taraf hidup petani di Negeri Selangor adalah:
  - 1) Memastikan pengeluaran hasil padi yang tinggi dan berterusan melalui Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor. Untuk program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 16.7 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor (2009-2013). Tahun 2014, sebanyak RM1.56 juta telah peruntukkan untuk program ini.
  - 2) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan.
  - 3) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa) , dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi)
  - 4) Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman.
  - 5) Membangunkan kumpulan sasaran melalui Program Pembangunan Sumber Manusia di mana aktiviti-aktiviti latihan, seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasaran.

- b) Projek-projek pembangunan berasaskan pertanian kepada masyarakat Orang Asal bagi meningkatkan lagi ekonomi dan taraf hidup Orang Asal adalah di bawah fungsi dan tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Namun begitu Jabatan Pertanian sedia bekerjasama dalam memberi khidmat nasihat kepada projek-projek pertanian yang dilaksanakan oleh orang asal.
- c) Terdapat 1 projek Industri Asas Tani di bawah Jabatan Pertanian yang melibatkan kaum asal iaitu Projek Kraf Orang Asal Sg Bumbun Pulau (Tompok Topoh). Kumpulan Kraf ini telah di tubuhkan pada tahun 2001, dengan ahli seramai 6 orang .Produk yang di keluarkan adalah kraf anyaman mengkuang. Produk di pasarkan melalui kraf Malaysia.

Bantuan yang pernah di salurkan oleh Jabatan pertanian

Pada Tahun 2006 :- Bengkel kraf dan Peralatan RM 25,000

Pada Tahun 2008 :- Peralatan RM 10,000

Sehingga kini projek ini masih mendapat khidmat nasihat dan dipantau oleh Jabatan Pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: MASALAH TANAH BAGAN SEKINCHAN**

49. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses permohonan tanah lorong 6 - 12 yang telah diluluskan oleh MMKN pada tahun 2011?
- b) Sila nyatakan berapakah masa yang diperlukan bagi menyelesaikan kesemua masalah teknikal yang berbangkit?
- c) Sila nyatakan apakah kelewatan ini mematuhi SOP yang ditetapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Pembatalan Warta Kerajaan di kawasan Bagan Sekinchan, Pekan Sekinchan Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 77 ekar telah diluluskan oleh MMKN pada 4 April 2011. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengemukakan Permintaan Ukur ke Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) untuk tindakan pengeluaran pelan warta pada 23 November 2011. Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah mengemukakan Permohonan Pelan Akui kepada JUPEM. Pada 26 Jun 2013, JUPEM telah mengemukakan sesalinan draf warta pembatalan sebahagian kawasan Simpanan Melayu Tanjung Karang dan penggantian kawasan Simpanan Melayu di Sungai Tengar Utara, Mukim Sabak untuk persetujuan PDTSB. Pada 5 Julai 2013, PDTSB telah bersetuju ke atas draf warta tersebut.
- b) Pengeluaran Pelan Akui adalah mengikuti tatacara dan SOP yang ditetapkan oleh JUPEM.
- c) Proses pengeluaran Pelan Akui adalah mengikuti tatacara dan SOP yang ditetapkan oleh JUPEM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: RUMAH SESAK**

50. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :
- a) Apakah peruntukan yang sedia ada untuk menangani masalah rumah sesak, terutamanya pelajar dan warga asing?
  - b) Butirkan statistik aduan dan penguatkuasaan bagi setiap PBT bagi tahun 2008-2014.

**JAWAPAN :**

- a) Beberapa peruntukan sedia ada boleh digunakan bagi menangani masalah rumah sesak yang melibatkan pelajar dan warga asing. Antaranya seperti di **Lampiran 1.**
- b) Statistik aduan dan penguatkuasaan bagi setiap PBT bagi tahun 2008 – 2014 seperti di **Lampiran 2.**

## Lampiran 1

- i. Peruntukan bagi rumah sesak terkandung di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang menyatakan perkara seperti berikut:

**Seksyen 78 : Rumah yang diduduki dengan penuh sesak.**

*'Seseorang yang membenarkan sesebuah rumah diduduki dengan sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bencana atau bahaya kepada kesihatan penduduk-penduduknya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi dua ribu ringgit (RM2000.00)** atau **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan(6 bulan)** atau **kedua-duanya** dan didenda tambahan tidak melebihi satu ratus ringgit (**RM 100.00**) bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.'*

**Seksyen 79 : Bila rumah disifatkan sebagai "penuh sesak"**

*'Bagi maksud Akta ini, sesebuah rumah hendaklah disifatkan sebagai sebegitu penuh sesak hingga mendatangkan bahaya atau mudarat kepada kesihatan penduduk-penduduknya jika rumah itu atau mana-mana bilik di dalamnya didapati diduduki lebih daripada kadar seorang dewasa bagi tiap-tiap **tiga ratus lima puluh kaki padu (350 kaki<sup>3</sup>)** luang dalam bersih dan dalam pengiraan itu tiap-tiap orang berumur lebih daripada sepuluh tahun hendaklah disifatkan sebagai seorang dewasa dan dua orang kanak-kanak berumur tidak lebih daripada sepuluh tahun hendaklah dikira sebagai seorang dewasa.'*

- ii. Kertas Mesyuarat (Penentuan Bilangan Kapasiti Penyewa Dan Kaedah Pengawalan Bangunan Penuh Sesak Bagi Perumahan Bertingkat Di Negeri Selangor) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 14 November 2007 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 5hb Disember 2007 telah bersetuju menetap perkara berikut :  
*"Maksimum seramai enam (6) orang penghuni bujang atau dua (2) pasangan kelamin yang tidak melebihi 6 orang (termasuk anak) sahaja dibenarkan menyewa sesuatu unit rumah khususnya Rumah Kos Rendah yang mengandungi 3 bilik. Penetapan ini hanya terpakai untuk pekerja/pelajar warga asing sahaja. Walau bagaimanapun ianya tidak terpakai buat warga tempatan dan pelajar IPTA/IPTS tempatan."*

Lampiran 2

**Statistik Aduan Dan Penguatkuasaan Rumah Sesak Bagi Setiap PBT Bagi Tahun  
2008-2014**

Bil.	PBT	Tahun						
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
1.	MBSA	5	0	2	7	6	10	0
2.	MPSJ	11	5	0	1	2	4	3
3.	MPS	0	0	0	1	1	1	0
4.	MPAJ	0	0	0	0	0	3	0
5.	MDKL	0	0	0	1	3	1	0
6.	MBPJ	Tiada Rekod Aduan Diterima						
7.	MPKj	Tiada Rekod Aduan Diterima						
8.	MPK	Tiada Rekod Aduan Diterima						
9.	MPSp	Tiada Rekod Aduan Diterima						
10.	MDKS	Tiada Rekod Aduan Diterima						
11.	MDSB	Tiada Rekod Aduan Diterima						
12.	MDHS	Tiada Rekod Aduan Diterima						
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>10</b>	<b>12</b>	<b>19</b>	<b>3</b>

*\*\*Sumber: Semua PBT*



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : BALAI RAYA TERBIAR DI TANJUNG KERAMAT KUALA SELANGOR**

51. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Kenapa ianya terus terbiar dan mengalami kerosakan dan kecacatan?
- b) Sedarkah Kerajaan Negeri ianya telah menjejaskan imej di mata pelancong ke Makam Anak Dara dan Hotel De Palma?
- c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Premis adalah di bawah pentadbiran Kg Permatang yang terletak jauh daripada balairaya tersebut.

D dibaikpulih oleh Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor pada tahun 2010 dan 2011 melibatkan penyelenggaraan bangunan, tandas, pembersihan kawasan dan pagar.

Diserahkan untuk penggunaan Persatuan Belia Tanjung Keramat tetapi persatuan tersebut telah tidak aktif selepas beberapa ketika.

Memandangkan kedudukan jauh daripada pentadbiran JKKK Kg. Permatang, bangunan telah diceroboh dan dirosakkan (vandalisme) dan sukar untuk dijaga

- b) dan c)

Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor telah berbincang dengan Majlis Daerah Kuala Selangor dan memandangkan premis tersebut terletak di dalam kawasan operasi Majlis Daerah Kuala Selangor, Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor bersetuju untuk menyerahkan pentadbiran premis ini kepada Majlis Daerah Kuala Selangor.

Penyerahan pentadbiran ini bukan sahaja dapat memastikan penggunaan optimum dan penyelenggaraan yang teratur, bahkan dapat meningkatkan imej kawasan pelancongan berdekatan seperti Makam Anak Dara dan Hotel De Palma Inn

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: RUMAH BANTUAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

52. Lembaga Zakat Selangor membiayai rumah bantuan untuk asnaf berdasarkan permohonan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah permohonan dan kelulusan pembinaan mengikut DUN tahun 2010-2013?
- b) Berapakah kos pembinaan dan tempoh masa setiap rumah bantuan?
- c) Senaraikan kontraktor yang membina rumah bantuan dari tahun 2010 – 2013?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah pembinaan rumah mengikut daerah dari tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut:

**JUMLAH PEMBINAAN RUMAH MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2010  
HINGGA 2013**

DAERAH	BILANGAN PENERIMA			
	2010	2011	2012	*2013
Sabak Bernam	28	41	44	76
Kuala Selangor	32	24	81	83
Hulu Selangor	4	4	22	27
Klang	3	17	49	48
Petaling	2	2	10	11
Kuala Langat	16	27	47	25
Hulu Langat	4	4	17	20
Gombak	4	0	4	3
Sepang	4	5	3	13
Ibu Pejabat	20	103	8	18
<b>JUMLAH</b>	<b>117</b>	<b>227</b>	<b>285</b>	<b>324</b>

*\*Nota: Data tahun 2013 belum diaudit. LZS tidak mempunyai rekod pembinaan rumah mengikut DUN.*

- b) Kos bantuan pembinaan rumah yang disediakan oleh LZS berkuatkuasa pada 1 Januari 2014 adalah seperti berikut:

<b>KATEGORI RUMAH</b>	<b>KOS PEMBINAAN (RM)</b>
Dua bilik	42,000
Tiga bilik	47,000
Empat bilik	67,000

Tempoh masa bagi setiap unit rumah yang dibina adalah selama enam minggu (42) hari untuk bermula selepas surat lantikan dikeluarkan oleh LZS.

- c) Kontraktor yang membina dan membaik pulih rumah bantuan asnaf fakir dan miskin LZS ini merupakan kontraktor yang telah dilantik sebagai panel LZS mengikut daerah. Setiap pelantikan panel adalah melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tender LZS, di mana lantikan bagi kerja-kerja membina dan membaik pulih rumah adalah mengikut proses penggiliran berdasarkan kepada permohonan asnaf di daerah masing-masing. Jumlah kontraktor yang dilantik dari tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut:

#### **BILANGAN KONTRAKTOR YANG DILANTIK DARI TAHUN 2010-2013**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN KONTRAKTOR</b>
2010	114
2011	114
2012	143
2013	143

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : PENSWASTAAN RUMAH MAMPU MILIK**

53. PKNS merancang menswastakan pembinaan 944 unit apartment milik untuk tempoh 2014-2020.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah ada projek dilaksanakan secara penswastaan?
- b) Adakah harga unit-unit ini lebih tinggi berbanding yang dibina oleh PKNS?

**JAWAPAN :**

- a) PKNS tidak melaksanakan pembangunan Rumah Mampu Milik secara langsung dengan mana-mana syarikat swasta. Walau bagaimanapun terdapat 2 syarikat di bawah projek penswastaan PKNS yang membina dan menjual kediaman dengan harga dalam lingkungan harga RM42,000 hingga RM220,000.

Rumah Mampu Milik di bawah projek Syarikat Penswastaan PKNS :-

<b>Lokasi</b>	<b>Syarikat Penswastaan</b>	<b>Bil unit</b>	<b>Jenis Kediaman</b>	<b>Harga Jualan (seunit)</b>
Seksyen U12	Debbin Sdn. Bhd	104	Pangsapuri 6 Tingkat	89,000 (850 kp) 69,000 (750 kp)
	Must Ehsan Sdn. Bhd.	840	Apartment Appartment Type C Apartment (Type D)	42,000 (700 kp) 180,000 (900 kp) 220,000 (1000 kp)
	<b>Jumlah</b>	<b>944 unit</b>		

- b) Harga Jualan adalah selaras dengan Dasar Rumah SelangorKu dan mengikut Jenis kediaman dan Luas binaan.

<b>Jenis Bangunan Kediaman</b>	<b>Luas Binaan (kp)</b>	<b>Harga Jualan (Maksimum)</b>
Rumah SelangorKu Jenis A	700	RM 42,000.00
Rumah SelangorKu Jenis B	750	RM100,000.00
Rumah SelangorKu Jenis C	800	RM150,000.00
	900	RM180,000.00
	18' x 60'	RM200,000.00
Rumah SelangorKu Jenis D	1,000	RM220,000.00
	20' x 60'	RM250,000.00

**PERTANYAAN–PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PROGRAM SPIES**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan program SPIES untuk tahun 2014?
- b) Siapakah kelompok sasaran yang terlibat?
- c) Siapakah tenaga penggerak untuk pelaksanaan program SPIES ini?

**JAWAPAN:**

- a) Perancangan program SPIES untuk tahun 2014 ialah dengan memberi fokus kepada pelaksanaan program seperti berikut :
  - i. Program SPIES D'Village;
  - ii. Program SPIES D'Organisasi;
  - iii. Program SPIES Bina Ehsan Selangor;
  - iv. Briged Amal Selangor;
  - v. Penubuhan Institut SPIES Selangor; dan
  - vi. Pelaksanaan Konvensyen SPIES 2014.
  
- b) Kelompok sasaran yang terlibat adalah :

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>SASARAN</b>
i.	SPIES D'Village (SDV)	Kanak-kanak, Remaja, Belia, Ibulbapa, Pemimpin Masyarakat, tenaga pengajar di surau dan masjid.

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>SASARAN</b>
ii.	SPIES D'Organisasi (SDO)	Kakitangan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan kakitangan anak syarikat Kerajaan Negeri
iii.	SPIES Bina Ehsan Selangor (Senior dan Junior) SPIES Selangorku	Dewasa 25 tahun dan ke atas - Kakitangan kerajaan, Agensi Swasta, Siswa, Belia dan Siswa usia 17-24 tahun
iv.	Briged Amal Selangor	Remaja dan Belia, Siswa
v.	Penubuhan Institut SPIES	Pemimpin, TOT Agen/Duta SPIES, SDV dan SDO, pasaran luar Selangor dan luar negara
vi.	Konvensyen SPIES 2014	Ketua-Ketua Jabatan Kakitangan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Dan Swasta, Penghulu, Ketua Kampong, Ngo, Pemimpin Belia Dan Secretariat SDV dan Sekretariat SDO

c) Tenaga penggerak untuk pelaksanaan program SPIES ini adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TENAGA PENGGERAK</b>
i.	SPIES D'Village (SDV)	Urus setia stanco Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor, Institut SPIES Selangor

BIL	PROGRAM	TENAGA PENGGERAK
		Unisel (ISSU), tenaga pengajar ISSU, konsultan dan Sekretariat SDV
ii.	SPIES D'Organisasi (SDO)	Urus setia stanco Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor, sekretariat SDV dan konsultan
iii.	SPIES Bina Ehsan Selangor (Senior dan Junior)	Konsultan
iv.	Briged Amal Selangor	Konsultan
v.	Penubuhan Institut SPIES	Pentadbir dan Tenaga Pengajar
vi.	Konvensyen SPIES 2014	Urus setia stanco Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK**

55. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Dalam 2014, adakah Dun Sungai Pelek dalam lingkungan pembinaan rumah mampu milik pada masa akan datang?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) pada ketika ini masih lagi mengenalpasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang strategik untuk dibangunkan dengan Projek Perumahan Mampu Milik Selangor.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan khusus bagi penyediaan rumah mampu milik di DUN Sungai Pelek. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri akan membuat kajian/ survei terhadap permintaan rumah mampu milik di DUN Sungai Pelek sebelum pembangunan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)**

56. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila bekalkan statistik jumlah pemanfaat dan perbelanjaan mengikut jenis program MES dari tahun 2008 ke 2013.
- b) Sila bekalkan butiran pemanfaat mengikut daerah dan bangsa untuk setiap program MES.

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah penerima program dan projek Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah berjumlah **1,748,599 orang penerima**. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM1,044,511,142.86** bagi tujuan tersebut bermula dari tahun 2008 hingga 2013. Statistik jumlah penerima manfaat dan perbelanjaan mengikut jenis MES adalah seperti yang dilampirkan dan Kerajaan Negeri juga menyediakan portal khas iaitu [www.mes.selangor.gov.my](http://www.mes.selangor.gov.my) yang mengandungi butiran lengkap seperti yang dikehendaki dan dikemaskini oleh agensi pengendali program mengikut setiap program MES.

LAMPIRAN JAWAPAN (a)

STATUS TERKINI PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES) SEHINGGA 31 DISEMBER 2013				
BIL.	PROGRAM	AGENSI	JUMLAH KESELURUHAN	
			PENERIMA FAEDAH (ORANG)	PERBELANJAAN (RM)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	123,301	10,500,000.00
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	39,356	39,356,000.00
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	45,670	109,220,500
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN	4,444	2,446,694
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M <sup>3</sup> ) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor	1,368,119	774,470,053.41
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	8,786	67,355,500.00
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Pejabat YB Puan Rodziah binti Ismail	512	153,153.45
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	18,545	1,790,320
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	5,732	11,463,200.00
10	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektor, UPEN	3,659	363,000.00
11	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	22,310	15,013,545.00
12	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	91	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	551	368,300.00
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	4,468	1,708,577.00
15	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	30	-
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	-
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1	-
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	103,023	10,302,300
19	Pusat Khidmat Krisis Sehent (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN		
			<b>ROYALTY YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (RM)</b>	
20	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	Pejabat Tanah dan Galian Selangor		64,670,317.12
<b>JUMLAH</b>			<b>1,748,599</b>	<b>1,044,511,142.86</b>

b) Butiran penerima faedah mengikut daerah dan bangsa bagi program MES yang dinyatakan di bawah adalah seperti berikut:

i) Statistik penerima mengikut daerah

STATUS TERKINI PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES) MENGIKUT DAERAH											
BIL.	PROGRAM	DAERAH									JUMLAH KESELURUHAN
		Sabak Bernam	Hulu Selangor	Kuala Selangor	Hulu Langat	Kuala Langat	Sepang	Gombak	Petaling	Klang	PENERIMA FAEDAH (ORANG)
1	Hadiah Anak Masuk Universiti	524	253	614	1033	592	194	624	1230	1506	6,853.00
2	Skim Mesra Usia Emas	3281	2409	3400	7537	3070	1268	5820	10810	8075	45,670.00
3	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	1319	1141	1389	1468	1299	979	322	485	428	8,830.00
4	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)			8	883	1	137	992	1430	1372	5,732.00

ii) Statistik penerima mengikut kaum

STATUS TERKINI PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES) MENGIKUT KAUM					
BIL.	PROGRAM	BANGSA			
		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
1	Hadiah Anak Masuk Universiti	28740	6259	4333	183
2	Skim Mesra Usia Emas	83106	101547	33266	1852
3	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	8500	79	229	22
4	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	4442	301	65	15

**PERTANYAAN –PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: DEWAN ORANG RAMAI**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah dewan orang ramai ataupun balai raya yang telah dibina di dalam kawasan Taman Templer bagi tempoh lima tahun yang lalu?
- b) Siapakah yang mengurus dan menyelenggarakan dewan orang ramai ini?
- c) Berapakah peruntukkan yang telah di sediakan bagi tujuan ini?

**JAWAPAN :**

**JAWAPAN :**

- a) Tiada dewan orang ramai atau balairaya dibina dalam tempoh lima tahun yang lalu.
- b & c) Tidak berkaitan kerana tiada dewan dibina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: KEFAHAMAN ISLAM**

58. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apa usaha JAIS bagi memastikan masyarakat Islam mempunyai kefahaman Islam dan syariatnya yang betul?
- b) Apakah pendirian JAIS tentang kenyataan Kasim Ahmad berkaitan hadith dan sunnah Rasulullah? Adakah JAIS mengeluarkan kenyataan bagi menjelaskan pendirian kepada masyarakat?

**JAWAPAN :**

a) Usaha-usaha JAIS dilakukan melalui pendekatan berikut :-

- 1. Memastikan Asas Pendidikan Islam diberikan secara menyeluruh kepada rakyat Negeri Selangor melalui sistem pendidikan Pra Sekolah, Sekolah Rendah Agama, Sekolah Rendah Agama Integrasi, Sekolah KAFA Integrasi, Maahad Tahfiz Sains, Sekolah Mengah Islam (Swasta), Institutut Tahfiz Persendirian dan melaksanakan Kelas Al-Quran Fardhu Ain (KAFA) Menengah,
- 2. Mengaktifkan peranan masjid dan surau di Negeri Selangor sebagai pusat pengembangan ilmu dengan memantapkan teks khutbah jumaat, pengajian bersilibus dan memperhebatkan program ceramah dan tazkirah yang menyelami isu-isu semasa ummah,
- 3. Mempertingkatkan perlaksanaan program dakwah di semua peringkat mad'u (sasaran) secara lebih menyeluruh baik di peringkat Institusi Pendidikan, IPTA, IPTS, para belia, sektor koporat dan industri, agensi- agensi kerajaan, pusat tahanan, pusat jagaan dan rumah-rumah kebajikan serta meningkatkan dakwah bil hal di lapangan secara bersinergi dengan pelbagai agensi dan

NGO Islam bagi memastikan mesej tarbiyah dan dakwah dapat disampaikan kepada mereka, dan;

4. Meningkatkan pentauliahan kepada penceramah dan pentazkirah di Negeri Selangor yang membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam memperkasa ilmu dan mentarbiyah ummah di negeri ini.

**b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 14 Mac 2014 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: PRESTASI PEPERIKSAAN PELAJAR SELANGOR**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik prestasi peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM pelajar negeri dari tahun 2008 - 2013?
- b) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk meningkatkan prestasi pelajar khususnya di kawasan luar bandar?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pendidikan Negeri Selangor tiada senarai nama murid yang melibatkan sekolah-sekolah kendalian Kerajaan Negeri.
- b) Tiada kaitan dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: PERUNTUKAN UNTUK PENYELIDIKAN**

60. Jumlah peruntukan untuk penyelidikan adalah RM2.8 juta di dalam Perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor 2014 bagi sektor sosial.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rasional kerajaan negeri memperuntukkan RM2.8 juta untuk penyelidikan?
- b) Apakah Key Result Area (KRA), Objektif Strategik dan KPI yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dalam penyelidikan berkaitan pembangunan dan agenda strategik?
- c) Apakah asas agihan peruntukan kepada badan-badan penyelidikan di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.8 juta untuk penyelidikan di mana ianya adalah berdasarkan kepada keperluan untuk memperkasakan dasar-dasar kerajaan negeri yang bertujuan untuk menyelaraskan penyediaan perancangan strategik negeri, menyelaraskan penyediaan pelan pembangunan negeri, menyediakan laporan ekonomi negeri, menjadi pusat geodata negeri, memantau pelaksanaan pelan pembangunan dan mengumpul serta menerbitkan maklumat asas negeri.
- b) Penentuan terhadap Key Result Area (KRA), Objektif Strategik dan KPI dalam penyelidikan berkaitan pembangunan dan agenda strategik adalah perkara yang subjektif kerana tiada parameter untuk mengukurnya dan ianya adalah berdasarkan kepada keperluan jabatan, agensi ataupun pihak berkuasa negeri. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada Pelan Strategik 2013-2017 yang telah dirancang oleh kerajaan negeri di mana terdapat beberapa kajian lapangan dan kajian impak dibuat bagi memastikan program atau aktiviti yang dilaksanakan memberikan impak yang positif serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- c) Peruntukan penyelidikan yang disediakan adalah berdasarkan kepada keperluan daripada jabatan ataupun agensi kerajaan yang telah diarahkan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : OBJEKTIF KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD (KHSB)**

61. KHSB ditubuhkan sebagai peneraju utama sektor hartanah untuk Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan negeri yakin mencapai objektif penubuhan KHSB?
- b) Sejauh manakah kejayaan objektif KHSB?
- c) Apakah projek yang membuktikan objektif penubuhannya tercapai dan senaraikan?

**JAWAPAN:**

**LATAR BELAKANG: KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD**

- o KHSB telah ditubuhkan pada September 2001.
- o Ditubuhkan sebagai syarikat peneraju utama dalam penggabungan ("Merger Exercise") beberapa buah syarikat milik Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan KDEB iaitu SAP Holdings Berhad, Brisdale Holdings Berhad, Central Spectrum Sdn Bhd, Perangsang Hotel & Properties Sdn Bhd dan KDE Recreational Bhd.
- o Modal berbayar selepas penggabungan adalah sebanyak RM450 juta yang mana sebahagian besar dalam bentuk "in-kind" dan hanya RM150 juta dalam bentuk tunai.
- o Kesan daripada penggabungan ini juga, KHSB telah mewarisi beban masalah-masalah anak-anak syarikatnya, terutamanya SAP Holdings Berhad dan Brisdale Holdings Berhad.
- o Dalam tahun 2007, KHSB telah memberikan tumpuan kepada aktiviti pembangunan hartanah dengan melepaskan pegangan dalam Perangsang Hotel & Properties Sdn Bhd dan KDE Recreational Bhd kepada Cash Band (M) Berhad.
- o Pada peringkat awal operasi, usaha KHSB lebih tertumpu ke arah penyelesaian hutang dan masalah gabungan syarikat-syarikat yang diwarisi, seperti masalah hutang Talam, tindakan undang-undang dan juga denda kelewatan menyiapkan projek.

- o Selepas pelaksanaan beberapa inisiatif termasuk penstrukturan semula hutang dan aset syarikat (termasuk anak syarikat) dan yang terbaharu nyah senarai KHSB dari Bursa Malaysia, KHSB telah menampakkan kesan peningkatan yang positif di mana, kerugian tahunan syarikat telah dapat dikurangkan dan menuju ke arah pulangan positif.
  - o Melangkah ke hadapan, beberapa projek telah di rancang untuk menjadikan KHSB sebagai peneraju utama pembangunan hartanah di Negeri Selangor. Antaranya adalah, projek pembangunan bercampur di Seksyen 14, Petaling Jaya, pembangunan bercampur di Seksyen 14, Shah Alam dan pembangunan pesisir air (“Waterfront”) di Pulau Indah Timur (“PIE”) dengan nilai pembangunan kasar (“Gross Development Value - GDV”) melebihi RM35 bilion. Kesemuanya sedang dalam peringkat pelaksanaan awal (preliminary works).
- a) Berdasarkan kepada pencapaian semasa KHSB serta perancangan projek yang diatur untuk masa hadapan, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa KHSB sekarang berada di landasan yang tepat dan berkeyakinan tinggi untuk mencapai objektif penubuhan KHSB.
- b) Analisis pendapatan dan keuntungan yang dicatatkan oleh KHSB, seperti di bawah, menunjukkan kejayaan objektif penubuhannya, di mana KHSB secara beransur-ansur mencatat kerugian yang lebih rendah daripada tahun 2010 hingga 2012 seterusnya mencatatkan keuntungan pada tahun 2013.

	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Status	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
<b>Pendapatan</b>	142.72	146.49	211.45	251.43	219.12	92.36
<b>Keuntungan / (Kerugian)</b>	(59.24)	(79.57)	(193.63)	6.67	26.61	(75.53)

	2009	2010	2011	2012	2013
Status	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta (“belum diaudit”)
<b>Pendapatan</b>	125.12	209.9	169.74	72.68	34.53
<b>Keuntungan / (Kerugian)</b>	27.11	(35.06)	(29.63)	(3.99)	10.68

- c) Senarai projek-projek yang telah disiapkan di bawah kendalian KHSB dan anak-anak syarikatnya membuktikan objektif penubuhan KHSB tercapai adalah seperti berikut :-

- (i) Berikut adalah projek yang masih dijalankan:

No.	Nama Projek	Nilai Projek (Anggaran)	Lokasi
1	23 Unit Kedai Pejabat Satu Tingkat (ST Square Fasa 2)	RM 7.12 Juta	Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang

- (ii) Senarai projek yang telah siap di bawah kendalian KHSB dan anak syarikat bermula dari tarikh penyenaian KHSB di Bursa Malaysia pada 22 Julai 2003 sehingga sekarang adalah seperti berikut :-

No.	Nama Projek	Nilai Projek	Tahun Projek Siap
1	Cadangan pembangunan 300 unit Rumah Kos Rendah bagi peralihan setinggan yang terlibat di dalam projek landasan berkembar elektrik di antara	Unit yang telah siap dan diserahkan kepada "Kementerian Kewangan" bernilai RM12.6 juta.	2003
2	2047 unit Projek Pembangunan Bercampur dikenali sebagai Bandar Armada Putra, Pulau Indah	RM 243.0 Juta	2004
3	448 unit Projek Perumahan di kenali sebagai Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor	RM 35.6 Juta	2004
4	106 Unit Projek Perumahan dikenali sebagai Templer Heritage, Templer Park, Rawang	RM 30.0 Juta	2004
5	6 Unit Rumah Dua Tingkat dan 160 unit Pangsapuri dikenali sebagai Astaka Heights, Pandan	RM 32.0 Juta	2005
6	473 unit Projek Perumahan dikenali sebagai Templer Suasana, Templer Park	RM 60.0 Juta	2006
7	91 unit Kedai Pejabat dan 1 unit lot Komersil dikenali sebagai Cyber Valley, Dengkil	Hak Usaha Sama: RM 5.0 juta	2013
8	42 unit Kedai Pejabat Satu Tingkat dikenali sebagai ST Square Fasa 1, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang	RM 12.0 Juta	2013
9	301 unit Projek Perumahan dikenali sebagai Warisan Bestari, Sepang	Hak Usaha Sama: RM 10.0 Juta	2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PROJEK SELANGOR HALAL HUB, PULAU INDAH**

62. KDEB di bawah anak syarikat Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. bertanggungjawab memajukan Projek Selangor Halal Hub, Pulau Indah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan status terkini dan prestasi projek?
- b) Nyatakan jumlah nilai pelaburan yang telah diterima?
- c) Apakah strategi dalam memastikan projek ini memberi impak besar dalam perdagangan antarabangsa?

**JAWAPAN:**

- a)
  - 1) Selangor Halal Hub, Pulau Indah berkeluasan kasar 700 ekar telah siap dengan infrastruktur dalam tahun 2012.
  - 2) Keluasan lot industri untuk jualan ialah 450 ekar; di mana setakat Mac 2014, 366 ekar telah dijual kepada 24 pelabur dan 84 ekar masih dibuka untuk jualan.
  - 3) Setakat Mac 2014, terdapat 5 lot yang telah beroperasi dan 2 lot dalam pembinaan.
- b) Jumlah pelaburan yang diterima ialah RM261 juta dan bilangan peluang pekerjaan ialah 3,000.
- c) Strategi CSSB untuk mempromosikan dan menggalakkan pelaburan berdasarkan Industri Halal melalui misi-misi pelaburan dalam dan luar negeri dengan SSIC Berhad, Malaysia Industry Development Authority (MIDA), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan Halal Industry Development Corporation (HDC) dan melalui pameran dan promosi Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) yang diadakan setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK : RAMP MENGHUBUNGKAN PERSIARAN ANGGERIK MALAXIS DAN  
PERSIARAN ANGGERIK MOKARA KOTA KEMUNING**

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Bilakah RAMP ini akan dibina, seperti yang telah ternyata dalam plan susun atur MBSA tahun 1996
  - b) Huraikan dengan terperinci penjadualan pembinaan RAMP tersebut jika ada.
  - c) Jika tiada, huraikan dengan terperinci sebab-sebabnya.

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah kronologi RAMP yang menghubungkan Persiaran Anggerik Malaxis dan Persiaran Anggerik Mokara Kota Kemuning adalah seperti berikut :

**1. Kelulusan Asal**

Pembangunan asal Kota Kemuning ini telah diluluskan pada 15hb. Disember 1995 oleh Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Selangor dan diperakukan oleh Majlis pada 26hb. Disember 1996 dan konsep pembangunan asal kawasan ini telah menunjukkan rezab sambungan laluan daripada Persiaran Anggerik Mokara ke Jalan Anggerik Malaxis dan semasa kelulusan asal tidak menyatakan dengan jelas bentuk cadangan.

**Pindaan Penyediaan 'Ramp' Susur Keluar/Masuk**

**a) Perkara Yang Dipertimbangkan Bagi Pindaan Jalan Susur Keluar/Masuk.**

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat pada **26hb Mei, 2009** telah meluluskan pindaan penyediaan 'ramp' susur keluar/masuk tersebut dan pertimbangan telah diberi berdasarkan penilaian terhadap Laporan Kesan Nilai Lalulintas (TIA) yang disediakan perunding TIA yang telah dilantik oleh pemaju iaitu Perunding KI Intergrated atas pertimbangan bahawa:-

**i. Ulasan KESAS**

Perbincangan asal dengan pihak KESAS yang meminta Majlis/pemaju mengkaji semula cadangan jalan susur kerana jarak antara simpang dan lebuhraya KESAS yang dicadangkan adalah terlalu pendek yang boleh menyebabkan 'que' yang panjang dilebuhraya.

Majlis telah meminda jalan keluar ke tapak pembangunan Kemuning Utama yang asalnya tiada disebabkan oleh komitmen MBSA kepada pihak pemaju (Tetuan Paramount Sdn Bhd) supaya pihaknya menyumbang bayaran pembinaan 2<sup>nd</sup> interchange sebanyak RM 5,977,248.69 juta. Pihak pemaju telah menjelaskan bayaran tersebut dengan syarat dia mendapat akses terus ke 1<sup>st</sup> interchange dan perkara ini telah dimaktubkan dalam perjanjian yang ditandatangani oleh MBSA dan pemaju.

**ii. Jajaran Lebuhraya Baru**

Penyediaan jalan susur ini akan mengurangkan kelancaran lalulintas memandangkan rezab jalan 200 kaki (Persiaran Anggerik Mokara) ini dirancang sebagai jajaran lebuhraya yang menghubungkan Lebuhraya KESAS di utara dan SKVE di selatan yang menyambungkan ke pembangunan Canal City di sempadan Shah Alam dalam kawasan Kuala Langat.

**iii. Isipadu Lalu Lintas**

Isipadu lalulintas yang berkurangan memandangkan cadangan asal plot cadangan komersial Kota Kemuning telah dipinda kepada cadangan kediaman.

**iv. Kedudukan Simpang**

- a. Kedudukan simpang antara cadangan 'ramp' yang menghubungkan Persiaran Anggerik Mokara dengan Persiaran Anggerik Malaxis (utara tapak cadangan) dan persimpangan bulatan yang menghubungkan Persiaran Anggerik Mokara dan Persiaran Anggerik Vanilla di selatan tapak adalah terlalu dekat dan hanyalah lebih kurang 300 meter sahaja.
- b. Pihak KESAS menyarankan supaya persimpangan baru tidak dibenarkan dan hendaklah diunjurkan sehingga ke bulatan pertama Persiaran Anggerik Mokara.

**v. Kelulusan Pembangunan Kemuning Utama**

Majlis juga telah meluluskan laluan susur masuk dan keluar ke pembangunan Kemuning Utama yang juga dihubungkan melalui Persiaran Anggerik Mokara dan cadangan persimpangan keluar/masuk yang dicadangkan membenarkan kenderaan membuat pusingan 'U' di bulatan persimpangan Persiaran Anggerik Mokara ke Jalan Anggerik Vanilla.

vi. **Jarak Persimpangan**

- a. Jarak persimpangan yang terlalu pendek akan menyumbang kepada kesesakan lalulintas yang disebabkan kenderaan keluar masuk daripada Persiaran Anggerik Mokara untuk ke Persiaran Anggerik Vanilla dan kenderaan yang datang dari arah pembangunan Kemuning Utama untuk ke Jalan Anggerik Mokara.
- b. Persiaran Anggerik Mokara merupakan jalan utama ke kawasan pembangunan Kota Kemuning dan Kemuning Utama, jarak persimpangan keluar/masuk yang terlalu hampir dengan kawasan pembangunan yang sibuk boleh membahayakan pengguna jalanraya.

**KRONOLOGI PERMOHONAN/ BANTAHAN PENDUDUK**

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>
1.	23.10.2008	<p><b><u>Permohonan Kebenaran Merancang Pindaan Pelan Susunatur</u></b> Penerimaan permohonan di Jabatan Pusat Setempat bagi Permohonan Kebenaran Merancang Pindaan Pelan Susunatur Cadangan Pindaan Pelan Susunatur Pembangunan Bercampur Di Atas Lot PT.53916, PT.53917, 70853, 70854, PT.54172, PT.111937, PT.99533, Lot 72115, Tapak Sekolah Bersepadu, Rezab Jalan, Pondok Polis Dan Pejabat Pos, Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam Untuk Tetuan Hicom Gamuda Development Sdn. Bhd</p> <p>Pindaan yang dikemukakan adalah bagi perkara berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"><li>a) Pindaan 1 Cantuman 2 Plot Perniagaan : kepada 1 Lot Perniagaan Di Atas PT.53934 Dan PT.126543</li><li>b) Pindaan 2 Meminda 89 Unit Pangsapuri Kos Tinggi Kepada 24 Unit Kedai/Pejabat (22'x75') 2-3 Tingkat Di Atas PT.111937</li><li>c) Pindaan 3 Meminda 64 unit kedai kos rendah (dalam plot perniagaan) kepada Lot Perniagaan Di Atas PT.53916 dan PT.53917</li></ol>



		<p>d) Pindaan 4 Meminda 1 Lot Perniagaan Kepada : 32 Unit Kedai Kos Rendah Di Atas PT.54172</p> <p>e) Pindaan 5 Meminda Lot Perniagaan Terhadap : Kepada 42 unit Kedai Kos Rendah Di Atas PT.99533 dan Lot 72115</p> <p>f) Pindaan 6 Penyelarasan Semula Tapak Sekolah Bersepadu dan Tapak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)</p> <p>g) <b>Pindaan 7 Pindaan Rezab Jalan Kepada : Kawasan Rekreasi</b></p>
	23.10.2008 samb...	<p>h) Pindaan 8 Meminda Kegunaan Ruang Lantai Pondok Polis dan Pejabat Pos (Institusi) kepada Ruang Lantai Perniagaan</p>
2.	22.12.2008	<p><b><u>Arahan Bertulis</u></b> Arahan bertulis dikeluarkan dengan mensyaratkan kepada pemohon supaya mengemukakan Laporan Kesan Lalulintas (TIA) bagi cadangan meminda Rezab Jalan kepada kawasan rekreasi (Pindaan 7).</p>
3.	10.02.2009	<p><b><u>Pengemukakan Laporan TIA</u></b> Pemohon telah mengemukakan Laporan Kesan Lalulintas untuk dikaji oleh Majlis</p>
4.	18.3.2009	<p><b><u>Memo Kepada Jabatan Kejuruteraan</u></b> Memo dikeluarkan kepada Jabatan Kejuruteraan untuk mendapatkan ulasan bagi Laporan Kesan Lalulintas yang dikemukakan.</p>
5.	30.3.2009	<p><b><u>Ulasan Laporan Kajian Kesan Trafik</u></b> Memo diterima daripada Jabatan Kejuruteraan bagi ulasan terhadap Laporan Kesan Lalulintas yang dikemukakan. Jabatan berkenaan tiada halangan terhadap laporan tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang pindaan yang dibuat perlu diselaraskan semula dengan pelan jalan dan perparitan utama bagi kawasan pembangunan berkenaan.</p>
6.	26.5.2009	<p><b><u>Pembentangan Permohonan Ke Jawatankuasa Pusat Setempat</u></b> Cadangan meminda rezab jalan kepada kawasan rekreasi telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat dan diluluskan dengan syarat seperti berikut :-</p>

		a) Pemohon dikehendaki menyelaraskan semula cadangan pindaan tersebut dengan pelan jalan dan pelan perparitan utama berdasarkan kepada Laporan Kajian Kesan Trafik yang dikemukakan. Pelan infrastruktur terperinci hendaklah dikemukakan ke Jabatan Kejuruteraan
7.	17.6.2009	<b><u>Surat Kelulusan Dasar</u></b> Surat makluman keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat dikeluarkan kepada pemohon
8.	10.8.2009	<b><u>Pengemukakan Pelan Untuk Perakuan Majlis</u></b> Pemohon melalui surat rujukan AJC/094/736 bertarikh 10hb. Ogos 2009 mengemukakan pelan untuk perakuan Majlis.
9.	17.11.2009	<b><u>Perakuan Kebenaran Merancang</u></b> Majlis mengeluarkan Surat Kebenaran Merancang dan memperakukan pelan no. MBSA/PRG/PSA 31-30-09 dengan tapak telah diluluskan sebagai kawasan rekreasi.
10.	21.4.2011	<b><u>Bantahan Persatuan Penduduk Kota Kemuning</u></b> Persatuan Penduduk Kota Kemuning melalui Mesyuarat MPP Zon 12 telah memohon mendapatkan maklumbalas daripada Majlis berhubung pindaan rezab jalan (susur keluar dan masuk) yang menyambungkan Persiaran Anggerik Mokara dan Persiaran Anggerik Malaxis yang telah diluluskan.
11.	5.5. 2011 dan 6.6.2011	<b><u>Surat daripada Persatuan Penduduk Kota Kemuning</u></b> Surat daripada Persatuan Penduduk Kota Kemuning meminta supaya pembinaan 'ramp' susur keluar/masuk tersebut disegerakan.
12.	11.7.2011 - 15.7.2011	<b><u>Mesyuarat DUN</u></b> Perkara ini telah dibangkitkan dalam pertanyaan oleh ADUN dalam Mesyuarat DUN lanjutan daripada surat bantahan Persatuan Penduduk Kota Kemuning
13.	6.1.2012	<b><u>Permohonan Laluan Keluar/ Masuk Ke Pembangunan Canal City</u></b> Majlis juga telah menerima permohonan daripada Tetuan IJM Land yang bercadang menggunakan Persiaran Anggerik Mokara sebagai laluan keluar/masuk ke fasa pertama pembangunannya (Canal City) yang terdiri daripada 1010 unit kediaman terancang serta pembangunan akan datang yang terdiri daripada 8922 unit kediaman dan 18 plot komersil (berkeluasan antara 9 – 21 ekar/plot).
14.	9.1.2012	<b><u>Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 1) 2020</u></b> Majlis telah menerima bantahan daripada 180 orang penduduk Kota Kemuning melalui Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RTMBSA (Pengubahan 1) 2020 yang membantah pindaan penyediaan 'ramp' susur keluar/masuk dari Persiaran Anggerik Mokara ke Persiaran Anggerik Malaxis kepada kawasan rekreasi tersebut. Bantahan telah dibuat

		pendengaran dalam Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam Draf RTMBSA (Pengubahan 1)2020.
15.	13.2.2012	<p><b><u>Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bil.1/2012</u></b></p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor bil.1/2012 telah memutuskan rezab 'ramp' dikekalkan dan satu kajian lanjut melibatkan LLM, JKR dan MBSA perlu dijalankan untuk keseluruhan sistem lalulintas dan rangkaian jalan kawasan Persiaran Anggerik Mokara tersebut dan rangkaian jalan yang bersambungan dengannya.</p>
16.	18.5.2012	<p><b><u>Permohonan Pembinaan 'Ramp' Oleh Persatuan Penduduk Kota Kemuning</u></b></p> <p>Majlis telah menerima permohonan daripada Persatuan Penduduk Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam bagi pembinaan jejambat untuk meredakan kesesakan sedia ada yang berlaku di bulatan pertama dan Persiaran Anggerik Vanilla akibat daripada peningkatan jumlah kenderaan yang masuk daripada Lebuhraya Shah Alam (KESAS) melalui Persiaran Anggerik Mokara untuk ke pembangunan Kota Kemuning dan sekitarnya (Pembangunan Bukit Rimau, Berjaya Park, AMJ Bukit Kemuning dan Jalan Kebun).</p>
17.	05.6.12	<p><b><u>Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bil.3/2012</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Jaafar bin Haji Mohd Atan, Datuk Bandar Shah Alam telah membangkitkan isu di mana terdapat 2 cadangan pembangunan IJM Sdn Bhd dan Permodalan Negeri Selangor Berhad di Daerah Kuala Langat yang akan memberi impak yang besar dari segi lalulintas kepada pembangunan bersebelahan di Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam. Oleh itu, kajian penyuraian trafik perlu dijalankan dan JPBD Negeri Selangor diminta untuk menyelaras dan melihat pembangunan secara keseluruhan bagi pembangunan ini.</p>
18.	27.7.2012	<p><b><u>Taklimat Penyuraian Trafik</u></b></p> <p>Taklimat penyuraian trafik oleh pemaju terlibat telah diadakan di Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohd Zaki bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.</p>
19.	9.10.12	<p><b><u>Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor Bil.5/2012</u></b></p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor bil.5/2012 bersetuju supaya kos pembinaan Persiaran Anggerik Mokara berjumlah RM29 Juta bukan sahaja ditanggung oleh Tetuan Canal City Construction Sdn Bhd</p>

		<p>tetapi oleh pemilik-pemilik tanah yang bercadang membangunkan tanah-tanah mereka disekitar kawasan tersebut.</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya MBSA, MDKL dan JPBD Negeri Selangor mengadakan perbincangan bagi menentukan jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh setiap pemaju yang terlibat dengan pembangunan kawasan tersebut.</p>
--	--	--

- b) Majlis melalui Mesyuarat J/K Infrastruktur & Bangunan bil. 9/2013 pada 22 Oktober 2013 telah melantik pihak IKRAM Premier Consulting untuk membuat semakan semula Laporan Kajian Lalulintas dipersimpangan Anggerik Mokara & Anggerik Vanilla Kota Kemuning Seksyen 31. Antara kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:
- i. Membuat kerja bancian Lalulintas
  - ii. Membuat Kajian Penyuraian Lalulintas sediada
  - iii. Membuat Penilaian Prestasi Persimpangan sediada
  - iv. Membuat Kajian Kesan Lalulintas dari Pembangunan yang dirancang
  - v. Membuat Cadangan Penyuraian Lalulintas
  - vi. Membuat Perbandingan Prestasi Persimpangan
  - vii. Membuat Cadangan Penambahbaikan dipersimpangan
  - viii. Menyedia Laporan & Pembentangan Kajian
- c) Laporan & pembentangan hasil dari kajian semula lalulintas oleh pihak IKRAM tersebut, dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat J/K Infrastruktur & Bangunan dalam bulan April 2014 akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PELAKSANAAN PROGRAM ANAK MUDA TAHUN 2014**

64. Bertanya kepada Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan dasar pembangunan Anak Muda Tahun 2014
- b) Sila kemukakan jadual pelaksanaan program Anak Muda Tahun 2014
- c) Sila kemukakan senarai tempat latihan atau institut pembangunan anak muda.

**JAWAPAN:**

- a) Dasar pembangunan Anak Muda bagi tahun 2014 adalah melalui visi, misi, objektif belia dan melalui 6 Teras. Belia memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negeri dan Negara. Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan mempunyai matlamat untuk menjadikan Belia di Negeri Selangor yang Ehsan atau cemerlang. Salah satu usaha tersebut ialah melalui pembangunan 6 Teras utama iaitu Kepimpinan, Pendidikan, Ekonomi, Kemasyarakatan, Sukan dan Kebudayaan.

Halatuju program-program belia dibawah Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan adalah menjadikan belia ehsan, berilmu dan berdaya saing. Dengan misi untuk membina belia yang berkeperibadian yang memiliki pelbagai kemahiran melalui pendekatan holistik.

Antara objektif dasar pembangunan belia adalah sebagaimana berikut :-

- i) mengenalpasti kategori dan kecenderungan belia,
- ii) mewujudkan pangkalan maklumat lengkap tentang belia Selangor,
- iii) Mewujudkan mekanisma pengurusan dan komunikasi belia Selangor,
- iv) Mengenalpasti dan melaksanakan program-program belia yang menekankan aspek kepedulian masyarakat,
- v) membentuk budaya sayangkan ilmu di kalangan belia,
- vi) membantu belia dalam mengenalpasti kerjaya yang bersesuaian,
- vii) menyediakan peluang dan ruang untuk belia bergerak aktif dalam sukan dan

- viii) menganjurkan program hiburan yang bersesuaian selaras dengan kehidupan yang sihat dan sejahtera.
- b) Jadual pelaksanaan program Anak Muda Tahun 2014 adalah berdasarkan kepada SKT 2014 sebagaimana **Lampiran 1**.
- c) Tempat-tempat latihan di bawah Kerajaan Negeri dan Institut di bawah kerajaan Negeri seperti INPENS, UNISEL, KUIS dan Pusat Latihan Awam di Negeri Selangor.

b) Jadual pelaksanaan program Anak Muda Tahun 2014

**KALENDAR SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) JAWATANKUASA TETAP BELIA DAN SUKAN TAHUN 2014**

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	CATATAN
1	Retreat 1 Jawatankuasa Tetap Belia & Sukan, Infrastruktur & Kem. Awam													Amverton , Pulau Carey
2	SKT MSNS 2014													PD, N9
3	Watikah Perlantikan PeBT 2014/15													K.Selangor
4	ANUGERAH SUKAN 2013													
5	Pertandingan Video Klip Senamrobik													
6	Bengkel Kepimpinan Asas PeBT - 4 ZON (3PBT/ZON)													
7	Bengkel Pengucapan Awam - 6 KALI													
8	HI –TEA GLC & Koporat Untuk Persatuan Sukan													
9	Perlantikan Pengurusan Pasukan SUKMA													
10	HARI SUKAN ANTARABANGSA 2014 - Keputusan Pertandingan Video Klip Senamrobik - Seminar Cara Hidup Sihat - Pelancaran Walkathon Bes Jelajah Selangorku “Hidup Sihat Tanpa Dadah”													
11	KURSUS PRA PERKAHWINAN													
12	Kem Kontinjen SUKMA PERLIS 2014													
13	Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen SUKMA													
14	SUKMA PERLIS 2014													
15	Majlis Hi-Tea & Dialog NGO													
16	KURSUS PASCA PERKAHWINAN													

**KALENDAR PROGRAM-PROGRAM JAWATANKUASA TETAP BELIA DAN SUKAN TAHUN 2014**

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM / AKTIVITI</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>8</b>	<b>9</b>	<b>10</b>	<b>11</b>	<b>12</b>	<b>CATATAN</b>
17	Penyerahan Insentif SUKMA 2014													
18	Retreat 2 Jawatankuasa Tetap Belia & Sukan, Infrastruktur & Kem. Awam													
19	HARI BELIA ANTARABANGSA - Konferens Belia Antarabangsa - Karnival Usahawan Belia - Karnival Kebudayaan - Anugerah Belia Selangor													
20	Perkahwinan Perdana Belia - 4 Zon (3 Pbt/Zon)													
21	Sidang Belia Negeri Selangor													
22	Dialog Bajet 2015													
23	Qurban Perdana													
24	Lawatan Kerja Belia Selangor													
25	SAMBUTAN TAHUN BARU BELIA 2015													
26	RETREAT 3 Jawatankuasa Tetap Belia & Sukan, Infrastruktur & Kem. Awam													

**\*TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN TARIKH DAN KELULUSAN**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : LOGI RAWATAN AIR**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah punca utama yang menyebabkan operasi LPA Batu 11 Cheras dan LPA Bukit Tampoi dihentikan pada penghujung bulan Januari 2014?
- b) Apakah tindakan yang akan atau telah diambil terhadap, pencemar sumber air kita?
- c) Apakah usaha jangka panjang kerajaan untuk mencegah dari berulangnya kejadian-kejadian pencemaran?

**JAWAPAN:**

- a) Kejadian henti tugas loji penapis air (LPA) Bukit Tampoi dan LPA Batu 11 Cheras adalah berpunca dari pencemaran sumber air mentah dari Sungai Langat. Pencemaran tersebut adalah disebabkan oleh kandungan ammonia yang melebihi paras yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sumber-sumber ammonia di dalam sungai adalah :-
  - baja untuk pembangunan-pembangunan tanah dan pertanian.
  - tapak pelupusan sampah leachate dan pembangunan tanah yang tidak terkawal.
  - kumbahan yang tidak dirawat daripada penternakan ayam itik, rumah-rumah setinggan di tepi sumber air, tangki-tangki septik, kilang-kilang, tandas-tandas sementara di tapak-tapak pembinaan.
  - air kumbahan yang dilepaskan daripada kawasan-kawasan perumahan, komersil, institusi dan kemudahan-kemudahan berkaitan.
  - pelepasan air kumbahan dan bahan-bahan kimia bertoksik daripada pelbagai industri.
  - aliran air di permukaan disebabkan oleh hujan lebat
  - minyak dan air kumbahan daripada bilik-bilik air dan dapur
  - efluen loji olahan kumbahan perbandaran

Pada ketika ini, piawaian untuk air mentah bagi loji-loji pembersihan air (LPA) iaitu Kualiti Air Mentah adalah ditetapkan oleh Jabatan Bekalan Air, Malaysia di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Pensampelan untuk menganalisis kualiti air ini adalah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kekerapan sekali pensampelan setiap bulan. Piawaian yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

BIL	PARAMETER	UNIT	STANDARD
1.	Total Coliform	CFU / 100 ml	5000 / 100 ml
2.	Ph	-	5.5 – 9.0
3.	Kekeruhan ( <i>Turbidity</i> )	NTU	1000
4.	Warna ( <i>Colour</i> )	TCU	300
5.	Keperluan Oksigen Kimia (COD)	mg / L	10
6.	Mangan (Mn)	mg / L	0.2
7.	Keperluan Oksigen Biokimia (BOD)	mg / L	6
8.	Ammonia	mg / L	1.5
9.	Ferum	mg / L	1.0

Di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ditetapkan piawaian kadar efluen yang dilepaskan ke hulu sungai hendaklah menepati Piawaian A manakala efluen yang dilepaskan ke hilir sungai menepati Piawaian B seperti berikut:-

Piawaian	BOD (mg/L)	SS (mg/L)
A	20	50
B	50	100

BOD adalah ukuran kandungan oksigen yang diserap oleh bahan kumbahan dalam tempoh masa tertentu. Kandungan BOD tinggi adalah ketara kerana ia menunjukkan bahan kumbahan itu akan menyerap oksigen di sungai dan tasik dengan pantas, dan ini akan membunuh hidupan laut, membuatkan air menjadi septik dan berbau busuk. SS adalah ukuran bahan-bahan tidak larut di dalam kumbahan. Kandungan SS yang tinggi akan menyebabkan penyimpanan enapcemar di perairan, dan ini akan menyebabkan kemerosotan yang ketara kepada persekitaran.

Setakat ini, masih tiada piawaian untuk pelepasan ammoniacal nitrogen dan semua loji olahan kumbahan yang terdapat di Malaysia tidak direkabentuk untuk menyingkirkan ammoniacal nitrogen. Walau bagaimanapun, secara purata, loji-loji olahan kumbahan awam adalah mematuhi keperluan-keperluan Piawaian "A" dan "B" seperti berikut:

Parameter	Standard A (mg/L)	Standard B (mg/L)
Suhu (Celcius)	40	40
Nilai pH	6.0 - 9.0	5.5 - 9.0
Permintaan Oksigen Biologi	20	50
Permintaan Oksigen Kimia	50	100
Pepejal Terampai	50	100
Ammoniacal Nitrogen	15	25

Ammoniacal nitrogen di dalam efluen yang dilepaskan daripada loji-loji olahan kumbahan akan cair secara perlahan-lahan di dalam perairan dan seterusnya menjadi sebatian yang kurang toksik.

Walaupun pelepasan efluen dari loji kumbahan menepati piawaian yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, namun disebabkan oleh cuaca kering melampau dan ketiadaan hujan semenjak Januari 2014 lalu, telah mengakibatkan tidak berlakunya Kebolehan "penulenan-sendiri" sumber air sungai hingga menyebabkan sumber air di Sungai Langat meningkat kandungan ammonia dan mengakibatkan loji rawatan air di Bukit Tampoi dan Loji Batu 11 Cheras tidak berupaya merawat air mentah yang tinggi yang melebihi 1.5ppm tersebut.

Biasanya, loji rawatan air sisa, termasuk kumbahan yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar hanya merawat 23 bahan cemar air, yang merangkumi dua parameter sisa organik, pepejal terampai, parameter fizikal, bahan kimia dan logam berat. Dari segi perundangan, bahan-bahan organik seperti ammonia, nitrat, nitrit dan fosforus tidak termasuk dalam senarai yang perlu disingkirkan.

Sehubungan itu, hampir semua loji kumbahan dan sisa industri di Malaysia tidak direka bentuk untuk merawat ammonia dan bahan-bahan yang tidak tersenarai dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen Industri) 1979.

Air sungai yang mengandungi kandungan ammonia melebihi 1.5 miligram seliter tidak sesuai dijadikan sumber air minuman. Ini kerana operator loji rawatan air terpaksa menggunakan bahan kimia yang banyak yang pasti meningkatkan kos operasi.

b) Dalam usaha menjaga kebersihan sungai-sungai di Selangor, Kerajaan Negeri adalah tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai. Tindakan terhadap pencemar boleh diambil melalui:

- i. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979
- ii. Enakmen LUAS 1999; dan
- iii. Akta Kerajaan Tempatan.

Dalam pada itu, bagi memantapkan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti pencemaran sumber air, Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS sedang menyediakan Peraturan-peraturan (Pelepasan Bahan Pencemar) LUAS 2010 bagi mengawal bahan pencemar yang masuk ke dalam sumber air sekaligus dapat mengurangkan kesan terhadap kualiti air sumber air .

c) Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan paras ammonia dan menyebabkan pencemaran sumber air mentah adalah disebabkan oleh:-

- baja untuk pembangunan-pembangunan tanah dan pertanian.
- tapak pelupusan sampah leachate dan pembangunan tanah yang tidak terkawal.
- kumbahan yang tidak dirawat daripada penternakan ayam itik, rumah-rumah setinggan di tepi sumber air, tangki-tangki septik, kilang-kilang, tandas-tandas sementara di tapak-tapak pembinaan.
- air kumbahan yang dilepaskan daripada kawasan-kawasan perumahan, komersil, institusi dan kemudahan-kemudahan berkaitan.
- pelepasan air kumbahan dan bahan-bahan kimia bertoksik daripada pelbagai industri.
- aliran air di permukaan disebabkan oleh hujan lebat
- minyak dan air kumbahan daripada bilik-bilik air dan dapur
- efluen loji olahan kumbahan perbandaran

Malaysia umumnya, bagi merawat efluen yang dilepaskan oleh loji kumbahan, sistem-sistem rawatan utama yang digunakan secara menyeluruh adalah tangki septik komunal, tangki Imhoff dan sistem-sistem kos rendah seperti kolam-kolam pengoksidaan. Sebagai tambahan, kawasan bandar yang besar adalah menggunakan Tangki Septik Individu (IST) dan terdapat lebih daripada sejuta tangki septik individu di Malaysia.

Tangki-tangki ini hanya merawat kumbahan secara separa, melepaskan efluen yang masih mempunyai kandungan bahan organik yang tinggi. Ini berpotensi untuk mengakibatkan masalah kesihatan awam dan persekitaran, terutamanya di kawasan bandar.

Indah Water Konsortium (IWK) bertanggungjawab untuk merancang dan merasionalisasikan kemudahan-kemudahan pembetulan awam untuk mengurangkan loji-loji olahan yang menggunakan “konsep berbilang titik” atau serantau. Akhirnya, rangkaian paip-paip pembetulan akan dibina di kawasan bandar yang menggunakan IST dan menyalurkan kumbahan ke kemudahan rawatan sekunder yang moden.

Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dan pelbagai usaha telah diambil bagi tujuan tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah melalui Pelaksanaan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM), seperti Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor (2007-2012) yang mana antara polisi utama pelan ini adalah ‘Memastikan Air Bersih’ dan ‘Memastikan Air Mencukupi’.

Selain itu, bagi memelihara sumber air dan lembangan sungai yang membekalkan sumber air negeri, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam,
- ii. Jawatankuasa Pasukan Petugas Pengawalan Pencemaran Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Selain itu, sekiranya sesuatu pencemaran sungai berlaku, Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air yang diurusetikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan dianggotai oleh jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat konsesi operator air yang berkenaan akan membuat siasatan bagi mengenalpasti punca pencemaran tersebut dan seterusnya mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengatasi masalah pencemaran tersebut termasuklah mengambil tindakan undang-undang.

Dalam usaha menjaga kebersihan sungai-sungai di Selangor, Kerajaan Negeri adalah tegas dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ke atas pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran sungai. Tindakan terhadap pencemar boleh diambil melalui:

- i. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979

- ii. Enakmen LUAS 1999; dan
- iii. Akta Kerajaan Tempatan.

Dalam pada itu, bagi memantapkan penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti pencemaran sumber air, Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS sedang menyediakan Peraturan-peraturan (Pelepasan Bahan Pencemar) LUAS 2010 bagi mengawal bahan pencemar yang masuk ke dalam sumber air sekaligus dapat mengurangkan kesan terhadap kualiti air sumber air .

Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri sedang berusaha menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin sumber air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan melalui LUAS adalah:

- i. Program Pembersihan Pantai dan Kempen Tanam Pokok Bakau di Pantai Tanjung Harapan,
- ii. Program Qua-Qua yang melibatkan komuniti dan pelajar sekolah dalam pemantauan kualiti air sungai yang telah dilancarkan pada 29 Jun 2008,
- iii. Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak; dan
- iv. Mengadakan ceramah-ceramah dan pameran-pameran dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: KESALAHAN TAKSIRAN CUKAI TANAH KEPADA TETUAN PERSATUAN  
PENDUDUK DAN PEMILIK SERI PURI APARTMENT (PPM-029-10-  
17122013)**

66. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Mengapakah dan bayaran lebih berjumlah RM148,682.00 bagi tahun 2004 dan 2005 masih belum dibayar balik kepada Seri Puri Management Corporation sehingga hari ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran balik lebih cukai tanah kepada Seri Puri Management Corporation bagi tahun 2004 dan 2005 yang berjumlah RM148,682.00 tidak dilaksanakan kerana ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMK No. 12/4/2007 pada 31 Januari 2007, yang telah menolak penyelarasan semula cukai tanah tahun 2005 dan tahun-tahun sebelumnya ke atas hakmilik bangunan berbilang tingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PROGRAM WANITA LADANG (WALA)**

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah konsep, matlamat dan perincian program Wanita Ladang ( WALA) ?
- b) Apakah pencapaian dan impak keberkesanan program ini?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan dan para penerima bagi geran RM1.2 juta yang telah dibelanjakan?

**JAWAPAN :**

- a) Konsep , matlamat dan perincian Program WALA:

Program WALA adalah merupakan satu program pendampingan sosial dan ekonomi khusus untuk wanita-wanita ladang .

Seperti mana yang kita semua maklum , masyarakat ladang yang tinggal atau bekerja di dalam sesebuah syarikat perladangan yang besar kurang mendapat pendedahan berkaitan kegiatan-kegiatan sosial serta aktiviti-aktiviti luar khusus berkaitan peningkatan ekonomi dan peningkatan taraf hidup.

Mereka hanya mengikuti program atau aktiviti di kawasan penempatan mereka sahaja sekiranya ada . Dalam ertikata lain kurangnya pendedahan maklumat kepada mereka-mereka ini.

Bagi memulakan program ini pihak WALA Selangor menggerakkan pegawai-pegawainya ke ladang-ladang yang dikenal pasti bagi mengumpulkan mereka secara berperingkat-peringkat untuk diberikan mereka ini pendedahan berkaitan kualiti hidup mereka dan jugak keluarga.

Dengan mengamalkan konsep berkongsi dan memahami situasi dan juga masalah rutin yang mereka hadapi. Seperti :

- Masalah keluarga , kewangan , kesihatan , pendidikan , sosial dan lain-lain.

Pendekatan ini adalah bagi memberi mereka ruang dan peluang meluahkan perasaan dan isihati berkaitan keadaan mereka selama menjadi masyarakat ladang.



Melalui daripada perkongsian masalah dan pandangan diantara WALA Selangor dan wanita-wanita ladang ini maka bentuk-bentuk latihan dan bengkel latihan asas disediakan khusus untuk mereka , seperti :

- Latihan motivasi diri
- Bengkel asas pengurusan kewangan
- Bengkel masakan roti dan kek
- Kraftangan ( membuat bakul dan bunga )
- Barang hiasan wanita berasaska manik dan lain-lain

Wanita-wanita ladang ini dikumpul dan diklasifikasikan mengikut kesesuaian dan keperluan aktiviti atau program supaya mereka dapat dibimbing dan didedahkan dengan pengalaman baru disamping dapat memulakan usaha bagi menjana pendapatan tambahan.

Matlamat Program WALA Selangor ini adalah untuk memberdayakan komuniti wanita ladang melalui pembangunan ekonomi dan sosial dengan menyediakan latihan kemahiran dan pembangunan diri secara berjadual dan berterusan.

b) Pencapaian dan impak dari program WALA Selangor.

Semenjak program ini dilancarkan pada April 2012 seramai **lebih 800** wanita-wanita ladang telah berjaya ditemui dan disenaraikan untuk mengikuti program ini . Jumlah itu adalah daripada **46 buah ladang yang telah dilawati** di seluruh Negeri Selangor bagi memperkenalkan program ini oleh pegawai-pegawai setakat ini.

Daripada jumlah itu seramai **602 orang wanita-wanita ladang telah berdaftar mengikuti program ini secara efektif dan berjadual** melalui program-program yang disebutkan sebentar tadi. ( *lampiran 1 , untuk rujukan YB* )

Untuk makluman , bukan semua ladang-ladang yang dilawati ( sebanyak 46 ladang ) bagi mendapatkan penyertaan daripada wanita-wanita ladang ini berjaya dilaksanakan atas sebab-sebab berikut :

- Terdapat ladang yang majoritinya menggunakan pekerja-pekerja asing.
- Ladang yang telah dibangunkan menjadi taman perumahan dan sebagainya.
- Tidak mendapat kebenaran bertulis dari pihak Pengurusan Ladang . ( *Wala Selangor tidak akan menjalankan aktiviti jika kebenaran bertulis tidak diperolehi supaya program yang akan dijalankan kelak tidak terbantut* )
- Kemudahan atau infra yang tidak sempurna yang terdapat di ladang-ladang tertentu.

IMPAK yang ketara diperolehi daripada program ini adalah :

- Dapat mengumpul dan menyatukan wanita-wanita ladang melalui bengkel dan latihan yang disediakan . ( mereka dapat berkumpul , dapat meluahkan segala yang terpendam , beramah mesra antara mereka - sesuatu yang jarang mereka alami )
- Dapat memberikan mereka pengetahuan dan ilmu dari bengkel dan latihan yang disediakan secara percuma tanpa bergerak keluar daripada ladang .
- Memberi mereka peluang untuk mendapatkan maklumat berkaitan segala bentuk agenda atau program berkaitan kebajikan melalui Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan lain-lain.

Setakat ini pencapaian peserta-peserta yang menyertai program ini masuk ke Fasa berikutnya iaitu berdikari bagi memperolehi pendapatan tambahan dengan merialisasikan segala yang dipelajari melalui bengkel dan latihan yang telah diikuti.

Seramai 22 peserta telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dan telah pun memperolehi pendapatan hasil dari percubaan perniagaan dari apa yang mereka pelajari melalui Program WALA Selangor.

*( lampiran 2 untuk rujukan YB )*

Walaupun jumlah ini agak kecil jika dibandingkan dengan peserta yang mengikuti program ini tetapi terdapat ramai diantara mereka yang memerlukan modal untuk memulakan perniagaan sampingan . *( mereka-mereka ini yang tidak mempunyai simpanan kewangan untuk dijadikan modal permulaan perniagaan )*

Untuk mereka yang mempunyai masalah kewangan dan tidak pernah menceburi apa-apa bidang perniagaan sebelum ini , pihak WALA Selangor memberi khidmat nasihat untuk mereka mendapatkan bantuan dari rangkaian Yayasan Dar al Qard Selangor seperti Program Mikrokridet Selangor (Skimsel), dalam masa yang sama mereka ini diberi pandangan berkaitan pasaran , tempat perniagaan dan maklumat berkaitan sokongan dari keluarga .

c) Jumlah Perbelanjaan dan para penerima dari geran RM1.2 juta .

Jumlah peserta@penerima berdaftar dengan WALA Selangor setakat April 2014 adalah seramai **602 orang**

Perbelanjaan dari geran RM1.2 juta yang diperolehi adalah  
( sehingga April 2014 ) :

- |                            |               |
|----------------------------|---------------|
| - Pembiayaan untuk peserta | RM 352,870.00 |
| - Perbelanjaan Operasi     | RM 140,000.00 |
| - Kos Latihan – Jurulatih  | RM 32,175.00  |
| _ Bahan Mentah             | RM 31,496.00  |

JUMLAH RM556,541.00

( Baki dari Geran RM1.2 juta 2014 ) RM643,459.00

( lampiran 1 )

SENARAI PENUH LADANG YANG DILAWATI SEHINGGA KINI.

BIL	NAMA LADANG	DAERAH	CATATAN	BIL	NAMA LADANG	DAERAH	CACATAN
1.	GENTING SEPANG	SEPANG	GENTING PLANTATION	24	SEPANG	SEPANG	SIME DARBY
2.	BALAU	ULU LANGAT	KUALA SIDIM BHD.	25	BATU UNTUNG	SEPANG	PRIVATE
3.	RINCING	ULU LANGAT	( TAMAN )	26	SUNGAI SIDU	KUALA LANGAT	YEW HING PLANTATION
4.	KERLING	HULU SELANGOR	LAND GENERAL BH	27	TUMBUK	KUALA LANGAT	PRIVATE
5.	GURU NANAK	HULU SELANGOR	GURU NANAK	28	SG TINGGI	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
6.	CHEDING	KUALA LANGAT	BOH PLANTATION	29	JERAM	KUALA SELANGOR	KLK
7	SUNGAI GHAPI	HULU SELANGOR	KLK	30	BKT KERAYONG	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
8	BUKIT DARAH	KUALA SELANGOR	KLK	31	JALAN ACOB	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
9.	ELMINA	KUALA SELANGOR	SIME DARBY	32	LEMBUN	KUALA SELANGOR	PRIVATE
10	BUKIT CERAHAH	KUALA SELANGOR	SIME DARBY	33	TENNAMARAN	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
11	BUKIT GADONG	SEPANG	PRIVATE	34	SUNGAI BULOH	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
12	KELANG	SEPANG	PRIVATE	35	BUKIT CLOH	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
13	BUKIT SUBANG	PETALING	SIME DARBY	36	RAJA MUSA	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
14	BUKIT IJOK	KUALA SELANGOR	PRIVATE	37	RAJAGIRI	KUALA SELANGOR	PRIVATE
15	MANMOUTH	KUALA SELANGOR	SIME DARBY	38	SG RAMBAI	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
16	BUKIT LAGONG	GOMBAK	SIME DARBY	39	BKT RAJA	KELANG	SIME DARBY
17	GOLCONDA	KELANG	PRIVATE	40	PULAU CAREY	KUALA LANGAT	SIME DARBY
18	SUNGAI TERAP	KUALA SELANGOR	PRIVATE	41	SUNGAI YU	KUALA SELANGOR	PRIVATE

19	TUAN MEE	KUALA SELANGOR	KLK	42	CALDONIA	KUALA SELANGOR	KLK
20	COALDFIELD	KUALA SELANGOR	SIME DARBY	43	BUKIT TALANG	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
21	KAMASAN	KUALA SELANGOR	SIME DARBY	44	SELANGOR RIVER	KUALA SELANGOR	SIME DARBY
22	SHALIMAR	KUALA SELANGOR	SIME DARBY	45	TELUK MERBAU	SEPANG	SIME DARBY
23	VALAMBROSA	KELANG	( TAMAN)	46	BISTARI JAYA	KUALA SELANGOR	PRIVATE

# tulisan merah adalah ladang yang mengikuti program WALA Selangor.

Sehingga kini WALA Selangor telah berjaya memperluaskan program kepada 21 Ladang ( *tulisan merah* ) di seluruh Negeri Selangor dengan penyertaan seramai 602 orang.

Bil	Nama Ladang	Daerah	Jumlah Peserta
1	Bukit Darah	Petaling	19
2	Elmina	Kuala Selangor	16
3	Bukit Cerakah	Kuala Selangor	61
4	Bukit Gadong	Selangor	14
5	Kelang	Kuala Langat	10
6	Subang	Petaling	12
7	Kerling	Ulu Selangor	8
8	Bukit Ijok	Kuala Selangor	8
9	Manmouth	Kuala Selangor	23
10	Bkt Lagong	Gombak	15
11	Tenamaran	Kuala Selangor	33
12	Sungai Buloh	Kuala Selangor	26
13	Bukit Kloh	Kuala Selangor	15
14	Rasa Musa	Kuala selangor	56

15	Golconda	Kelang	27
16	Pulau Carey	Kuala Langat	71
17	Sungai Terap	Kuala Selangor	60
18	Kamasan	Kuala Selangor	27
19	Selangor River	Kuala Selangor	21
20	Shalimar	Kuala Selangor	14
21	Bistari Jaya	Kuala Selangor	66
		<b>Jumlah</b>	<b>602</b>

( Lampiran 2

## TAHAP PENCAPAIAN DARI HASIL PROGRAM YANG DIJALANKAN KEPADA PESERTA

Melalui program bengkel@latihan yang dijalankan terdapat diantara peserta yang berjaya menghasilkan produk yang berkualiti untuk mereka menjadikan sumber pendapatan sampingan.

Berikut adalah senarai peserta yang mempunyai daya keinginan untuk menjadikan program ini sebagai batu loncatan bagi pendapatan tambahan ;

BI L.	NAMA PESERTA	LADANG	NO.K/P	JENIS PERNIAGAAN	PENDAPATAN
1.	RATHA A/P ALLEGAVELLU	KERLING	781205-06-5006	KALUNG BUNGA MALAI	RM150.00
2.	PALANIAMMAH A/P PERIASAMY	CAREY	650615-10-5576	MANIK	RM80.00
3.	RAMLAH BT MD.ALI	CAREY	660107-02-6264	KRAF	RM80.00
4.	LETCHIMI A/P MARI	TENNAMAR AM	670623-10-5566	KAIT BENANG KALUNG BUNGA	RM 50.00
5.	SALUTHUMAR Y A/P AROKIAM	TENNAMAR AM	640824-10-7034	KEK DAN BUN	RM 20.00 SEHARI
6.	SATIWANIMUTHU A/P PONNURENGA	TENNAMAR AM	650621-10-5388	KAIT BENANG	RM 60.00
7.	ANURATHA A/P RAJINDERAN	TENNAMAR AM	830524-10-5886	KAIT BENANG	RM 60.00
8.	ELENGESWARY A/P MUNIANDY	ELMINA	780501-08-6384	KAIT BENANG/BAKUL	RM 150.00- RM 200.00
9.	VASUKI A/P SELLAN	ELMINA	870318-56-5570	INAI / BAKUL	RM 50.00- RM 100.00
10.	THENMOLI A/P GUNASEGARAN	BUKIT CHERAKAH	900513-10-5210	INAI	RM 20.00
11.	SALOME A/P SIVAMAYAM	BUKIT CHERAKAH	941005-10-6344	MANIK	RM 100 – RM200/ BULAN
12.	VIMALA A/P MARIAPPAN	BUKIT CHERAKAH	760727-10-5260	MANIK	RM50.00

13	SARASWATHI A/P RAJOO	BKT.CHERA KAH	710728-08- 5622	MURUKU/KEK /BUN/LADOO	RM 300.00
14	JOLLYMATHE W	GADONG	660530-75- 5026	MURUKU	BERKUMPULAN RM500/BULAN
15	KRISHNAVENI A/P RAJAMANIKAM	GADONG	730101-10- 6686	MURUKU	
16	LEELA A/P NADARAJAN	GADONG	770517-14- 5482	MURUKU	
17	MANAMANI A/P MUNISAMY	GADONG	520720-10- 5310	MURUKU	
18	MANONMANY A/P MUNUSAMY	GADONG	490609-10- 5246	MURUKU	
19	POONGAVANA M A/P BEEMAN	GADONG	490425-10- 5268	MURUKU	
20	R.SHANTI A/P RAGHAYAN PILLAI	GADONG	670811-04- 5062	MURUKU / MANIK	
21	SUGANTHI A/P RAMAN	GADONG	701111-01- 6286	MURUKU	
22	TAMIL SELVI A/P KRISHNSAMY	GADONG	800715-10- 5136	MURUKU / MANIK	



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : KEMUDAHAN AHLI MAJLIS MESYUARAT**

68. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Nyatakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk Dato', Menteri Besar?
  - b) Apakah kemudahan yang diperolehi oleh Ahli-ahli Ex-Oficio?
  - c) Apakah kemudahan untuk Ahli-ahli EXCO yang lain?

**JAWAPAN :**

- a) Selaras dengan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 1980, Menteri Besar selaku Anggota Pentadbiran layak diberi saraan berupa gaji bulanan dan berhak selain daripada gaji, mendapat elaun-elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya sebagai Ahli Dewan Negeri. Sebagai Anggota Pentadbiran juga, Menteri Besar berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut apa-apa kadar dan atas apa-apa had dan syarat sebagaimana ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dari masa ke semasa. Menurut seksyen kecil (3) seksyen 6 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980, Majlis Mesyuarat Kerajaan menentukan supaya elaun-elaun dan keistimewaan bagi Menteri Besar adalah layak dinyatakan atas kadar-kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan antaranya ialah elaun keraian, kelayakan perjalanan, kemudahan perubatan termasuk di beberapa hospital swasta yang disenaraikan dan lain-lain yang ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dari masa ke semasa.
- b) Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri, selaku ahli-ahli Ex-officio Majlis Mesyuarat Kerajaan, selain daripada gaji-gaji yang diterima dan elaun-elaun yang dinikmati oleh mereka sebagai pegawai-pegawai Awam, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 juga menetapkan bahawa mereka layak diberi apa-apa elaun dan keistimewaan lain yang ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dari semasa ke semasa. Menurut seksyen 12 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980, selain elaun dan keistimewaan yang diterima sebagai penjawat awam, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menetapkan bahawa ahli-ahli Ex-officio layak menerima antaranya elaun mesyuarat, elaun khas/ikhtisas, elaun cuti khas, kemudahan perubatan termasuk

di hospital swasta yang disenaraikan dan kemudahan lain yang ditetapkan Majlis Mesyuarat Kerajaan dari semasa ke semasa.

- c) Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 menetapkan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan layak menerima saraan dalam bentuk gaji bulanan dan sebagai Ahli Dewan Negeri, mereka berhak selain gaji yang dinyatakan dalam seksyen kecil (1) Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980, mendapat elaun bulanan yang kena dibayar kepadanya. Selain itu, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan juga berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan lain mengikut kadar, had dan syarat sebagaimana ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dari masa ke semasa. Menurut seksyen kecil (3) seksyen 6 Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menentukan supaya elaun-elaun dan keistimewaan bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah dinyatakan atas kadar dan syarat yang ditetapkan antaranya ialah elaun Pengerusi Jawatankuasa Tetap, kemudahan perubatan termasuk di hospital swasta yang disenaraikan, kakitangan pejabat yang terdiri daripada Setiausaha Kerja, Pegawai Kerani dan Pemandu serta elaun perayaan sekali setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK RAKYAT DI BANDAR**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa unitkah rumah mampu milik yang akan di bina di kawasan bandar dalam tempoh 4 tahun?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat membantu pembeli yang mengalami kesukaran dalam membuat pinjaman bank?
- c) Nyatakan kawasan rumah mampu milik yang bakal dibina mengikut PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 29 projek terdiri daripada 9,550 unit rumah mampu milik di kawasan Bandar yang di jangka akan di bina dalam tempoh 4 tahun ini. Kawasan tersebut meliputi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang. Senarai terperinci 29 projek rumah mampu milik tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Kerajaan Negeri mengambil perhatian terhadap kegagalan pembeli rumah kos rendah bagi mendapatkan pinjaman bank. Usaha untuk membantu golongan ini diperluaskan dengan cadangan Skim Pembiayaan Khas Rakyat (SPKR) yang masih dalam proses perbincangan dengan pihak bank.
- c) Untuk makluman Y.B, sehingga kini kerajaan negeri telah mensasarkan sebanyak 44 projek yang melibatkan lebih kurang 18,372 unit Rumah Mampu Milik Selangorku yang bakal dibina di seluruh negeri Selangor. Sasaran ini adalah melibatkan projek- projek yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), perancangan yang dibuat oleh anak syarikat kerajaan negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Senarai terperinci 44 projek rumah mampu milik tersebut mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **Lampiran B**.

**LAMPIRAN A**

Jadual 1 : Perincian 29 Projek Rumah Mampu Milik Di Kawasan Bandar

## A) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Lot 68252 Hingga Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 117490) Mukim Kajang, Hulu Langat	Regal Form Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	Lot 1024, Mukim Cheras, Hulu Langat	TJ Land Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
3.	Lot 43783, Mukim Kajang, Hulu Langat.	TPPT Sdn. Bhd.	57
4.	Rayuan Untuk Mengubah Jenis Pembangunan Di Mukim Cheras, Hulu Langat Daripada RKR, RKSR Dan RKS Kepada Rumah Mampu Milik	Luxhome Property Sdn. Bhd	Belum Dimuktamadkan
5.	Lot 1603 Dan 1916, Mukim Semenyih, Hulu Langat	D-Hill Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
6.	Permohonan Rayuan Meminda Kelulusan Mmkn Bagi Mengubah Komponen RKR Kepada Rumah Mampu Milik Semenyih, Hulu Langat	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	90
7.	GRN 236131 Lot 11397, Mukim Beranang, Hulu Langat Seluas 14.66 Hektar (36.225)	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	628
8.	GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Hulu Langat Seluas 7,183 Mp (1.7748 Ekar).	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan

B) Majlis Perbandaran Klang (MPK)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	Rayuan Pengecualian Penyediaan RKR, RKSR Dan RKS Kepada 30% Rumah Milik Di PT 18288, Mukim Klang, Klang.	Selaman Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	Rayuan Pengecualian 785 Unit RKR Dan 110 Kedai Kos Rendah Kepada Kolam Takungan Air Digantikan 785 Unit Dan 110 Unit Rumah Mampu Milik Di Tapak Ganti Bandar Botanic, Klang	Harum Intisari Sdn. Bhd.	110
3.	Jalan Md Sidin, Klang	PKNS	210

C) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	Rayuan Meminda Rumah Pangsa Kos Rendah Kepada Mampu Milik Di Atas Lot 8093, Shah Alam, Petaling	PKNS / Debbin Sdn. Bhd.	104
2.	Seksyen U10, Shah Alam, Petaling	PKNS	600
3.	Seksyen U12, Shah Alam, Petaling	PKNS	850
4.	Rayuan Meminda Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah Dan Rumah Kos Sederhana Kepada Rumah Mampu Milik Di Atas PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643, Shah Alam, Petaling	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	536
5.	GRN 95250 (Lot 243 ) Dan GRN 53921 (Lot 395 Dan Lot 397), Mukim Sungai Buloh, Petaling.	PPC Glomac Sdn. Bhd.	471

D) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Rayuan Meminda Rumah Kos Rendah Kepada Rumah Mampu Milik Di Atas Hakmilik HS(D) 239875 (PT 9815) HS(D) 239874 (PT 9814), Pekan Baru Sungai Buloh, Petaling.	PNSB / Semponia Sdn. Bhd.	236

E) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	GRN 57646 Lot 1333 Seluas 16.6 Ekar Di Taman Puchong Utama, Pekan Puchong Perdana, Petaling	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	420
2.	Lot HS(D) 247473 PT 78441 Seluas 2.48 Ekar Dan Lot HS(D) 247472 PT 78440 Seluas 1.66 Ekar, Petaling	Leo Vista Sdn. Bhd.	316
3.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling, Petaling	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	120

F) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Gombak	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	Sebahagian PT 5039 HS(D) 73845, Sg Sering, Hulu Kelang, Daerah Gombak	LPHS	2,496

G) Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Lot 1048, Bandar Kundang Ke Atas Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Gombak	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	PN 91816 Lot 24673 Di Bandar Kundang, Gombak	Major Land Development Sdn. Bhd.	488
3.	Pindaan Pembangunan Bagi Syarat Penyediaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah Dan 10% Rumah Kos Sederhana, Rawang, Gombak	Alimach Holdings Sdn. Bhd.	46
4.	Hakmilik HSD 65295 PT 1042 Di Bandar Kundang Daerah Gombak Seluas 0.4982 Hektar (1.231 Ekar).	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd.	92
5.	Kg Seri Temenggung, Selayang, Gombak	PKNS	418
6.	Seksyen 5, Kota Puteri, Rawang, Gombak	PKNS	198
7.	Kota Puteri, Rawang, Gombak	PKNS	1,064

**LAMPIRAN B**

Jadual 1 : Senarai 44 Projek Rumah Mampu Milik Mengikut  
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

## H) Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Lot 68252 Hingga Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 117490) Mukim Kajang, Hulu Langat	Regal Form Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	Lot 1024, Mukim Cheras, Hulu Langat	TJ Land Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
3.	Lot 43783, Mukim Kajang, Hulu Langat.	TPPT Sdn. Bhd.	57
4.	Rayuan Untuk Mengubah Jenis Pembangunan Di Mukim Cheras, Hulu Langat Daripada RKR, RKSR Dan RKS Kepada Rumah Mampu Milik	Luxhome Property Sdn. Bhd	Belum Dimuktamadkan
5.	Lot 1603 Dan 1916, Mukim Semenyih, Hulu Langat	D-Hill Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
6.	Permohonan Rayuan Meminda Kelulusan Mmkn Bagi Mengubah Komponen RKR Kepada Rumah Mampu Milik Semenyih, Hulu Langat	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	90
7.	GRN 236131 Lot 11397, Mukim Beranang, Hulu Langat Seluas 14.66 Hektar (36.225)	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	628
8.	GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Hulu Langat Seluas 7,183 Mp (1.7748 Ekar).	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan



I) Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	HS(D) 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491, Mukim Ijok, Kuala Selangor Seluas 2.64 Hektar (6.51 Ekar)	Seristana Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 Dan Lot 469, Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Kuala Selangor	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
3.	Hakmilik HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Kuala Selangor	SAP Holding Berhad	276
4.	Cadangan Pembangunan Perumahan Dan Perniagaan Di Atas Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujung Permatang, Kuala Selangor	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	34

J) Majlis Perbandaran Klang (MPK)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	Rayuan Pengecualian Penyediaan RKR, RKSR Dan RKS Kepada 30% Rumah Milik Di PT 18288, Mukim Klang, Klang.	Selaman Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	Rayuan Pengecualian 785 Unit RKR Dan 110 Kedai Kos Rendah Kepada Kolam Takungan Air Digantikan 785 Unit Dan 110 Unit Rumah Mampu Milik Di Tapak Ganti Bandar Botanic, Klang	Harum Intisari Sdn. Bhd.	110
3.	Jalan Md Sidin, Klang	PKNS	210

K) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Rayuan Meminda Rumah Pangsa Kos Rendah Kepada Mampu Milik Di Atas Lot 8093, Shah Alam, Petaling	PKNS / Debbin Sdn. Bhd.	104
2.	Seksyen U10, Shah Alam, Petaling	PKNS	600
3.	Seksyen U12, Shah Alam, Petaling	PKNS	850
4.	Rayuan Meminda Rumah Kos Rendah, Rumah Kos Sederhana Rendah Dan Rumah Kos Sederhana Kepada Rumah Mampu Milik Di Atas PT 20028, PT 20642 Dan PT 20643, Shah Alam, Petaling	Sin Heap Lee Development Sdn. Bhd.	536
5.	GRN 95250 (Lot 243 ) Dan GRN 53921 (Lot 395 Dan Lot 397), Mukim Sungai Buloh, Petaling.	PPC Glomac Sdn. Bhd.	471

L) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Rayuan Meminda Rumah Kos Rendah Kepada Rumah Mampu Milik Di Atas Hakmilik HS(D) 239875 (PT 9815) HS(D) 239874 (PT 9814), Pekan Baru Sungai Buloh, Petaling.	PNSB / Semponia Sdn. Bhd.	236

M) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	Sebahagian Lot 13574, Mukim Panchang Bedena, Sabak Bernam	PNSB	220

N) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	GRN 57646 Lot 1333 Seluas 16.6 Ekar Di Taman Puchong Utama, Pekan Puchong Perdana, Petaling	Hillcrest Gardens Sdn. Bhd.	420
2.	Lot HS(D) 247473 PT 78441 Seluas 2.48 Ekar Dan Lot HS(D) 247472 PT 78440 Seluas 1.66 Ekar, Petaling	Leo Vista Sdn. Bhd.	316
3.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling, Petaling	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	120

O) Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	Lot 12010 (PM 46), Lot 1211 (PM 47), Lot 5034 (HSD 20589) Dan Lot 5035 (HSD 20590), Mukim Hulu Kelang, Gombak	Twin Ridge Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	Sebahagian PT 5039 HS(D) 73845, Sg Sering, Hulu Kelang, Daerah Gombak	LPHS	2,496

P) Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	Rayuan Meminda Kelulusan Mmkn Bagi Pengecualian Rumah Kos Rendah Kepada Pangsapuri Mampu Milik, Mukim Bandar, Kuala Langat	TS Development Sdn. Bhd.	440

Q) Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

BIL	PROJEK/ PERMOHONAN	PEMAJU	BILANGAN UNIT
1.	Lot 1048, Bandar Kundang Ke Atas Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Gombak	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Belum Dimuktamadkan
2.	PN 91816 Lot 24673 Di Bandar Kundang, Gombak	Major Land Development Sdn. Bhd.	488
3.	Pindaan Pembangunan Bagi Syarat Penyediaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah Dan 10% Rumah Kos Sederhana, Rawang, Gombak	Alimach Holdings Sdn. Bhd.	46
4.	Hakmilik HSD 65295 PT 1042 Di Bandar Kundang Daerah Gombak Seluas 0.4982 Hektar (1.231 Ekar).	Kumpulan Sri Jayomiesah Sdn. Bhd.	92
5.	Kg Seri Temenggung, Selayang, Gombak	PKNS	418
6.	Seksyen 5, Kota Puteri, Rawang, Gombak	PKNS	198
7.	Kota Puteri, Rawang, Gombak	PKNS	1,064

R) Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Lot 3514, Mukim Sepang, Sepang	Mainstay Development Sdn. Bhd.	28
2.	Hakmilik PM 4851 Lot 786 dan PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Sepang	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	178
3.	Hakmilik HSD 18934 PT 35294, HSD 18935 PT 35295 dan HSD 18936 PT 35296 Di Mukim Dengkil, Sepang	Usahasama Utama Sdn Bhd	370
4.	Selangor Science Park 2, Sepang	PKNS	840

S) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)

<b>BIL</b>	<b>PROJEK/ PERMOHONAN</b>	<b>PEMAJU</b>	<b>BILANGAN UNIT</b>
1.	Projek Rumah Mampu Milik Di Seksyen 1D (Fasa 1) Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Hulu Selangor	PKNS	129
2.	Permohonan Rayuan Keputusan Mmkn Bagi Menukar Komponen Rumah Pangsa Kos Rendah Kepada Rumah Pangsa Mampu Milik Di Seksyen 1 Antara Gapi Bandar Sungai Chik, Hulu Selangor	PKNS	80
3.	Antara Gapi, Hulu Selangor	PKNS	1,227

4.	Permohonan Rayuan Keputusan MMKN Bagi Menukar Komponen Rumah Pangsa Kos Rendah Kepada Rumah Pangsa Mampu Milik Di Taman Keruing Rasa, Mukim Batang Kali, Hulu Selangor	PKNS	Belum Dimuktamadkan
5.	Bernam Jaya, Hulu Selangor	PKNS	5,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : PIHAK BERKUASA AGAMA**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan matlamat, fungsi dan kuasa yang ada padan pihak berkuasa agama seperti MAIS, JAIS dan sebagainya?
- b) Apakah cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak ini?
- c) Bagaimanakah badan-badan ini dapat berfungsi baik selaras dengan matlamat penubuhannya?

**JAWAPAN:**

- a) Secara umumnya, penubuhan pihak berkuasa agama adalah bermatlamat menjaga kemaslahatan orang Islam dalam negeri Selangor selaras dengan maqasid Syariah.

MAIS merupakan pihak berkuasa yang bertanggungjawab:

1. membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan,
2. bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah, serta;
3. menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan Hukum Syarak.

JAIS bertanggungjawab melaksanakan pengurusan hal ehwal Islam terutamanya dalam perkara-perkara yang berhubung dengan dakwah, pengurusan undang-undang keluarga, pendidikan Islam, pengurusan masjid, penyelidikan, penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan.

Jabatan Mufti Negeri Selangor bertanggungjawab dalam perkara-perkara penetapan hukum Syarak.

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran kehakiman.

- b) Cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak ini dalam melaksanakan tugasnya, antara lain adalah seperti berikut:
1. Mentadbir dan memenuhi keperluan orang Islam dengan sumber-sumber terhad,
  2. Kewujudan campurtangan yang tidak perlu oleh pihak-pihak berpengaruh dalam menjalankan tugas, dan;
  3. Bekerja dengan nilai-nilai baik secara konsisten dalam merempuh persepsi negatif pelbagai pihak.
- c) Badan-badan ini dapat berfungsi baik selaras dengan matlamat penubuhannya antara lain dengan:
1. Semua pihak memberikan kerjasama yang baik dalam pelaksanaan sesuatu kerja, permohonan sesuatu perkhidmatan dan sebagainya,
  2. Semua pihak memupuk budaya mendapatkan maklumat dari sumber pertama dan menyingkirkan persepsi negatif. Sebagai contoh, jika membuat permohonan, bertanyalah kepada jabatan berkenaan berapa tempoh masa yang diambil. Bukan menetapkan persepsi 'lambat' dan seumpamanya. Walhal, permohonan yang hampir serupa di tempat lain juga biasanya mengambil tempoh yang sama. Contoh lain ialah berfikiran bahawa sesuatu jabatan itu cenderung kepada pihak tertentu, dan;
  3. Semua pihak ikut peraturan yang ditetapkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: 10 JENIS PENYAKIT MENGANCAM NYAWA**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan 10 jenis penyakit mengancam nyawa yang tertinggi di Selangor.
- b) Nyatakan perancangan kerajaan untuk menangani dan mencegah penyakit-penyakit tersebut

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah 10 jenis penyakit yang mengancam nyawa yang tertinggi di Selangor.

<b>NO.</b>	<b>PERKARA</b>
1	Penyakit jantung
2	Kanser
3	Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah
4	Kegagalan Buah Pinggang
5	Tuberculosis
6	Kencing manis
7	Jangkitan kuman dalam darah
8	Radang paru-paru
9	Penyakit Asma
10	Keracunan

b) Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut:

- 1) Mengamalkan cara hidup sihat seperti mengambil makanan yang seimbang, melakukan senaman dengan kerap dan bijak menangani tekanan.
- 2) Mengesan awal penyakit barah dengan melakukan ujian saringan seperti pap smear dan mammogram.
- 3) Menjalankan kempen kebersihan bagi mencegah wabak Denggi.
- 4) Memberi pendidikan kesihatan bagi mengelakkan mengambil makanan yang telah tercemar.
- 5) Menjalankan rawatan susulan yang kerap ke atas pesakit kencing manis bagi mengelakkan kegagalan buah pinggang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK : HAK MILIK TANAH AHLI JAWATANKUASA BERTINDAK KAMPUNG  
ORANG ASLI PULAU KEMPAS**

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengembalikan hak dan kuasa milik tanah Ahli Jawatankuasa Bertindak Kampong Orang Asli Pulau Kempas Banting berkenaan pihak luar mencerooh kawasan dan tanaman kelapa sawit (MC10) Mukim Tanjung 12, Kuala Langat Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat ingin memaklumkan bahawa kawasan dan tanaman kelapa sawit MC10 Mukim Tanjung Duabelas masih dalam proses tuntutan orang asli di mahkamah. Kerajaan negeri akan mengambil tindakan selaras dengan keputusan yang akan dibuat oleh pihak mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peratus kejayaan pemutihan kilang haram dari 2008 hingga 2013?
- b) Adakah Kerajaan Negeri melonggarkan syarat teknikal PBT supaya dapat mempercepatkan kaedah pemutihan?
- c) Apakah langkah yang akan diambil terhadap pengusaha-pengusaha kilang haram yang enggan diputihkan?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran telah mula dilaksanakan pada tahun 2006. Untuk makluman Yang Berhormat, peratusan kejayaan pelaksanaan program tersebut dari tahun 2008 sehingga 2013 adalah sebanyak 45.38%.
- b) Kerajaan Negeri telah meluluskan Garis panduan Syarat Teknikal Minima Pihak Berkuasa Tempatan di dalam Program Pemutihan Kilang Haram yang memberi kelonggaran kepada pemilik tanah dan pengusaha kilang supaya mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang ke PBT. Garis panduan tersebut dapat dirujuk seperti di **Lampiran A**.
- c) Bagi menyelesaikan masalah pemilik tanah dan pengusaha kilang yang tidak menyertai Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 10/2014 yang bermesyuarat pada 12 Mac 2014 telah bersetuju supaya satu kajian terperinci dilaksanakan ke atas pengusaha kilang haram yang enggan diputihkan. Kajian tersebut akan dijalankan oleh *Department of Urban and Regional Planning, Kulliyah of Architecture and Environmental Design (KAED), International Islamic University Malaysia (UIAM)*.

**SYARAT TEKNIKAL MINIMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN JABATAN-JABATAN TEKNIKAL  
BAGI PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN**

**JABATAN PERANCANGAN**

BIL.	PERKARA	PIAWAIAN PERANCANGAN <sup>1</sup>	SYARAT MINIMA
1.	Surau	Tempat wuduk berasingan 1.219m x 0.610m (4 kaki x 2 kaki)	Sedia ada di tapak
2.	Kawasan Plint	60%	Sedia ada di tapak
3.	Jalan Awam	66 kaki	RT / RKK / Pelan Induk / Pelan Susunatur
4.	Kilang tiada anjakan bangunan	Bahagian yang termasuk di dalam anjakan bangunan akan dirobuhkan atau didenda.	Dibenarkan dijadikan kilang berkembar atau teres dengan aktiviti yang bersesuaian
5.	Kantin	2 % daripada jumlah keluasan lantai binaan 0.5 % drp jumlah keluasan lantai binaan (gudang)	Sedia ada di tapak
6.	Anjakan Bangunan	Kilang Sesebuah/ Berkembar a. Menghadap jalan - 40 kaki b. Sempadan Bersama - 25 kaki c. Lorong Belakang	20 kaki 13 kaki 15 kaki

## LAMPIRAN A

7.	Ketinggian Bangunan	Ketinggian Maksima bangunan - 6 tingkat (25.5 m)	Sedia ada di tapak
8.	Saiz Lot Kilang Teres	Minima 20 kaki x 80 kaki	Sedia ada di tapak
9.	Panjang Lot Teres	Maksima 320 kaki	Sedia ada di tapak
10.	Langkau Api	Minima 40 kaki	Tertakluk kepada sokongan BOMBA
11.	Dinding Pemisah	Tiada	Tertakluk kepada sokongan BOMBA
12.	Perimeter Planting	3 m (10 kaki)	Perlu disediakan 1 meter atau tertakluk kepada keadaan tapak sedia ada
13.	Permohonan Kebenaran Merancang (KM) Pelan Susunatur & Pelan Bangunan (Sokongan Jabatan Perancangan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan KM perlu dikemukakan untuk kelulusan</li> <li>• Mendapatkan ulasan untuk pelan susunatur daripada Jabatan Teknikal: JKR, JPS, JPP</li> <li>• Permohonan pelan bangunan (PB) hanya boleh dikemukakan setelah KM diperolehi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ulasan JKR, JPS dan IWK boleh dikecualikan sekiranya pelan infrastruktur keseluruhan kawasan kilang tanpa kebenaran disediakan.</li> <li>• Permohonan KM boleh dikemukakan serentak dengan PB.</li> </ul>
14.	Tempat Letak Kenderaan		
	<b><u>Pengeluaran</u></b>	<u>Tempat Letak Kereta (TLK):</u> 1 unit untuk setiap 139.3 mp (1,500 kp) ruang lantai + 10 % daripada jumlah TLK untuk pelawat	Sedia ada di tapak

## LAMPIRAN A

		<u>Tempat Letak Motosikal (TLM):</u> 1 unit untuk setiap 185.8 mp (2000 kp) atau 1 unit untuk setiap 4 orang pekerja	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Lori (TLL):</u> 1 unit untuk setiap 929.0 mp (10000 kp)	Sedia ada di tapak
	<b><u>Stor</u></b>	<u>Tempat Letak Kereta (TLK) :</u> 1 unit untuk setiap 232.2 mp (2,500 kp) ruang lantai + 10 % daripada jumlah TLK untuk pelawat	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Motosikal (TLM):</u> 1 unit untuk setiap 185.8 mp (2000 kp) atau 1 unit untuk setiap 4 orang pekerja	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Lori (TLL):</u> 1 unit untuk setiap 929.0 mp (10000 kp)	Sedia ada di tapak
	<b><u>Pejabat</u></b>	<u>Tempat Letak Kereta (TLK):</u> 1 unit untuk setiap 46.4 mp (500 kp) ruang lantai + 10 % daripada jumlah TLK untuk Pelawat	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Motosikal (TLM):</u> 1 unit untuk setiap 185.8 mp (2000 kp)	Sedia ada di tapak

		atau 1 unit untuk setiap 4 orang pekerja	
--	--	--	--

**Nota:**

- <sup>1</sup> Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor, Edisi Kedua, Oktober 2010.**
- <sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.**



## JABATAN BANGUNAN

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
1.	Perincian Pelan Lantai	a. Menyediakan longkang dan apron sekeliling bangunan b. Kemasan dinding dari jenis ubin gerlis pada dapur hingga ke paras 5'0" dan pada tandas hendaklah sehingga ke paras siling c. Tembok penahan ( jika ada) d. Telaga udara ( <i>airwell</i> )	Tertakluk kepada pelan kelulusan BOMBA
2.	Pelan tampak pandangan hadapan, belakang dan tepi	Kedudukan paip bolong (RWDP) hendaklah ditanam di bawah apron	
3.	Pelan Keratan membujur dan melintang	a. Palong ( <i>gutter</i> ) b. Tunjukkan kedudukan tangki air hendaklah di dalam kerangka bumbung	
4.	Pelan Bumbung	Menyediakan <i>gutter</i> (palong) pada setiap bumbung	

<p>5.</p>	<p>Pelan-pelan perincian berikut perlu dikemukakan:</p>	<p>Penyimpanan sampah (<i>Refuse Bin Chamber</i>)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tempat pembuangan sampah (6 kaki x 6 kaki x 8 kaki min)</li> <li>ii. Kebuk sampah bagi kilang teres (600mm x 600mm x 900mm min)</li> </ol>	<p>Tong sampah yang bersesuaian diperlukan.</p>
<p>7.</p>	<p>Keperluan-keperluan tambahan untuk pembinaan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>a. Ruang makan kantin hendaklah disediakan sekurang-kurangnya 4 buah basin basuh tangan (jika ada)</li> <li>b. Ruang ablution yang berasingan untuk lelaki dan wanita (jika ada) <ul style="list-style-type: none"> <li>• disediakan drop antara 'ablution' dan ruang sembahyang</li> <li>• disediakan 'step' dan 'scupper drain' pada ablution</li> <li>• ketinggian dinding tiles minima 7 kaki</li> </ul> </li> <li>c. Mengadakan 'litter bin' dengan nisbah 1:10 di tempat letak kereta dan 1:20 di tempat letak motosikal</li> <li>d. Mengemukakan surat permohonan kelulusan ke Jabatan lanskap yang disahkan terima oleh Jabatan Lanskap atau kelulusan pelan senitaman dari Jabatan Lanskap.</li> </ol>	<p>Sedia ada di tapak</p>

		e. Mengemukakan surat pengesahan penggunaan 60% bahan-bahan tempatan	
8.	Denda Pelan Bangunan		Dikenakan 10 x ganda

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan **Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.**

## JABATAN KEJURUTERAAN

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
1.	<p><u>Keperluan Am</u></p> <p>i. Jenis pelan yang dikemukakan hendaklah seperti berikut:</p> <p>a. Pelan Kunci dan pelan lokasi terkini</p> <p>b. Pelan Tapak</p> <p>c. Pelan-pelan perincian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jalan cadangan</li> <li>- Persimpangan keluar/masuk</li> <li>- Susur jalan dan paip erong</li> <li>- Pejalan kaki</li> <li>- Lurang penyelerasan</li> </ul>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
2.	<p>Salinan ulasan atau kelulusan bertulis daripada agensi-agensi berikut hendaklah dikemukakan :</p> <p>a. Jabatan Kerja Raya</p> <p>b. Jabatan Pengairan dan Saliran</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>

<p>3.</p>	<p><u>Keperluan Pelan Tapak:</u></p> <p>i. Pelan hendaklah diwarnakan seperti berikut:</p> <p>a. Susur jalan cadangan - hitam putus- putus</p> <p>b. Pejalan kaki cadangan - coklat</p> <p>ii. Perkara-perkara berikut hendaklah ditunjukkan:</p> <p>a. Kedudukan susur jalan dan parit erong</p> <p>b. Kedudukan lurang penyelarasan</p> <p>iii. Semua pemasangan utiliti hendaklah dibuat dalam tanah dan hendaklah dicatat dipelan</p> <p>iv. Susur jalan hendaklah dipasang dikeseluruhan tepian jalan</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>

<p>v. Lorong menirus (<i>taper lane</i>) hendaklah diadakan diselekeh persimpangan keluar/masuk dengan ukuran panjang seperti berikut:</p> <p>a. Pertemuan dengan simpanan jalan 30m dan 40m - 30m</p> <p>b. Pertemuan dengan simpanan jalan 12m, 15m dan 20m - 15m</p> <p>v. Ukuran lebar persimpangan keluar/ masuk hendaklah tidak melebihi 15m dan tiada kurang dari 10m</p> <p>vi. Pejalan kaki hendaklah diadakan ditepi persimpangan keluar/masuk dengan ukuran lebarnya mengikut lebar pejalan kaki sediaada.</p> <p>vii. Kecerunan minima longkang cadangan hendaklah 1:200</p> <p>viii. Longkang cadangan hendaklah</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
---	--	---

	<p>menggunakan parit konkrit bertetulang bergaris pusat 225mm minima</p> <p>ix. Takungan (sump) hendaklah diadakan di setiap pertemuan longkang</p> <p>x. Lurang penyelenggaraan hendaklah diadakan pada jarak longkang 15m</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
4.	<p><u>Perincian Jalan</u></p> <p>i. Jalan cadangan hendaklah menggunakan mana-mana jenis berikut:</p> <p>a. Berturap</p> <p>b. Interlocking pavement</p> <p>c. Slab konkrit bertetulang</p> <p>ii. Lapisan <i>wearing course premix</i> dan <i>binder course premix</i> hendaklah menggunakan jenis "a concrete"</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Kekal</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>

## LAMPIRAN A

	<p>iii. Kecerunan permukaan jalan melintang hendaklah 1:40 kearah longkang</p> <p>iv. Susur jalan hendaklah menggunakan jenis '<i>continuous kerb</i>'</p> <p>v. Lebar dan jenis pejalan kaki ditepi persimpang keluar/masuk hendaklah mengikut pejalan kaki sediaada</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
	<p>vi. Ketinggian susur jalan di atas permukaan jalan hendaklah 150mm</p> <p>vii. Parit erong hendaklah menggunakan jenis paip bersilau bergaris pusat 225mm</p> <p>viii. Penanda garisan dipermukaan jalan hendaklah menggunakan cat jenis thermoplastic</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>



<p>5.</p>	<p><u>Perincian Longkang</u></p> <p>i. Longkang hendaklah menggunakan jenis:</p> <p>a. paip konkrit bertetulang bergarispusat 225mm minima</p> <p>ii. Bagi longkang jenis bersilau separuh bulatan:</p> <p>a. ukuran minima longkang hendaklah seperti berikut:</p> <table style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th>saiz (mm)</th> <th>lebar (mm)</th> <th>kedalaman (mm)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>225</td> <td>375</td> <td>300</td> </tr> <tr> <td>300</td> <td>450</td> <td>500</td> </tr> <tr> <td>450</td> <td>600</td> <td>1000</td> </tr> </tbody> </table> <p>b. Tembok longkang hendaklah menggunakan jenis konkrit bertetulang dan dibina tupang (<i>strut</i>) konkrit bertetulang berukuran 100mm x 100mm bagi kedalaman melebihi 1.5m</p>	saiz (mm)	lebar (mm)	kedalaman (mm)	225	375	300	300	450	500	450	600	1000	<p>Ada</p>             <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p>             <p>Kekal</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>     <p>Dikecualikan</p>
saiz (mm)	lebar (mm)	kedalaman (mm)													
225	375	300													
300	450	500													
450	600	1000													

	<p>c. Keseluruhan longkang hendaklah ditutup dengan slab konkrit bertetulang setebal 100mm</p> <p>d. Tembok berhadapan (<i>wing wall</i>) setinggi 300mm hendaklah diadakan di tepi lintasan di atas longkang awam.</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
6.	<p><u>Perincian Pagar Sempadan</u></p> <p>i. Ruang antara pagar sempadan hadapan dan longkang awam hendaklah dilepa konkrit setebal 75mm</p>	<p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p>
7.	<p><u>Ulasan Tambahan</u></p> <p>i. Pelan kerjatanah hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu</p> <p>ii. Pelan infrastruktur utama hendaklah mendapat kelulusan dahulu</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan **Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.**

## JABATAN TAMAN &amp; REKREASI

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
1.	Pengindahan Bangunan  a. Depan  b. Sisi Bangunan  c. Belakang	Dilandskap  Dilandskap  Dilandskap	Pelan Lanskap tidak perlu dikemukakan tetapi lanskap perlu ditunjukkan di dalam pelan susunatur dalam pelan bangunan
2.	Teduhan di Tempat Letak Kereta	Dilandskap	
3.	Keliling sempadan kilang	Dilandskap	
4.	Jalan masuk	Dilandskap	

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

**SYARAT TEKNIKAL MINIMA JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR  
(UNTUK KELULUSAN PERMOHONAN LESEN)**

BIL.	PERKARA	SYARAT-SYARAT ASAS	SYARAT MINIMA BAGI KILANG MAKANAN DAN MINUMAN	SYARAT MINIMA
1.	Struktur Bangunan	Lantai - hendaklah dibina dari bahan-bahan yang kalis air, tidak licin, berwarna cerah, berkeadaan bersih, senang dicuci serta diselenggara.	Boleh dibina dari simen dengan permukaan yang rata dan dicatkan dengan warna yang cerah dan senang dicuci.	Boleh dibina dengan simen dan senang dicuci.
		Bangunan hendak dibina tanpa penjuru pada bahagian sambungan lantai dengan dinding, diantara dinding dengan dinding dan perparitan.	Dikekalkan	Dikecualikan
		Dinding – hendaklah dibina dari bahan kalis air, berwarna cerah, berkeadaan bersih dan senang dicuci serta diselenggara.	Boleh dibina dari simen dengan permukaan yang rata dan dicatkan dengan warna yang cerah dan senang dicuci.	Dikecualikan

## LAMPIRAN A

		Siling – Perlu ada di kawasan penyediaan makanan dalam keadaan bersih, tidak berminyak serta bersawang.	Dikekalkan	Dikecualikan
2.	Bilik Persalinan Pakaian	Hendaklah disediakan bilik persalinan secara berasingan mengikut jantina.	Dikekalkan	Dikecualikan
3.	Pemakaian Uniform (Pakaian Bersih)	Hendaklah sentiasa memakai pakaian bersih, apron, penutup kepala dan lain-lain.	Dikekalkan	Dikecualikan
4.	Stor	Barang siap hendaklah disimpan secara berasingan mengikut tahap suhu yang bersesuaian.	Dikekalkan	Dikecualikan
5.	Peralatan Sejuk Beku	Hendaklah disediakan dengan bilangan/ruang mencukupi mengikut kadar pengeluaran, penyimpanan secara berasingan di antara bahan mentah dan siap serta antara bahan cepat rosak. Hendaklah sentiasa diselenggara suhu, pengudaraan, susun atur diruang penyimpanan.	Dikekalkan	Dikecualikan

6.	Tempat Pemerosesan Bahan-bahan Makanan	Hendaklah dibina dari bahan yang kalis air, berkeadaan bersih, berwarna cerah dan ketinggian minima 90 cm dari lantai.	Dikekalkan	Dikecualikan
7.	Pekerja dan Anggota Pengurusan	Hendaklah menghadiri kursus asas pengendalian makanan dan menjalani pemeriksaan Kesihatan serta hendaklah sentiasa mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi serta bebas dari tanda-tanda dan gejala penyakit.	Dikekalkan	Dikecualikan

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## SYARAT TEKNIKAL MINIMA JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN NEGERI SELANGOR

SYARAT MINIMA
a) Keperluan rizab parit / rizab sungai
b) Semua sungai, parit atau kolam yang sedia ada dalam kawasan tidak boleh disekat /dilencong, dikambus atau diganggu dan sebarang kerja tanah atau menebus dalam kawasan tidak boleh dimulakan sehingga pelan saliran diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
c) Pemohon bertanggungjawab bagi pembinaan sistem saliran dalam kawasan yang akan dimajukan struktur-struktur hidrolik dan saluran keluar darinya ke sungai atau saluran utama yang dipersetujui oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, termasuk membina pembentung-pembentung dan lain-lain binaan yang diperlukan.
d) Sekiranya tiada saluran keluar dari tapak yang dipohon itu, pemohon mestilah mencadangkan saluran keluar ke sungai atau parit yang sedia ada dan pemohon bertanggungjawab meminta kebenaran bertulis dari tuan-tuan persendirian sekiranya saliran yang dicadangkan itu melalui tanah-tanah mereka.
e) Pemohon adalah dikehendaki membayar di Pejabat JPS Selangor sebanyak RM 6,000.00 seekar bagi kawasan yang di pohon. Bayaran ini hendaklah dibuat dengan Bank Draf atas nama Pengarah Pengairan dan Saliran Selangor dan jelaskan yang ditetapkan.
f) Persetujuan dasar terhadap permohonan ini tidak bermaksud atau bererti kelulusan secara langsung atau pun pada dasarnya sebarang pelan pertapakan atau 'detail' projek yang telah dimajukan bersama permohonan ini.
g) Simpanan parit / sungai dan kolam takungan adalah diperlukan dan ditentukan semasa pemohon mengemukakan permohonan kelulusan susunatur / pertapakan.
h) Pengusaha tidak dibenarkan membina sebarang struktur di dalam rizab sungai. Walau bagaimanapun Jabatan ini tiada



halangan sekiranya struktur yang dibina adalah struktur sementara.
i) Sebarang kegiatan membina struktur, binaan yang boleh menjejaskan aliran sungai serta kestabilan jajaran keratan saluran sungai serta tebingnya atau yang boleh mengakibatkan hakisan tanah atau kehilangan adalah tidak dibenarkan.
j) Pengusaha hendaklah bertanggungjawab melindungi tebing sungai (sekiranya ada) sebarang kerosakan akibat dari aktiviti-aktiviti dan pembinaan lain. Jika berlakunya kerosakan dan hakisan, adalah menjadi tanggungjawab pengusaha untuk segera membaiki dan mengawalinya (membina dan mengawalinya) (membina perlindungan – protection) dengan kos perbelanjaan sendiri.
k) Pengusaha hendaklah memastikan cadangan pembangunan ini tidak mengakibatkan pencemaran alam sekitar khasnya pencemaran air sungai.
l) Pengusaha bertanggungjawab menyelenggara kawasan tapak semasa beroperasi.

**Nota:**

<sup>2</sup> **Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.**

## SYARAT TEKNIKAL MINIMA JABATAN KERJA RAYA

CADANGAN PINDAAN SYARAT MINIMA
a) Kilang yang telah didirikan hendaklah mempunyai hubungan jalan raya yang menghubungkan ke rangkaian jalanraya utama Negeri atau Persekutuan.
b) Jalan hubungan tersebut hendaklah mempunyai permukaan yang berturap dengan lebar minimumnya 6 m. Kelonggaran ini hanya dikhususkan bagi tujuan penyelesaian terhadap masalah Kilang-kilang Tanpa Kebenaran (KTK) sahaja.
c) Jalan hubungan tersebut hendaklah terbina di atas simpanan untuk laluan awam.
d) Garis sempadan kawasan kilang yang menghadap simpanan jalan hendaklah mempunyai ruang untuk dianjakan bagi keperluan menyediakan simpanan jalan kepada lebar minimum 20 m kelak.
e) Kilang-kilang yang didirikan di atas simpanan adalah tidak disokong untuk diberi kebenaran dan hendaklah di pindahkan.
f) Struktur jalanraya yang sedia ada di kawasan KTK tidak dapat menampung beban lalulintas perindustrian dan Pihak Berkuasa Negeri perlu menyediakan peruntukan khas untuk menaiktaraf jalan-jalan tersebut.
g) Jabatan Kerja Raya Selangor adalah tidak terikat untuk menaiktaraf mana-mana jalan yang sedia ada di kawasan KTK sekiranya diberi kebenaran.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## SYARAT TEKNIKAL MINIMA JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

SYARAT MINIMA
a) Jenis-jenis kilang hendaklah seragam dan compatible dengan kilang-kilang yang bersebelahan dengannya.
b) Memastikan penyediaan zon penampungan yang mencukupi.
c) Keadaan fizikal dan rupabentuk bangunan kilang hendaklah diselaraskan dengan imej yang menggambarkan Selangor Negeri Maju.
d) Memastikan penyediaan tempat letak kereta yang mencukupi dengan menyediakan piawai minima.
e) Hanya kilang-kilang tanpa kebenaran yang telah dibanci (inventori) oleh Pihak Berkuasa Tempatan / PTD yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Kilang-kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor sahaja yang boleh dipertimbangkan dengan syarat-syarat minima.
f) Perlu mematuhi zoning dan kelas kegunaan tanah yang diwartakan di dalam Rancangan Tempatan (RT).

### **Nota:**

<sup>2</sup> **Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.**

## SYARAT TEKNIKAL MINIMA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

<b>SYARAT MINIMA</b>	
<b>I.</b>	<b>KAWALAN PENCEMARAN</b>
	a) Pemasangan peralatan kawalan pencemaran udara, air dan bunyi adalah wajib sekiranya tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dan had pelepasannya perlu mengikut standard yang telah ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan semua peraturan-peraturan dibawahnya; dan
	b) Pemasangan cerobong, alat pembakaran bahan api dan peralatan kawalan pencemaran sedia ada dalam premis Kilang Tanpa Kebenaran perlu dirujuk kepada Jabatan ini untuk kelulusan.
<b>II.</b>	<b>PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL</b>
	a) Sekiranya operasi Kilang Tanpa Kebenaran melibatkan operasi penstoran, pemerolehan kembali dan pengolahan bahan buangan terjadual, pemilik kilang perlu mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling atau 'Environmental Impact Assessment' (EIA) seterusnya mendapatkan lesen di bawah Seksyen 18, mematuhi syarat lesen sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Seksyen 16, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.
	b) Kilang Tanpa Kebenaran yang menghasilkan bahan buangan terjadual (scheduled waste generator) perlu memastikan bahawa buangan tersebut diurus sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989, yang mana buangan tersebut perlu distor dengan baik, diolah di dalam tapak atau di hantar ke premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk diolah, pemerolehan kembali (recovery) atau dilupuskan.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## SYARAT TEKNIKAL MINIMA SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR

CADANGAN PINDAAN SYARAT MINIMA
1. Mempunyai tangki simpanan yang memenuhi 1 hari permintaan air.
2. Saiz paip dan meter yang digunakan hendaklah wajar dengan kadar penggunaan air sehari
3. Kilang tanpa kebenaran yang dibangunkan didalam kawasan rezab SYABAS boleh dipertimbangkan kelulusannya dengan syarat:-
➤ Kawasan rezab SYABAS hanya merupakan tempat letak kereta, kawasan lapang, kawasan simpanan barang ringan atau kawasanyang tidak didirikan bangunan.
➤ Sewaan menggunakan tanah rezab SYABAS akan dikenakan ke atas pemohon dan kadar sewaan akan ditentukan kelak.
➤ Pemohon disyaratkan menandatangani surat perjanjian menggunakan rezab SYABAS dimana sewaan ini bersifat sementara dan SYABAS mengambilalih tanah tersebut tanpa notis.
4. Mengemukakan 3 salinan ' <i>as-built plan</i> ' untuk kerja-kerja paip dalaman untuk kelulusan rezab SYABAS dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan perancangan.

### **Nota:**

<sup>2</sup> **Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.**

**SYARAT TEKNIKAL MINIMA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)****SYARAT MINIMA**

- |  |
|--|
| a) Kilang-kilang tanpa kebenaran ini telah diberikan bekalan setelah semua keperluan dipenuhi seperti termaktub di dalam Peraturan /Panduan Bekalan Elektrik TNB.  |
| b) Seksyen 37, subseksyen 12 Cas Akta Bekalan Elektrik 1990 memperuntukkan bahawa tiada sebarang bentuk kerja atau aktiviti berhampiran dengan pemasangan elektrik TIDAK dibenarkan kecuali dengan kebenaran sah pihak berkuasa atau pemegang lesen. |

**Nota:**

- <sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

### SYARAT TEKNIKAL MINIMA JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN (JPP)

SYARAT MINIMA
a) Kawasan Individual Septic Tank (IST) mestilah bebas daripada dijadikan tempat meletak atau pemunggahan barang.
b) Kapasiti penggunaan IST mestilah tidak melebihi 30 PE dan bersamaan dengan aliran air kumbahan sebanyak 6750 liter.
c) Menyediakan zon penamparan ( <i>Buffer Zone</i> ) yang mencukupi untuk memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan termasuklah menjalankan kerja-kerja pengosongan tangki ( <i>Desludging</i> ).
d) Tanggungjawab penyelenggaraan IST adalah dibawah kendalian pemilik.
e) Mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan iaitu " <i>Guidelines For Developers Volume III, IV &amp; V</i> " yang disediakan oleh JPP.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.



## SYARAT TEKNIKAL MINIMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

### SYARAT MINIMA

1. Mengadakan pili bomba yang mencukupi jenis bertiang pengeluaran dua hala.

- Saiz paip pili bomba hendaklah bergarispusat tidak kurang 6"
- Mengadakan 2 talian hos beserta 1 unit nozel bagi setiap pili bomba (jika berkenaan)
- Jarak antara pili bomba hendaklah tidak melebihi 91 meter.

1. Mengadakan jalan akses perkakas bomba.

- Lebar bersih jalan hendaklah tidak kurang 6 meter
- Jalan hendaklah dapat menampung keberatan jentera bomba seberat 25 tan.
- Kadar jalan yang bersempadanan dengan bangunan seperti dibawah:
- 

ISIPADU BANGUNAN	KADAR PERIMETER JALAN
7000 - 28 000 meter padu	Satu perempat
28 000 - 56 000 meter padu	Satu perempat
56 000 - 84 000 meter padu	Satu perdua
84 000 - 112 000 meter padu	Tiga perempat
112 000 meter padu ke atas	Tapak pulau

3. Jarak antara bangunan kilang hendaklah tidak kurang dari 6 meter.

4. Keperluan kebomgaan bagi bangunan adalah bergantung kepada rekabentuk bangunan dan akan dikaji secara individu.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

**SYARAT TEKNIKAL MINIMA POLIS DIRAJA MALAYSIA**

**CADANGAN PINDAAN SYARAT MINIMA**

- a. Perlu mematuhi peruntukan seperti yang terkandung di dalam 'Akta Peniaga Sekendhend 1946' (Akta 189).

**Nota:**

- <sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## SYARAT TEKNIKAL MINIMA LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)

PERKARA	SYARAT MINIMA
a. Rizab Sungai	<p>Pembangunan yang melibatkan sungai haruslah mengekalkan ciri-ciri fizikalnya iaitu tidak dilencongkan, dijajarkan, dialihkan, dikecilkan, dikambus dan dikonkrit. Konsep “Pembangunan Mengikut Fizikal Sungai” perlu dilaksanakan dip peringkat perancangan selaras dengan Strategi Pengurusan Sungai Negeri Selangor Selaras Enakmen LUAS 1999 yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 30 Mei 2012.</p> <p>Sekiranya terdapat pembinaan struktur kilang yang baru, pihak pengusaha dikehendaki memohon kebenaran bertulis daripada Pengarah LUAS sebelum menjalankan aktiviti pembangunan dalam jarak 50 meter dari tebing Sungai Klang selaras dengan peruntukan perundangan Seksyen 43(1) dan Seksyen 70(1), Enakmen LUAS 1999.</p> <p>Yuran pendaftaran sebanyak RM 150.00 akan dikenakan sekali sahaja bagi permohonan Kebenaran Bertulis.</p>
	Pihak Pengusaha tidak dibenarkan untuk membina sebarang struktur di dalam sungai. Jika struktur tersebut merupakan struktur sementara, pihak pengusaha perlu melaporkan kepada pihak Lembaga.
	Sebarang pembinaan struktur yang menghalang aliran hidraulik sungai adalah tidak

## LAMPIRAN A

	dibenarkan.
	Pihak pengusaha juga digalakkan merekabentuk tebing sungai supaya lebih mesra alam seperti mengekalkan riparian plant yang tindakan sebagai pengukuhan tebing atau pembinaan penahan tebing yang menggalakkan pertumbuhan rumput dan seumpamanya.
	Pihak pengusaha juga adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan sistem saliran didalam kawasan premis masing-masing dan kualiti terhadap pelepasan efluen.
b. Abstraksi Air	Sekiranya pihak pengusaha mengebstrak air bumi atau air permukaan (sungai, tasik dan kolam), pihak pengusaha perlu memohon Lesen Abstraksi Air daripada Lembaga.
	Pendaftaran sebanyak RM 150.00 akan dikenakan sekali sahaja dan yuran lesen sebanyak RM 200.00 setiap tahun. Caj sebanyak RM 0.05 permeter padu akan dikenakan berdasarkan jumlah air yang diabstrak.
c. Pelepasan Efluen	Pihak pengusaha perlu memastikan efluen yang dilepaskan ke sungai adalah tidak mencemarkan sungai tersebut terutamanya kepada aktiviti yang berjadual di bawah Peraturan – Peraturan Pelepasan Bahan Pencemaran Negeri Selangor 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : DASAR CUKAI KERAJAAN**

74. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah dan statistik bagi rumah kos rendah di Negeri Selangor yang telah menerima manfaat daripada dasar Kerajaan Negeri untuk mengurangkan cukai pintu ?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), implikasi hasil ke atas pelaksanaan dasar diskaun 25% cukai taksiran bagi pangsapuri kos rendah adalah seperti berikut:

<b>JUMLAH PINTU/UNIT</b>	<b>ANGGARAN HASIL SEBELUM DISKAUN 25%</b>	<b>ANGGARAN HASIL YANG HILANG (DISKAUN 25%)</b>	<b>ANGGARAN HASIL SELEPAS DISKAUN 25%</b>
201,303	RM28.17 JUTA	RM7.04 JUTA	RM21.13 JUTA

Sehingga bulan Februari tahun 2014, jumlah tuntutan diterima adalah sebanyak 2,542 unit pangsapuri kos rendah dengan nilai diskaun sejumlah RM66,133.77. Statistik tuntutan mengikut kawasan PBT adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH KAWASAN</b>	<b>JUMLAH PEMILIK TUNTUT</b>	<b>NILAIAN DISKAUN (RM)</b>
1.	MBSA	23	232	4109.55
2.	MBPJ	7	29	428.40
3.	MPK	26	108	1915.46
4.	MPSJ	19	228	4488.00
5.	MPAJ	62	1297	46242.95
6.	MPS	17	175	3572.30
7.	MPKj	50	351	5019.48
8.	MPSp	6	32	357.63
9.	MDKL	-	-	-
10.	MDKS	-	-	-
11.	MDHS	-	-	-
12.	MDSB	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>210</b>	<b>2542</b>	<b>66,133.77</b>

Berdasarkan analisis daripada PBT, punca-punca pencapaian rendah bagi program tersebut seperti berikut:

- a- Kebanyakan unit-unit di pangsapuri kos rendah disewakan.
- b- Pemilik yang menetap di unit sendiri mempunyai tunggakan cukai taksiran.
- c- Khusus di Majlis Daerah Hulu Selangor, selain daripada unit yang disewakan dan pemilik mempunyai tunggakan cukai taksiran, peratus unit-unit kosong adalah sangat tinggi.

Berikutan daripada ini, satu kajian juga akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berkenaan senario sebenar kependudukan penghuni sama ada pemilikan atau penyewaan di pangsapuri-pangsapuri kos rendah negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : MAKAM ANAK DARA TANJUNG KERAMAT KUALA SELANGOR**

75. Sejumlah RM127,365.00 diperuntukkan bagi kerja menaik taraf di Makam Anak Dara, Tanjung Keramat Kuala Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan nama syarikat kontraktor yang menjalankan kerja naik taraf?
- b) Senaraikan spesifikasi secara lengkap kerja naik taraf yang dilakukan?

**JAWAPAN:**

- a) Syarikat Rambai Construction
- b) Spesifikasi secara lengkap kerja naik taraf yang dilakukan adalah seperti berikut:
  - i) Menggantikan tangga kayu sediaada kepada tangga batu (konkrit)
  - ii) Mengganti bumbung asbestos kepada bumbung metal deck
  - iii) Membalut tiang dengan batu gunung
  - iv) Memasang mosek di keseluruhan tangga
  - v) Mengganti pagar keselamatan kepada pagar galvanise
  - vi) Memasang papan tanda petunjuk arah
  - vii) Melebarkan ruang meletak kenderaan
  - viii) Membaikpulih makam sediaada



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: ASET PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

76. PKPS telah menjual beberapa aset hartanah sepanjang tahun 2008-2013 antaranya kepada pengusaha haram.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan lokasi hartanah, harga jualan dan jumlah keuntungan?
- b) Siapakah pengusaha haram yang telah membeli hartanah PKPS?

**JAWAPAN :**

- a) Sepanjang tahun 2008 – 2013, PKPS telah menjual 2 bidang tanah di Daerah Gombak dan Daerah Hulu Selangor kepada pengusaha sedia ada yang telah mengusahakan tanah-tanah tersebut sebelum Kerajaan Negeri mengurniakan tanah kepada PKPS. Maklumat tanah-tanah yang telah dijual kepada pengusaha sedia ada di Lampiran 1.
- b)
  - i. Pengusaha-pengusaha yang membeli tanah-tanah PKPS ialah :-

<b>Bil</b>	<b>Nama Pengusaha</b>	<b>Pengarah Syarikat</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempoh usaha</b>
1.	Syarikat Aruanmota Sdn. Bhd.	1. Kiew Yoke Loy 2. Cheon Mun Sung	Ternakan ikan air tawar	25 tahun
2.	Syarikat Ternakan Fai Hoe Sdn. Bhd.	1. Ng Weng Hin 2. Hor Sook Hing	Ternakan ikan air tawar	25 tahun

- ii. Pengusaha tersebut telah mengusahakan tanah-tanah terlibat secara Lesen Pendudukan Sementara yang diluluskan oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor. Siasatan oleh PKPS mendapati bahawa pengusaha tersebut telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membina kolam ikan dan menyediakan infrastruktur seperti jalan ladang, sistem perparitan, bekalan elektrik dan air serta rumah pekerja.

iii. Rasional PKPS menjual tanah-tanah tersebut adalah seperti berikut:-

- a) Sebahagian tanah merupakan kawasan paya dan bekas lombong;
- b) Saiz tanah adalah tidak ekonomik untuk dibangunkan sendiri oleh PKPS;
- c) Mereka merupakan pengusaha asal tanah-tanah tersebut secara Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dan mengusahakan tanah-tanah tersebut sejak tahun 1990.

## LAMPIRAN A

Bil	Mukim/Daerah	PT No.	Tahun Dijual	Luas (Ha)	Harga Jualan (RM)	RM/Ha	Jumlah Keuntungan (RM)	Kelulusan Jemaah Ahli PKPS	Catatan
1.	Mukim Rawang, Daerah Gombak	PT 2086, HS(D) 69446	2010	4.43	2,000,000	451,467.26	1,883,290	Bil 129 bertarikh 6 Julai 2010	-Dijual secara tender terbuka  -Pengusaha sedia ada telah berjaya
2.	Mukim Ulu Yam dan Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor	i. PT 10896, HS(D) 47657 ii. PT 9895, HS(M) 4265 iii. PT 7257, HS(D) 47656 iv. PT 3669, HS(M) 3599	2013	24.69	4,938,180	200,000	4,141,073	Bil 137 bertarikh 3 Disember 2012	- Dijual kepada pengusaha sedia ada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : USAHAWAN BUMIPUTERA PKNS**

77. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif PKNS untuk membantu usahawan Bumiputera?
- b) Berapakah jumlah usahawan yang telah dibantu sepanjang tempoh 2008-2013?
- c) Apakah impak hasil program usahawan yang telah dilakukan?

**JAWAPAN :**

- a) Inisiatif PKNS untuk membantu usahawan Bumiputera

<b>Program</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>
<b><u>PEMBUDAYAAN</u></b>	
Program Perintis Usahawan	Pelajar Sekolah Rendah
Program Tunas Niaga	Pelajar Sekolah Menengah
Kelab Permata Selangor	Pelajar IPT
Program GROW	Lepasan IPT
Program Klinik Usahawan	Usahawandan Bakal Usahawan
Mentoring & Coaching	Usahawan Sediaada
<b><u>PEMBANGUNAN</u></b>	
Penyewaan Ruang Pejabat dan Lot Perniagaan	Peniaga-peniaga Retail Bumiputra
Penyewaan Ruang Pejabat Maya (ViO)	Usahawan Bumiputera
Program 5 Usahawan setahun	Usahawant elah berniaga dalam tempoh 2 – 5 tahun
Program Retail 200	Peniaga-peniaga Retail Bumiputra

<b>Program</b>	<b>Kumpulan Sasar</b>
<b><u>PROGRAM JARINGAN</u></b>	
Penyewaan Bilik Seminar	Usahawan Bumiputera
Biz Club	Usahawan Bumiputera
Biz Data	Usahawan Bumiputera
<b><u>PEMANTAPAN</u></b>	
Program Vendor	Pengilang Bahan Binaan Bumiputera
Program Sub Kontraktor Bumiputera	Kontraktor Bumiputera G1 hingga G5

b) Jumlah usahawan yang telah dibantu sepanjang tempoh 2008-2013

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Perintis Usahawan	240	240	240	240	240	240	1,440
2.	Tunas Niaga	1,250	1,250	1,250	1,450	1,250	1,225	7,675
3.	Kelab Permata	600	600	1250	0	1400	750	4,600
4.	GROW	30	28	32	0	19	14	123
5.	Klinik Usahawan	2,947	1,340	854	334	319	995	6,789
6.	Mentoring & Coching						15	15
7.	Ruang Pejabat & Lot Perniagaan	5				13	9	27
8.	Ruang Pejabat Maya (Vio)				76	95	33	204
9.	Program 5U						5	5
10.	Program Retail 200						170	170
11.	Sewaan Bilik Seminar					178	170	348
12.	Biz Club						70	70
13.	Biz Data						368	368
14.	Program Vendor			4	4	3	6	17
15.	Program Sub Kontraktor Bumiputera	7			9	21	10	47
	<b>JUMLAH</b>	<b>5,079</b>	<b>3,458</b>	<b>3,630</b>	<b>2,113</b>	<b>3,538</b>	<b>4,080</b>	<b>21,898</b>

- c) Impak hasil program usahawan yang telah dilakukan adalah dari segi jumlah usahawan yang telah dibimbing dan menceburi bidang usahawan adalah seperti berikut :-

Bil.	Program	Kumpulan Sasar	Peserta Hadir	Menjalankan Perniagaan	Catatan
	<b><u>PEMBUDAYAAN</u></b>				
1.	Program Perintis Usahawan	Pelajar Sekolah Rendah	1,440	-	Program Pembudayaan
2.	Program Tunas Niaga	Pelajar Sekolah Menengah	7,675	-	Pengenalan Syarikat Sdn Bhd
3.	Kelab Permata Selangor	Pelajar IPT	4,600	2,300	50% menjalankan perniagaan secara sambilan/pe nuh masa
4.	Program GROW	Lepasan IPT	123	90	80% masih kekal berniaga
5.	Program Klinik Usahawan	Usahawand an Bakal Usahawan	6,789		
6.	Mentoring & Coaching	UsahawanS ediaada	15	15	Dalam bimbingan meningkatkan kemampuan syarikat
	<b><u>PEMBANGUNAN</u></b>				
7.	Penyewaan Ruang Pejabat dan Lot Perniagaan	Peniaga-peniaga Retail Bumiputra	27	27	Usahawan sepenuhnya
8.	Penyewaan Ruang Pejabat Maya (ViO)	UsahawanB umiputera	204	204	Mengeluarka n produk atau perkhidmata n

9.	Program 5 Usahawan setahun	Usahawan telah berniaga dalam tempoh 2 – 5 tahun	5	5	Menunggu kelulusan dasar
----	-------------------------------	--	---	---	--------------------------

Bil.	Program	Kumpulan Sasar	Peserta Hadir	Menjalankan Perniagaan	Catatan
10.	Program Retail 200	Peniaga-peniaga Retail Bumiputra	170	170	Semua berniaga, Tujuan utama meningkatkan jualan
11.	<b>PROGRAM JARINGAN</b> Penyewaan Bilik Seminar	Usahawan Bumiputera	348	348	Semua menjalankan latihan
12.	Biz Club	Usahawan Bumiputera	70	70	Usahawan telah berdaftar
13.	Biz Data	Peserta Kursus Usahawan PKNS	368	368	Peserta telah mendaftar menjadi ahli
14.	<b>PEMANTAPAN</b> Program Vendor	Pengilang Bahan Binaan Bumiputera	17	17	Bahan akan digunakan dalam projek PKNS sekiranya sesuai dan harga yang kompetitif
15.	Program Sub Kontraktor	Kontraktor Bumiputera G1 hingga G5	47	47	Semua Sub Kontraktor berpeluang mendapatkan kerja secara sebutharga
		<b>JUMLAH</b>	<b>21,898</b>	<b>3,661</b>	

**PERTANYAAN–PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: HIMPUNAN KEBANGKITAN RAKYAT**

78. Sejumlah RM 7 ribu dari geran Selangorku dibelanjakan untuk Mobilisasi Himpunan Kebangkitan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perincian program dan justifikasi ia diadakan?
- b) Adakah program himpunan ini mendapat permit polis?
- c) Apakah kesan baik dari program dan nyatakan laporan terperinci program tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Himpunan pada 12 Januari 2013 tersebut adalah bertujuan:
  - i. Menuntut pilihan raya yang bersih dan adil.
  - ii. Menuntut reputasi dan wibawa Felda di selamatkan.
  - iii. Menuntut supaya Sabah dan Sarawak diberikan layanan adil dan setara dengan Semenanjung.
  - iv. Menuntut 20 peratus royalti minyak dikembalikan kepada negeri pengeluar petroleum.
  - v. Mengiktiraf dan meningkat profesionalisme kakitangan awam.
  - vi. Menuntut alam sekitar yang bersih dan sihat.
  - vii. Menuntut agar Bahasa Kebangsaan dimartabatkan dan Bahasa Inggeris dipertingkatkan.
  - viii. Menuntut pembebasan tahanan politik.
  - ix. Menuntut agar kampung-kampung tradisi dan tempat-tempat warisan dipelihara, dilindungi dan dipertahankan.
  - x. Menuntut kehidupan yang lebih baik untuk wanita sebagaimana termaktub di dalam Agenda Wanita Malaysia.
- b) Pihak negeri tidak terlibat dengan permit polis yang diuruskan oleh Pihak Penganjur.
- c) Program ini menguatkan lagi kesedaran rakyat dalam menuntut proses pilihanraya yang bersih dan adil. Ini berikutan laporan Projek Pendemokrasian di mana seramai 134,675 pengundi tidak dikenali dikenal pasti didaftar di negeri Selangor telah didedahkan.



Jumlah ini mewakili kira-kira 28 peratus daripada jumlah 497,084 pemilih baru yang didaftarkan, berdasarkan daftar pemilih induk (DPI) suku ke empat 2011 yang diperolehi daripada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: ORANG INDIA MISKIN**

79. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Terdapat statistik yang menyatakan bahawa hanya 6% daripada masyarakat India di Selangor ialah orang miskin. Setakat manakah kenyataan ini benar?
- b) Apakah usaha-usaha kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat India di Selangor juga tidak tersisir daripada arus pembangunan negara?

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian data kemiskinan di negeri Selangor. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bilangan, lokasi, pendapatan dan latar belakang golongan tersebut di negeri Selangor. Hasil daripada kajian tersebut akan digunakan untuk menilai keberkesanan program yang telah dilaksanakan dan merangka penambahbaikan atau program – program baru yang difikirkan bersesuaian. Memandangkan kajian tersebut masih dalam pelaksanaan, kerajaan negeri tidak dapat mengesahkan kesahihan statistik tersebut.
- b) Kerajaan Negeri dalam menyatupadukan semua kaum telah merancang banyak program-program yang memberi manfaat kepada semua golongan dengan tidak mengira bangsa, agama mahupun fahaman politik.

Program-program yang telah dilaksanakan seperti contoh Bantuan Pemberian Peralatan Blueprint dan Program Rumah Kerajaan Prihatin, kedua-dua program ini adalah bertujuan yang sama iaitu untuk membantu golongan miskin dalam mengurangkan bebanan kemiskinan yang ditanggung serta kearah memberi kehidupan yang lebih sempurna kepada mereka.

Tidak terkecuali adalah Program Kemahiran Teknikal yang melibatkan Kolej INPENS di Kuala Selangor. Program berbentuk tajaan tersebut terbuka kepada semua kaum dengan tidak mengira bangsa demi memajukan diri dalam bidang pelajaran. Program sedemikian tidak sepenuhnya ditaja untuk pelajar Melayu, malahan terdapat juga pelajar India dan Cina yang mendapat tajaan. Seperti contoh bagi tahun 2013, jumlah pelajar Melayu yang mendapat tajaan oleh Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seramai 287 orang. Manakala pelajar India seramai 101 orang dan pelajar Cina seramai 27 orang.

Di Negeri Selangor, tiada istilah memilih kaum dalam memberikan bantuan sedemikian. Kerajaan Negeri sedaya upaya dalam usaha memberikan yang terbaik dalam mengubah corak hidup rakyat dan tidak tertumpu pada satu kaum sahaja. Dalam hal ini, masyarakat India tidak terkecuali dalam mendapatkan bantuan dan merasai manfaat yang telah dirancang mahupun dilaksana oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: DAKWAAN BEYOND BRAND COMMUNICATION DAPAT BANYAK KONTRAK PKNS**

80. Merujuk perbahasan Belanjawan 2011.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah benar penulis teks ucapan dari *Beyond Brand* dibayar RM7,000 sebulan?
- b) Apakah benar bagi program *rebranding*, *Beyond Brand* telah dibayar RM200,000?
- c) Apakah benar *Beyond Brand* dibayar hampir RM1 juta bagi menguruskan kerjasama PKNS, Bernama dan Utusan Malaysia?

**JAWAPAN:**

- a) Tidak benar. Beyond Brand Communications yang merupakan perunding perhubungan awam dibayar bagi perkhidmatannya secara *retainer basis* meliputi tujuh skop utama iaitu :-
  - (i) Retainer Consultancy (Nasihat Strategik, Coaching, Pelan Perhubungan Media, Temuramah Media)
  - (ii) SWOT Analysis Workshop With PR Department
  - (iii) Jop Specification Review
  - (iv) Messaging Strategy and Stakholder Mapping Workshop
  - (v) Media Briefing and Press Conference
  - (vi) Market Research as 'test and measure tool'
  - (vii) Issues Communication Package

Bayaran bulanan adalah RM7,000 sebulan bagi tempoh 12 bulan dari 1 Mac 2009 hingga 28 Februari 2010. Bagaimanapun atas persetujuan bersama, syarikat juga membantu menyediakan teks ucapan Pengurus Besar sebagai skop kerja tambahan.

- b) Tidak benar. Perunding untuk *rebranding* yang melaksanakan kajian identiti dan imej PKNS adalah Rifaie Chua Sethi dan bukannya Beyond Brand Communications.
- c) Tidak benar. Selepas kontrak Beyond Brand Communications diperbaharui untuk tempoh 8 bulan bermula Mac 2010 hingga Oktober 2010, skop kerja syarikat adalah meliputi :-
- i. *Media Relations*
  - ii. *Issues or Crisis Communications Handling*
  - iii. *On-the-job Coaching and Training to PR Department*
  - iv. *GM Speeches and Presentation Papers*
  - v. *Marketing Communications*
  - vi. *Corporate Social Responsibility*

Ini termasuklah bagi pengurusan kerjasama antara PKNS dengan pihak media seperti Bernama dan Utusan Malaysia. Khidmat Beyond Brand digunakan untuk memastikan setiap slot yang diperuntukkan digunakan seoptima mungkin. Bayaran untuk pakej Bernama dan Utusan Malaysia dibayar terus kepada kedua-dua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: KESIHATAN**

81. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :
- a) Dalam kita yang sedang dilanda wabak denggi ini khususnya di Negeri Selangor. Apakah pendekatan atau kaedah yang diambil untuk menanganinya?
  - b) Apakah 5 penyakit<sup>2</sup> yang menyebabkan kematian paling tinggi di Negeri Selangor ini, berikan statistik.

**JAWAPAN :**

- a) Antara pendekatan dan kaedah yang diambil bagi menangani wabak denggi adalah seperti di bawah :-
  - i. Memberi penekanan dalam pendidikan kesihatan kepada **masyarakat serta agensi/ badan yang berkaitan** tentang **pencegahan jangkitan denggi** melalui konsep '**Kebersihan Setiap Hari, Setiap Masa & Di Mana Jua** ("**Everyday Cleanliness, Everytime, Everywhere**") .
  - ii. Mempromosi serta menggalakkan **penubuhan skuad denggi dan pasukan COMBI ('Communication For Behavioral Impact')** dikalangan persatuan penduduk, agensi kerajaan, agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mempertingkatkan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi seperti 'gotong-royong', pemeriksaan rumah untuk tempat pembiakan nyamuk Aedes dan pembuangan sampah secara teratur.
  - iii. Melaksanakan Mesyuarat Mingguan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Ia diadakan di semua daerah yang mengalami wabak denggi dengan tujuan utama mesyuarat adalah untuk meningkatkan koordinasi pelbagai agensi kerajaan/ bukan kerajaan/ NGO dan persatuan penduduk untuk mengatasi fakta risiko pembiakan nyamuk Aedes di lokaliti wabak denggi. Disamping itu, di peringkat Kerajaan Negeri Mesyuarat Wabak Denggi Mingguan (Dipengerusikan oleh Dato' Teng) dilaksana bagi merencana serta memantau aktiviti kawalan denggi serta pencegahan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
  - iv. Menjalankan langkah-langkah kawalan denggi, seperti semburan kabus dan larvisiding apabila kes denggi dilaporkan oleh klinik/ hospital kerajaan & swasta.

- v. Bekerjasama dengan sekolah-sekolah melalui Program Bebas Denggi Sekolah oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor serta Program Khas yang dianjurkan oleh setiap PBT untuk memberi kesedaran serta memastikan tiada pembiakan nyamuk Aedes di semua sekolah-sekolah.
- vi. Penguatkuasaan undang-undang, dengan kompaun minima RM 500, terhadap semua premis yang dikesan positif untuk pembiakan nyamuk Aedes. Ini juga termasuk penutupan tapak binaan yang didapati positif untuk pembiakan nyamuk Aedes.

b) Berikut 5 penyakit yang menyebabkan kematian paling tinggi di Negeri Selangor ini, berikan statistik.

<b>BIL</b>	<b>PENYAKIT</b>	<b>BILANGAN KES</b>	<b>PERATUS KEMATIAN</b>
1.	Jangkitan kuman dalam darah	2372	24.50
2.	Penyakit jantung	17102	18.44
3.	Ketumbuhan dan barah	9970	13.74
4.	Radang paru-paru	8215	8.20
5.	Kegagalan buah pinggang kronik	2528	1.25

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: RUMAH BANTUAN KERAJAAN PRIHATIN**

82. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah penerima Bantuan tersebut mengikut pecahan kaum dan daerah sejak 2012 hingga 2013?
- b) Sila nyatakan apakah kriteria permohonan yang ditetapkan?
- c) Sila nyatakan apakah analisis dan perancangan terhadap para penerima khususnya dalam konteks membantu mereka keluar daripada belunggu kemiskinan?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan Bantuan Rumah di bawah Program Kerajaan Prihatin adalah terbuka kepada semua kaum warganegara Malaysia. Senarai pemohon yang telah menerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2012 sehingga tahun 2013 adalah seperti di **JADUAL 1**. Ia secara tidak langsung menonjolkan Malaysia sebagai Negara berbilang kaum yang hidup bersatu padu di persada dunia. Walaupun mempunyai kepercayaan yang berlainan, kaum di Malaysia masih dapat hidup dengan aman dan damai tanpa membelakangkan kaum lain.



# JADUAL 1

## JUMLAH BANTUAN PROGRAM KERAJAANPRIHATIN DARI TAHUN 2012 - 2013 MENGIKUT PECAHAN DAERAH DAN KAUM

BIL	DAERAH	2012						2013						JUMLAH
		BINA BARU			BAIKPULIH			BINA BARU			BAIKPULIH			
		M	C	I	M	C	I	M	C	I	M	C	I	
1	Klang	-	-	2	-	-	-	24	-	5	7	-	2	40
2	Petaling	2	-	1	2	-	-	3	-	3	2	-	-	13
3	Kuala Langat	-	-	-	-	-	-	20	-	4	27	2	1	54
4	Hulu Langat	1	-	-	1	1	-	-	-	-	-	-	-	3
5	SabakBernam	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1
6	Kuala Selangor	-	-	1	-	-	-	23	1	-	21	-	4	50
7	Gombak	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
8	Hulu Selangor	-	-	-	-	-	-	5	3	1	3	4	-	16
9	Sepang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0
		7			4			92			74			
<b>JUMLAH</b>		<b>3</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>75</b>	<b>4</b>	<b>13</b>	<b>61</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>177</b>

Petunjuk	Kaum
M	Melayu
C	Cina
I	India

- b) Setiap program penyaluran bantuan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat akan melalui beberapa fasa bagi memastikan penerima permohonan bantuan tersebut adalah benar – benar layak dan memerlukannya. Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini telah menetapkan beberapa syarat – syarat kelayakan yang perlu dipatuhi bagi setiap permohonan yang diterima. Syarat- syarat kelayakan memohon Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini dengan jelas dan telah dinyatakan di dalam setiap borang Permohonan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Ia dijadikan sebagai rujukan kepada para pemohon serta Ketua Kampung, Penghulu dan Pejabat Daerah yang berkenaan. Setiap permohonan yang diterima akan dinilai dan disiasat oleh Pejabat Daerah berkenaan sebelum dikemukakan kepada pihak UPEN bagi tindakan lawatan dan siasatan susulan kepada rumah pemohon. Hasil siasatan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Penerima Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin untuk kelulusan.

Peningkatan di dalam permohonan yang diterima bagi tahun 2012 dan 2013 menunjukkan kepercayaan rakyat Selangor terhadap Program Kerajaan Prihatin dapat membantu dan meringankan bebas seterusnya keluar daripada belunggu kemiskinan.

- c) Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin oleh Kerajaan Negeri Selangor secara khususnya dilaksanakan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan dan daif untuk keluar dari kepompong kemiskinan bagi meningkatkan taraf hidup mereka dengan memberikan sumbangan berbentuk penempatan yang lebih baik dan selesa untuk didiami. Daripada kajian dan tinjauan pemantauan yang dijalankan, didapati masih lagi ramai rakyat Selangor yang hidup dalam keadaan daif dan miskin. Namun begitu, Kerajaan Negeri di bawah Program Kerajaan Prihatin akan membantu golongan berkenaan dengan pemberian rumah secara percuma kepada mereka yang didapati benar – benar layak. Dengan adanya kediaman yang lebih baik dan selesa ia secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kepada keluarga berkenaan terhadap kos sewaan yang semakin tinggi. Justeru, pemohon dapat menggunakan peluang ini untuk mencari pekerjaan yang baik di samping dapat meningkatkan semangat dan taraf kehidupan mereka sekeluarga. Kebanyakan pemohon yang menerima bantuan ini berpuas hati dan berterima kasih terhadap Kerajaan Negeri di atas bantuan yang telah diberikan.

Oleh yang sedemikian, Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin ini dapat membantu menangani masalah kemiskinan di Negeri Selangor dan meningkat taraf kehidupan mereka. Kerajaan negeri Selangor masih dalam peringkat awal perbincangan untuk membina lebih banyak Rumah Kerajaan Prihatin Secara Berkelompok di atas tanah kerajaan. Daerah yang telah melaksanakan program perumahan secara berkelompok ini seperti Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Sepang dan Gombak. Susulan daripada kejayaan pembinaan di tempat tersebut, lebih banyak lagi perumahan yang boleh diwujudkan khas bagi membantu golongan miskin dan daif untuk duduki rumah

secara sementara yang melibatkan semua daerah di Negeri Selangor. Rumah Kerajaan Prihatin Secara Berkelompok ini adalah khusus kepada mereka yang benar – benar memerlukannya dan tidak mempunyai tapak tanah untuk membina rumah baru. Walau bagaimanapun, bantuan rumah ini hanyalah bersifat sementara dan boleh diduduki mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan bagi memberi ruang kepada masyarakat lain yang lebih memerlukannya. Laporan terperinci berkenaan penempatan Rumah Kerajaan Prihatin Secara Berkelompok adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala syarat-syarat bagi permohonan Kediaman Desa Kasih adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

# **LAMPIRAN A**

Senarai Kelompok PPRT di Negeri Selangor

# 1 – DAERAH SABAK BERNAM

BIL	DESA KASIH	BIL RUMAH	RUMAH DI DIAMI	RUMAH TIDAK DI DIAMI	STATUS TANAH	HEKTAR/ EKAR	CATATAN
1	Desa Ehsan Batu 23 Sg. Nibong	46	45	1	Tanah Kerajaan	15.3 Ekar	
2	Desa Ehsan Tali Air 13 Sg. Nipah	30	22	8	Tanah Kerajaan	4 Ekar	
3	Desa Kasih Parit 8 Gambut	26	24	2	Tanah Kerajaan	3 Ekar	
4	Desa Kasih Parit 7 Sg. Leman	13	13	0	Rizab Jalan JKR	1.5 Ekar	
5	Desa Kasih Merbau Berdarah	110	105	5	Tanah Kerajaan	21.5 Ekar	
6	Desa Kasih Parit 8 1/2 Barat	95	92	3	Rizab Jalan JPS	20.4 Ekar	
7	Desa Kasih 6 Tebuk Pulai	25	23	2	Rizab Jalan JKR	3 Ekar	

# 1 – DAERAH SABAK BERNAM

BIL	DESA KASIH	BIL RUMAH	RUMAH DI DIAMI	RUMAH TIDAK DI DIAMI	STATUS TANAH	HEKTAR/ EKAR	CATATAN
8	Desa Kasih Batu 2 Tebuk Pulau	68	67	1	Rizab Jalan JKR	3 Ekar	
9	Desa Kasih Tanjung Jawa	15	15	0	Tanah Kerajaan	1.125 Ekar	
10	Desa Kasih Sekendi ( Jln Tok Dolah)	24	22	2	Rizab Jalan JKR	1.6 Ekar	
11	Desa Kasih Bagan Nakhoda Omar	36	34	2	Rizab Jalan JKR	3.75 Ekar	
12	Desa Kasih Sg. Tengar Utara	15	15	0	Tanah Kerajaan	10 Ekar	
13	Desa Kasih Jalan Hj Atan (Panchang Bedena)	10	10	0	Rizab Jalan JKR	4.5 Ekar	
	<b>JUMLAH</b>	<b>513</b>	<b>487</b>	<b>26</b>		<b>92.68 Ekar</b>	

## 2 – DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	DESA KASIH	BIL RUMAH	RUMAH DI DIAMI	RUMAH TIDAK DI DIAMI	STATUS TANAH	HEKTAR/ EKAR	CATATAN
1	Desa Kasih Kg. Sg. Kajang	50	49	1	Tanah Kerajaan	8.7 Ekar	
2	Desa Ehsan Simpang 3, Jeram	30	25	5	Tanah Kerajaan	2.2 Ekar	
	<b>JUMLAH</b>	<b>80</b>	<b>74</b>	<b>6</b>	<b>Tanah Kerajaan</b>	<b>10.9 Ekar</b>	



## 3 – DAERAH HULU SELANGOR

BIL	DESA KASIH	BIL RUMAH	RUMAH DI DIAMI	RUMAH TIDAK DI DIAMI	STATUS TANAH	HEKTAR/ EKAR	CATATAN
1	Desa Kasih Serendah	16	15	1	Tanah Kerajaan	0.75 Ekar	
2	Kg. Melayu Rasa Tambahan	13	13	0	Tanah Kerajaan	2.0 Ekar	
3	PPRT Ampang Pecah	10	10	0	Tanah Kerajaan	0.25 Ekar	
4	Kg. Serigala Sg. Selisek	20	19	1	Tanah Kerajaan	2.862 Ekar	
5	Kg. Jalan Escot, Hulu Bernam	2	1	1	Tanah Kerajaan	0.25 Ekar	
	<b>JUMLAH</b>	<b>61</b>	<b>58</b>	<b>3</b>	<b>Tanah Kerajaan</b>	<b>6.112 Ekar</b>	



## 4 – DAERAH SEPANG

BIL	DESA KASIH	BIL RUMAH	RUMAH DI DIAMI	RUMAH TIDAK DI DIAMI	STATUS TANAH	HEKTAR/ EKAR	CATATAN
1	Desa Kasih Teluk Merbau	5	5	0	Tanah Kerajaan	2 Ekar	
2	Desa Kasih Kg. Chemperai	7	7	0	Tanah Kerajaan	2 Ekar	
3	Desa Kasih Kg. Ampar Tenang	4	3	1	Tanah Kerajaan	0.8 Ekar	
	<b>JUMLAH</b>	<b>16</b>	<b>15</b>	<b>1</b>	<b>Tanah Kerajaan</b>	<b>4.8 Ekar</b>	

## 5 – DAERAH GOMBAK

BIL	DESA KASIH	BIL RUMAH	RUMAH DI DIAMI	RUMAH TIDAK DI DIAMI	STATUS TANAH	HEKTAR/ EKAR	CATATAN
1	Desa Kasih Sg. Chincin	12	11	1	Tanah Rizab JPS	2 Ekar	
	<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>1</b>	<b>Tanah Rizab JPS</b>	<b>2 Ekar</b>	

# **LAMPIRAN B**

PERATURAN-PERATURAN KEDIAMAN  
DESA KASIH / PENEMPATAN PPRT  
PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: JENAYAH DI SELANGOR**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah statistik dan indeks jenayah terkini di Selangor mengikut PBT?
- b) Bagaimana kerajaan negeri dapat bersama mencegah kes-kes jenayah tersebut?
- c) Apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan rakyat sedar tentang bahaya jenayah?

**JAWAPAN:**

- a) Perangkaan jenayah indeks bagi tempoh Januari – Februari 2013/2014 iaitu pada tahun 2014 sebanyak 6,608 kes jenayah indeks dicatatkan berbanding tahun 2013 sebanyak 6,881 kes iaitu penurunan sebanyak 273 kes @ -3.97%. Berikut adalah perangkaan jenayah indeks bagi kontinjen Selangor tempoh Januari – Februari 2013/2014.

		<b>JENAYAH INDEKS</b>			
<b>BIL</b>	<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>PERATUS</b>
	<b>JENAYAH KEKERASAN</b>	<b>KES</b>	<b>KES</b>	<b>+N/-T</b>	<b>%</b>
1	<b>BUNUH</b>	17	19	2	11.76%
2	<b>ROGOL</b>	63	60	-3	-4.76%
3	<b>SAMUN B'KAWAN BERSENJATAPI</b>	4	6	2	50.00%
4	<b>SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI</b>	988	972	-16	-1.62%
5	<b>SAMUN BERSENJATAPI</b>	0	0	0	#DIV/0!
6	<b>SAMUN TANPA SENJATAPI</b>	140	151	11	7.86%
7	<b>MENDATANGKAN CEDERA (SEK. 324-326 KK)</b>	199	160	-39	-19.60%
<b>JUMLAH JENAYAH KEKERASAN</b>		<b>1411</b>	<b>1368</b>	<b>-43</b>	<b>-3.05%</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA</b>					
1	<b>LAIN - LAIN CURİ</b>	806	989	183	22.70%
2	<b>CURİ MOTOKAR</b>	848	778	-70	-8.25%
3	<b>CURİ MOTOSİKAL</b>	2112	1835	-277	-13.12%
4	<b>CURİ VAN/LORİ/JENTERA BERAT</b>	359	263	-96	-26.74%
5	<b>CURİ RAGUT</b>	182	284	102	56.04%
6	<b>PECAH RUMAH</b>	1163	1091	-72	-6.19%
<b>JUMLAH JENAYAH HARTABENDA</b>		<b>5470</b>	<b>5240</b>	<b>-230</b>	<b>-4.20%</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>6881</b>	<b>6608</b>	<b>-273</b>	<b>-3.97%</b>

Bagi tempoh kajian kes jenayah kekerasan mencatatkan sebanyak 1,368 kes manakala kes jenayah hartabenda sebanyak 5,240 kes pada tahun 2014. Kes jenayah kekerasan mencatatkan sebanyak 1,411 kes manakala jenayah hartabenda sebanyak 5,470 kes bagi tahun 2013.

Kes – kes jenayah kekerasan yang menunjukkan peningkatan adalah kes bunuh meningkat sebanyak 2 kes, samun berkawan bersenjatapi meningkat 2 kes dan samun tanpa senjatapi meningkat sebanyak 11 kes.

Jenayah hartabenda yang menunjukkan peningkatan adalah kes curi meningkat sebanyak 183 kes dan kes curi ragut meningkat sebanyak 102 kes.

Berikut adalah Perangkaan Jenayah Indeks Mengikut Daerah ( Polis ) bagi tempoh Januari – Februari 2013/2014.

Bil	Daerah ( Polis )	JENAYAH INDEKS			
		2013	2014	+N / -T	%
1	<b>KAJANG</b>	<b>652</b>	<b>1154</b>	<b>502</b>	<b>76.99%</b>
2	<b>SEPANG</b>	<b>128</b>	<b>153</b>	<b>25</b>	<b>19.53%</b>
3	<b>HULU SELANGOR</b>	<b>99</b>	<b>116</b>	<b>17</b>	<b>17.17%</b>
4	<b>KUALA SELANGOR</b>	<b>113</b>	<b>109</b>	<b>-4</b>	<b>-3.54%</b>
5	<b>AMPANG JAYA</b>	<b>808</b>	<b>772</b>	<b>-36</b>	<b>-4.46%</b>
6	<b>PETALING JAYA</b>	<b>1197</b>	<b>1118</b>	<b>-79</b>	<b>-6.60%</b>
7	<b>SUBANG JAYA</b>	<b>577</b>	<b>538</b>	<b>-39</b>	<b>-6.76%</b>
8	<b>SG. BULOH</b>	<b>313</b>	<b>290</b>	<b>-23</b>	<b>-7.35%</b>
9	<b>KUALA LANGAT</b>	<b>139</b>	<b>119</b>	<b>-20</b>	<b>-14.39%</b>
10	<b>SHAH ALAM</b>	<b>486</b>	<b>413</b>	<b>-73</b>	<b>-15.02%</b>
11	<b>KLANG UTARA</b>	<b>342</b>	<b>275</b>	<b>-67</b>	<b>-19.59%</b>
12	<b>SERDANG</b>	<b>432</b>	<b>347</b>	<b>-85</b>	<b>-19.68%</b>
13	<b>SABAK BERNAM</b>	<b>86</b>	<b>69</b>	<b>-17</b>	<b>-19.77%</b>
14	<b>GOMBAK</b>	<b>799</b>	<b>618</b>	<b>-181</b>	<b>-22.65%</b>
15	<b>KLANG SELATAN</b>	<b>710</b>	<b>517</b>	<b>-193</b>	<b>-27.18%</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>6881</b>	<b>6608</b>	<b>-273</b>	<b>-3.97%</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: KONVENSYEN IBU TUNGGAL**

84. Antara program yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk golongan ibu tunggal ialah Konvensyen Ibu Tunggal

Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:

- a) Apakah perincian program konvensyen ibu tunggal tersebut?
- b) Apakah manfaat kepada ibu tunggal yang menghadiri konvensyen ini?

**JAWAPAN:**

- a) Perincian program konvensyen ibu tunggal tersebut adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	PANEL
1.	Sesi Pembentangan Kertas Kerja 1 - Pemberdayaan Hak-hak Dan Tanggungjawab Ibu Tunggal Dari Perspektif Undang-Undang (Syariah dan Sivil)	Professor Dr. Najibah Mohd Zain Universiti Islam Antarabangsa Kuala Lumpur
2.	Sesi Pembentangan Kertas Kerja 2 - Kesihatan Holistik, Permasalahan Dan Keperluan Ibu Tunggal	Professor Madia Dr. Harlina Halizah Hj Siraj Universiti Kebangsaan Malaysia
3.	Sesi Pembentangan Kertas Kerja 3 - Faktor-Faktor Peribadi Yang Membantu Kejayaan Bisnes	Puan Hajjah Zainon Muhammad Presiden PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
4.	Sesi Pembentangan Kertas Kerja 4 - Usaha Niaga Dan Kerjaya Yang Mesra Ibu Tunggal, SOHO Sebagai Satu Konsep Perniagaan Dan Pekerjaan Dari Rumah Dan Perkongsian Pengalaman	Puan Dayang Lily Maznah Bt Abg Muas UmmiKu Sayang Sdn. Bhd.
5.	Taklimat Keusahawanan SOHO Dan Pemandaran Bisnes	
6.	Ikrar Mentor Agen PET-SOHO	

7.	Bengkel Mentor Mentee	
----	-----------------------	--

- b) Manfaat kepada ibu tunggal yang menghadiri konvensyen tersebut adalah seperti berikut :
- i. Menambahkan pengetahuan berkaitan dengan hak-hak dan tanggungjawab ibu tunggal dari perspektif undang-undang (syariah dan sivil).
  - ii. Meningkatkan kesedaran dari segi kesihatan secara holistik.
  - iii. Berkongsi pengalaman berkaitan dengan bidang perniagaan terutama sekali perniagaan berkonsepkan pekerjaan dari rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : CENTRAL SPECTRUM (M) SDN BHD**

85. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah objektif penubuhan Central Spectrum (M) Sdn Bhd?
- b) Nyatakan pendapatan dan keuntungan Central Spectrum (M) Sdn Bhd?
- c) Apakah nama, nilai serta lokasi projek kendalian Central Spectrum (M) Sdn Bhd?

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : PELUPUSAN SISA PEPEJAL**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik jumlah sisa pepejal yang dihasilkan oleh rakyat Selangor sehari mengikut PBT?
- b) Nyatakan nama, lokasi, kapasiti dan pusat pelupusan untuk menampung sisa pepejal tersebut?
- c) Apakah jumlah dan kapasiti pusat pelupusan tersebut mencukupi untuk tempoh tertentu?

**JAWAPAN:**

- a) Anggaran jumlah sisa pepejal yang dihasilkan oleh rakyat Selangor sehari mengikut PBT adalah:-

Bil.	PBT	Jumlah Sampah Yang Dihasilkan Tan/Sehari
1.	MBSA	494.03
2.	MBPJ	450.00
3.	MPK	600.00
4.	MPSJ	500.00
5.	MPAJ	214.17
6.	MPS	300.00
7.	MPKj	550.00
8.	MPSp	200.00
9.	MDKL	94.14
10.	MDKS	83.00
11.	MDSB	60.00
12.	MDHS	223.00
<b>Jumlah</b>		<b>3,768.34</b>

*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- b) Nama, lokasi, kapasiti dan pusat pelupusan untuk menampung sisa pepejal adalah seperti di **Lampiran 1**.
- c) Berdasarkan tempoh jangka hayat tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada semakin berkurangan. Oleh yang demikian, ketika ini Kerajaan Negeri sedang mengkaji beberapa teknologi yang dikenali sebagai Loji Tenaga Sisa (LTS) bagi mengurangkan kebergantungan penggunaan tanah sebagai tapak pelupusan.

Lampiran 1

BIL.	NAMA	KAPASITI	JANGKA HAYAT	KENDALIAN /PELANGGAN
1.	Jeram Sanitary Landfill	2700 tan/hari	Sehingga 2016	WHB/ MBSA, MBPJ, MPSJ, MPK, MPAJ, MPS & MDKS
2.	Tanjung Dua Belas Sanitary Landfill	400 tan/hari	Sehingga 2050	WHB / MPSp & MDKL
3.	Bukit Tagar Sanitary Landfill	5000 tan sehari	Perjanjian dua (2) tahun sekali	KUB Berjaya Enviro Sdn Bhd. / MPS
4.	Dengkil Inert Waste Landfill	200 tan/hari	Sehingga 2024	WHB / MBPJ, MPSJ, MPKj & MPSp,
5.	Kuang Inert Waste Landfill	120 tan/hari	Sehingga 2027	WHB/ MBPJ & MPS
6.	Sg. Kertas Inert Waste Landfill	20 tan/hari	Sehingga 2021	WHB/ MPS & MPAJ
7.	Tapak Pelupusan Terbuka Bukit Beruntong	100-120 tan/hari	Sehingga 2018	MDHS

8.	Tapak Pelupusan Secara Terbuka Sg. Sabai	80-100 tan/hari	Sehingga 2018	MDHS
9.	Tapak Pelupusan Terbuka Panchang Bedena	60 tan/hari	Sehingga 2023	MDSB
10.	Loji RDF Semenyih	700 tan/sehari	2006 Sehingga tahun 2036 (30 tahun)	Recycle Energy Sdn Bhd / MPKj
11.	Shah Alam Transfer Station (Seksyen 21)	1200 tan/hari	Konsesi selama 25 tahun (2032)	WHB/ MBSA, MBPJ & MPSJ

*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor dan WHB*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: PERANCANGAN BANDAR**

87. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Jika MBPJ dibangunkan dengan maksimum di bawah Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 & 2, apa anggaran penduduk Petaling Jaya?

**JAWAPAN :**

- a) Penduduk semasa bagi tahun 2014 dianggarkan seramai 639,470 orang. Menjelang tahun 2015, penduduk bagi kawasan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 dianggarkan berjumlah 175,065 orang manakala bagi kawasan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 menjelang tahun 2020 dianggarkan penduduk adalah berjumlah 490,200 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN DAN SEJARAH (PPPS), MDHS**

88. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu Pusat Penerangan Pelancongan dan Sejarah (PPPS), MDHS yang telah siap tapi tidak beroperasi?
- b) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi yang menyebabkan PPPS tidak dibuka untuk orang awam.

**JAWAPAN :**

- a) Kerajaan Negeri membantu dari segi khidmat nasihat mengenai pusat sejarah atau muzium kepada pihak pengurusan PPPS melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT) .
- b) Masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak MDHS ialah ketiadaan kakitangan untuk ditempatkan di PPPS tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan untuk menempatkan pembantu ahli majlis kawasan di PPPS tersebut.

Selain itu, masih terdapat kekurangan bahan pameran dan artifak yang boleh diletakkan di PPPS tersebut. Pihak pengurusan sedang mengadakan perbincangan dengan orang perseorangan dan pihak-pihak yang mempunyai bahan-bahan sejarah mengenai Kuala Kubu Bharu dan Hulu Selangor untuk menempatkannya di PPPS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PRESTASI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

89. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila nyatakan jumlah aduan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengikut jenis aduan (sampah, jalan, longkang dan lain-lain) setiap bulan dari Januari 2012 ke Januari 2014.

**JAWAPAN :**

- a) Jawapan adalah seperti berikut:-

**Bilangan Aduan Diterima Mengikut Bulan (Mengikut Jenis Terpilih, Tahun 2012)**

Jenis Aduan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dec
Sampah Kebun/Haram /Rumah /Papantanda Sampah	422	259	917	276	203	257	218	205	226	272	273	232
Cantas /Tebang Pokok	152	227	239	224	228	223	241	178	214	231	239	219
Longkang Tersumbat	80	92	123	150	148	211	170	147	129	183	159	131
Kerosakan Longkang Kecil	45	51	52	62	56	38	41	42	62	73	76	71
Lampu Jalan	90	100	134	119	103	108	119	104	93	117	126	133
Lampu Isyarat	43	44	43	57	54	32	55	33	53	94	65	62
Jalan Rosak	88	112	186	139	113	80	69	58	39	70	222	201
Lain-lain	564	721	831	776	717	659	710	467	530	694	743	753

**Bilangan Aduan Diterima Mengikut Bulan (Mengikut Jenis Terpilih, Tahun 2013)**

Jenis Aduan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dec
Sampah Kebun/Haram /Rumah /Papantanda Sampah	279	202	190	254	246	231	355	249	185	203	204	199
Cantas /Tebang Pokok	215	204	219	226	186	193	249	182	199	238	216	193
Longkang Tersumbat	164	121	121	149	119	198	228	168	145	177	161	106
Kerosakan Longkang Kecil	60	43	54	60	51	57	82	54	75	58	61	47
Lampu Jalan	134	106	122	117	127	98	146	108	85	117	135	130
Lampu Isyarat	98	65	64	77	63	84	108	52	71	53	27	39
Jalan Rosak	221	127	173	141	175	88	104	50	104	59	102	111
Lain-lain	739	628	701	722	501	643	760	533	710	769	757	657

**PERTANYAAN –PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PERUMAHAN BUKIT BOTAK**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan penghuni yang ditawarkan Rumah Bukit Botak?
- b) Apakah status bagi setiap penghuni yang ditawarkan dari sudut pemberian kunci dan sebagainya?
- c) Apakah status keseluruhan pembangunan Perumahan Bukit Botak?

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga 15 Mac 2014 seramai 1,194 peserta telah ditawarkan rumah di Projek Bukit botak.
- b) Status semua 1,194 peserta adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Urusan tandatangan SPA	80 orang
2.	Sedang mendapatkan pinjaman	319 orang
3.	Telah lulus pinjaman dan belum bayar wang perbezaan	72 orang
4.	Telah lulus pinjaman, telah bayar perbezaan dan sedang dalam urusan pindahmilik	116 orang
5.	Dalam urusan tuntutan dengan bank dan akan menerima kunci dalam masa terdekat	147 orang
6.	Telah jelas penuh dan telah ambil kunci	445 orang
7.	Setuju untuk pulangkan semula kepada PKNS dengan menerima bayaran RM71,000.00	15 orang

- c) Kesemua 1,422 unit telah siap 100% dengan CCC diperolehi pada 28 April 2013, Hakmilik Berasingan telah diperolehi pada 15 Julai 2013.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: PROGRAM MES**

91. Bertanya kepada Menteri Besar:-

- a) Apakah pecahan peratusan penerima manfaat program MES mengikut umur (kanak-kanak, anak muda, dewasa, warga emas)
- b) Sila kemukakan program MES yang tidak lagi dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri
- c) Sila kemukakan mana-mana program MES yang mempunyai syarat-syarat baru dalam tahun 2013.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pemanfaat dan perbelanjaan bagi menjalankan program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) adalah berjumlah **1,748,599** orang penerima dengan perbelanjaan sebanyak **RM1,044,511,142.86**. Program MES yang dilaksanakan berdasarkan golongan sasaran yang berbeza.
- b) Tiada program MES yang digugurkan. Kesemua program MES masih lagi dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan penambahbaikan berterusan demi memastikan manfaat kepada semua.
- c) Antara program MES yang dibuat penambahbaikan dengan syarat-syarat baru dalam tahun 2013 adalah:
  - i) Program Hadiah Anak Masuk Universiti  
Syarat baru : Pendapatan Isi Rumah Ibu dan Bapa atau penjaga telah dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM3,000 dan ke bawah
  - ii) Program MiMBAR  
Syarat-syarat MiMBAR Selangor kebanyakannya tidak banyak berubah dan syarat-syarat baru yang telah dikemaskini adalah seperti berikut:
    - a. Pendapatan seisi rumah kurang dari:
    - b. RM1,500 tanpa anak
    - c. RM2,500 berkahwin dengan anak 3 orang atau kurang
    - d. RM3,000 berkahwin dengan anak lebih 3 orang
    - e. Warganegara Malaysia berusia 21-60 tahun

- f. Warga Selangor/bermastautin lebih 10 tahun (perlu pengesahan)
- g. Memiliki asset tidak lebih RM100,000 dalam segala bentuk
- h. Menetap dan berniaga di Bandar-bandar Negeri Selangor
- i. Sudah memulakan perniagaan dan berpengalaman dalam bidang perniagaan
- j. Wajib mengikuti syarat-syarat program yang ditentukan
- k. Tidak mendapat sebarang bantuan dari Skim sel, AIM, Tekun atau program mikrokredit seumpamanya
- l. Mampu membayar pinjaman dalam tempoh masa yang dipersetujui

Tiada masalah peribadi seperti hutang Ah Long atau kad kredit dan juga tidak disenaraihitamkan atau diisytiharkan mufliis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: DENGGI**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kes Denggi yang dilaporkan mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tahun 2013 dan juga pada bulan Januari dan Februari. Berapakah Kes Kematian berlaku ?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membentasi pembiakan nyamuk-nyamuk aedes?

**JAWAPAN :**

- a) Bilangan kes denggi dan kematian mengikut daerah dari 2013-2014 (sehingga 15 Mac 2014) adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	TAHUN	
		2013	2014
1	Petaling	9600 (10)	5110(5)
2	Hulu Langat	6371 (5)	3261(7)
3	Gombak	3326 (2)	1339(3)
4	Klang	2645 (2)	1800(4)
5	Hulu Selangor	480 (1)	114(1)
6	Kuala Langat	288 (2)	197
7	Kuala Selangor	304 (0)	104(1)
8	Sepang	663 (2)	80
9	Sabak Bernam	175 (0)	68
<b>SELANGOR</b>		<b>23852 (24)</b>	<b>12,073(21)</b>

\*(...) merujuk kepada bilangan kes kematian

- b) Bilangan kes denggi dan kematian mengikut Pejabat Kesihatan Daerah serta PBT dari 2013-2014 (sehingga 15 Mac 2014).

BIL	DAERAH	BILANGAN KES TAHUN	
		2013	2014
1	*Petaling	1319 (0)	0 (0)
2	*Hulu Langat	4740 (5)	2542 (4)
3	*Gombak	1587 (2)	611 (2)
4	*Klang	373 (0)	358 (0)
5	*Hulu Selangor	479 (0)	114 (1)
6	*Kuala Langat	288 (2)	197 (0)
7	*Kuala Selangor	304 (0)	104 (0)
8	*Sepang	663 (2)	80(0)
9	*Sabak Bernam	175 (0)	68 (0)
10	Majlis Perbandaran Selayang	958 (0)	556 (1)
11	Majlis Perbandaran Subang Jaya	3233 (5)	1794 (3)
12	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2739 (4)	1464 (1)
13	Majlis Bandaraya Shah Alam	2756 (3)	2076 (3)
14	Majlis Perbandaran Kajang	262 (0)	74 (0)
15	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2139 (0)	817 (3)
16	Majlis Perbandaran Klang	1838 (1)	1218 (3)
<b>SELANGOR</b>		<b>23853 (24)</b>	<b>12073 (21)</b>

(...) merujuk kepada bilangan kes kematian

\*kes adalah dibawah PBT namun aktiviti kawalan dilakukan oleh pihak PKD-maklumat sukar diperolehi secara tepat kerana pembahagian kawasan mengikut aktiviti kawalan

- b) Berikut adalah langkah-langkah untuk membentasi pembiakan nyamuk aedes:-
- i. Memberi penekanan dalam pendidikan kesihatan kepada **masyarakat serta agensi/ badan yang berkaitan** tentang **pencegahan jangkitan denggi** melalui konsep **'Kebersihan Setiap Hari, Setiap Masa & Di Mana Jua ("Everyday Cleanliness, Everytime, Everywhere")** .
  - ii. Mempromosi serta menggalakkan **penubuhan skuad denggi dan pasukan COMBI ('Communication For Behavioral Impact')** dikalangan persatuan penduduk, agensi kerajaan, agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mempertingkatkan penglibatan masyarakat tempatan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi seperti 'gotong-royong', pemeriksaan rumah untuk tempat pembiakan nyamuk Aedes dan pembuangan sampah secara teratur.
  - iii. Melaksanakan Mesyuarat Mingguan Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Ia diadakan di semua daerah yang mengalami wabak denggi dengan tujuan utama mesyuarat adalah untuk meningkatkan koordinasi pelbagai agensi kerajaan/ bukan kerajaan/ NGO dan persatuan penduduk untuk mengatasi faktor risiko pembiakan nyamuk Aedes di lokasi wabak denggi. Disamping itu, di peringkat Kerajaan Negeri Mesyuarat Wabak Denggi Mingguan (Dipengerusikan oleh Dato' Teng) dilaksanakan bagi merancang serta memantau aktiviti kawalan denggi serta pencegahan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
  - iv. Bmempertingkatkan kerjasama Jabatan Kesihatan PBT serta Pejabat Kesihatan Daerah bagi menjalankan langkah-langkah kawalan denggi, seperti semburan kabus dan larvisiding apabila kes denggi dilaporkan oleh klinik/ hospital kerajaan & swasta di lokasi terlibat.
  - v. Bekerjasama dengan sekolah-sekolah melalui Program Bebas Denggi Sekolah oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor serta Program Khas yang dianjurkan oleh setiap PBT untuk memberi kesedaran serta memastikan tiada pembiakan nyamuk Aedes di semua sekolah-sekolah.
  - vi. Penguatkuasaan undang-undang, dengan kompaun minima RM 500, terhadap semua premis yang dikesan positif untuk pembiakan nyamuk Aedes. Ini juga termasuk penutupan tapak binaan yang didapati positif untuk pembiakan nyamuk Aedes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : SKIM AIR PERCUMA**

93. Bagi pangsapuri kos rendah, Skim SAFWA "Selangor Free Water Scheme" melalui kaedah "Lapor Dan Dapat" dilaksanakan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status semasa pelaksanaan skim ini?
- b) Nyatakan statistik penyelesaian aduan yang telah dicapai?
- c) Berapakah peruntukan skim ini dan jumlah yang telah dibelanja?

**JAWAPAN :**

- a) Skim ini masih diteruskan oleh Kerajaan Negeri. Selain itu, berdasarkan rekod daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sejumlah 229 pangsapuri kos rendah melibatkan 64,133 unit yang masih menggunakan meter air pukal di negeri Selangor. Setakat 19 Mac 2014, status pelaksanaan Skim SAFWA bagi pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal adalah sebanyak 234 kawasan yang melibatkan 66,512 unit (termasuk 8 kawasan pangsapuri Program Perumahan Rakyat (PPR) terdiri daripada 3,280 unit). Statistik pelaksanaan mengikut kawasan PBT adalah seperti berikut:

BIL.	PRESTASI TUNTUTAN SKIM SAFWA PANGSAPURI KOS RENDAH/PPR				
	PBT	TELAH BUAT TUNTUTAN (A)	BELUM BUAT TUNTUTAN (B)	BIL. KAWASAN (A) + (B)	%
1.	MBSA	35 (5,403)	0 (0)	35 (5,403)	100
2.	MBPJ	30 (20,336)	1 (210)	30 (20,546)	97
3.	MPSJ	25 (9,451)	1 (655)	26 (10,106)	96
4.	MPAJ	53 (14,372)	0 (0)	53 (14,372)	100

BIL.	PRESTASI TUNTUTAN SKIM SAFWA PANGSAPURI KOS RENDAH/PPR				
	PBT	TELAH BUAT TUNTUTAN (A)	BELUM BUAT TUNTUTAN (B)	BIL. KAWASAN (A) + (B)	%
5.	MPK	50 (6,438)	0 (0)	50 (6,438)	100
6.	MPS	18 (5,717)	0 (0)	18 (5,717)	100
7.	MPKj	19 (4,018)	0 (0)	19 (4,018)	100
8.	MPSp	1 (125)	TIADA BERKAITAN	1 (125)	100
9.	MDKL	3 (352)	1 (36)	4 (388)	75
10	MDHS	1 (300)	TIADA BERKAITAN	1 (300)	100
JUMLAH		234 (66,512)	3 (901)	237 (67,413)	98.7

- a) Setakat ini tiada aduan diterima berhubung pangsapuri kos rendah yang gagal mendapat Skim SAFWA. Walau bagaimanapun, mana-mana pangsapuri kos rendah yang tercicir daripada senarai peserta Skim SAFWA boleh berurusan secara terus dengan Unit Pesuruhjaya Bangunan, PBT untuk mendapatkan surat perakuan layak dan membuat tuntutan Skim SAFWA selanjutnya kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS).

Terdapat 3 kawasan pangsapuri yang masih belum mengemukakan sebarang tuntutan ke atas Skim SAFWA walaupun pihak Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Unit Pesuruhjaya Bangunan, PBT telah mengatur perbincangan bersama pihak pengurusan pangsapuri berkaitan melalui surat, mesyuarat dan turun padang. Memandangkan masih tiada maklum balas daripada mereka selepas pelbagai usaha dilaksanakan, Kerajaan Negeri menganggap mereka tidak berminat dengan Skim SAFWA ini. Senarai 3 skim terbabit adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PANGSAPURI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN
1.	Vista Subang	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
2.	Kampung Seri Aman	Majlis Perbandaran Subang Jaya
3.	Sri Pelangi, Tanjung Sepat	Majlis Daerah Kuala Langat

- b) Tidak ada peruntukan khusus bagi Skim SAFWA, walau bagaimanapun setakat 19 Mac 2014, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM19.39 Juta bagi pelaksanaan skim tersebut.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah pemilihan dan pelantikan Ahli Lembaga dan pengurusan KSSB dilakukan?
- b) Apakah syarat kelayakan kontraktor yang dilantik untuk menguruskan operasi perlombongan, pengangkutan dan penjualan pasir?
- c) Bagaimanakah pengagihan keuntungan KSSB dilakukan?

**JAWAPAN:**

- a) Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah KSSB dikelolakan oleh Menteri Besar Selangor (Diperbadankan) (MBI) mengikut proses-proses dan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh MBI dan juga Kerajaan Negeri.

Lantikan kakitangan pengurusan KSSB pula dijalankan dengan mengikut prosedur dalaman di mana proses lantikan.

- b) Tatacara lantikan kontraktor untuk melombong pasir bagi Lombong GLC adalah melalui tender terbuka. Lantikan kontraktor untuk kerja-kerja cucigali sungai pula adalah melalui sebutharga terbuka. Prosedur berkenaan tender dan sebutharga digunakan dalam penilaian setiap lantikan kontraktor bagi semua tender dan sebutharga yang diadakan. Kriteria pemilihan kontraktor adalah mengikut harga tawaran dan kemampuan kontraktor tersebut.

KSSB tidak melantik kontraktor untuk mengangkut pasir bagi pihaknya. Pelanggan-pelanggan yang berminat untuk membeli pasir dari KSSB menyediakan pengangkutan mereka sendiri.

Jualan pasir dibuat secara terbuka di setiap lombong KSSB. Mana-mana pihak yang berminat untuk membeli pasir boleh membuka akaun dengan KSSB dan membeli terus di lokasi lombong pilihan mereka pada harga yang ditetapkan. Jualan secara tunai juga dibenarkan di setiap lombong KSSB.

- c) Keuntungan KSSB disalurkan melalui kaedah-kaedah berikut untuk rakyat;
- 1) Dividen tahunan kepada MBI yang boleh digunakan oleh MBI untuk program-program yang dikelolakan oleh MBI.
  - 2) Sumbangan kepada program-program Kerajaan Negeri.
  - 3) Sumbangan terus di bawah program-program Tanggungjawab Sosial Koperat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : MUZIUM IMEJ BARU**

95. Muzium di Selangor memerlukan imej baru untuk menarik perhatian rakyat  
Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi kerajaan untuk memastikan muzium negeri menjadi penyimpanan khazanah negeri dan berimej menarik?
- b) Nyatakan muzium-muzium yang ada di Selangor dan fungsinya?
- c) Berapakah peruntukan untuk muzium-muzium setahun?

**JAWAPAN:**

- a) Di dalam enakmen no 4 Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009 (PADAT) telah di nyatakan peranan dan fungsi PADAT dalam membangunkan muzium dan memelihara khazanah negeri. Di samping itu juga pihak PADAT telah merangka Plan Strategik 5 tahun (2011 hingga 2015) bagi memastikan peranan muzium berjalan dengan efektif. Di dalam Plan Strategik ini 4 teras telah di gariskan :
  - i. Penyelidikan saintifik yang inovatif dan mencipta nilai
  - ii. Pengurusan konservasi yang cekap dan berkesan
  - iii. Mempromosi Adat Melayu dan Warisan negeri ke arah kegemilangan
  - iiii. Warga kerja yang kompeten dalam bidang Adat Melayu dan Warisan

Pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor yang bertanggungjawab dalam pengurusan muzium negeri dan muzium-muzium cawangan memang telah mempunyai perancangan bagi menaiktaraf muzium agar menampilkan imej menarik. Antara projek menaik taraf yang telah di luluskan oleh pihak kerajaan negeri dalam peruntukan pembangunan adalah:

- i. Kerja-kerja kekemasan dinding bangunan Muzium Sultan Alam Shah ( projek sedang dilaksana dan di Jangka siap Mei 2014
- ii. Kerja-kerja menaiktaraf ruang lobi muzium Sultan Alam Shah (sedang proses tender)
- iii. Kerja-kerja menaiktaraf ruang pameran Balai Warisan Alam Semulajadi dan Balai Kebudayaan (sedang proses tender)

- iv. Kerja-kerja Naiktaraf kemudahan ruang pejabat dan pembaikan bangunan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor (siap di laksana)
- v. Kerja-kerja pengisian Istana Bandar, Kuala Langat dan Gedung Raja Abdullah, Klang (kedua bangunan ini telah di serah kepada PADAT oleh Jabatan Warisan Negera setelah kerja pemuliharaan selesai) dan
- vi. Kerja-kerja auditan elektrik bangunan oleh pihak JKR (projek sedang di laksana dan jangka siap bulan Mei 2014)

b) Muzium-muzium yang ada di Selangor ialah :-

1. Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam

Muzium ini juga di kenali sebagai muzium negeri yang mempamer segala khazanah budaya bangsa negeri untuk tatapan orang ramai. Muzium ini mempamer sejarah, budaya, flora fauna, sukan dan perkembangan islam di negeri Selangor.

2. Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor

Muzium ini khusus mempamer sejarah dan perkembangan bagi Daerah Kuala Selangor. Muzium ini berada di Bukit Malawati, Kuala Selangor

3. Muzium Pertanian dan Perikanan, Sabak Bernam

Muzium ini mempamerkan perkembangan dan sejarah pertanian dan perikanan di Negeri Selangor.

4. Muzium Insitu Jugra, Kuala Langat

Muzium ini adalah merupakan bekas penjara di zaman pemerintahan British di Tanah Melayu. Muzium ini mempamerkan khazanah kesan peninggalan bangunan ini dan sejarah Daerah Kuala Langat

5. Muzium Permainan Tradisional, Bukit Malawati, Kuala Selangor

Muzium ini mempamerkan segala kegiatan sukan tradisi yang terdapat di negeri Selangor. Muzium ini di tutup sementara bagi kerja-kerja baik pulih oleh pihak JKR.

c) Perbelanjaan bagi kesemua muzium – muzium di bawah PADAT pada tahun 2013 adalah sebanyak RM 437,087.33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PEMBERIMILIKAN TANAH DI PLOT 13, 14, 15 KAMPUNG PAYA JARAS  
TENGAH MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING. NO.  
RUJUKAN (PTG.P 2/SGB 18/1998)**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bilakah kerajaan akan memberikan hakmilikan kepada bak 16 pemohon yang telah menetap di sana lebih 20 tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK Ke 3 / 2005) yang telah bersidang pada 16 Februari 2005 telah menimbang dan menolak permohonan pemberimilikan ini kerana sebahagian daripada kawasan ini telah terlibat dengan projek tebatan banjir Negeri Selangor bagi tujuan pembaikan Sungai Buloh. Bertindak selaras dengan keputusan tersebut, Pentadbiran ini telah mengemukakan surat penolakan bagi permohonan tersebut sekitar Mac 2005.

Walau bagaimanapun, pada 21 Februari 2006 kesemua pemohon telah mengemukakan rayuan ke Pentadbiran ini dan mendakwa bahawa mereka telah mengusahakan tapak tersebut melebihi tempoh 40 tahun. Justeru, satu Kertas Ringkasan rayuan permohonan pemberimilikan bagi tapak tersebut bertarikh 6 Mac 2012 telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi tujuan pertimbangan semula.

Pengarah Tanah dan Galian Selangor telah mengemukakan surat bertarikh 6 April 2012 kepada Pentadbiran ini di mana pihak PTG memerlukan laporan teknikal terkini daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Petaling sebelum ianya diangkat bagi tujuan mendapatkan pertimbangan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Beberapa siri perbincangan telah dijalankan di antara pihak Pejabat Tanah, pemohon-pemohon dan Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Petaling bagi tujuan menentukan keperluan kelebaran sungai yang diperlukan. Pihak pemohon juga telah bersetuju untuk melantik Juruukur Berlesen bagi tujuan penyediaan pelan permohonan terkini sepertimana yang telah dipersetujui.

Pentadbiran ini masih belum menerima sebarang maklumbalas daripada pemohon berhubung pelan permohonan tersebut. Justeru itu, kertas ringkasan rayuan permohonan tersebut masih belum boleh diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri selagi mana pelan tersebut masih belum diperolehi daripada pihak pemohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PEMBAIKAN PADANG PERMAINAN**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan jumlah peruntukan bagi tahun 2013 untuk membaiki peralatan permainan kanak-kanak di padang permainan Taman Perumahan di Daerah Kuala Langat mengikut susunan 24 zon.
  - b) Nyatakan jumlah kos yang belanjakan untuk setiap padang yang dibaiki.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah peruntukan membaiki peralatan permainan kanak-kanak di padang permainan taman perumahan bagi keseluruhan 24 zon adalah sebanyak RM 650,000.00.

Walau bagaimanapun, agihan peruntukan setiap zon adalah mengikut keperluan semasa seperti vandalisme dan kerosakan peralatan.

- b) Minimum kos diperuntukkan adalah purata RM 20,000.00 bagi setiap satu kawasan padang permainan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PENGURUSAN TANAH SECARA DIGITAL**

98. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Meminta kerajaan memberi penerangan tentang pembaharuan-pembaharuan dan pencapaian-pencapaian utama yang dikecapi dalam pengurusan tanah secara digital sejak 2008.

**JAWAPAN :**

**A)** Pembaharuan dan pencapaian utama :

1. Perkhidmatan *On-Line* kepada Pelanggan / Orang Awam

Perkhidmatan	Fungsi
i. e-Perserahan	Semakan status pendaftaran secara <i>online</i> PTGS. <a href="http://eperserahan.selangor.gov.my">http://eperserahan.selangor.gov.my</a>
ii. e-Pungutan	Semakan status dokumen pungutan secara <i>online</i> PTGS. <a href="http://epungutan.selangor.gov.my">http://epungutan.selangor.gov.my</a>
iii. Consent2u	Kemudahan kepada pelanggan untuk membuat permohonan kebenaran pindahmilik, gadaian dan pindahmilik serta gadaian serentak secara atas talian. <a href="http://consent2u.selangor.gov.my">http://consent2u.selangor.gov.my</a>
iv. Pertanyaan Bil Hasil On-Line	Perkhidmatan semakan maklumat cukai tanah dan caj terkini. <a href="http://hasil.selangor.gov.my">http://hasil.selangor.gov.my</a>
v. Semakan Status Hakmilik Strata	Perkhidmatan semakan secara <i>online</i> status hakmilik strata.
vi. MySMS Selangor 15888	Semakan Cukai Tanah secara SMS PTGS CUKAI [ no akaun ] SMS ke 15888



## 2. Sistem Aplikasi Pengurusan Maklumat Tanah Selangor

Sistem Aplikasi	Fungsi
i. Selangor Land Information System (SeLIS)	Mengurus maklumat aset tanah kerajaan negeri dengan menggabungkan maklumat tekstual dan spatial berasaskan teknologi ICT dan GIS.
ii. Sistem Pungutan Dokumen (SPD)	Mengawalselia semua urusan pungutan dokumen dan kutipan denda.
iii. Secured Land Management System (SELAMAT)	Sistem ini menerimapakai teknologi biometrik bagi beberapa urusan yang melibatkan hakmilik tanah. Tujuan SELAMAT adalah bagi mengurangkan risiko penipuan dan pemalsuan bagi urusan tanah. Rekod biometrik ini akan disimpan sebagai rujukan dimasa hadapan.
iv. e-STRATA	Mengurus maklumat urusan niaga dan bukan urusan niaga bagi hakmilik strata setelah permohonan pembangunan strata diluluskan.
v. Land Bank Library System (LBLS)	Mengurus dokumen urusan niaga dan bukan urusan niaga secara digital. Dokumen yang telah siap diimbas bagi fasa 1 projek ini adalah bagi tahun : 2004 – 2010 - dokumen <i>landed</i> . 2007 hingga 2010 – dokumen strata Projek ini telah ditambahbaik pada tahun 2013 dengan menambah modul laporan dan peningkatan dari segi keselamatan. Sistem Carian LBLS juga telah dibangunkan bagi memudahkan urusan carian di bilik kebal Stadium Shah Alam. Jumlah dokumen yang selesai diimbas adalah 1.9 juta
vi. Sistem Resit Bayaran (SRB)	Menyemak dan menentusahkan resit bayaran bagi urusan kaunter pendaftaran adalah sah dan telah dibayar sebelum perserahan bagi urusan tanah dilakukan.
vii. Sistem Pengurusan Wakil Firma (e-Wakil)	Sistem yang merekodkan maklumat peguam dan wakil peguam/firma yang berurusan di kaunter PTGS. Tujuan adalah bagi mengenalpasti peguam atau wakil firma sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diingini.

### 3. Peningkatan Infrastruktur ICT bagi Pengurusan Maklumat Tanah Selangor

Kemudahan Infrastruktur	Fungsi
i. Pelaksanaan sistem backup Continuous Data Protection (CDP).	Pelaksanaan sistem pengurusan backup sistem aplikasi di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor.
ii. Penggunaan teknologi 'Virtual Server'	Pelaksanaan teknologi <i>virtual server</i> bagi sistem aplikasi yang tidak memerlukan sumber server yang banyak semasa sistem beroperasi.
iii. Pelaksanaan 'off-site' backup.	Pelaksanaan ' <i>off-site backup</i> ' yang menyimpan salinan pendua data dalam menggunakan medium ' <i>external harddisk</i> ' sistem aplikasi kritikal di luar lokasi Pejabat Tanah Dan Galian Selangor iaitu di Jabatan Agama Islam Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (SJK)**

99. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi membantu SJK di Selangor ?
- b) Senaraikan SJK dan jumlah bantuan yang diberikan bermula 2008 hingga 2013 mengikut daerah?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu SJK di Selangor antaranya ialah:
  - I. Memberi bantuan untuk memperbaiki kualiti infrastruktur sekolah setiap tahun termasuk sekolah persendirian dengan peruntukan sebanyak RM 6 juta untuk SJKC dan RM 4 juta untuk SJKT.
  - II. Mengadakan sesi dialog dan perbincangan berkenaan kebajikan sekolah, isu pemilikan tanah dan melaksanakan program-program meningkatkan kualiti guru dan para pelajar.
- b) Senarai SJK yang telah menerima bantuan bermula pada tahun 2008 sehingga 2013 mengikut daerah adalah seperti di Lampiran.

**PENERIMA BANTUAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA MENGIKUT DAERAH.**

JENIS SEKOLAH	DAERAH	SENARAI SEKOLAH
SJKC	PETALING	SJKC BALAKONG SJKC CHEE WEN SJKC CHEN MOH SJKC CHUNG HWA SJKC DAMANSARA SJKC HAN MING SJKC KG. BARU SUBANG SJKC KUNG MAN SJKC LADANG HARCROFT SJKC PUAY CHAI SJKC PUAY CHAI 2 SJKC SERDANG BARU 1 SJKC SERDANG BARU 2 SJKC SIN MING, PUCHONG SJKC SUBANG SJKC YAK CHEE SJKC YUK CHAI SJKC YUK CHYUN SJKC SUNGAI BULOH SJKC SUNGAI WAY
	KLANG	SJKC CHUEN MIN SJKC CHUNG HUA SJKC HIN HUA SJKC HWA LIEN SJKC KENG CHEE SJKC KHE BENG SJKC KONG HOE SJKC LEE MIN SJKC PANDAMARAN A SJKC PANDAMARAN B SJKC PEREMPUAN KLANG SJKC PIN HWA 1 SJKC PIN HWA 2 SJKC PUI YING SJKC SIN BIN SJKC TIONG HUA KOK BIN SJKC TSHING NIAN SJKC WU TECK SJKC YING WAH SJKC TAMAN RASHNA

JENIS SEKOLAH	DAERAH	SENARAI SEKOLAH
SJKC	GOMBAK	SJKC BUKIT TANGGA SJKC DESA JAYA SJKC DESA JAYA 2 SJKC KHEOW BIN SJKC KUANG SJKC KUNDANG SJKC SAN YUK SJKC SELAYANG BARU SJKC CHAP KHUAN BATU ARANG
	HULU LANGAT	SJKC BATU 9 SJKC BATU 11 CHERAS SJKC BATU 14 SJKC CHOON HWA SJKC CONNAUGHT 2 SJKC KG BARU AMPANG SJKC KG BARU SEMENYIH SJKC ON PONG SJKC SIN MING SJKC SUNGAI CHUA SJKC TON FAH SJKC YOKE MIN SJKC YU HUA
	SEPANG	SJKC CHIO CHIAO SJKC DENGKIL SJKC SEPANG SJKC TCHE MIN SJKC WAH LIAN
	KUALA LANGAT	SJKC CHOONG HUA SJKC JENJAROM SJKC KAH WAH SJKC PENG MING SJKC SIMPANG MORIB SJKC TANJUNG SEPAT SJKC TIONG NAM
	KUALA SELANGOR	SJKC AIK THEE SJKC BAGAN PASIR SJKC CHUNG WAH SJKC IJOK SJKC KHAI TEE SJKC LIAT CHOON (CAWANGAN) SJKC LIAT CHOON (PUSAT) SJKC MING TEE SJKC PUI CHI ASSAM JAWA SJKC PUI TEH SJKC TANJONG KARANG SJKC TANJONG KARANG (BAGAN) SJKC YIT KHWAN SJKC YUK CHIH

JENIS SEKOLAH	DAERAH	SENARAI SEKOLAH
SJKC	HULU SELANGOR	SJKC BATANG KALI SJKC BUKIT FRASER SJKC CHOONG CHEE SJKC KALUMPANG SJKC KERLING SJKC KG. GURNEY SJKC KHING MING SJKC RASA SJKC SERENDAH
	SABAK BERNAM	SJKC CHEONG HUA SJC HAI PING SJKC KIAN SIT SJKC MOON TECK SJKC PHOOI MIN SJKC PHOOI TEE SJKC POAY CHNEH SJKC SIN MIN SJKC YOKE KUAN SJKC LUM HUA

**PENERIMA BANTUAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL MENGIKUT DAERAH.**

<b>JENIS SEKOLAH</b>	<b>DAERAH</b>	<b>SENARAI SEKOLAH</b>
<b>SJKT</b>	<b>PETALING</b>	<b>SJKT BATU AMPAT</b> <b>SJKT BUKIT DARAH</b> <b>SJKT EBOR</b> <b>SJKT EFFINGHAM</b> <b>SJKT EMERALD</b> <b>SJKT FES SERDANG</b> <b>SJKT GLENMARIE</b> <b>SJKT HICOM</b> <b>SJKT KINRARA</b> <b>SJKT MIDLANDS</b> <b>SJKT PUCHONG</b> <b>SJKT RASAK</b> <b>SJKT RRI</b> <b>SJKT SEAFIELD</b> <b>SJKT SEAPORT</b> <b>SJKT SG. BULOH</b> <b>SJKT SG. RENGGAM</b> <b>SJKT TUN SAMBANTHAN</b> <b>SJKT VIVEKANANDA</b>
	<b>KLANG</b>	<b>SJKT BUKIT RAJA</b> <b>SJKT HIGHLANDS</b> <b>SJKT JALAN ACOB</b> <b>SJKT JALAN MERU</b> <b>SJKT JALAN TEPI SUNGAI</b> <b>SJKT METHODIST</b> <b>SJKT NORTH HUMMOCK</b> <b>SJKT PERSIARAN RAJA MUDA MUSA</b> <b>SJKT SIMPANG LIMA</b> <b>SJKT VALLAMBROSA</b>
	<b>GOMBAK</b>	<b>SJKT AMPANG</b> <b>SJKT BATU ARANG</b> <b>SJKT BATU CAVES</b> <b>SJKT KUANG</b> <b>SJKT RAWANG</b> <b>SJKT TAMAN MELAWATI</b>
	<b>SEPANG</b>	<b>SJKT AMPAR TENANG</b> <b>SJKT BANDAR BARU SALAK TINGGI</b> <b>SJKT BUTE</b> <b>SJKT DENGKIL</b> <b>SJKT GADONG</b> <b>SJKT SEPANG</b> <b>SJKT TAMAN PERMATA</b> <b>SJKT TELUK MERBAU</b> <b>SJKT TUMBUK</b>

JENIS SEKOLAH	DAERAH	SENARAI SEKOLAH
SJKT	KUALA LANGAT	SJKT PULAU CAREY BARAT SJKT PULAU CAREY TIMUR SJKT PULAU CAREY SELATAN SJKT SUNGAI BUAYA SJKT SUNGAI MANGGIS SJKT SUNGAI SEDU SJKT SIMPANG MORIB SJKT TELUK DATUK SJKT TELUK PANGLIMA GARANG SJKT JENJAROM SJKT JUGRA
	HULU LANGAT	SJKT BANGI SJKT DOMINION SJKT RINCHING SJKT SELANGOR RIVER SJKT WEST COUNTRY BARAT SJKT WEST COUNTRY TIMUR SJKT KAJANG
	KUALA SELANGOR	SJKT BESTARI JAYA SJKT BAFFERTON SJKT BRAUNSTON SJKT BUKIT CHERAKA SJKT BUKIT IJOK SJKT BUKIT ROTAN BARU SJKT COALFIELDS SJKT HOPEFUL SJKT KAMPUNG BHARU SJKT KUALA SELANGOR SJKT LADANG RAJA MUSA SJKT MARY SJKT MINYAK SJKT RIVERSIDE SJKT SARASWATHY SJKT SEMENYIH SJKT SUNGAI RAMBAI SJKT SUNGAI TERAP SJKT SUNGAI TINGGI SJKT TUAN MEE SJKT VAGEESAR
	HULU SELANGOR	SJKT BATANG KALI SJKT BUKIT BERUNTUNG SJKT CHANGKAT ASA SJKT ESCOT SJKT KALUMPANG SJKT KERLING SJKT KUALA KUBU BHARU SJKT LIMA BELAS SJKT NIGEL GARDNER SJKT SG CHOH



JENIS SEKOLAH	DAERAH	SENARAI SEKOLAH
SJKT	SABAK BERNAM	SJKT GHANDIJI SJKT SABAK BERNAM SJKT SUNGAI BERNAM

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: FAHAMAN WAHABI**

100. Penularan fahaman Wahabi boleh mengelirukan amal Islami di kalangan masyarakat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sejarah fahaman ini di Selangor dan setakat manakah kesannya terhadap masyarakat?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membanteras fahaman ini?
- c) Adakah pihak kerajaan telah mengeluarkan fatwa tentang fahaman ini?

**JAWAPAN :**

- a) Fahaman ini dapat di kesan sejak tahun 1997. Lambakan bahan – bahan penulisan dan buku – buku yang berunsur fahaman Wahabi yang cuba mempengaruhi masyarakat Islam adalah antara sebab fahaman ini tersebar khususnya di Negeri Selangor. Selain itu, munculnya beberapa tokoh berfahaman Wahabi yang memberi ceramah-ceramah secara terbuka samada di masjid atau surau atau seminar-seminar dan sebagainya sehingga menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam.

Fahaman ini telah memberi kesan negatif kepada masyarakat Islam itu sendiri kerana telah menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat. Ia juga telah mengelirukan masyarakat mengenai amalan yang sering menjadi amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah di negeri ini. Fahaman ini telah menyesatkan golongan tertentu yang tidak sealiran dengan pemikiran yang dibawa termasuklah ulama'-ulama' muktabar seperti ulama'-ulama' aliran *Al-Asya'irah* dan *Al-Maturidiah* dan lain-lain.

- b) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi membendung kesan negatif ini antaranya seperti berikut:
  - i. Memperkasakan tauliah mengajar di masjid dan surau Negeri Selangor bagi mengawal pengajar atau penceramah yang boleh menimbulkan suasana tidak mesra atau tuduh menuduh antara satu sama lain.
  - ii. Memperbanyakkan majlis penjelasan pengukuhan akidah seperti khutbah, seminar, forum dan lain-lain secara berkala tentang bahaya aliran pembid'ahan terhadap amalan tradisi Islam.

- iii. Mengeluar dan menyebarkan bahan penerbitan berkaitan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk edaran ke masjid, surau, agensi-agensi kerajaan atau swasta dan sebagainya bagi menyanggah aliran pembid'ahan.
  - iv. Mengeluar dan menerbitkan buku modul akidah mengenai tajuk "Prinsip-prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah" , "Bida'ah: Satu Penilaian Semasa" dan Simptom-simptom Penyelewengan Akidah, Syariah dan Akhlak" untuk panduan umat Islam Negeri Selangor.
  - v. Sedang menyiapkan Buku Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk dijadikan sebagai buku pengajian di Masjid-masjid dan Surau-surau di seluruh Negeri Selangor.
  - vi. Mengadakan Simposium Serantau Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan kerjasama UNITEN pada 19 dan 20 Nov 2013 di UNITEN, Bandar Baru Bangi Selangor.
- c) Tiada fatwa khusus berkaitan fahaman Wahabi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : HARGA DAN KEUNTUNGAN RUMAH MAMPU MILIK PKNS**

101. PKNS menetapkan harga rumah mampu milik dari RM60 ribu hingga RM185 ribu mengikut lokasi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kos sebenar pembinaan bagi rumah berharga RM60 ribu dan RM185 ribu?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan kos pembinaan?
- c) Berapa peratuskah margin keuntungan untuk projek perumahan mampu milik tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Kos pembinaan Rumah Mampu Milik bergantung kepada beberapa faktor seperti luas lantai, bilangan tempat letak kereta (TLK), jumlah kemudahan awam yang disediakan dan kemudahan infrastruktur yang perlu disediakan di kawasan tersebut.

Secara kasar bagi pembangunan pangsapuri berserta lift dengan penyediaan TLK bertingkat, penyediaan fasiliti ( pejabat MC, surau, tadika & kedai komuniti) kos bangunan sahaja adalah sebanyak RM250.00 skp. Oleh itu kos pembinaan bagi luas lantai 800 kps adalah RM200,000.00 seunit. Kos ini tidak termasuk kos infrastruktur dan kos tanah

- b) Kenaikan kos pembinaan disebabkan beberapa faktor seperti kenaikan bahan api, kenaikan bahan mentah, penyediaan tempat letak kereta bertingkat serta kos menaiktaraf infrastruktur di kawasan sedia ada bagi menampung pertambahan densiti. Mulai 1 April 2015, tambahan cukai barangan dan perkhidmatan, GST sebanyak 6% juga akan turut menyumbang kepada kenaikan harga binaan.

- c) Bagi projek-projek Rumah Mampu Milik yang telah disiapkan dan dijual, margin untung rugi adalah seperti berikut:

Lokasi	Bil Unit	Harga Jualan seunit (RM)	GDC (RM)	GDV (RM)	Keuntungan/ (Kerugian) (RM)
Bukit Botak	1,422	99,000	23,800,000	11,736,000	(12,000,000) @ 50.7%
Bandar Baru Bangi	124	60,000 – 99,000	221,629,000	136,724,000	(RM85,000) @ 38.3%
Seri Kejora, Subang Bestari	254	120,000	27.6 juta	30.48 juta	RM2.88 juta @ 10.42%

**PERTANYAAN–PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: KEHARMONIAN ANTARA KAUM**

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan melaksanakan apa-apa kajian terhadap tahap keharmonian antara kaum di Selangor?
- b) Apakah strategi dan langkah kerajaan negeri untuk mengekalkan keharmonian yang ada?

**JAWAPAN:**

- a) Kajian-kajian sosial dan spesifik mengenai keharmonian kaum telah banyak dijalankan oleh pelbagai universiti dan ia boleh dijadikan sumber rujukan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Strategi dan langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan keharmonian sedia ada ialah dengan mempunyai sikap bertolak ansur oleh semua pihak dan memberikan keadilan dalam polisi sosial dan ekonomi. Kegagalan untuk menanam dan memupuk sikap bertoleransi serta polisi-polisi yang tidak memberi jaminan keadilan adalah resepi yang akan membawa kehancuran kepada negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: PROJEK USAHASAMA PKNS DENGAN GDV BERNILAI RM800 JUTA  
DIURUSKAN OLEH PEGAWAI KONTRAK**

103. Merujuk perbahasan Belanjawan 2011.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional projek 13 ekar di Bandar Baru Bangi bernilai RM316 juta dikendalikan oleh pegawai kontrak?
- b) Apakah alasan projek 22.39 ekar di Selangor Science Park 2 bernilai RM504.15 juta dikendalikan oleh pegawai kontrak?
- c) Tidakkah tindakan ini meminggirkan pegawai tetap di PKNS?

**JAWAPAN:**

- a) Projek 13 ekar di Bandar Baru Bangi adalah projek penswastaaan oleh Syarikat Andaman Realty Sdn. Bhd dan tiada pegawai kontrak PKNS yang mengendalikan projek ini.
- b) & c)

Projek di Selangor Science Park 2 bernilai RM504.15 juta adalah dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Bisnes (BDD). Yang mana Pembangunan Bisnes adalah sebuah bahagian baru di PKNS yang baru ditubuhkan dan terdapat kekurangan kakitangan dan kepakaran pada waktu tersebut.

Namun begitu, pegawai kontrak tersebut telah dihantar kembali ke PKNS Holdings Sdn. Bhd. dan telah ditamatkan kontrak pada Februari 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: POLIS BANTUAN**

104. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Sudah sampai ke tahap manakah penubuhan Pasukan Polis Bantuan untuk Negeri Selangor ini?
- b) Apakah syarat2 sebenar untuk menubuhkan Pasukan ini?

**JAWAPAN :**

- a) Setakat ini, hanya MBSA dan MBPJ merancang penubuhan Pasukan Polis Bantuan di Negeri Selangor. MBSA telah menghantar kertas kerja tentang penubuhan Pasukan Polis Bantuan MBSA kepada Kerajaan Negeri melalui SPBT untuk penelitian. Manakala MBPJ pula masih menunggu kelulusan daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) selepas mengemukakan permohonan semula pada 19 Jun 2013, surat susulan juga telah dihantar pada 22 Januari 2014. Pada masa yang sama, pihak Majlis sedang melaksanakan program rondaan keselamatan bersama pihak PDRM. Kekurangan rondaan sebanyak 3 kali seminggu dan pihak Majlis sedang dalam proses menambah bilangan anggota seramai 50 orang bagi program ini.
- b) Syarat penubuhan pasukan Polis Bantuan adalah seperti yang terkandung dalam Akta 344, Akta Polis 1967, Bahagian IX Seksyen 47 – 50.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)**

105. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kedudukan kewangan PKPS dari tahun 2008 hingga 2013?
- b) Sila senaraikan jumlah pendapatan Ladang Kelapa Sawit PKPS secara detail sejak tahun 2008 hingga 2013?
- c) Sila senaraikan butiran terperinci pelaburan-pelaburan PKPS yang mengalami kerugian sejak 5 tahun yang lalu?

**JAWAPAN:**

a)

**Prestasi Kewangan PKPS dari tahun 2008 sehingga 2013 :**

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013
	<b>RM' Juta</b>					
Keuntungan/ (Kerugian ) Operasi	(10.42)	(7.95)	1.88	8.43	4.89	4.19

b)

**Pendapatan Ladang Sawit PKPS dari tahun 2008 hingga 2013 :**

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Pengeluaran Sawit ( Metrik Tan )	31,079	50,801	51,101	45,640	44,741	53,063
Harga Jualan ( RM/Metrik Tan )	555	443	553	674	543	447
Pendapatan Jualan Sawit ( RM ' Juta )	17.25	22.49	28.24	30.78	24.29	23.73

c) Pelaburan-pelaburan PKPS yang mengalami kerugian berterusan sejak 5 tahun yang lalu :

<b>Projek</b>	<b>Pelaksana</b>	<b>Projek Mula</b>	<b>Projek Tutup</b>	<b>Kerugian RM ' Juta</b>	<b>Sebab Penutupan</b>
Projek Keli Salai	Mais Food Industries Sdn Bhd	2007	2009	1.74	Syarikat gagal mendapatkan pasaran dan mengalami kerugian berterusan.
Projek Baja Kompos	PKPS Landscaping Sdn Bhd	2008	2009	1.80	Syarikat bergantung kepada kontrak bekalan baja kompos ke ladang PKPS dan gagal mendapatkan kontrak luar. Ladang PKPS telah tukar ke bekalan baja mineral.
Projek Serendah International Ladang Orkid	Baytown Sdn Bhd	2002	2011	17.9	Syarikat gagal mendapatkan pasaran dan mengalami kerugian berterusan
Projek Ternakan dan pembenihan Ikan Air Tawar	PKPS Bukit Tinggi Fishfarm Sdn Bhd	1999	2012	1.83	Perjanjian memihak kepada rakan usahasama. Syarikat gagal membuat bayaran balik pinjaman PKPS dan syarikat digulung
Projek Usahasama Penghutanan Semula	Megafores Nursery Sdn Bhd	2001	2013	6.24	Perjanjian memihak kepada rakan usahasama. Syarikat melanggar syarat-syarat perjanjian usahasama dan syarikat digulung
Projek Usahasama Ternakan Lembu, kambing dan biri-biri serta pengeluaran makanan ternakan napier & jagung	United Falcon Sdn Bhd	2007	2012	5.68	Syarikat mengalami kerugian berterusan. Syarikat gagal membuat bayaran balik pinjaman dengan PKPS dan syarikat digulung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: MENTERI BESAR INCORPORATED**

106. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Butirkan semua anak syarikat MBI dan anak-anak syarikatnya serta struktur pegangan syer.
- b) Butirkan laporan kewangan terperinci MBI bagi tahun 2004-2013.
- c) Adakah kerajaan negeri berpuas hati dengan prestasi kewangan MBI untuk 2008-2013?

**JAWAPAN :**

- a) Berikut adalah butir-butir anak syarikat MBI berserta struktur pegangan syer.

<b>Bil</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Unit Saham</b>	<b>(%)</b>
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	262,408,163	100
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	24,000,000	100
3	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	643,694	100
4	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Bhd	5,000,000	100
5	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	2,500,000	100
6	Tourism Selangor Sdn Bhd	1,999,998	99.9
7	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	2,000,000	100
8	SSIC Berhad	1,999,999	99.9
9	Communication Corporation Sdn Bhd	3,000,000	100
10	Majlis Sukan Negeri Selangor (H) Sdn Bhd	1,000,000	100
11	Yayasan Warisan Anak Selangor *	-	100
12	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor*	-	100

Yayasan tidak menerbitkan saham. MBI menyuntik dana permulaan dan sebahagian dana operasi bagi badan pemegang amanah tersebut.

- b) Laporan kewangan MBI pada tahun kewangan 2004-2007 adalah di bawah seliaan KDEB. Berikut disenaraikan butiran kewangan bagi tahun 2008 – 2013.

**MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**  
**PENYATA PENDAPATAN & PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2008-2013**

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013
	12 Bulan @ 31/12/2008	12 Bulan @ 31/12/2009	12 Bulan @ 31/12/2010	12 Bulan @ 31/12/2011	12 Bulan @ 31/12/2012	12 Bulan @ 31/12/2013
Pendapatan	117,734	930,896	15,527,703	11,860,253	35,005,699	21,898,646
Usahasama Tanah Kerajaan	-	-	-	-	15,130,820	-
Penstrukturan Talam	-	391,986,473	-	-	-	-
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>117,734</b>	<b>392,917,369</b>	<b>15,527,703</b>	<b>11,860,253</b>	<b>50,136,519</b>	<b>21,898,646</b>
Tolak:-						
Perbelanjaan Operasi dan Pentadbiran	24,500	1,060,339	5,759,508	8,527,358	11,940,824	10,604,348
<b>Keuntungan Bersih</b>	<b>93,234</b>	<b>391,857,031</b>	<b>9,768,194</b>	<b>3,332,895</b>	<b>38,195,695</b>	<b>11,294,299</b>
Sumbangan/Geran Anak Syarikat		9,000,000	13,324,225	17,117,076	31,427,499	180,423,181
		<b>400,857,031</b>	<b>23,092,419</b>	<b>20,449,970</b>	<b>69,623,193</b>	<b>191,717,480</b>
Tolak:-						
Sumbangan Korporat	-	-	21,274,617	32,521,712	22,458,404	17,253,420
Tanggung Air	-	-	-	-	149,096,145	158,006,060
Pelunasan Geran Anak Syarikat	-	6,721,656	-	16,077,076	27,944,683	20,971,253
<b>Kurangan/Lebih Perbelanjaan</b>	<b>93,234</b>	<b>394,135,375</b>	<b>1,817,802</b>	<b>(28,148,817)</b>	<b>(129,876,038)</b>	<b>(4,513,253)</b>

- c) Prestasi MBI adalah pada tahap memuaskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: MAAHAD TAHFİZ**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan nama dan lokasi maahad tahfiz yang berdaftar di Selangor mengikut daerah?
- b) Nyatakan statistik bilangan pelajar dan guru maahad tahfiz mengikut daerah?
- c) Apakah isu-isu yang timbul dan apakah inisiatif kerajaan untuk membantunya?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Berikut ialah nama, lokasi, bilangan pelajar dan bilangan guru maahad tahfiz yang berdaftar di Selangor mengikut daerah:

BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	KLK	BYA0083	MAAHAD HAFİZ	500	21	521	30	30	60
2	KLK	BYA0086	MAAHAD DARUL ULOOM LILBANAT		139	139	2	7	9
3	KLK	BYA0100	DARUL TAHFİZ UMMUL QURA	88	24	112	6	1	7
4	KLK	BYA0101	PUSAT PENGAJIAN AL-QURAN LUKMAN AL-HAKIM	37		37	1		1
5	KLK	BYA0113	MAAHAD TAHFİZ DARUL HAFIDZIN	10	30	40	4	2	6
6	KLK	BYA0114	MAAHAD TAHFİZ ISTIQAMATUDDIN	56		56	3	2	5
7	KLK	BYA0115	MAAHAD AKADEMI TAHFİZ DARUL MUSTOFA	35		35	4		4
8	KLK	BYA0118	MAAHAD TAHFİZ AL QURAN SABIL AL-RASYAD	TM					
9	KLK	BYA0125	PUSAT TAHFİZ AL-QURAN SOFIUDDIN	75		75	5		5
10	KLK	BYA0126	MADRASAH TAHFİZ AL-HIRAH	61	60	121		3	3
11	KLK	BYA0127	MAAHAD DAKWAH WA IRSHAD MOHD AL FATEH	53		53	5	1	6
12	KLK	BYA0128	MADRASAH 'ULUMUL QURAN WAL AHADITH	40		40	7		7
13	KLK	BYA0129	AKADEMI TAHFİZ IHYA ULUM WAHYU	23		23	3		3
14	KLK	BYA0130	MAAHAD QURANUNA	12	8	20	2	2	4

15	KL	BYA0131	MAAHAD TAHFIZ AL-MUNIRAH	30		30	3		3
16	KL	BYA0132	MAAHAD HAFIZ SG. PINANG	114	118	232	9	10	19
17	KL	BYA0133	TAHFIZ DARUL ISLAH LIL BANAT		24	24		3	3
18	KL	BYA0136	PUSAT PENGAJIAN RAUDHOTUL TAHFIZ ANNUR		30	30		6	6
19	KL	BYA0145	MAZAHER ULOOM ILMUAN	18		18	5		5
20	KL	BYA0147	MAAHAD TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI DARUL EHSAN	32	26	58	5	3	8
21	KL	BYA0149	MADRASAH TAHFIDZ AL QURAN BIDAYATUL HIDAYAH (	36		36	2		2
22	KL	BYA0150	AKADEMI TAHFIZ AL QURAN DAN VOKASIONAL (ALQAV)	16		16	2		2
						0			
						0			
						0			
			<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>1236</b>	<b>480</b>	<b>1716</b>	<b>98</b>	<b>70</b>	<b>168</b>
			<b>JUMLAH BESAR</b>						
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	KL	BYA1033	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DARUL FAQEH						
2	KL	BYA1070	MAAHAD TAHFIZ RAUDHATUS SAKINAH (ANAK YATIM)	6		6	3		3
3	KL	BYA1071	MAAHAD TAHFIZ MIFTAH AL ULUM			0			0
4	KL	BYA1059	SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ HARAPAN	78	52	130	7	7	14
5	KL	BYA1073	MAAHAD INTEGRASI TAHFIZUL QURAN AN NASR D'ITQAN	25		25	4		4
6	KL	BYA1074	PONDOK MODEN TAHFIZ SA'ADAH ADDAARAIN	103		103	9		9
7	KL	BYA1060	MAAHAD IHYA AL-AHMADI	195	181	376	11	16	27
8	KL	BYA1076	MAAHAD TAHFIZ BUSTANUL ARIFAT		24	24		3	3
9	KL	BYA1077	MAAHAD TAHFIZ BUSTANUL ARIFIN	150		150	5	3	8
10	KL	BYA1078	MAAHAD TAHFIZ MUMTAZATUTU TAQWA		54	54		5	5
			<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>557</b>	<b>311</b>	<b>868</b>	<b>39</b>	<b>34</b>	<b>73</b>
			<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>0</b>		<b>0</b>		
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	KS	BYA3063	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT	51	36	87	9	8	17
2	KS	BYA3064	MAAHAD AN-NUR AL-ISLAMI	80		80	6	1	7
3	KS	BYA3070	DARUL QURAN NURUL HASANAH	51		51	8		8

4	KS	BYA3072	MARKAZ DAKWAH WAT TARBIAH ISLAMIAH AL-ANSAR	189	92	281	10	8	18
5	KS	BYA3077	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SABIL AL-RASYAD	18		18	2		2
6	KS	BYA3078	MADRASAH TAHFIZ MASJID PEKAN SG BULOH	0	45	45	1	4	5
7	KS	BYA3079	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SABIL AL-RASYAD	34		34	4		4
8	KS	BYA3082	MAAHAD TAHFIZ AL-HUSNI		54	54		5	5
9	KS	BYA3083	MAAHAD TAHFIZ AR-RUQAIYAH	43	25	68	4	3	7
10	KS	BYA3084	MAAHAD HABIBULLAH ALHAFIZ	TM	TM	TM	T M	TM	TM
11	KS	BYA3085	MAAHAD HAFIZ JERAM (BANAT)		234	234	5	17	22
12	KS	BYA3086	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN HIRA'	69	42	111	6	1	7
13	KS	BYA3087	MAAHAD TAHFIZ AL-HIDAYAH WAL EHSAN	TM	TM	TM	T M	TM	TM
14	KS	BYA3088	AKADEMI SYAHADAH AL-FAIZIN (ASTAF)	74		74	10		10
15	KS	BYA3092	MAAHAD TAHFIZ KHALIFAH ABD. KHALIP	15		15	2		2
16	KS	BYA3093	MAAHAD AZZEIN AL MAKKI	15		15	2		2
17	KS	BYA3094	MADRASAH AD-DINNIAH	18		18	3		3
18	KS	BYA3101	MAAHAD TAHFIZ DARUL ULOOM (M.A.D.U)	22		22	3		3
	<b>JUMLAH KECIL</b>			<b>679</b>	<b>528</b>	<b>1207</b>	<b>75</b>	<b>47</b>	<b>122</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>0</b>			<b>0</b>		
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	HS	BYA5029	MAAHAD TAHFIZ AI-QURAN (SG. BUAYA)	70	11	81	5	2	7
2	HS	BYA5030	INSTITUT TAHFIZ SABA	22	0	22	4		4
3	HS	BYA5047	MADRASAH TAHFIZ ALQURAN AR RAHMANIAH	50	25	75	4	3	7
4	HS	BYA5055	KELAS TAHFIZ AL-QURAN AS-SAJIDIN	TM	TM	TM	T M	TM	TM
5	HS	BYA5056	MAAHAD TAHFIZ NURUL IMAN SERENDAH	23		23	2		2
6	HS	BYA5060	MAAHAD TAHFIZ AL-KHOLIDI	20		20	4		4
7	HS	BYA5061	MADRASATUL QURAN WASUNNAH	26		26	2		2
8	HS	BYA5054	SMI SARAN & TAHFIZ	36	36	72	2	7	9
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	SB	BYA6048	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WA ULUMUDDIN	20	13	33	5	2	7
2	SB	BYA6049	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN.	62		62	3		3

3	SB	BYA6050	MAAHAD TAHFIZ MUHAMMADIAH	0	35	35	1	4	5
4	SB	BYA6051	MAAHAD TAHFIZ UMMUL QURA	170	90	260	10	8	18
5	SB	BYA6052	MAAHAD TAHFIZ AL QURAN DARUL FALAH		33	33	2	2	4
6	SB	BYA6060	MAAHAD TAHFIZ DARUL ISLAH	36	34	70	2	2	4
7	SB	BYA6062	MAAHAD TAHFIZ DARUL ITQAN AL-MUHAMMADI	TM	TM	TM	T M	TM	TM
8	SB	BYA6063	MAAHAD TAHFIZ PUSAT AS-SOLIHIN BAGAN NIRA		48			3	
9	SB	BYA6064	MAAHAD TAHFIZ PUSAT AS-SOLIHIN PANCHANG BEDENA	89				3	
10	SB	BYA6065	KOLEJ INTEGRASI TAHFIZ TUNAS ILMUAN SELANGOR (KITTIS)	88	43	131	10	11	21
	<b>JUMLAH KECIL</b>			<b>465</b>	<b>296</b>	<b>761</b>	<b>33</b>	<b>35</b>	<b>68</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>								
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	GBK	BYA7117	DAR AL-QURAN WA AL-HADITH	TM	TM	TM	T M	TM	TM
2	GBK	BYA7118	MAAHAD TAHFIZ MASJID AL-RIDHUAN	84		84	9	2	11
3	GBK	BYA7119	MAAHAD TAHFIZ AL-MUNAWWARAH.	62		62	9	1	10
4	GBK	BYA7121	MAAHAD TAHFIZ AT-TIJARAH.	202	111	313	5	18	23
5	GBK	BYA7140	OPEN TAHFIZ CENTRE	18		18	2		2
6	GBK	BYA7150	DARUL QURAN AL WILDAN	12	11	23	3	2	5
7	GBK	BYA7151	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN QASIMUL ULUM	44	36	80	4	11	15
8	GBK	BYA7152	MADRADAH TAHFIZ SRI ALAM	37		37	4		4
9	GBK	BYA7153	DARUL QURAN WAL HADITH	121	47	168	11	4	15
10	GBK	BYA7157	PUSAT TAHFIZ AL-NASAR	25		25	4		4
11	GBK	BYA7158	TAHFIZ DARUL ULAMA	39		39	7		7
12	GBK	BYA7161	MAAHAD TAHFIZ SAINS FATIMAH AZ-ZAHRAH	35	18	53	7	6	13
13	GBK	BYA7166	PUSAT TAHFIZ AD DINIYYAH	17		17	5	1	6
14	GBK	BYA7174	MAAHAD TAHFIZ LIL AYTAM		39	39		4	4
15	GBK	BYA7175	TAHFIZ LUQMANULHAKIM	25		25	3		3
16	GBK	BYA7179	MAAHAD TAHFIZ BAITUL EHSAN	40	26	66	5	2	7
17	GBK	BYA7180	MADRASAH TAHFIZ DARUL ZIKRI	TM	TM	TM	T M	TM	TM
	<b>JUMLAH KECIL</b>			<b>761</b>	<b>288</b>	<b>1049</b>	<b>78</b>	<b>51</b>	<b>129</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>				<b>0</b>		<b>0</b>		
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU



				L	P		L	P	
1	PTLG	BYA8164	MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN KAMPUNG BUKIT LANCHONG	39		39	3		3
2	PTLG	BYA8167	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AL-ISLAH	60		60	3		3
3	PTLG	BYA8169	MAAHAD AL-I'TISAM LITAHFIZI AL-QURAN.	41	21	62	6	2	8
4	PTLG	BYA8170	MAAHAD TAHFIZ AL-MUQRI.	89		89	5		5
5	PTLG	BYA8204	TAHFIZ AS-SOLIHIN			0			0
7	PTLG	BYA8248	MADRASAH AL-HIKMAH	48	37	85	7	8	15
8	PTLG	BYA8249	MAAHAD TAHFIZ AL-HAZIQ TAMAN PUCHONG	15		15	2		2
9	PTLG	BYA8250	INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN PROFESIONAL	TM	TM	TM	T M	TM	TM
10	PTLG	BYA8282	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN HIDAYATUL MUTTAQIN	TM	TM	TM	T M	TM	TM
11	PTLG	BYA8283	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AT-TAQWA	50	30	80	2	2	4
12	PTLG	BYA8284	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT SHAH ALAM	25	25	50	4	18	22
13	PTLG	BYA8285	MAAHAD TAHFIZ TAHSIN AL-QURAN	50		50	4		4
14	PTLG	BYA8303	SM TAHFIZ INTEGRASI SRI PINTAR						
15	PTLG	BYA8310	MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN HIDAYATUL MUTTAQIN						
16	PTLG	BYA8317	ASH SHURA INSTITUTE OF QURANIC SCIENCES (ASIQS)	56	27	83	6	6	12
17	PTLG	BYA8318	MADRASAH TAHFIZ AL-QURAN AL-UKHUWWAH	TM	TM	TM	T M	TM	TM
18	PTLG	BYA8332	MADRASAH AT-TAZKIYAH	45		45	7		7
19	PTLG	BYA8333	MA'AHAD AL-QURANAN AR-RAFIQ	65		65	4		4
20	PTLG	BYA8336	MAAHAD TAHFIZ AMAN BISTARI	44	42	86	2	5	7
21	PTLG	BYA8340	MAAHAF TAHFIZ AL-QURAN AL HIJRAH	TM	TM	TM	T M	TM	TM
22	PTLG	BYA8344	MAAHAD TAHFIZ BAITUL MAHABBAH	40					
23	PTLG	BYA8347	MAAHAD AZZEIN AL MAKKI	15		15	2		2
	<b>JUMLAH KECIL</b>			<b>682</b>	<b>182</b>	<b>824</b>	<b>57</b>	<b>41</b>	<b>98</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>0</b>					
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	SPG	BYA9039	MAAHAD TAHFIZ KIBLAH	100	36	136	12	4	16
2	SPG	BYA9055	PUSAT TAHFIZ DAN FARDU AIN KG. BARU LANJUT	TM	TM	TM	T M	TM	TM
3	SPG	BYA9056	SEKOLAH TAHFIZ AL-MANSOORAH	20	20	40	1	3	4
4	SPG	BYA9057	MAAHAD TAHFIZ SULAIMANIYYAH	137	28	165	18	2	20

5	SPG	BYA9059	TAHFIZ DARUL FURQAN	54		54	3		3
6	SPG	BYA9062	TAHFIZ KHALIFAH	15		15	1		1
7	SPG	BYA9065	SEKOLAH RENDAH TAHFIZ BANGI	22		22	5		5
	<b>JUMLAH KECIL</b>			<b>348</b>	<b>84</b>	<b>432</b>	<b>40</b>	<b>9</b>	<b>49</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>0</b>			<b>0</b>		
BILD LM DAE	DAERAH	KOD SEKOLAH	NAMA SEKOLAH	MURID		JMU RID	B SISWAZA H		JGU RU
				L	P		L	P	
1	HL	BYA4126	RAUDHAH TAHFIZ AL-QURAN.	80	35	115	6	4	10
2	HL	BYA4127	MAAHAD TAHFIZ RAUDHATUL ULUM	55	5	60	5	0	5
3	HL	BYA4130	MAAHAD TAHFIZ AL-ITQAAN.	74	57	131	7	10	17
4	HL	BYA4144	MADRASAH TAHFIZ MIFTAHUL ULUM	207	193	400	21	15	36
5	HL	BYA4145	MADRASAH AL MUSTHAFAWIAYAH LITTAHFIZIL QURAN	46	0	46	5		5
6	HL	BYA4173	AKADEMIK DARUL HUFFAZ	98	26	124	11	9	20
7	HL	BYA4175	MAAHAD TAHFIZ MANBAUL HUFFAZ	56		56	6		6
8	HL	BYA4176	MAAHAD TAHFIZ INTEGRASI DAR AL-HIKMAH	77	54	131	11	19	30
9	HL	BYA4177	MAAHAD TAHFIZ AKADEMIK IQRA AL-QURAN	69	41	110	11	14	25
10	HL	BYA4178	TAHFIZ DAR LUQMANUL HAKEEM	8		8	1		1
11	HL	BYA4179	SEKOLAH TAHFIZ YATIM AL-KITAB	20		20	5	2	7
12	HL	BYA4180	MAAHAD NURUL MADINAH WATAHFIZUL QURAN WA AULUMMULSYARIAH	35		35	4	1	5
13	HL	BYA4181	TAHFIZ QURAN AL-NURIAH	30		30	4		4
14	HL	BYA4199	MAAHAD TAHFIZ AZ AZ-ZAHRAH	0	80	80	2	9	11
15	HL	BYA4200	SCHOOL OF TAHFIZ AL-QURAN & ARABIC MALAYSIA (STAM)	108	43	151	4	12	16
16	HL	BYA4201	MAAHAD TAHFIZ DARUL HUFFAZ	25		25	3		3
17	HL	BYA4202	RAUDOH AL-QURAN TAHFIZ INTEGRASI (RATI)	140	74	214	7	16	23
18	HL	BYA4203	MARKAZ TAHFIZ WAL TARBIAH DARUL EHSAN	40		40	2		2
19	HL	BYA4204	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN DAR AL-NAJAH (MTQDN)	13		13	13		13
20	HL	BYA4205	AKADEMI TAHFIZ AL-QURAN CINTA MADINAH	48		48	2		2
21	HL	BYA4206	PUSAT TAHFIZ AS-SYAKIRIN	60	10	70	10	2	12
22	HL	BYA4207	PUSAT PENGAJIAN HAYATUL ULOOM	49	2	51	5		5
23	HL	BYA4208	MAAHAD TAHFIZ AL-FALAH	10		10	1		1
24	HL	BYA4209	MAAHAD AT-TAHFIZUL QURAN (AR-RAHMANIAH)	50	15	65	5		5
25	HL	BYA4210	MAAHAD TAHFIZ NURUL HUDA	24		24	5		5
26	HL	BYA4211	MAAHAD TAHFIZ DAN	18		18	5		5

			TARBIAYYAH AL-AMIRIN						
27	HL	BYA4212	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN AL-ISLAH DESA PINGGIRAN PUTRA	TM	TM	TM	TM	TM	TM
28	HL	BYA4183	PUSAT PENGAJIAN DARUL HUDA	8	10	18	2	1	3
29	HL	BYA4218	DARUL MUSTAFFA LITAHFIZIL QURANIL KARIM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
30	HL	BYA4231	SEKOLAH TAHFIZ AL-FADHNI	TM	TM	TM	TM	TM	TM
31	HL	BYA4240	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN LIL-MUTTAQIN	TM	TM	TM	TM	TM	TM
32	HL	BYA4241	MADRASAH TAHFIZ AT-TAQWA BTHO	TM	TM	TM	TM	TM	TM
33	HL	BYA4242	MAAHAD TAHFIZ IMAM AS-SYAFIE BANGI	TM	TM	TM	TM	TM	TM
34	HL	BYA4243	MAAHAD TAHFIZ DARUS SALAM	TM	TM	TM	TM	TM	TM
35	HL	BYA4246	MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN SYAZWAN	TM	TM	TM	TM	TM	TM
36	HL	BYA4249	AKADEMI DARUL HUFAZZ INTERNATIONAL TAHFIZ & SCIENCES ACADEMY	137	48	185	13	13	26
37	HL	BYA4251	MADRASAH TAHFIZ NURUL HIDAYAH	45		45	4		4
			<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>1630</b>	<b>693</b>	<b>2323</b>	<b>180</b>	<b>127</b>	<b>307</b>
			<b>JUMLAH BESAR</b>						

TM : Tiada Maklumat

c) Isu-isu Maahad Tahfiz persendirian dan rakyat yang timbul antaranya ialah:

1. Belum berdaftar dengan JAIS atau masih mendapat status pendaftaran sementara kerana belum dapat memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Enakmen No 2 1988 Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Selangor (Pindaan No 7 Tahun 2001). Contohnya belum mendapat kelulusan bomba, jabatan kesihatan dan lain-lain.
2. Menggunakan bangunan yang disewa, atau mendirikan bangunan sendiri di tapak-tapak masjid atau surau atau tanah persendirian yang tidak memenuhi standard sebuah kelas atau sekolah.
3. Guru-guru tahfiz yang berbagai kerana mendapat pendidikan dari dalam dan luar negara yang berbeza. Masing-masing membawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza. Ini juga mempengaruhi kurikulum yang diajar.

Diantara insentif yang dilaksanakan kerajaan untuk membantu adalah:

1. Menggalak, memudah dan membantu pendaftaran sekolah ini melalui JAIS supaya kerajaan ada data dan mempunyai maklumat tentang sekolah-sekolah ini.
2. Memberi bantuan kewangan dan menyelaras bantuan kewangan dari sumber-sumber kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan Lembaga Zakat Selangor.
3. Menyediakan forum perbincangan atau mesyuarat berkala bagi bertukar-tukar pandangan, mencari ruang-ruang kerjasama serta menyelesaikan isu-isu berbangkit.
4. Mengalu-alukan penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti sekolah kerajaan negeri yang diatur sepanjang tahun seperti Amal Islami, latihan guru, peperiksaan PSRA dan SMA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : SKIM BANTUAN ASUHAN RAKYAT (SI KEMBAR)**

108. Kerajaan negeri memperuntukan subsidi RM100 seorang anak ke nurseri untuk mengurangkan beban ibu bapa

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa jumlah yang telah dibelanjakan untuk pemberian subsidi SI KEMBAR sehingga 2013?
- b) Berapakah jumlah ibu bapa yang telah menerima manfaat dari SI KEMBAR mengikut daerah, Parlimen dan DUN?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga 31 Disember 2013 sebanyak RM386,300.00 telah dibelanjakan untuk Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKembar). Kekangan utama kepada penyertaan program ini adalah kebanyakan nurseri/taska tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi membantu nurseri/taska ini agar dapat membuat pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif mewujudkan satu program Kursus Intensif Perkembangan Kanak-kanak Selangor dengan kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri. Kerajaan negeri berharap dengan cara ini, lebih ramai lagi anak-anak Selangor dapat menikmati manfaat yang telah disediakan untuk mereka.
- b) Sebanyak 748 permohonan telah diterima dan 706 daripada jumlah tersebut telah berjaya menerima manfaat Skim Bantuan Asuhan Rakyat ini. Bagi data jumlah ibu bapa yang telah menerima manfaat dari program SiKembar ini mengikut daerah, Parlimen dan DUN, sila rujuk jadual yang telah disediakan.

**LAPORAN PRESTASI PENDAFTARAN DAN BAYARAN SKIM SIKEMBAR  
2012 - 2013**

Pejabat Daerah	PARLIMEN	DUN	Pendaftaran Penjaga				Jumlah Bayaran	
			Memohon	Berjaya	Permohonan Daerah	Berjaya Daerah	Anak Berjaya (RM)	Keseluruhan Daerah (RM)
Sabak Bernam	P92 – Sabak	N01 SUNGAI AIR TAWAR	27	26	56	53	1,200.00	20,600.00
		N02 SABAK	2	-			-	
	P93 – Sungai Besar	N03 SUNGAI PANJANG	27	27			19,400.00	
		N04 SEKINCHAN	-	-			-	
Hulu Selangor	P94 – Hulu Selangor	N05 HULU BERNAM	-	-	6	6	-	1,200.00
		N06 KUALA KUBU BAHARU	-	-			-	
		N07 BATANG KALI	6	6			1,200.00	
Kuala Selangor	P95 – Tanjung Karang	N08 SUNGAI BURONG	148	148	252	244	70,400.00	12,900.00
		N09 PERMATANG	-	-			-	
	P96 – Kuala Selangor	N10 BUKIT MELAWATI	35	35			29,500.00	
		N11 IJOK	34	30			23,700.00	
		N12 JERAM	35	31			5,400.00	
Gombak	P97 – Selayang	N13 KUANG	-	-	68	68	-	34,000.00
		N14 RAWANG	47	47			24,200.00	
		N15 TAMAN TEMPLER	-	-			-	
	P98 – Gombak	N16 BATU CAVES	6	6			8,400.00	

		N17 GOMBAK SETIA	15	15			1,400.00	
		N18 HULU KELANG	-	-			-	
Hulu Langat	P99 - Ampang	N19 BUKIT ANTARABANGSA	-	-	19	17	-	11,000.00
		N20 LEMBAH JAYA	6	5			2,400.00	
	P100 - Pandan	N21 CHEMPAKA	-	-			-	
		N22 TERATAI	-	-			-	
	P101 - Hulu Langat	N23 DUSUN TUA	2	2			600.00	
		N24 SEMENYIH	6	5			3,700.00	
		N25 KAJANG	-	-			-	
	P102 - Serdang	N26 BANGI	-	-			-	
		N27 BALAKONG	5	5			4,300.00	
	Petaling	P103 - Puchong	N28 SRI KEMBANGAN	-			-	
N29 SRI SERDANG			-	-	-			
P104 - Kelana Jaya		N30 KINRARA	6	6	5,000.00			
		N31 SUBANG JAYA	16	15	7,700.00			
P105 - Petaling Jaya Selatan		N32 SERI SETIA	-	-	-			
		N33 TAMAN MEDAN	2	-	-			
		N34 BUKIT GASING	-	-	-			
P106 - Petaling Jaya	N35 KAMPUNG TUNKU	-	-	-				

	P107 – Subang	N36 DAMANSARA UTAMA	10	10			3,000.00	
		N37 BUKIT LANJAN	-	-			-	
		N38 PAYA JARAS	10	10			4,200.00	
		N39 KOTA DAMANSARA	-	-			-	
	P108 – Shah Alam	N40 KOTA ANGGERIK	30	27			25,500.00	
		N41 BATU TIGA	13	11			2,700.00	
Klang	P109 – Kapar	N42 MERU	26	19	181	167	4,000.00	78,700.00
		N43 SEMENTA	23	20			17,100.00	
		N44 SUNGAI PINANG	6	6			-	
		N45 SELAT KLANG	91	90			40,600.00	
	P110 – Klang	N46 PELABUHAN KLANG	4	4			1,600.00	
		N47 PANDAMARAN	-	-			-	
		N48 KOTA ALAM SHAH	2	2			10,900.00	
	P111 – Kota Raja	N49 SERI ANDALAS	8	7			-	
		N50 SRI MUDA	21	19			4,500.00	
	Kuala Langat	P112 – Kuala Langat	N51 SIJANGKANG	19			19	
N52 TELUK DATUK			39	33	29,100.00			
N53 MORIB			12	12	10,100.00			
N54 TANJUNG SEPAT		-	-	-				
Sepang	P113 – Sepang	N55 DENGKIL	8	7	9	8	5,500.00	5,900.00
		N56 SUNGAI PELEK	1	1			400.00	



		<b>JUMLAH</b>	<b>748</b>	<b>706</b>	<b>748</b>	<b>706</b>	<b>386,300.00</b>
--	--	---------------	------------	------------	------------	------------	-------------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : SAP HOLDINGS BERHAD**

109. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah objektif penubuhan SAP Holding Berhad?
- b) Nyatakan pendapatan dan keuntungan SAP Holding Berhad?
- c) Apakah nama, nilai serta lokasi projek kendalian SAP Holding Berhad?

**JAWAPAN:**

a) **FAKTA: SAP HOLDINGS BERHAD**

- o SAP Holdings Berhad ("SHB") telah ditubuhkan pada tahun 1973 dengan modal berbayar sebanyak RM85 juta dalam bidang pembangunan dan pengurusan hartanah.
- o Sejurus selepas penggabungan sektor hartanah dengan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad pada tahun 2003, SHB mula menunjukkan prestasi yang merosot bermula dari tahun 2004. Punca kemerosotan prestasi yang telah dikenal pasti adalah hasil usaha sama yang merugikan SHB, umpamanya usaha sama antara SHB dengan Talam.
- o Pelbagai inisiatif telah diambil untuk memulihkan SHB, seperti pelaksanaan penambahbaikan tata urus tadbir syarikat, mengambil sikap hati-hati dalam setiap tindakan serta penilaian semula perjanjian usaha sama yang merugikan SHB.

Objektif utama penubuhan SAP Holdings Berhad adalah untuk menjadi syarikat pegangan pelaburan dan pembangunan hartanah.

- b) Analisa pendapatan dan keuntungan SAP Holdings Berhad dari tahun 2003 sehingga 2013 adalah seperti berikut :-

	2003 RM'Juta	2004 RM'Juta	2005 RM'Juta	2006 RM'Juta	2007 RM'Juta	2008 RM'Juta
<b>Pendapatan</b>	<b>54.231</b>	<b>7.750</b>	<b>29.809</b>	<b>32.139</b>	<b>14.675</b>	<b>2.556</b>
<b>Keuntungan / (Kerugian)</b>	<b>8.662</b>	<b>(50.383)</b>	<b>(20.447)</b>	<b>(41.146)</b>	<b>(180.840)</b>	<b>(51.291)</b>

	2009 RM'Juta	2010 RM'Juta	2011 RM'Juta	2012 RM'Juta	2013 RM'Juta ("unaudited")
<b>Pendapatan</b>	<b>54.897</b>	<b>50.919</b>	<b>51.460</b>	<b>29.472</b>	<b>5.026</b>
<b>Keuntungan / (Kerugian)</b>	<b>115.067</b>	<b>(3.243)</b>	<b>(3.002)</b>	<b>(2.470)</b>	<b>6.282</b>

- c) Senarai projek semasa di bawah kendalian SAP Holdings Berhad adalah seperti berikut:-

- (i) Berikut adalah projek yang masih dijalankan:-

<b>No.</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Nilai Projek (Anggaran)</b>	<b>Lokasi</b>
1	23 Unit Kedai Pejabat Satu Tingkat ("St Square Fasa 2")	RM 7.12 Juta	Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang

- (ii) Berikut adalah senarai projek yang telah siap di bawah kendalian SAP Holdings Berhad bermula dari tahun 2003 sehingga sekarang adalah seperti berikut :-

No	Nama Projek	Nilai Projek	Tahun Projek Siap
1	Cadangan pembangunan 300 unit Rumah Kos Rendah bagi peralihan setinggan yang terlibat dalam projek landasan berkembar elektrik di antara Rawang-Ipoh untuk Negeri Selangor di Taman Tasik Teratai, Serendah	Unit yang telah siap diserahkan kepada "Kementerian Kewangan" RM 12.60 Juta	2003
2	448 unit Projek Perumahan dikenali sebagai Taman Melawati Jaya, Kuala Selangor	RM 35.6 Juta	2004
3	42 unit Kedai Pejabat Satu Tingkat dikenali sebagai ST Square Fasa 1, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang	RM 12.0 juta	2013
4	301 unit Projek Perumahan dikenali sebagai Warisan Bestari, Sepang	Hak Usaha Sama: RM 10.0 Juta	2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : CUKAI DI PBT**

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah jenis cukai yang dikutip di peringkat PBT?
- b) Nyatakan statistik kutipan dan tunggakan cukai mengikut PBT dari 2008-2013?
- c) Apakah strategi untuk meningkatkan hasil kutipan cukai?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk mengutip Cukai Taksiran sepertimana yang terkandung dalam Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan ianya di kategorikan seperti berikut:
  - I. Kediaman
  - II. Perniagaan
  - III. Perdagangan
  - IV. Industri
  - V. Pertanian
- b) Statistik kutipan dan tunggakan cukai mengikut PBT dari 2008-2013 adalah seperti di **Lampiran A**
- c) Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT Negeri Selangor. PBT komited dalam memastikan hasil cukai dapat dikutip dan di antara strategi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - i. Menjalankan "personal approach" bagi syarikat, pemaju dan individu yang mempunyai tunggakan yang tinggi.
  - ii. Mewujudkan Jawatankuasa Hasil/ Task Force yang berfungsi untuk memantau prestasi kutipan dan isu-isu tunggakan cukai yang tinggi.
  - iii. Memberi kemudahan bayaran secara ansuran bagi menggalakkan bayaran tunggakan cukai.
  - iv. Mempelbagaikan saluran bayaran melalui perkhidmatan bank secara online.
  - v. Menyediakan kaunter bergerak bagi mempermudah bayaran dengan lokasi yang strategik.
  - vi. Memperkasakan operasi penyitaan harta secara berkala bagi individu atau syarikat yang tegar.

## LAMPIRAN A

### PENCAPAIAN KUTIPAN HASIL PBT SEHINGGA 31 DISEMBER 2008

BIL	PBT	KUTIPAN SEMASA			KUTIPAN TUNGGAKAN			JUMLAH (RM)
		JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2008 RM	%	JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2008 RM	%	
1.	MBSA	145,926,888.10	131,360,083.71	90.02%	32,005,474.19	14,392,471.82	44.97%	145,752,555.53
2.	MBPJ	163,712,182.00	145,018,152.00	88.58%	34,425,372.00	16,345,873.00	47.48%	161,364,025.00
3.	MPK	128,089,158.65	114,706,144.60	89.55%	40,561,528.29	17,969,371.76	44.30%	132,675,516.36
4.	MPAJ	81,181,827.50	69,291,925.35	85.35%	8,232,826.59	6,042,925.49	73.40%	75,334,850.84
5.	MPSJ	140,974,182.81	128,789,773.63	91.36%	18,659,504.00	14,366,485.89	76.99%	143,156,259.52
6.	MPS	76,788,342.86	68,982,326.72	89.83%	11,029,929.12	7,402,706.48	67.11%	76,385,033.20
7.	MPKj	60,982,635.30	55,377,223.74	90.81%	14,364,730.62	6,914,314.38	48.13%	62,291,538.12
8.	MPSp	39,894,974.00	33,771,881.00	84.65%	7,404,408.08	4,318,419.00	58.32%	38,090,300.00
9.	MDKS	9,345,774.98	8,295,908.37	88.77%	3,830,570.03	2,514,001.01	65.63%	10,809,909.38
10.	MDHS	16,574,138.60	16,861,986.06	101.74%	9,373,095.81	9,491,063.72	101.26%	26,353,049.78
11.	MDKL	16,559,580.90	14,279,547.13	86.23%	5,725,608.66	2,777,561.90	48.51%	17,057,109.03
12.	MDSB	3,454,147.64	2,884,726.64	83.51%	954,248.22	368,585.24	38.63%	3,253,311.88
	<b>JUMLAH</b>	<b>883,483,833.34</b>	<b>789,619,678.95</b>	<b>89.38%</b>	<b>186,567,295.61</b>	<b>102,903,779.69</b>	<b>55.16%</b>	<b>892,523,458.64</b>

**PENCAPAIAN KUTIPAN HASIL  
PBT SEHINGGA 31 DISEMBER 2009**

BIL	PBT	KUTIPAN SEMASA			KUTIPAN TUNGGAKAN			JUMLAH (RM)
		JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2009 RM	%	JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2009 RM	%	
1.	MBSA	148,189,837.30	133,171,178.60	89.87%	29,300,565.87	10,970,344.63	37.44%	144,141,523.23
2.	MBPJ	165,257,462.00	146,166,526.00	88.45%	33,382,166.00	18,813,002.00	56.36%	164,979,528.00
3.	MPK	134,403,336.70	119,563,543.05	88.96%	46,761,117.02	20,414,034.91	43.66%	139,977,577.96
4.	MPAJ	83,447,417.77	71,225,715.98	85.35%	14,025,332.08	8,904,940.69	63.49%	80,130,656.67
5.	MPSJ	145,614,578.30	136,935,960.60	94.04%	16,095,626.71	12,482,618.57	77.55%	149,418,579.17
6.	MPS	80,750,612.25	74,191,438.73	91.88%	10,053,170.05	7,846,890.56	78.05%	82,038,329.29
7.	MPKj	61,699,944.74	58,184,911.85	94.30%	17,510,977.98	8,825,283.98	50.40%	67,010,195.83
8.	MPSp	41,318,414.34	37,962,966.00	91.88%	8,049,629.87	6,477,102.00	80.46%	44,440,068.00
9.	MDKS	13,734,270.56	8,910,826.69	64.88%	8,113,004.20	2,448,354.94	30.18%	11,359,181.63
10.	MDHS	18,515,038.82	18,054,817.56	97.51%	13,218,836.94	4,863,374.63	36.79%	22,918,192.19
11.	MDKL	18,552,315.50	16,296,162.95	87.84%	2,678,925.59	2,176,165.77	81.23%	18,472,328.72
12.	MDSB	3,624,754.62	2,856,145.64	78.80%	1,155,084.98	364,449.44	31.55%	3,220,595.08
	<b>JUMLAH</b>	<b>915,107,982.90</b>	<b>823,520,193.65</b>	<b>89.99%</b>	<b>200,344,437.29</b>	<b>104,586,562.12</b>	<b>52.20%</b>	<b>928,106,755.77</b>

PENCAPAIAN KUTIPAN HASIL  
PBT SEHINGGA 31 DISEMBER 2010

BIL	PBT	KUTIPAN SEMASA			KUTIPAN TUNGGAKAN			JUMLAH (RM)
		JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2010 RM	%	JUMLAH PERLU DIKUTIP RM	KUTIPAN 2010 RM	%	
186.	JALAN BK 3/1, BANDAR KINRARA
187.	JALAN BK 3/4, BANDAR KINRARA
188.	JALAN BK 3/2, BANDAR KINRARA
189.	JALAN BK 4/1G, BANDAR KINRARA
190.	JALAN BK 4/2, BANDAR KINRARA
191.	JALAN BK 5/3, BANDAR KINRARA
192.	JALAN BK 5E HENING, BANDAR KINRARA
193.	JALAN BK 5/6, BANDAR KINRARA
194.	JALAN BK 5/8, BANDAR KINRARA
195.	JALAN BK 5/10, BANDAR KINRARA
196.	JALAN KINRARA 4/6A, BANDAR KINRARA
197.	JALAN BK 6E/2, BANDAR KINRARA
198.	JALAN BK 9/3A, BANDAR KINRARA
199.	JALAN KP 4/4, PERSIARAN KOTA PEDANA, LESTARI PERDANA
200.	JALAN INDAH 2/5, TAMAN UNIVERSITI INDAH
201.	JALAN INDAH 3, TAMAN UNIVERSITI INDAH
202.	JALAN INDAH 1, TAMAN UNIVERSITI INDAH
203.	TAMAN TASIK SERI SERDANG, SERDANG

204.	JALAN 18/10, TAMAN SERI SERDANG
205.	JALAN 18/13, TAMAN SERI SERDANG
206.	JALAN 18/55, TAMAN SERI SERDANG
207.	JALAN 18/48, TAMAN SERI SERDANG
208.	JALAN 18/61, TAMAN SERI SERDANG
209.	JALAN BS 3/2, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.3
210.	JALAN BS 3/3, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.3
211.	JALAN BS 5/4, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.5
212.	JALAN BS 6/19, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.6
213.	JALAN BS 14/2, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.14
214.	JALAN BS 8/1A, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.8
214.	JALAN BS 9/3, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.9
215.	JALAN BS 9/5A, TAMAN BUKIT SERDANG SEK.9
216.	JALAN 3/9 , TAMAN SERDANG JAYA
217.	JALAN 4/2 , TAMAN SERDANG JAYA
218.	JALAN 4/3 , TAMAN SERDANG JAYA
219.	JALAN 4/6 , TAMAN SERDANG JAYA
220.	JALAN 5/6 , TAMAN SERDANG JAYA
221.	JALAN 3/9 , TAMAN SERDANG JAYA
222.	JALAN 3/1 , TAMAN SERDANG JAYA
223.	JALAN 8/13 , TAMAN SERDANG JAYA
224.	JALAN 1/6 , TAMAN KEMBANGSARI
225.	JALAN MUHIBBAH, TAMAN MUHIBBAH
226.	JALAN MUHIBBAH 15, TAMAN MUHIBBAH
227.	JALAN SK 9/1, KG.BARU SERI KEMBANGAN SEK.9
228.	JALAN SK 1/4, KG.BARU SERI KEMBANGAN SEK.1
229.	JALAN SK 2/5, KG.BARU SERI KEMBANGAN SEK.2
230.	JALAN SK 5/2, KG.BARU SERI KEMBANGAN SEK.5
231.	JALAN SK 6, KG.BARU SERI KEMBANGAN SEK.6
232.	JALAN SK 6/4, KG.BARU SERI KEMBANGAN SEK.6

233.	JALAN SK 7/1, KG.BARU SERI KEMBANGAN SEK.7
234.	JALAN SB INDAH 1/2 , TAMAN SG.BESI INDAH.

**DI MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

BIL	LOKASI
1 2	Taman Melewar Jln 13 (K) Jln Gombak Ria 6 (K)
3 4	Taman Selasih Fasa 1 Jln Selasih 3 (K) Jln Selasih 11 (S)
5	Taman Batu Jln 10 (K)
6	Taman Berlian 7. Lorong sepakat 2 (S)
7 8	Taman Berjaya Jln Berjaya 1 (K) Jln Berjaya 6 (S)
9	Taman Perwira Jln Perwira Indah 3 (B)
10 11	Taman Gombak Tambahan Jln 4 (K) Jln 9 (S)
12 13	Taman Gombak Ria Jln 4 (K) Jln 15 (S)

14	Taman Gombak Jaya Jln Gombak Jaya 4 (K)
15	Taman Samudera 16. Jln Samudera Selatan 2 (K)
16 17	Taman Sunway Batu Caves Flat (K) Jln 11 (B)
18 19	Taman Bolton Jln TIB 2/3 (K) Jln TIB 2 (K)
20 21 22 23	Pinggiran Batu Caves Jln Pinggiran 1/1 (K) Jln Pinggiran 3/9 (S) Flat (S) Flat (S)
24 25 26 27 28 29 30 31 32 33 34 35 36 37 38 39	Taman Sri Gomak Jln SG 2/2 (S) Jln SG 4/2 (K) Jln SG 5/5 (K) Jln SG 6/2 (B) Jln SG 7/8 (K) Jln SG 8/4 (S) Jln SG 9/4 (S) Jln SG 9/10 (S) Jln SG 9/2 (K) Jln SG 9/21 (B) Jln SG 9/28 (S) Jln SG 9/26 (K) Jln SG 10/3 (S) Jln SG 10/7 (S) Jln SG 9/27 (S) Jln SG 3/9 (S)

40	Taman Sri Batu Caves Flat (K)
41 42 43 44 45	Bukit Permata Lorong BP 7/2 (K) Lorong BP 12/1 (K) Lorong BP 12 (S) Lorong BP 9/1 (K) Lorong BP 8/2 (K)
46 47	Taman Bersatu Jalan Bersatu 15 (S) Jalan Bersatu 22 (S)
48 49	Taman Jati Jalan 3 (S) Jalan 2 (S)
50 51 52 53 54	Taman Tun Perak Jalan TP 4 (S) Jalan TP 5 (S) Jalan TP 15 (S) Jalan TP 18 (S) Jalan TP 20 (K)
55	Rumah Murah Bt 16 Lorong Abadi bt 16 (S)
56	Taman Kanching Jaya Jalan Kanching Jaya 4 (S)
57 58 59	Taman Tun Teja Jalan Tun Teja 3 (S) Flat Dahlia/ Kenanga (K) Flat Cempaka (K)



60	Jalan Utama Tun Teja (K)
61 62 63	Taman Desa Sri Bayu Jalan Bayu 4 (S) Jalan Bayu 5 (K) Jalan Bayu 7 (S)
64	Kg Lee Kim Sai Jln LKS 7/1 (B)
65 66 67 68 69 70 71 72 73 74 75 76	Taman Rawang Perdana Jalan RP 4/4 (S) Jalan RP 4/6 (S) Jalan RP 4/13 (S) Jalan RP 8/6 (S) Jalan RP 8/10 (K) Jalan RP 7/3 (B) Jalan RP 5/2 (S) Jalan RP 10/6 (S) Jalan RP 13/1 (S) Jalan RP 7/6 (K) Jalan Utama Rawang Perdana (S) Flat Rawang Perdana (S)
77 78 79 80 81 82 83 84 85	Taman Bukit Rawang Jaya Jalan 2/2 (S) Jalan 2/11 (S) Jalan Jln 3/1 (S) Jalan 3/11 (S) Jalan 2/17 (S) Jalan 4/18 (S) Jalan 4/24 (S) Seksyen 1, Bukit Rawang Jaya (S) Rumah Kedai Bukit Rawang Jaya (S)
	Taman Bukit rawang Putra

86	Jln rawang Putra 12 (S)
87 88	Taman Taman Rawang Jaya Jln 4/6 (S) Jln 4/26 (S)
89	Taman Setia Flat Taman Setia (K)
90 91 92 93	Taman Sri Hijau Jln Sri Hijau 5/8 (K) Jln Sri Hijau (S) Jln Sri Hijau 2 (K) Jln Sri Hijau 4 (K)
94	Taman Hijau Lorong Hijau 4 (S)
95 96	New Greenpark Jln NGP 3 (K) Jln NGP 1 (S)
97	Taman Jasa Utama Jalan Jasa Utama 7 (S)
98	Kg Bendahara Jalan Bendahara 4B (K)
99 100 101	Taman Selayang Mulia Jalan SM 2/4 (S) Jalan SM 1/3 (K) Jalan SM (S)
	Bandar Baru Selayang Fasa 2A

102 103	Jalan 2A/5 (S) Jalan 2A/1 (K)
104	Bandar Baru Selayang Fasa 2B Jalan 4/1 (K)
105 106 107 108	Taman Selayang Utama Jalan SU 40 (S) Jalan SU 6 (S) Jalan SU 15 (S) Jalna SU 51 (S)
109 110	Taman Selayang Jaya Jalan SJ (S) Jalan SJ (B)
111	Taman Selayang Bahagia Jalan SJ 11A (S)
112	Kg Selayang Pandang (S)
113	Taman Prima Selayang (B)
114	One Selayang (K)
115	Aman Siara (S)
116	Berhampiran Uitm (S)
117 118 119 120 121	Taman Desa Jaya Jalan 25 (K) jalan 20 (K) Jalan 29 (S) Jalan 42 (K) Jalan 53 (S)

122	Taman Bukit Desa Jalan 4 (B)
123 124	Taman Usaha Jaya Jalan 8 (B) Jalan 18 (S)
125 126	Taman Indah Perdana Jalan 9 (B) Jalan Perdana 1 (K)
127 128	Taman Daya Jalan Daya 16 (B) Jalan Daya 26 (B)
129 130 131 132 133 134 135 136	Taman Ehsan Jalan E2/5 (B) Jalan E2/1 (S) Jalan E4/8 (B) Jalan E5/8 (S) Jalan E5/12 (B) Jalan E3/3 (S) Jalan E5/3 (S) Jalan E5/14 (S)
137	Taman Selayang PKNS Jalan 16 (S)
138	Taman Jasa Jalan Utama (B)

139	Taman Cemerlang Rumah Flat Taman Cemerlang (K)
140	Desa Gemilang Kawasan Lapang Desa Gemilang (S)
141	Bandar Country Homes Jalan Desa Rawang 4/1 (S)
142	Jalan Desa Rawang 4/12 (S)
143	Jalan Desa Rawang 4/9 (B)
144	Jalan Desa Rawang 3/4 (B)
145	Jalan Desa Rawang 2/2 (S)
146	Jalan Desa Rawang 1/10 (S)
147	Jalan Desa Rawang 1/16 (K)
148	Jalan Desa Rawang 2/10 (K)
149	Jalan Desa Rawang 12/4 (K)
150	Jalan Desa Rawang 13/6 (S)
151	Jalan Desa Rawang 10/4 (K)
152	Jalan Desa Rawang 7/8 (B)
153	Rumah Kos Rendah Fasa 5 (B)
154	Kota Bidari (S)
155	Desa Mutiara (S)
156	Residen Mutiara (S)
157	Pangsapuri Camelia Court (K)
158	Azalia Court (K)
159	Rosewood Court (B)
160	Lilywood Court (K)

161 162 163	BTP 6 Jalan 6/2 (S) Jalan 6/13 (B) Jalan 6/37 (K)
164	BTP 7 Jalan 7/12 (B)
165 166 167	BTP 8 Jalan 8/5 (B) Jalan 8/3 (S) Jalan 8/7 (B)
168	B TP 16 Blok 16/Jalan 11 (B)
169	BTP 28 Fasa 2/ Blok 28 (S)
170	BTP 29 Jalan Hijau 6/4 dan 6/5 (S)
171 172	BTP 2 Jalan 2/12 (S) Jalan 2/22 (B)
173 174 175 176 177	BTP 3 Jalan 3/15 (B) Jalan 3/17 (B) Jalan 3/10 (B) Jalan 3/43 (B) Jalan 3/34 (B)
178	BTP 4 Jalan 4/14 (B)

179	Jalan 4/17 (B)
180 181 182	Taman Bukit Rahman Putra Jalan BRP 7/1F (S) Jalan BRP 7/3A (S) Jalan BRP 7/2A (B)
183 184 185	Saujana Akasia Jalan Akasia 1 (B) Jalan Akasia 8 (S) Jalan Akasia 11 (K)
186 187 188 189	Taman Impian Indah Jalan Impian Indah 4 (B) Jalan Impian Indah 8 (S) Jalan Impian Indah 14 (K) Rumah Flat Impian Indah (S)
190	Taman Desa Bukit Indah Jalan 9 (S)
191 192 193 194 195	Taman Sri Putra Jalan SP 9 (B) Jalan SP 11 (S) Jalan SP 12 (K) Jalan SP 16 (S) Jalan 19 (S)
196 197	Taman Sri Putra Mas Jalan Sri Putra Mas 7 (K) Jalan Sri Putra Mas (S)
198	Kampung Sri Indah B (S)

199 200	Taman Rahmat Jaya Persiaran Taman Rahmat Jaya (S) Jalan Rahmat Jaya 1/1A (S)
201 202 203	Taman Tasik Biru Jalan 8 (K) Jalan 5 (S) Jalan 1 (S)
204	Kampung Damai Kawasan lapang Kg. Damai (S)
205	Kampung Melayu Sri Kundang Lorong Permata (S)
206	Kg Baru Kundang Lorong Klinik (S)
207 208 209	Bandar Baru Kundang Jalan BBK 1/6 (S) Jalan BBK 16/1 (K) Flat BBK (K)
210	Taman Kundang Jaya Jalan 1B/4 (K)
211 212	Taman Desa Kundang Jalan Desa Kundang 2 (S) Jalan Desa Kundang 10 (B)
213 214	Taman Garing Utama Jalan GU 3 (S) Jalan GU 2/5(S)



215	Jalan GU 1/7 (K)
216	Taman Sri Garing
217 218	Taman Sri Rawang Taman Sri Rawang 1 (B) Taman Sri Rawang 4 (K)
219 220 221	Taman Garing Jaya Jalan Garing Jaya 2 (S) Jalan Garing Jaya 4 (S) Jalan Garing Jaya 6 (B)
222	Desa Kuala Garing Jalan Desa Kuala Garing (S)
223	Taman Sausana Jalan Templer Suasana 5 (K)
224 225	Templer Herritage Jalan TH 1 (S) . Jalan TH 3 (K)
226	Templer Villa (B)
227	Saujana Templer (B)

## LAMPIRAN 5

### MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

BIL	ZON	JUMLAH
1.	Seri Kembangan	37 Nos
2.	Subang Jaya	118 Nos
3.	Puchong	32 Nos
4.	Kinrara	47 Nos

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

<b>BIL</b>	<b>ZON</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Sg.Merab	18
2	Salak & Labu	4
3	Sepang,	5
4	Sepang Putra,	9
5	Bagan Lalang	4
6	Bandar Baru Salak Tinggi,	17
7	Puchong,	37
8	Sg.Pelek	16
9	Cyberjaya	1
10	Teluk Merbau	1
11	Seri Kembangan,	1
12	Jenderam,	1
13	Kota Warisan,	2
14	Taman Awam,	6
15	Dengkil,	19
	<b>JUMLAH</b>	<b>141</b>

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

Terdapat 256 padang permainan kanak-kanak meliputi :

- a) Tanjung Duabelas : 131
- b) Telok Panglima Garang : 83
- c) Jugra : 2
- d) Morib : 3
- e) Bandar : 14
- f) Kelanang : 12
- g) Batu : 11

## LAMPIRAN 8

### MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Lokasi untuk tanah lapang yang mempunyai kawasan taman permainan adalah seperti berikut (tidak termasuk gelanggang dan padang bola ) :

<b>LOKASI</b>	<b>BILANGAN</b>
Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa	23
Batang Kali	16
Kerling, Kalumpang dan Hulu Bernam	15
Hulu Yam	8
Kuala Kubu Bharu	16
Rasa	8
Lembah Beringin	2
Sungai Buaya	11
Sungai Choh	4
Serendah	6
<b>JUMLAH</b>	<b>109</b>

**LAMPIRAN 9****MAJLIS DAERAH KUALANGOR**

<b>BIL</b>	<b>MUKIM</b>	<b>BILANGAN</b>
1.	Tanjung Karang	26
2.	Ujong Permatang	16
3.	Kuala Selangor	23
4.	Bestari Jaya	24
5.	Pasangan	12
6.	Api-Api	32
7.	Jeram	21
8.	Ijok	68
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>222</b>

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**

- a) 6 kawasan permainan DUN Sekinchan
- b) 20 kawasan permainan DUN Sg. Panjang
- c) 12 kawasan permainan DUN Sabak
- d) 3 kawasan permainan DUN Sg Air Tawar

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD  
(SUNGAI PANJANG)**

**51. TAJUK: KAWASAN PERMAINAN KANAK-KANAK**

**Disediakan Oleh** : **Johary Bin Anuar**  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan  
Unit Perancang Ekonomi Negeri.

**No. Telefon** : 03-55447102

**Disemak Oleh** : **Y.Bhg Dato' Haji Mohamad Roslan Bin Sakiman**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

**No. Telefon** : 03-55447142

**Disahkan dan  
diluluskan oleh** : **Y.B Dato' Teng Chang Khim**  
EXCO Kerajaan Negeri Selangor  
Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan  
Kajian dan Penyelidikan.

**No. Telefon** : 03-55447150 / 7151



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK : AKTIVITI MELETUP BATU BATA**

157. Aktiviti meletup batu bata bukit di tepi tapak kawasan Perumahan Bandar Damai Perdana Seksyen 10 (Fasa 2), Cheras, Selangor menyebabkan retakkan dinding rumah sangat serius.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan penguatkuasaan Kerajaan Negeri untuk memastikan aktiviti berbahaya ini tidak berulang?
- b) Berapakah jumlah rumah terlibat mengalami keretakan dinding?
- c) Siapakah bertanggungjawab terhadap kerja-kerja pembaikan?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Jabatan Mineral Dan Geosains Selangor/ Wilayah Persekutuan merupakan agensi yang memberikan kelulusan bagi kerja-kerja letupan batu. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan perlu dibuat oleh agensi yang memberikan kelulusan. Bahagian Pelesenan, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor pula merupakan agensi yang memberi kelulusan bagi membekal dan membawa bahan letupan ke tapak projek.
- b) Berdasarkan aduan yang diterima, sebanyak 80 unit rumah yang terlibat. Walau bagaimanapun, berdasarkan lawatan tapak yang telah dibuat pada 27 / 7 / 2013 terdapat hanya 10 unit rumah di mana 4 unit rumah kritikal (2 unit telah siap manakala 2 unit rumah masih dalam proses pembaikan) dan 6 unit rumah mengalami masalah minor.
- c) Pemaju Medan Damai Sdn. Bhd. adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi membaiki kerosakan rumah-rumah yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PINJAMAN SEBANYAK RM 423 JUTA KEPADA KUMPULAN DARUL  
EHSAN BERHAD (KDEB)**

158. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Pinjaman RM 423 juta kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bagi pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) telah diluluskan pada tahun 2013. Apakah perkembangan terkini pengambilalihan ini dan adakah KDEB telah mula membayar balik kepada kerajaan negeri?

**JAWAPAN :**

- a) Pinjaman kepada KDEB bagi pengambilalihan KHSB adalah sebanyak RM413.2 juta dan bukan sebanyak RM423 juta. Pinjaman tersebut telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada KDEB sepenuhnya pada Oktober 2013. KDEB mempunyai tempoh selama satu tahun dari Oktober 2013 untuk membuat pembayaran balik kepada Kerajaan Negeri Selangor. KDEB sedang dalam perbincangan akhir dengan institusi kewangan untuk menerbitkan *Redeemable Non-Convertible Unsecured Loan Stock* ("RULS") bagi tujuan pembayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri tersebut.

Berkenaan perkembangan terkini pengambilalihan KHSB, pada 17 Disember 2013 KHSB telah dikeluarkan daripada senarai Bursa Saham Malaysia Berhad berikutan pegangan KDEB di dalam KHSB telah melebihi 90%. Sehingga 8 Mac 2014 iaitu tarikh akhir bagi tawaran pengambilalihan KHSB, pegangan KDEB di dalam KHSB adalah sebanyak 95%.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : RM15,785,552 UNTUK PEJABAT KORPORAT PKNS**

159. Merujuk perbahasan Belanjawan 2011.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah benar kos sewa, perpindahan dan ubahsuai pejabat PKNS di Seksyen 13 Shah Alam berjumlah RM15,785,552.00?
- b) Apakah benar PKNS membayar sewa bangunan transit sebanyak RM267,932.00 sebulan melibatkan RM9,645,552.00 bagi tiga tahun?
- c) Apakah benar kos ubahsuai berjumlah RM5,600,000?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2007, PKNS telah menandatangani Perjanjian Jualbeli dengan Bisraya Construction Sdn. Bhd. untuk menjual tapak tanah Ibu Pejabat PKNS di Petaling Jaya.

Pada cadangan asal, syarikat akan menyiapkan pejabat korporat PKNS yang baru di tapak asal seluas 1.2 ekar dengan nilai RM74.0 juta. Namun begitu, setelah kajian semula dibuat, didapati adalah lebih menguntungkan jika PKNS berusahasama dengan syarikat untuk memajukan keseluruhan tapak tersebut. Jumlah keseluruhan pembangunan akan memberikan pulangan GDV berjumlah RM1.8 billion, yang mana pulangan GDV kepada PKNS bersamaan dengan RM540.0 juta.

Memandangkan tapak di Petaling Jaya telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang, PKNS perlu berpindah secara sementara sehingga Ibu Pejabat PKNS baru di Shah Alam siap dalam tempoh 18 bulan. PKNS telahpun memastikan semua ruang-ruang kosong di bangunan milik PKNS sedia ada seperti di Menara PKNS-PJ dan Kompleks PKNS Shah Alam diisi terlebih dahulu oleh anggota-anggota PKNS sebelum berpindah ke bangunan milik swasta

di I-9, Shah Alam. Tidak dapat dinafikan bajet asal berpindah adalah berjumlah RM15.7 juta. Namun begitu, kos sebenarnya hanyalah dalam lingkungan RM12.2 juta sahaja. Kos ini telah diambilkira sebagai sebahagian daripada pulangan pembangunan yang akan diterima oleh PKNS.

- b) Kos sebenar PKNS membayar sewa bangunan transit adalah sebanyak RM249,067 sebulan dan jumlah untuk 3 tahun adalah RM8,966,412.
- c) Kos ubahsuai pejabat Korporat PKNS adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Kerja-kerja ubahsuai	1,926,703.00
2.	Kerja-kerja ICT	475,378.50
3.	Logistic / Mover	283,300.00
4.	Pemasangan aircond	198,000.00
5.	Konsultant Fee untuk M & E dan Arkitek	150,000.00
6.	Internal Signagee	40,000.00
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,073,381.50</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: YAYASAN SELANGOR**

160. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kedudukan terkini kewangan YS secara perbandingan sejak 5 tahun yang lalu?
- b) Sila senaraikan apakah punca pendapatan utama YS sejak 5 tahun yang lalu?
- c) Sila kemukakan keseluruhan perbelanjaan YS setiap tahun termasuk gaji kakitangan?

**JAWAPAN:**

- a) Kedudukan terkini kewangan YS secara perbandingan sejak 5 tahun yang lalu adalah seperti berikut:-

	<b>Audit 2008 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2009 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2010 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2011 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2012 (RM'juta)</b>	<b>Unaudited 2013 (RM'juta)</b>
Pendapatan	166,503	59,386	31,229	43,580	38,247	31,144*
Perbelanjaan	(38,504)	(33,678)	(36,319)	(35,569)	(37,863)	(36,282)
<b>Lebihan/(Defisit)</b>	<b>127,999</b>	<b>25,708</b>	<b>(5,090)</b>	<b>8,011</b>	<b>384</b>	<b>(5,138)</b>

\* Walau bagaimanapun, terdapat penurunan pendapatan operasi yang disebabkan oleh:

- Tiada pendapatan sewaan Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang yang masih dalam proses tender dan bangunan telah dikosongkan sejak 2012.
- Kurangan sewaan Bangunan Kg Baru & Petaling Jaya. Sehingga Februari 2014, Bangunan Kg Baru telah mencapai 75.2% *occupancy rate* (purata 2013:58.45%).
- Pendapatan usahasama Ladang Pulau Carey juga turut merosot akibat pengurusan tidak cekap oleh syarikat yang dilantik pada tahun 2008. Oleh itu, YS telah mengambil tindakan Mahkamah untuk menamatkan kontrak dengan syarikat terbabit dan menguruskan sendiri ladang tersebut. Melalui perintah mahkamah, YS pernah menguruskan ladang tersebut

dengan pendapatan yang lebih lumayan daripada sekarang; iaitu lebih sekali ganda sehingga mencecah RM500,000.00 sebulan. Walaubagaimanapun, pada akhir Disember 2012 mahkamah telah mengenenpikan perintah injunksi YS dan pengurusan ladang Pulau Carey diserahkan semula pada syarikat yang dilantik (Agro Segar Sdn Bhd) dan terdapat penurunan harga CPO pada tahun 2013 .

b) Punca pendapatan utama sejak 5 tahun yang lalu adalah:-

	<b>Audit 2008 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2009 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2010 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2011 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2012 (RM'juta)</b>	<b>Unaudited 2013 (RM'juta)</b>
Punca Pendapatan:						
1. Sewaan hartanah	18,700	19,645	19,553	19,649	15,741	10,928
2. Sewaan tempat letak kereta	1,168	1,271	2,141	2,083	2,564	2,843
3. Sewa Ruang Siarkaki & Iklan	-	-	850	735	82	-
4. Pendapatan Usahasama	960	32,727	2,019	5,138	15,184	2,033
5. Lain-Lain	145,675	5,743	6,666	15,975	4,676	15,340
<b>Jumlah</b>	<b>166,503</b>	<b>59,386</b>	<b>31,229</b>	<b>43,580</b>	<b>38,247</b>	<b>31,144</b>

c) Berikut adalah jumlah perbelanjaan berdasarkan laporan kewangan yang telah diaudit termasuk perbelanjaan penggajian:

	<b>Audit 2008 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2009 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2010 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2011 (RM'juta)</b>	<b>Audit 2012 (RM'juta)</b>	<b>Unaudited 2013 (RM'juta)</b>
Perbelanjaan:						
1. Penggajian & Kemudahan Staf	9,579	9,839	10,155	12,299	13,702	14,084
2. Lain-Lain	28,925	23,839	26,164	23,270	24,161	22,198
<b>Jumlah</b>	<b>38,504</b>	<b>33,678</b>	<b>36,319</b>	<b>35,569</b>	<b>37,863</b>	<b>36,282</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: PERMOHONAN TANAH KUIL SIVAN**

161. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Butirkan kronologi permohonan tanah Kuil Sivan yang terletak di Bukit Gasing, Seksyen 5, Petaling Jaya.

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: KESELAMATAN PENGGUNA JALAN RAYA KE DAN DARI BUKIT FRASER**

162. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Apakah cadangan JKR Selangor untuk membantu menjamin keselamatan pengguna jalan raya dari Sg Chiling ke Bukit Fraser yang sempit dan banyak pokok yang hampir tumbang yang tidak diselenggara dan menakutkan pelancong?

**JAWAPAN :**

- a) Antara cadangan JKR Selangor untuk membantu menjamin keselamatan pengguna jalan raya tersebut adalah:-
- i. Kerja-kerja penyelenggaraan rutin
  - ii. Kerja-kerja berkala bukan pavemen seperti mencantas dahan yang menghalang laluan pengguna jalan raya.
  - iii. Membaiki cerun
  - iv. Rondaan oleh JKR Hulu Selangor



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: HADIAH PENGAJIAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (HPIPT)**

163. Syarat kelayakan memohon hadiah adalah pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000

Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:

- a) Adakah syarat ini sesuai untuk keluarga dari kawasan bandar?
- b) Berapakah orangkah dijangka menerima hadiah tersebut bagi tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya?
- c) Nyatakan bilangan penerima mengikut pecahan kaum dan institusi pengajian?

**JAWAPAN:**

- a) Urus setia HPIPT telah meneliti Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas Tahun 2012 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan mendapati **pendapatan isi rumah bulanan purata dan kadar pertumbuhan tahunan purata bagi Negeri Selangor adalah meningkat sebanyak 5.5% bagi tahun 2012 berbanding tahun 2009.**

Berdasarkan laporan yang sama, Taburan Peratus Isi Rumah Dan Agihan Pendapatan Mengikut Kelas Pendapatan Isi Rumah Bulanan Negeri Selangor pula menunjukkan kelas pendapatan di bawah RM 3,000.00 menjadi penyumbang utama dalam taburan tersebut terutama bagi kawasan Luar Bandar, manakala bagi kawasan bandar pula dimonopoli oleh kelas pendapatan di bawah RM 4,000.00. Jadual di bawah adalah terbahagi kepada kelas pendapatan isi rumah bagi penduduk di bandar dan luar bandar:

Kelas Pendapatan (RM)	Bandar (100%)		Luar Bandar (100%)	
	Isi Rumah	Agihan Pendapatan	Isi Rumah	Agihan Pendapatan
999 dan ke bawah	1.0	0.1	5.7	1.2
1,000-1,999	5.5	1.2	21.0	8.4
2,000-2,999	9.2	3.1	19.2	12.5
3,000-3,999	16.3	7.7	17.0	15.4
4,000-4,999	11.7	7.2	12.5	14.6
5,000-5,999	10.1	7.6	7.0	10.0
6,000-6,999	8.7	7.7	7.0	11.9

7,000-7,999	7.1	7.3	3.0	5.9
8,000-9,999	10.2	12.4	4.3	9.7
10,000 dan ke atas	20.2	45.7	3.3	10.4

Oleh yang demikian, syarat asal pendapatan isi rumah pemohon sebanyak RM 1,500.00 ke bawah telah ditambah baik kepada RM 3,000.00 ke bawah. Walau bagaimanapun, syarat baru ini dilihat **kurang sesuai** bagi pemohon di kawasan bandar. Di dalam masalah ini, kita berbalik kepada objektif kerajaan negeri di mana Hadiah Anak Masuk Universiti ini adalah berupa bantuan kepada pemohon yang terdiri daripada golongan yang kurang berkemampuan.

- b) Urus setia Hadiah Anak Masuk Universiti menjangkakan pemberian RM1,000.00 kepada 7,600 orang pemohon bagi tahun 2014 berbanding 6,570 orang pemohon pada tahun 2013.
- c) Bilangan penerima mengikut pecahan kaum dan Institut Pengajian Tinggi adalah seperti berikut di **Jadual 1** dan **Jadual 2**:

**Jadual 1:**

TAHUN	BERJAYA				TIDAK BERJAYA			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Melayu	Cina	India	Lain-lain
2008	2,502	742	462	12	1,318	309	175	3
2009	4,682	853	463	27	1,646	156	115	8
2010	6,172	1,153	819	18	1,927	179	162	9
2011	5,516	1,206	890	31	1,919	192	214	14
2012	5,000	1,399	955	43	1,671	218	250	5
2013	4,868	906	744	52	1,559	121	198	8
2014	485	69	60	4	237	11	18	5
<b>JUMLAH</b>	29,225	6,328	4,393	187	10,277	1,186	1,132	52
<b>KESELURUHAN</b>	<b>40,133</b>				<b>12,647</b>			

**Jadual 2**

<b>AHUN</b>	<b>IPTA</b>	<b>IPTS</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>2008</b>	2,602	1,116	<b>3,718</b>
<b>2009</b>	4,106	1,919	<b>6,025</b>
<b>2010</b>	5,293	2,869	<b>8,162</b>
<b>2011</b>	4,723	2,920	<b>7,643</b>
<b>2012</b>	4,463	2,934	<b>7,397</b>
<b>2013</b>	4,275	2,295	<b>6,570</b>
<b>2014</b>	385	233	<b>618</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>25,847</b>	<b>14,286</b>	<b>40,133</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK : DE PALMA MANAGEMENT SERVICES SDN. BHD. (DPMS)**

164. DPMS merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang menawarkan perkhidmatan penginapan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan prestasi keuntungan DPMS pada tahun 2008 hingga 2013?
- b) Nyatakan jumlah aset yang di milik oleh DPMS?
- c) Sejauh manakah DPMS membantu sektor pelancongan di negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Pendapatan Rangkaian Hotel De Palma menunjukkan peningkatan setiap tahun dari 2008 – 2013 dengan purata kenaikan sebanyak 5% seperti berikut:

	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
Pendapatan (RM)	23,655,582	23,313,091	25,780,781	26,974,393	27,390,059	29,578,035
Untung Kasar Operasi (RM)	5,070,973	5,088,428	4,071,394	4,937,472	5,399,514	4,557,275
Untung Bersih Sebelum Cukai(RM)	3,002,152	(842,164)	850,200	1,303,992	256,650	650,909

Berdasarkan ringkasan diatas, purata keuntungan kasar operasi yang di capai oleh Rangkaian Hotel De Palma dari tahun 2008 – 2013 adalah sebanyak 26%. Kadar ini adalah baik / munasabah dalam industri perhotelan seperti Rangkaian Hotel De Palma.

Dari segi keuntungan bersih sebelum cukai, Rangkaian Hotel De Palma masih mampu mencapai purata keuntungan dari tahun 2008 – 2013 walaupun terdapat beberapa faktor telah memberi impak besar terhadap keuntungan sebelum cukai Rangkaian Hotel De Palma seperti bayaran tunggakan sewa bangunan Rangkaian Hotel De Palma berjumlah RM 4.1 juta pada tahun 2009, susut nilai semua asset De Palma Kuching sebanyak RM 2.6 juta serta hapus kira hutang De Palma Kuching berjumlah RM 2.2 juta pada tahun 2012.

- b) Berdasarkan laporan Audit bagi tempoh 31 Disember 2013, jumlah asset yang dimiliki oleh Rangkaian Hotel De Palma adalah bernilai RM 12,859,054. Sejak ditubuhkan pada tahun 1995, Rangkaian Hotel De Palma tidak pernah membuat sebarang pinjaman dari mana-mana institusi kewangan. Ia mempunyai aliran tunai yang positif dengan simpanan tetap berjumlah RM 5,289,379.
- c) Pengwujudan Rangkaian Hotel De Palma berjaya membantu sektor pelancongan dalam negeri Selangor. Antaranya adalah seperti berikut : -
  - i) Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di Rangkaian Hotel De Palma yang terletak di Ampang, Shah Alam, Kuala Selangor, Sepang dan Kuching.
  - ii) Telah melatih dan memberi pendedahan kepada lebih 1,000 orang pekerja di mana sebahagian besar dari mereka hari ini telah pun memegang jawatan-jawatan penting di hotel – hotel tempatan yang lain hasil pengalaman bekerja dengan Rangkaian Hotel De Palma.

Dengan konsep pematuhan syariah yang mula diperkenalkan pada tahun 2007, De Palma adalah jenama yang menjadi sebutan ramai kerana berjaya menarik ramai tetamu Muslim tempatan dan dari luar negara. Kemudahan-kemudahan yang disediakan membuat tetamu Muslim selesa untuk melakukan ibadah sepanjang mereka menginap di Rangkaian Hotel De Palma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: JEREBU**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah keadaan jerebu yang berlaku di Negeri Selangor dan nyatakan kawasan-kawasan yang teruk mengalami jerebu tersebut ?
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan keadaan jerebu yang berlaku ?

**JAWAPAN :**

- a) Keadaan cuaca panas dan kering tanpa hujan yang dialami oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sejak awal bulan Februari 2014 hingga Mac tahun ini telah menyebabkan kebakaran kawasan hutan dan belukar di beberapa kawasan di Negeri Selangor dan negeri-negeri lain seperti di Pulau Pinang, Perak, Kedah, Terengganu, Pahang dan Johor kerana Negara berada pada fasa Monsun Timur Laut ketika ini.

Di Selangor, keadaan jerebu mula dikesan pada 3 Mac 2014 dan bertambah ketara pada sekitar 9 Mac hingga 14 Mac 2014 di mana stesen pengawasan kualiti udara automatik yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar di Banting, Kuala Selangor, Pelabuhan Klang, Petaling Jaya dan Shah Alam telah mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 pada tahap tidak sihat selama di antara 1 jam hingga 24 jam.

Sementara itu dua kawasan iaitu Pelabuhan Klang dan Banting mengalami masalah jerebu yang teruk pada 13 Mac dan 14 Mac 2014 apabila merekodkan bacaan IPU melebihi 300 pada tahap berbahaya, walau bagaimanapun tidak berlaku dalam tempoh masa yang lama iaitu selama 3 jam pada 13 Mac dan 12 jam pada 14 Mac 2014.

Pada umumnya, episod jerebu di dalam tempoh Januari hingga Mac 2014 masih di dalam keadaan terkawal dan beberapa siri hujan yang turun pada pertengahan Mac lalu selain tindakan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar secara konsisten dan usaha pemadaman kebakaran hutan dan belukar oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan bantuan agensi lain, serta operasi pembenihan awan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia telah membantu mengurangkan masalah jerebu.

Pada keseluruhannya status kualiti udara di Negeri Selangor berada pada tahap baik dan sederhana pada kebanyakan masa.

- b) Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi keadaan jerebu ini adalah seperti berikut:
- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan aktiviti pembakaran terbuka;
  - ii. Jabatan Alam Sekitar menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah. Program pemantauan ini turut dilaksanakan melalui penerbangan udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan pihak swasta untuk membuat pengesanan awal bagi mengelakkan kebakaran dari merebak;
  - iii. Kerajaan Negeri telah mewujudkan Unit Penguatkuasaan khas bagi mencegah pembakaran terbuka di Majlis Perbandaran Klang bagi memantau kawasan pertanian Revolusi Hujau, Johan Setia, Klang;
  - iv. Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan “water management system” melalui pembinaan “check dam” dan pembinaan telaga air tanah (tube well) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
  - v. Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM dan RELA terlibat di dalam kerja-kerja pepadaman bagi kes-kes kebakaran yang luas melibatkan kawasan hutan dan tanah gambut;
  - vi. Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu;
  - vii. Bagi membantu untuk mempercepatkan pepadaman kebakaran yang dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kerajaan Negeri telah mendapatkan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk menggunakan khidmat penerbangan kapal terbang Bombardier untuk pepadaman kebakaran hutan di Negeri Selangor ;

- viii. Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan bahawa Pejabat Tanah Daerah akan merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka;
- ix. Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam, pihak industri dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka; dan
- x. Jabatan Alam Sekitar juga akan mengambil tindakan mengikut Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan seperti meningkatkan penguatkuasaan ke atas pelepasan ekzos kenderaan bermotor, pelepasan pencemaran udara daripada industri dan kawalan pencemaran habuk dari aktiviti kerja tanah.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(KUANG)**

**TAJUK : MEDIA PENERANGAN NEGERI**

166. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan media penerbitan, jumlah dan mekanisme edaran bahan cetakan yang menerangkan dasar dan berita negeri?
- b) Nyatakan media-media internet negeri dan jumlah capaiannya?
- c) Unit manakah yang mengendalikannya, jumlah kakitangan dan peruntukan bagi tahun 2008-2014?

**JAWAPAN :**

- a) Media penerbitan yang menerangkan dasar dan berita negeri ialah akhbar Selangorkini, Selangorkini Mandarin dan Selangorkini Indru. Jumlah penerbitan ketiga-tiga akhbar ini adalah seperti berikut:

1. Selangorkini – 170,000 naskah (mingguan)
2. Selangorkini Mandarin – 70,000 (2 minggu sekali)
3. Selangorkini Indru – 68,000 unit (2 bulan sekali)

Kebiasaannya, bahan-bahan penerbitan ini akan diagihkan ke setiap Pejabat DUN dan Pusat Aduan Rakyat dimana petugas di Pejabat DUN dan Pusat Aduan Rakyat akan mengedarkan akhbar ini di kawasan masing-masing. Edaran juga dibuat kepada pejabat PBT, pejabat daerah, dan pasaraya tertentu seperti Econsave, Giant serta Kompleks PKNS.

- b) Terdapat 2 media internet yang beroperasi untuk menyampaikan maklumat negeri secara konsisten iaitu <http://www.selangorku.com/> dan <http://www.selangor.gov.my/> . Jumlah capaian kedua-dua media internet ini untuk bulan Februari ialah:

<http://www.selangorku.com/> - 160,552 pengunjung sehari  
<http://www.selangor.gov.my/> - 127, 180 pengunjung sehari

- c) Untuk akhbar Selangorkini, Selangorkini Mandarin, Selangorkini Indru dan media internet <http://www.selangorku.com/> , kesemua ini dikendalikan oleh syarikat Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB), sebuah anak syarikat bawah Menteri Besar Incorporated (MBI). Sementara <http://www.selangor.gov.my/> pula dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat Kerajaan Negeri Selangor.

Jumlah kakitangan CCSB keseluruhannya berjumlah 58 orang. Dan peruntukan yang telah disalurkan kepada CCSB untuk menggerakkan akhbar-akhbar dan media internet tersebut daripada tahun 2008-2014 adalah sebanyak RM31.4 juta.

Jumlah kakitangan Bahagian Teknologi Maklumat Kerajaan Negeri Selangor pula adalah seramai 45 orang. Dalam rekod, peruntukan yang telah disalurkan di bahagian ini daripada tahun 2008-2014 adalah sebanyak RM52.5 juta.

Untuk makluman ahli-ahli dewan, tugas mengendalikan website <http://www.selangor.gov.my/> adalah sebahagian kecil daripada beban tugas bahagian ini dan ianya dikendalikan oleh 3 orang kakitangan di bawah Unit Web.

Hakikatnya, Bahagian Teknologi Maklumat Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab penuh terhadap semua bidang yang bersangkutan-paut dengan hal-ehwal teknologi maklumat (ICT).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : AGIHAN KEUNTUNGAN KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (KSSB)**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah keuntungan yang diperolehi KSSB pada tahun lalu?
- b) Apakah KSSB masih melakukan pengagihan 10 peratus keuntungannya kepada JKKK di Selangor?
- c) Nyatakan statistik JKKK di Selangor mengikut Parlimen dan DUN yang telah menerima agihan keuntungan KSSB tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Keuntungan KSSB untuk tahun kewangan 2013 berdasarkan akaun pengurusan yang sedang diaudit adalah seperti berikut;

<b>Perkara</b>	<b>Jumlah (RM juta)</b>
Untung Sebelum Cukai	21.04
Cukai & Zakat	3.39
Untung Selepas Cukai Dan Zakat	17.65

- b) KSSB tidak membuat pengagihan kepada JKKK di Selangor.
- c) KSSB tidak mempunyai rekod agihan sumbangan kepada JKKK kerana KSSB tidak membuat pengagihan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012 (NEGERI SELANGOR,  
SIRI 3) BERKENAAN PERBELANJAAN MARRIS**

168. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila bekalkan statistik tahunan jumlah kepanjangan jalan yang dirancang dan yang disenggara pada tahun yang sama mengikut daerah dan agensi pelaksana dari 2004-2013.
- b) Berapakah peratus pelaksanaan tahunan?

**JAWAPAN :**

- a) Statistik tahunan jumlah kepanjangan jalan yang dirancang dan yang disenggara pada tahun yang sama mengikut daerah dan agensi pelaksana dari 2004-2013 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun Peruntukan</b>	<b>2004</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>
<b>Panjang Jalan</b>	(km)	(km)	(km)	(km)	(km)
JKR PETALING	47.79	47.79	86.91	86.91	86.91
JKR GOMBAK	30.99	30.99	39.33	39.33	39.33
JKR KLANG	18.89	18.89	35.56	35.56	35.56
JKR KUALA LANGAT	39.33	39.33	47.66	47.66	47.66
JKR HULU LANGAT	32.73	32.73	41.06	41.06	41.06
JKR SEPANG	37.21	37.21	57.21	57.21	57.21
JKR KUALA SELANGOR	34.00	34.00	42.33	42.33	42.33
JKR HULU SELANGOR	24.17	24.17	32.50	32.50	32.50
JKR SABAK BERNAM	37.42	37.42	70.76	70.76	37.42
<b>JUMLAH</b>	<b>302.53</b>	<b>302.53</b>	<b>453.31</b>	<b>453.31</b>	<b>419.98</b>

<b>Tahun Peruntukan</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
<b>Panjang Jalan</b>	(km)	(km)	(km)	(km)	(km)
JKR PETALING	90.24	90.24	90.24	90.24	90.24
JKR GOMBAK	39.33	39.33	39.33	39.33	39.33
JKR KLANG	38.89	38.89	38.89	38.89	38.89
JKR KUALA LANGAT	51.00	51.00	51.00	51.00	51.00
JKR HULU LANGAT	44.39	44.39	44.39	44.39	44.39
JKR SEPANG	57.21	57.21	57.21	41.67	41.67
JKR KUALA SELANGOR	45.67	45.67	45.67	45.67	45.67
JKR HULU SELANGOR	35.83	35.83	35.83	35.83	35.83
JKR SABAK BERNAM	37.59	37.59	37.59	37.59	37.59
<b>JUMLAH</b>	<b>440.14</b>	<b>440.14</b>	<b>440.14</b>	<b>424.60</b>	<b>424.60</b>

Panjang jalan yang dirancang dan dilaksana adalah sama kerana peruntukkan senggaraan yang dibelanjakan adalah berdasarkan peruntukkan yang diterima.

- b) Peratus pelaksanaan tahunan adalah tidak kurang dari 95% setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: BUKU JINGGA & MANIFESTO PAKATAN RAKYAT**

169. Bertanya kepada Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jadual pelaksanaan buku jingga atau manifesto Pakatan Rakyat Selangor tahun 2014
- b) Sila kemukakan senarai peruntukan tahun 2014 mengikut tajuk manifesto Pakatan Rakyat Selangor

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, Buku Jingga adalah manifesto yang telah dikeluarkan oleh Pakatan Rakyat di peringkat Persekutuan. Oleh kerana Pakatan Rakyat telah memerintah Selangor untuk 5 tahun, satu manifesto khas bertemakan 'Meneruskan Kecemerlangan' telah ditawarkan kepada rakyat Selangor dalam menghadapi Pilihanraya Umum ke 13 yang lalu.

Tema 'Meneruskan Kecemerlangan' menunjukkan hasrat Pakatan Rakyat untuk meneruskan polisi dan program yang telah dijalankan sejak mengambil alih tampuk pimpinan Negeri Selangor pada 2008, terutamanya program-program di bawah 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' (MES) yang telah memberi manfaat kepada lebih 1.6 juta orang rakyat di negeri ini.

Manifesto 'Meneruskan Kecemerlangan' terbahagi kepada tiga teras utama iaitu Ekonomi Rakyat, Kesejahteraan Rakyat dan Persaudaraan Rakyat menerusi aktiviti keagamaan dan kebudayaan. Setiap program yang telah ditawarkan ini telah disusun untuk dilaksanakan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang.

Justeru untuk pelaksanaan Manifesto Pakatan Rakyat Selangor bagi tahun 2013 hingga 2014, fokus disasarkan untuk memastikan Pelan Pelaksanaan Jangka Pendek tercapai di samping memastikan Pelan Pelaksanaan Jangka Sederhana dan Jangka Panjang berjalan dengan baik.

- b) Bagi tawaran manifesto yang telah diletakkan bawah "Merakyatkan Ekonomi Selangor" (MES) pada pembentangan Belanjawan 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM77.85 juta** untuk meneruskan pelaksanaan agenda ini. Untuk rekod dewan yang mulia, semenjak Mac 2008 sehingga 31 Disember 2013 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM1.045 bilion**

untuk agenda ini. Berikut ialah senarai mutakhir peruntukan untuk program MES hingga 31 Disember 2013:

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>(RM)</b>
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	10,500,000
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	39,356,000
3	Skim Mesra Usia Emas	109,220,500
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	2,446,694
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M <sup>3</sup> ) Pertama	774,470,053
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	67,355,500
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	153,153
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	1,790,320
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	11,463,200
10	Insentif Perkahwinan Belia	363,000
11	Pusat Tuisyen Rakyat	15,013,545
12	Pusat Dialisis Rakyat	-
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	368,300
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	1,708,577
15	Cuti Bersalin 90 Hari	-
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	-
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	-
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	10,302,300
19	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	-
20	Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan dan Mineral	64,670,317
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,044,511,143</b>

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM269.5 juta** dalam Belanjawan 2014 untuk mula melaksanakan pelbagai tawaran yang diumumkan dalam Manifesto 'Meneruskan Kecemerlangan' bagi Pilihanraya Umum Ke-13. Teras **Ekonomi Rakyat** merupakan benefisiari terbesar dengan peruntukan **RM154.47 juta**, diikuti oleh **Persaudaraan Rakyat** dengan **RM69.5 juta** dan yang terakhir, **Kesejahteraan Rakyat** dengan **RM45.55 juta**.



Selain itu, Belanjawan 2014 juga memperuntukkan sebanyak **RM121 juta** kepada **Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor** untuk pembinaan jalan baru, penaiktarafan jalan, pembinaan jambatan dan pelbagai rancangan lain yang memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini.

Kerajaan Negeri juga sangat serius dalam usaha memastikan wujudnya tempat kediaman pada harga atau/dan kadar sewa yang berpatutan sebagaimana yang terkandung dalam Manifesto 'Meneruskan Kecemerlangan'. Bagi tahun 2014, kerajaan memperuntukkan **RM1 juta** untuk melaksanakan dasar **Perumahan Mampu Milik Berkualiti** di samping **RM2 juta** lagi untuk projek **Perumahan Rakyat** dan **RM2.4 juta** untuk penyelenggaraan dan kerja-kerja baik pulih **Rumah Awam Kos Rendah**.



## Peruntukan Untuk Perumahan – Kediaman Untuk Semua



Kerajaan Negeri juga telah umumkan rancangan penggunaan **Rizab Negeri** berjumlah **RM430 juta** bagi membiayai pembangunan enam inisiatif berikut:

- 1) RM150 juta bagi pembinaan Jambatan Ketiga Klang
- 2) RM100 juta bagi pembinaan rumah mampu milik
- 3) RM50 juta bagi pembinaan beberapa bangunan sekolah
- 4) RM50 juta bagi pembangunan usahawan dan pemerksaan belia
- 5) RM50 juta bagi pembangunan desa
- 6) RM30 juta bagi pemberdayaan wanita

## Penggunaan Rezab Negeri (RM430 juta)



Tuntasnya, Kerajaan Negeri sangat komited untuk memastikan segala kandungan Manifesto 'Meneruskan Kecemerlangan' ditunaikan mengikut fasa dan peruntukan yang telah ditetapkan. Besarlah harapan kita agar di akhir pentadbiran Pakatan Rakyat ini, kualiti hidup rakyat dan sosio ekonomi secara

keseluruhannya berada pada tahap yang terbaik dalam sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: PROJEK TERBENGKALAI PANGSAPURI SERI BUNGA RAYA, KAMPUNG  
MASJID SUNGAI BULOH OLEH PEMAJU ATLAW HOUSING SDN. BHD.  
(DIGULUNG) DAERAH PETALING**

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu pembeli-pembeli yang teraniaya?
- b) Apakah Kerajaan Negeri akan membantu mengambil alih projek tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha mengatasi masalah projek terbengkalai di Selangor demi membela nasib pembeli-pembeli yang teraniaya walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri hanya terhad kepada tindakan secara pentadbiran sahaja. Kuasa pemulihan ini yang terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Sehubungan itu, beberapa langkah proaktif yang boleh dilaksanakan oleh LPHS ke arah membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek terbengkalai adalah dengan memahami situasi yang mereka hadapi dan seterusnya bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah ini.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli yang teraniaya adalah seperti berikut :

- 1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 2) LPHS berperanan bagi mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi menstrukturkan semula atau pengurangan bayaran bulanan daripada pembiayaan atau bank.
- 3) LPHS juga mengadakan perbincangan bersama *pelikuidasi (liquidator)*, terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

- 4) LPHS turut mengadakan perbincangan dengan *pelikuidasi (liquidator)*, bersama semua jabatan teknikal seperti SYABAS, TNB, IWK dan agensi berkaitan termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 5) Sekiranya projek ini melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek ini ingin diteruskan.
- 6) Sekiranya projek ini menghadapi defisit kos pemulihan, LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan daripada kontraktor yang berminat dan berwibawa kepada KPKT untuk membuat keputusan bagi mendapatkan peruntukkan khas pemulihan projek ini.
- 7) Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi/Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri telah dilaksanakan secara berjadual sejak tahun 2011 bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini yang diurusetia oleh LPHS juga memainkan peranan penting dalam merangka plan pemulihan disamping membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. LPHS sebagai agensi pemantauan senantiasa berusaha memastikan projek terbengkalai dapat dipulihkan dan seterusnya disiapkan sehingga Sijil Layak Menduduki diperolehi.
- 8) Memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah ditadbir melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989
- 9) LPHS juga akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri tindakan-tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil demi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Tindakan perampasan tanah boleh dibuat sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 Kanun Tanah Negara (KTN) dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 Kanun

yang sama. Selain itu, pengambilan tanah juga dilaksanakan sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "**breach of contract**" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke Mahkamah.

1	EN.CHEAH MOON HWA	711025-02-5337	43	012-3991291 mrcarcheah@yahoo.com.my	NO 1C, BLOK D, JLN DAYA 14 TAMAN DAYA, KEPONG	C	L	DAP (NGO)	DIPLOMA	JURUTERA
2	EN.NG KOK CHUAN	631028-10-7143	51	019-2101264	NO. 37 JALAN BUKIT DESA 4, TAMAN BUKIT DESA , KEPONG	C	L	PAS (NGO)	SPM	USAHAWAN

**SENARAI AHLI MAJLIS  
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG PENGGAL 2014/2015  
BERDASARKAN SURAT WATIKAH BERTARIKH 7 FEBRUARI 2014**

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	NOMBOR TELEFON / FAKS	ALAMAT	BANGSA	JANTINA	PARTI	PENDIDIKAN	KERJAYA
1	EN. THIAGARAJAH A/L RAJAGOPAL	640517-10-5805	50	013-3322418 thiaga_ilinx@yahoo.com	NO. 31, JALAN CENDANA, TAMAN BUKIT BELIMBING BALAKONG 43300 SERI KEMBANGAN	I	L	DAP (NGO)	DIPLOMA IN MARKETING@ MANAGEMENT	SETIAUSAHA

**SENARAI AHLI MAJLIS  
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PENGGAL 2014/2015  
BERDASARKAN SURAT WATIKAH BERTARIKH 7 FEBRUARI 2014**

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	NOMBOR TELEFON / FAKS	ALAMAT	BANGSA	JANTINA	PARTI	PENDIDIKAN	KERJAYA
1	PUAN LAU WENG CHAN	560606-10-6498	58	012-2568745 tlaub@yahoo.com	NO. 99, KAMPUNG BARU SEPANG, SEPANG	C	P	DAP (NGO)	SARJANA MUDA SAINS EKONOMI	AHLI PERNIAGAAN
2	DR. TEO LIAN SENG	710326-10-5379 (A1830346)	43	016-6319737 dr.teo.sepang@gmail.com	NO. 40, JALAN KRISTAL 3, TAMAN KRISTAL 43800 DENGKIL	C	L	DAP (NGO)	PHD	PENGARAH DAMBIRU EDUCATION
3	EN. GUN CHEE HUI	770318-05-5687	37	016-3355017 guncheehui@gmail.com	NO. PT 11333,S/B, JALAN BBN 7C/2B, TAMAN DESA CEMPAKA, NILAI	C	L	DAP (NGO)	SPM	N/A
4	EN. KONG TUCK WAH	560210-08-5475	58	019-3376353	98, JLN BP 12 BUKIT CAVES, 68100, BATU CAVES	C	L	PAS (NGO)	SPM XKEPILKAN DOK	PEGAWAI PUSAT KHIDMAT

**SENARAI AHLI MAJLIS  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT PENGGAL 2014/2015  
BERDASARKAN SURAT WATIKAH BERTARIKH 7 FEBRUARI 2014**

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	NOMBOR TELEFON / FAKS	ALAMAT	BANGSA	JANTINA	PARTI	PENDIDIKAN	KERJAYA
1	CIK ANG LEE YONG	780908-10-5188	36	012-227 2211 / F:03-31877003/ yioh98@hotmail.com	NO.845, JALAN PULAU, 42700 BANTING, SELANGOR.	C	P	DAP (NGO)	MASTER	HEAD OF KINDERGARTEN, CHINESE TAIPEI SCHOOL, KL
2	EN. JALARAMAN A/ L SULIARRAJU	790421-10-5345	35	013-2541515	LOT 116, TAMAN TITIP, TANJUNG LAYANG, TANJUNG SEPAT,	I	L	PAS (NGO)	SPM, SIJIL HOTEL MANAGEMENT	SENDIRI



**SENARAI ANGI MAJLIS**  
**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR PENGGAL 2014/2015**  
**BERASASKAN SIIRAT WATIKAH BERTRARIKH 7 FEBRUARI 2014**

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	NOMBOR TELEFON / FAKS	ALAMAT	BANGSA	JANTINA	PARTI	PENDIDIKAN	KERJAYA
1	PN POH FEI FANG	700316-09-5016	44	012-2137428 pohfeifang@yahoo.com	NO. 8, JALAN MAHAGONI 1A/8, BANDAR BARU, 44300 BATANG KALI.	C	P	DAP (NGO)	SPM	DIRECTOR
2	JUNE LEOW	650113-07-5610 (A0046025)	47	3A, JLN.TELUKIS 6C, SEKSYEN BS.2, 48300 RAWANG, SELANGOR	017 328 5287	C	P	PKR(NGO)	SPM	SURI RUMAH
3	EN. RAJAKUMAR A/ L BATUMALAI	811113-08-6779	33	019-2728289 / 016-2150844	NO 3, KG KLIANG 44100 KALUMPANG, HULU SELANGOR, SELANGOR	I	L	PAS (NGO)	SPM (SEDANG MENGIKUTI PENGAJIAN DIPLOMA)	

**SENAKAI AHLI MAJLIS  
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR PENGGAL 2014/2015  
BERDASARKAN SURAT WATIKAH BERTARIKH 7 FEBRUARI 2014**

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	NOMBOR TELEFON / FAKS	ALAMAT	BANGSA	JANTINA	PARTI	PENDIDIKAN	KERJAYA
1	CIK KWI AI MEI	830104-10-5230	31	013-2085555(HP) kwiai@hotmail.com	NO 6 JALAN 5 TAMAN GEMBIRA 45500 TANJONG KARANG	C	P	DAP (NGO)	DIP IN BAKING SCIENCE & TECHNOLOGY	AHLI PERNIAGAAN
2	WONG TAK SENG	831126-10-5041	31	019-3809722 outokunari@yahoo.com	82, TMN SRI SEKINCHAN, 45400 SEKINCHAN	C	L	DAP (NGO)	SPM	BEKERJA SENDIRI

**SENARAI AHLI MAJLIS  
MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM PENGGAL 2014/2015  
BERDASARKAN SURAT WATIKAH BERTARIKH 7 FEBRUARI 2014**

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	UMUR	NOMBOR TELEFON / FAKS	ALAMAT	BANGSA	JANTINA	PARTI	PENDIDIKAN	KERJAYA
1	NOOR SULISIAH AMPIRA WANI	900828-10-5974	24	016-9758152 eliswanie@yahoo.com	148,JALAN ORKID 6,TAMAN SEKINCHAN JAYA	M	P	DAP (NGO)	IJAZAH	GRAPHIC DESIGNER
2	KEE CHIOK KOY	501102-08-5195	64	016-4741145	LOT 6675,TAMAN MUTIARA COURT,JLN SG. LIMAU LAMA,SG BESAR	C	L	DAP (NGO)	SPM	BEKERJA SENDIRI

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: BILIK GERAKAN BENCANA**

181. Kerajaan negeri ada menubuhkan bilik gerakan bagi menangani sesuatu bencana

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah terma rujukan dan bidang kuasa bilik gerakan ini?
- b) Bagaimanakah keahlian bilik gerakan ini dan siapakah yang terlibat dalam pengoperasiaan
- c) Di manakah lokasi bilik gerakan ini dan berapakah peruntukan kewangannya setahun?

**JAWAPAN:**

- a) Rujukan berpandukan kepada Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara dan bidang kuasa bilik gerakan adalah:
  - i. Melaksanakan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju dalam pengendalian bencana di peringkat Negeri;
  - ii. Mengurusperdanakan langkah-langkah Pengurangan Risiko Bencana melalui Agensi Kerajaan di Peringkat Negeri'
  - iii. Melaksanakan usaha-usaha pemantapan penyampaian Sistem Amaran Awal Bencana secara berkesan dan berterusan kepada Agensi kerajaan dan orang awam;
  - iv. Melaksanakan latihan pengurusan bencana yang bersepadu di antara agensi kerajaan dari masa ke semasa bagi memenuhi tahap kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi sesuatu bencana;
  - v. Melaksanakan program pembangunan keupayaan dan kesedaran awam di Peringkat Negeri/Daerah;
  - vi. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja bagi melicinkan urusan menangani bencana;

- vii. Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian di Peringkat Negeri;
- viii. Meneliti dan menyelaraskan semua permohonan bantuan Pemulihan;
- ix. Merancang dan melaksanakan program pencegahan, kesiapsagaan, tindak balas dan pemulihan di peringkat negeri;
- x. Mewujudkan dan mengemaskini profil kawasan berisiko bencana di peringkat negeri;
- xi. Mewujudkan pangkalan data mengenai peralatan, kelengkapan dan senarai kepakaran di peringkat negeri;
- xii. Menyelaraskan keperluan pengurusan dan bantuan bencana di peringkat negeri;
- xiii. Mewujudkan PKOB Negeri;
- xiv. Menentukan bantuan yang komprehensif kepada mangsa dan anggota penyelamat;
- xv. Menjalankan post-mortem dengan segera selepas sesuatu bencana; dan
- xvi. Menyediakan laporan pengendalian dan pengurusan Bencana.

b) Pengerusi : Y.B. SUK

Ahli-ahli :

1. Ketua Polis Negeri
2. Panglima Briged ATM
3. Y.B. Pegawai Kewangan Negeri
4. Pengarah Bomba
5. Pengarah JPAM Negeri
6. Pengarah Kesihatan Negeri
7. Ketua Penguat kuasa Maritim Wilayah
8. Pengarah JKR Negeri
9. Pengarah JKM Negeri
10. Pengarah Penerangan Negeri
11. Pengarah Penyiaran Negeri
12. Pengarah Pelajaran Negeri
13. Pengarah JAS Negeri
14. Pengarah Meterologi Negeri
15. Pengarah JPS Negeri
16. Pengarah Jabatan Mineral dan Geosainsa Negeri
17. Pengarah RELA

18. Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
19. Pegawai-pegawai Daerah
20. Pengurusan SYABAS
21. Pengurus TELEKOM
22. Pengurus TNB
23. Pengurus JPAM
24. Pengarah Tourism Negeri

Turut Hadir : Lain-lain pegawai dari Jabatan/Agensi berkaitan

Setiausaha : Setiausaha Keselamatan Negeri (MKN)

- c) Lokasi bilik Gerakan belum tetap dan untuk sementara ini ditempatkan di Foyer Bangunan SSAAS dan tiada peruntukan dikhaskan di atas nama Peruntukan Tabung Bencana Khas dan tiada peruntukan Khas tahunan (wang akan ditambah jika ada bencana dan didapati wang berkurangan). Wang disalur melalui wang amanah B29 (Luar jangka) masuk ke (60050) Amanah Tabung Bencana Khas yang dipegang oleh Y.B. PWN namun mulai 1.4.2014 Tabung Amanah berkenaan akan diserahkan kepada Seksyen Sektor, UPEN. Baki pada 31.12.2013 berjumlah RM6,106,484.33 dan baki terkini pada 21.3.2014 berjumlah RM6,816,136.33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : KUTIPAN ZAKAT**

182. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah kutipan zakat dari 2008 hingga 2013 mengikut jenis zakat?
- b) Nyatakan jumlah Amil yang dilantik secara sah dari 2008 hingga 2013 mengikut daerah?
- c) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang Amil tidak sah di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kutipan zakat mengikut jenis zakat dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:

**JUMLAH KUTIPAN ZAKAT MENGIKUT JENIS ZAKAT DARI TAHUN 2008-2013**

<b>JENIS ZAKAT</b>	<b>2008 (RM)</b>	<b>2009 (RM)</b>	<b>2010 (RM)</b>	<b>2011 (RM)</b>	<b>2012(RM)</b>	<b>*2013 (RM)</b>
Pendapatan	130,759,372	153,971,378	189,981,169	218,265,171	260,788,288	308,984,578
Perniagaan	46,142,219	51,798,892	60,497,183	79,925,920	84,925,124	92,713,771
Harta	25,103,021	25,488,807	30,183,451	32,758,071	35,991,556	39,155,226
Simpanan	22,110,563	25,797,203	26,446,843	27,820,555	30,479,991	33,957,712
KWSP	4,599,680	5,760,752	6,182,215	6,990,138	7,759,884	7,927,337
Saham	1,271,859	1,456,560	3,218,740	6,809,566	7,783,423	9,714,550
Tanaman	1,698,834	2,275,729	2,245,831	2,214,547	2,594,192	2,877,304
Emas	497,940	593,028	804,172	1,308,681	2,078,616	2,358,429
Ternakan	15,957	23,526	37,056	29,399	30,252	19,442
Perak	5,476	2,688	4,581	6,290	43,828	55,565
<b>JUMLAH</b>	<b>232,204,921</b>	<b>267,168,563</b>	<b>319,601,241</b>	<b>376,128,338</b>	<b>432,475,154</b>	<b>497,763,914</b>
Fitrah	12,267,963	16,618,483	17,333,281	17,975,566	18,849,873	19,541,361
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>244,474,892</b>	<b>283,787,046</b>	<b>336,934,522</b>	<b>394,103,904</b>	<b>451,325,027</b>	<b>517,305,275</b>

*\*Nota: Data tahun 2013 belum diaudit*

- b) Jumlah amil (kakitangan) yang dilantik secara sah mengikut daerah dari tahun 2008-2013 adalah seperti berikut:

**JUMLAH AMIL (KAKITANGAN) MENGIKUT DAERAH DARI TAHUN 2008-2013**

DAERAH	BILANGAN AMIL (KAKITANGAN)					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Sabak Bernam	7	11	9	15	18	19
Kuala Selangor	13	11	10	17	18	18
Hulu Selangor	6	7	8	13	13	13
Klang	6	9	10	15	17	18
Petaling	19	19	17	27	27	31
Kuala Langat	4	8	8	13	13	10
Hulu Langat	13	14	12	20	20	20
Gombak	16	13	11	18	20	20
Selangor	3	6	5	5	6	6
Ibu Pejabat	170	235	212	270	254	271
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>257</b>	<b>333</b>	<b>302</b>	<b>413</b>	<b>406</b>	<b>426</b>

- c) Selain daripada amil (kakitangan) dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), terdapat juga amil yang diberi tauliah sebagai ejen mengutip zakat di Selangor. Ia termasuklah ejen bank, pos, firma audit dan percukaian, syarikat dan ejen institusi pengajian tinggi (IPT).

Bagi individu/syarikat yang tidak bertauliah, adalah menjadi satu kesalahan mengutip zakat di Selangor. Justeru itu, Selangor mempunyai peruntukan undang-undang bagi kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah. Peruntukan berhubung kesalahan tersebut adalah **Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 [Bahagian V - Kesalahan Pelbagai]** :

**Seksyen 37 : Pungutan zakat atau fitrah tanpa diberikuasa.**

"Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya"



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: NAIKTARAF JALAN DI BUKIT FRASER**

183. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Adakah JKR Selangor merancang untuk menaiktaraf jalan-jalan di Bukit Fraser bahagian Negeri Selangor yang berlubang-lubang sedangkan jalan-jalan di bahagian Negeri Pahang telah dinaiktaraf oleh pihak JKR negeri tersebut sejak tahun 2012?

**JAWAPAN :**

- a) Untuk makluman, pihak JKR telah memohon sebanyak empat puluh (40) jalan-jalan Persekutuan di dalam Negeri Selangor untuk dibaikpulih ataupun dinaiktaraf di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Malangnya, oleh kerana kekangan peruntukan di pihak Kerajaan Persekutuan dan juga terdapatnya keperluan mendesak di sektor-sektor lain, maka kebanyakan projek-projek tersebut telah tidak diluluskan.

Pihak JKR akan terus memohon untuk melaksanakan projek-projek jalan tersebut, sama ada melalui program "Rolling Plan" Keempat di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ataupun di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: SUMBER MANUSIA DI SELANGOR**

184. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila bekalkan statistik pasaran kerja di Negeri Selangor mengikut daerah: jumlah pekerja, kelayakan profesional, tahap pendidikan, gaji mengikut profesion dan lain-lain.
- b) Bandingkan tahap pendidikan sumber manusia Selangor dengan negeri-negeri lain.

**JAWAPAN :**

- a) Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) telah menjalankan Kajian Penyiasatan Tenaga Buruh pada tahun 2012 bagi mengumpul data berkaitan pasaran kerja di Malaysia yang melibatkan semua negeri. Kajian berkenaan dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu International Labour Organisation (ILO) yang diguna pakai oleh semua negara. Sehubungan itu, pelaporan hasil kajian berkenaan lebih menjelaskan kepada peringkat negeri dan tidak melaporkan secara terperinci di peringkat daerah-daerah. Antara hasil kajian tersebut yang berkaitan dengan pasaran kerja di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

i. **statistik pasaran kerja**

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Selangor	1,690,300	1,072,100	2,762,400

*Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia.*

*Terbitan Jun 2013.*

ii. **bilangan penduduk bekerja mengikut pencapaian pendidikan**

Negeri	Tiada Pendidikan Rasmi	Rendah	Menengah	Tertiari	Jumlah (Orang)
Selangor	27,900	311,300	1,437,600	985,600	2,762,400

Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
Terbitan Jun 2013.

iii. **bilangan penduduk yang bekerja mengikut sijil tertinggi diperolehi**

Bil.	Selangor	Jumlah (Orang)
1.	UPSR / UPSRA	273,800
2.	PMR / SRP / LCE / SRA	317,400
3.	SPM	1,058,300
4.	STPM	77,000
5.	Sijil	71,900
6.	Diploma	316,800
7.	Ijazah	513,100
8.	Tiada Sijil	106,100
9.	Tidak Berkenaan	27,900
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,762,400</b>

Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
Terbitan Jun 2013.

iv. **bilangan penduduk bekerja mengikut profesyen pekerjaan**

<b>Bil.</b>	<b>Profesyen</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
1.	Pengurus	234,300
2.	Profesional	435,700
3.	Juruteknik & professional bersekutu	428,400
4.	Pekerja Sokongan perkeranian	347,600
5.	Pekerja perkhidmatan dan jualan	444,000
6.	Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan	30,000
7.	Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan	194,900
8.	Operator loji dan mesin	369,600
9.	Pekerja asas	277,900
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,762,400</b>

*Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
Terbitan Jun 2013.*

v. bilangan penduduk pekerja mengikut industri

Bil.	Industri	Jumlah ( Orang )
1.	Pertanian, perhutanan & perikanan	50,100
2.	Perombongan & Kuari	26,600
3.	Pembuatan	546,500
4.	Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara	18,600
5.	Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	17,500
6.	Pembinaan	274,400
7.	Perdagangan borong dan runcit, pembiakan kenderaan bermotor dan motosikal	423,800
8.	Pengangkutan & penyimpanan	208,500
9.	Penginapan & aktiviti perkhidmatan makanan & minuman	166,200
10.	Maklumat dan komunikasi	121,000
11.	Aktiviti kewangan & insuran/takaful	125,600
12.	Aktiviti hartanah	32,300
13.	Aktiviti professional, saintifik & teknikal	127,600
14.	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	132,400
15.	Pentadbiran awam dan pertahanan	116,700
16.	Pendidikan	165,700
17.	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	92,000
18.	Kesenian, hiburan dan rekreasi	21,000
19.	Aktiviti perkhidmatan lain	37,700
20.	Aktiviti isi rumah sebagai majikan	57,400
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,762,400</b>

Sum  
ber :  
Lapo  
ran  
Peny  
iasat  
an  
Tena  
ga  
Buru  
h  
Mala  
ysia  
2012  
,  
Jaba  
tan  
Pera  
ngka  
an  
Mala  
ysia.  
Terbi  
tan  
Jun  
2013  
.  
  
**ilan**  
**gan**  
**pen**

vi. **b**

duduk bekerja mengikut taraf pekerjaan

Bil.	Taraf Pekerjaan	Jumlah (Orang)
1.	Majikan	122,200
2.	Pekerja	2,331,300
3.	Bekerja Sendiri	277,100
4.	Pekerjaan Keluarga Tanpa Gaji	31,900
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2,762,400</b>

Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia.  
Terbitan Jun 2013.

vii. kadar tangga gaji mengikut profesion (sebulan)

Executive Position	RM	
	Min	Max
General Manager	13,700	24,844
General Manager - Sales & Marketing/ Business Development	12,038	19,292
Plant/Factory Manager/General Manager	11,147	16,615
Financial Controller/Director	12,992	23,349
Senior Operations Manager	8,618	14,325
Human Resource Manager	6,052	10,896
Quality Assurance/Control Manager	5,714	10,955
IT Manager	6,085	11,041
Logistics/Purchasing/Shipping/ Warehouse Manager	5,977	10,394
Production/Manufacturing Manager	5,622	8,978
Administration/HR/Finance Manager (Combination)	6,440	10,881
Chief Engineering/ Engineering Manager	8,927	16,492
Sales Marketing Manager	5,889	9,979
Electrical/Electronics Engineer	3,060	6,438
Finance/Accounts Manager	6,235	10,825
Mechanical Engineer	3,192	5,920
Safety/ Security Manager	5,698	11,531
Executive Secretary/ Personal Assistant	2,922	5,709
Production Engineer	2,909	5,710
Sales/Marketing Executive	2,520	4,568
Quality Assurance/Control Executive	2,521	5,076
IT Executive	2,488	4,901

- b) Perbandingan tahap pendidikan sumber manusia Selangor dengan negeri-negeri lain adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah (‘000)	Kelayakan Akademik								
		( 1 )	( 2 )	( 3 )	( 4 )	( 5 )	( 6 )	( 7 )	( 8 )	( 9 )
Johor	1,524.5	224.2	267.9	675.1	38.4	34.2	110.6	100.8	54.0	19.4
Kedah	809.1	74.2	147.1	311.6	25.8	21.3	50.8	51.5	104.9	21.8
Kelantan	589.2	61.1	91.5	213.5	36.9	14.4	37.6	42.2	60.4	31.5
Melaka	357.1	31.2	54.3	151.4	9.0	11.9	33.3	35.2	26.7	4.2
Negeri Sembilan	451.5	31.2	51.2	176.2	8.9	11.5	36.3	39.9	87.3	8.9
Pahang	645.8	102.7	96.3	259.9	15.3	18.8	44.9	48.9	44.1	15.0
Perak	952.7	146.7	167.6	378.1	23.5	18.5	66.9	64.4	73.2	13.9
Perlis	90.6	12.1	16.7	37.3	4.1	2.6	5.6	7.3	2.7	2.2
Pulau Pinang	786.1	96.0	111.5	285.9	22.8	22.5	78.4	82.5	78.1	8.4
Sabah	1,579.8	326.5	207.2	421.8	56.3	21.0	73.1	84.8	249.7	139.3
Sarawak	1,173.8	221.5	190.6	352.0	39.5	23.4	67.4	80.4	112.8	86.1
Selangor	2,828.7	280.6	324.7	1,091.5	78.0	73.4	322.1	522.1	106.8	29.6
Terengganu	401.2	32.5	53.1	167.6	14.5	19.5	31.3	31.8	39.4	11.4
Kuala Lumpur	849.5	62.7	106.8	320.6	18.1	17.6	115.5	146.9	50.4	7.8
Labuan	41.7	5.4	6.1	14.7	1.8	2.2	4.2	4.2	1.6	1.6
Putrajaya	41.2	1.1	0.9	12.2	1.9	2.1	10.1	12.3	0.5	-

Sumber : Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia. Terbitan Jun 2013.

**Petunjuk :**



KOD	Kelayakan Akademik
( 1 )	UPSR / UPSRA atau yang setaraf
( 2 )	PMR / SRP / LCE / SRA atau yang setaraf
( 3 )	SPM atau yang setaraf
( 4 )	STPM atau yang setaraf
( 5 )	Sijil
( 6 )	Diploma
( 7 )	Ijazah
( 8 )	Tiada sijil
( 9 )	Tidak berkenaan

Sumber : *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia. Terbitan Jun 2013.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG**

**(TERATAI)**

**TAJUK: TAWAS**

185. Bertanya kepada Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah penerima TAWAS dan SMUE setakat tahun 2013
- b) Sila nyatakan jumlah penerima TAWAS dan SMUE setakat tahun 2013 bagi DUN Teratai.

**JAWAPAN:**

**Jawapan dari YAWAS :**

- a) Jumlah penerima TAWAS sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 124,359 orang ahli TAWAS.
- b) Jumlah penerima TAWAS sehingga tahun 2013 adalah seperti berikut :

<b>Dun</b>	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Lain-Lain</b>	<b>Jumlah</b>
Teratai	171	355	35	10	571

**Jawapan dari RMSB :**

- a) Untuk Skim Mesra Usia Emas (SMUE), sehingga 31hb Disember 2013, sejumlah 45,670 orang telah memperoleh faedah daripada manfaat yang telah diwujudkan ini. Sejumlah RM109,220,500.00 telah dibelanjakan untuk Bayaran Fasa Pertama dan sebahagian besar Bayaran Fasa Kedua.
- b) Bagi DUN Teratai, sejumlah 698 orang telah pun menerima wang manfaat ini sehingga 31hb Disember 2013.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha kerajaan bagi menangani masalah tapak pelupusan sampah haram yang makin berleluasa.
- a) Nyatakan tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang terbabit dan pihak yang wajib bertindak.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri memandang serius berhubung isu tapak pelupusan sampah yang beroperasi secara haram di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah dengan menjalankan aktiviti pemantauan berterusan serta menggerakkan operasi bersepadu dengan jabatan lain bagi menangani masalah tersebut. Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan juga akan dikenakan kepada pesalah-pesalah yang membuang sampah di tapak tersebut dan inisiatif berupa ganjaran wang tunai RM1000.00 akan diberi kepada pemberi maklumat sehingga tertangkapnya individu/agensi yang melakukan pembuangan sampah haram.
- b) Antara tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap mereka yang terbabit adalah dengan mengenakan kompaun sehingga RM1000.00 selain menyita kenderaan yang terlibat dalam kegiatan tersebut mengikut kepada Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah. Selain daripada itu, rampasan tanah juga akan dilakukan sekiranya tapak pelupusan tersebut masih meneruskan operasi secara haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK**

## (SUNGAI AIR TAWAR)

### TAJUK: KOMPLEKS PASAR BORONG

187. Syarikat PKPS Agro Industries Sdn Bhd menguruskan Kompleks Pasar Borong Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah prestasi kompleks pasar borong berkenaan dan keuntungan kepada syarikat?
- b) Adakah wujud mekanisme untuk mengawal harga barangan dan peniaga warga asing di kompleks tersebut?

### JAWAPAN :

- a) PKPS telah menguruskan Kompleks Pasar Borong Selangor (PBS) bermula dari tahun 2001. Senarai lot-lot perniagaan yang terdapat di PBS pada masa ini adalah seperti berikut:

Kategori	Lot @ Februari 2014			Pegangan	
	Sediada	Disewa	Kosong	Bumiputra	Bukan-Bumi
Ikan	74	73	1	19	54
Sayur	98	97	1	24	73
Daging	21	21	-	20	1
Ayam	14	14	-	12	2
Buah/Kering	93	93	-	38	55
Kering	10	10	-	-	10
<b>Jumlah</b>	<b>310</b>	<b>308</b>	<b>2</b>	<b>113</b>	<b>195</b>
<b>%</b>	<b>100%</b>	<b>99%</b>	<b>1%</b>	<b>37%</b>	<b>63%</b>

Prestasi PBS untuk tempoh selama 6 tahun, ( 2008 – 2013) adalah seperti berikut:

<b>Butiran</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Pendapatan</b>	<b>4,588,554</b>	<b>4,899,831</b>	<b>5,186,781</b>	<b>5,895,023</b>	<b>6,232,223</b>	<b>7,253,523</b>
(-) Perbelanjaan Operasi	2,145,292	1,998,185	1,776,463	1,781,184	1,749,421	1,814,205
<b>Keuntungan Kasar</b>	<b>2,443,262</b>	<b>2,901,646</b>	<b>3,410,318</b>	<b>4,113,839</b>	<b>4,482,802</b>	<b>5,439,318</b>
(-) Perbelanjaan Pentadbiran	771,042	920,175	889,091	790,222	911,357	1,432,686
(-) Susutnilai/Cukai Pintu/Cukai Tanah	432,478	850,491	986,835	946,738	905,064	868,886
<b>Keuntungan Bersih</b>	<b>1,239,742</b>	<b>1,130,980</b>	<b>1,534,392</b>	<b>2,376,879</b>	<b>2,666,381</b>	<b>3,137,746</b>

Dengan adanya PBS, ia dapat memberi peluang dan membangunkan usahawan tempatan. Usaha ini merupakan satu daripada langkah yang di ambil oleh PKPS untuk memenuhi tanggung jawab sosialnya kepada rakyat Selangor.

- b) Pemantauan harga barang merupakan sesuatu yang diluar bidang kuasa PKPS. Hanya KPDNKK merupakan kementerian yang bertanggungjawab dalam menentukan harga barang-barang. Pemantauan harga barang sering dilakukan oleh pihak KPDNKK. Pihak KPDNKK telah meletakkan 2 orang pegawai melakukan pemantauan di PBS setiap hari. Bukan sahaja harga barang, kawalan ke atas alat timbang dan juga barangan tiruan merupakan antara aspek-aspek yang dipantau oleh mereka. Pihak pengurusan PBS juga sering membuat operasi ke atas barangan dan juga alat timbang pemborong-pemborong. Operasi kawalan harga sering dilakukan oleh pihak KPDNKK terutama apabila musim perayaan.

Tidak wujud peniaga warga asing di PBS. Kebanyakan warga asing yang ada di dalam PBS adalah merupakan pekerja kepada penyewa lot niaga. Rekod penyewa yang menyewa lot di PBS menunjukkan bahawa 100% penyewa adalah peniaga warganegara Malaysia. Kebanyakan pemborong memberikan tanggungjawab kepada pekerja warga asing untuk menguruskan perniagaan mereka kerana mereka mempunyai urusan di luar PBS dan perkara ini adalah di luar bidangkuasa pihak pengurusan PBS. Pihak pengurusan PBS sentiasa memberikan kerjasama kepada agensi-agensi berkaitan dalam menangani masalah kebanjiran warga asing ini. Agensi-agensi tempatan seperti Jabatan Imigresen, PDRM, Rela, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Pendaftaran Negara pernah melakukan operasi ke atas warga asing di dalam PBS.

Antara operasi melibatkan perkara berkaitan warga asing oleh agensi-agensi di Pasar Borong Selangor adalah seperti berikut:

- a. Operasi Payung oleh PDRM mulai 31 Jan hingga 04 Feb 2013 – pemantauan jenayah yang dilakukan oleh warga asing.
- b. Operasi lesen perniagaan oleh MPSJ pada 25 Mac dan 24 Jun 2013 – pemantauan peniaga yang tidak mempunyai lesen perniagaan dan penglibatan warga asing sebagai peniaga.
- c. Operasi Pendatang Asing oleh pihak Imigresen, PDRM dan Jabatan Pendaftaran Negara pada 01 Sep 2013 – 80 orang warga asing ditangkap.
- d. Operasi Pendatang Asing oleh KPDNKK dan Imigresen pada 16 Feb 2014 – seramai 50 orang warga asing ditangkap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

## **TAJUK : TALIAN SAHABAT SELANGOR**

188. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perincian program Talian Sahabat ini dan siapakah pengendalinya?
- b) Nyatakan statistik mereka yang telah menggunakan perkhidmatan ini mengikut kaum, jantina dan kumpulan umur dari 2008-2013?
- c) Apakah impak positif program ini kepada masyarakat?

### **JAWAPAN :**

- a) Pusat Kaunseling Selangor (PKS) atau lebih dikenali dengan nama Talian Sahabat yang beroperasi di Kompleks PKNS, Seksyen 14, Shah Alam merupakan sebuah pusat perkhidmatan sosial yang menawarkan khidmat rundingan dan kaunseling. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku penyelarasan pusat berkenaan telah melantik seramai 25 orang kaunselor sambil yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) untuk memberikan perkhidmatan percuma kepada orang awam yang memerlukan perkhidmatan rundingan dan kaunseling ini.

Selain itu, PKS ini juga diuruskan sepenuhnya oleh dua (2) orang Pegawai Psikologi Gred S41 yang diantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap yang cemerlang.

PKS beroperasi setiap hari mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan orang awam boleh menghubungi PKS bagi tujuan penetapan temujanji melalui telefon, e-mel atau datang secara langsung di Kompleks PKNS, Shah Alam. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

- i. kaunseling individu;
  - ii. kaunseling keluarga;
  - iii. kaunseling kerjaya;
  - iv. kaunseling kelompok;
  - v. perkhidmatan runding cara; dan
  - vi. perkhidmatan inventori psikologi.
- b) Berdasarkan rekod perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tempoh 2012 hingga 2013, seramai **337 orang** awam telah hadir secara sukarela untuk mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan di PKS. Berikut merupakan

pecahan secara terperinci mereka yang telah menggunakan perkhidmatan ini mengikut kaum, jantina dan kumpulan umur dari tahun 2012 hingga 2013.

Bil.	Tahun	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1.	2012	47	119	166
2.	2013	50	121	171
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>97</b>	<b>240</b>	<b>337</b>

**Jadual 1: pecahan mengikut jantina**

Bil.	Tahun	Kaum				Jumlah
		Melayu	Cina	India	Lain-lain	
1.	2012	155	6	4	1	166
2.	2013	160	4	5	2	171
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>315</b>	<b>10</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>337</b>

**Jadual 2: pecahan mengikut kaum**

Bil.	Tahun	Umur (tahun)				Jumlah
		< 20	21-30	31-40	41 ke atas	
1.	2012	13	54	59	40	166
2.	2013	19	48	31	73	171
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>32</b>	<b>102</b>	<b>90</b>	<b>113</b>	<b>337</b>

**Jadual 3: pecahan mengikut kategori umur**

- c) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk menjalankan kajian impak pada suku keempat tahun 2014 ini dan sedang dalam proses mengumpulkan maklum balas daripada pelanggan bagi mengkaji keberkesanan terhadap perkhidmatan yang telah diberikan. Secara jelas, sememangnya diakui bahawa mengukur perkhidmatan yang bersifat sosial seperti perkhidmatan kaunseling ini agak subjektif berbanding perkhidmatan yang diberikan secara fizikal. Antara impak positif yang signifikan hasil daripada perkhidmatan yang diberikan adalah seperti berikut:
- i. Membantu masyarakat dalam perkembangan emosi, tingkah laku dan pemikiran yang baik dan positif melalui perkhidmatan kaunseling dan psikologi yang diberikan percuma oleh kaunselor-kaunselor berlesen.
  - ii. Masyarakat mempunyai saluran yang tepat untuk berkongsi masalah dan isu yang dihadapi dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung dapat membantu masyarakat untuk mengurangkan bebanan dan dapat menyelesaikan masalah atau isu yang dihadapi.



- iii. Masyarakat juga dapat dibantu untuk berfungsi dengan baik dengan diri sendiri, dengan orang lain dan juga dengan persekitaran bagi mewujudkan keharmonian.
- iv. Melalui perkhidmatan di Talian Sahabat juga, masyarakat boleh merasai dipunyai dan dihargai dengan salah satu perkhidmatan percuma yang disediakan oleh kerajaan ini.
- v. Membantu Unit Gejala Sosial di bawah STANCO Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan Pendidikan Tinggi bagi mengurangkan gejala sosial melalui program-program khidmat masyarakat yang dijalankan secara usahasama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

## TAJUK: PROJEK INFRASTRUKTUR & INFRASTRUKTUR SUKAN

189. Sebanyak 31 projek infrastruktur dan 6 projek infra sukan di DUN Jeram tersenarai di dalam Geran Selangor masih berstatus K.I.V .

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan projek ini berstatus K.I.V?
- b) Sila nyatakan apakah projek-projek Infrastruktur & Infra Sukan Di DUN Jeram yang telah diluluskan dan berstatus K.I.V tersebut?

### JAWAPAN:

- a) Faktor-faktor yang menyebabkan projek-projek di KIV adalah berikutan:
  - Nilai projek telah melebihi peruntukan RM1 Juta utk setiap DUN
  - Bertindih dgn peruntukan MARRIS
  - Bukan kawasan PBT/PTD (Kawasan JKR, rizab Sungai JPS, tanah LLM, tanah persendirian)
  - Tidak menepati skop utama Geran Selangorku
  - Dilaksanakan di Fasa Sebelumnya
  - Anggaran yang tinggi
- b) Perincian projek-projek Infrastruktur & Infra Sukan di DUN Jeram yang telah diluluskan dan berstatus K.I.V. adalah seperti berikut:

Bil	KATEGORI	NAMA PROJEK	NO. PROJEK	KOS PROJEK	NAMA KONTRAKTOR
1	Infra - Lulus	Kerja-kerja membaiki dan menurap semula jalan di Saujana Utama dan Puncak Alam, Kuala Selangor	SH GSKS 01/2012	139,200.22	Jasa Suci Enterprise
2	Infra - Lulus	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Lampu di Kawasan Saujana Utama, Daerah Kuala Selangor	SH GSKS 13/2012	48,860.00	Khalish Tahara Sdn. Bhd.
3	Infra - Lulus	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Lampu di Kawasan Puncak Alam, Shah Alam 2 dan Desa Coalfield, Daerah Kuala Selangor	SH GSKS 14/2012	71,250.00	Elektrik Seri Indah
4	Infra - Lulus	Baikpulihan Jalan Keretapi Lama Sungai Sembilang ke Sungai Janggut.	JKR.B.KS.100-5/12 SJ11	147,875.65	Blacktop Industrial S/B
5	Infra - Lulus	Naiktaraf Jalan Keretapi Lama Sungai Buloh ke Jeram	JKR.B.KS.100-5/12 SJ10	94,091.00	Blacktop Industrial S/B
6	Infra - Lulus	Kerja-Kerja Membina Jalan Di Rizab Sempadan Kg. Parit Mahang Jeram	77/2012	143,574.80	Ly Nor Enterprise
7	Infra - Lulus	Kerja-Kerja Membina Jalan Di Lorong Mat Tumpang Kampung Parit Mahang, Jeram	78/2012	138,240.00	Harun Mukmin Enterprise
8	Infra - Lulus	Kerja-Kerja Melebarkan Dan Menurap Semula Jalan Anggerik Di Kampung Bukit Kuching Hilir	79/2012	155,240.00	Hassani Majujaya Enterprise

938,331.67

Bil	KATEGORI	NAMA PROJEK	NO. PROJEK	KOS PROJEK	NAMA KONTRAKTOR
1	Infa Sukan - Lulus	Cadangan kerja-kerja membina dan menyiapkan sebuah gelanggang sukan serbaguna futsal, bola jaring dan sepaktakraw termasuk dataran dan lain-lain yang berkaitan di Bandar Baru Puncak Alam	PLBKS 8/2012	188,429.80	Mohd Jais bin Seman

Bil	KATEGORI	NAMA PROJEK	PEMOHON
1	Infra - KIV	Kerja-kerja membina dan membaiki longkang di Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor	MDKS
2	Infra - KIV	Kerja-kerja menaiktaraf dan membina longkang 'U-Shape' di Taman Sri Kuantan ke Parit Utama, Daerah Kuala Selangor	MDKS
3	Infra - KIV	Memperbaiki kemudahan infrastruktur kampung di Kampong Seri Tiram Jaya	JKKK Kg. Seri Tiram Jaya
4	Infra - KIV	Membina dewan orang ramai	JKKK Kg. Sg. Yu Kuala Selangor
5	Infra - KIV	Perluasan Kampung Ujong Permatang	JKKK Ujong Permatang
6	Infra - KIV	Membaikpulih Jalan Pak Itam Di Batu 19½ Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
7	Infra - KIV	Kerja-Kerja Menurap Lorong Che Mat Di Batu 20 Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
8	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Pawang Jonid Di Batu 19 Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
9	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membina Jalan Di Lorong Hj Waris Bin Ramdan Kampung Parit Mahang, Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
10	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membaikpulih Lot 778 Batu 19 Kg. Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
11	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Tepi Sekolah Rendah Kebangsaan Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
12	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Belakang Dewan Di Batu 19 Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
13	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membina Tapak letak Kereta (Parking) Tambahan di Pantai Remis jeram Daerah Kuala Selangor	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
14	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Mohd Ali Di Batu 19½ Jeram (600m)	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
15	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membaikpulih Titi Di Jalan Sarif Hitam, Jeram	JKKK Kampung Jeram
16	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membina Pagar Dawai Dan Membaikpulih Dataran Kejat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Simpang 3 Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
17	Infra - KIV	Kerja-Kerja Membina Sebuah Dewan Baru Serta kerja-Kerja Berkaitan Di Simpang 3 Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN N12 Jeram
18	Infra - KIV	Kerja-kerja menaiktaraf Jalan Bunga Raya Kg Bukit Kuching Hilir, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor	Pejabat ADUN Jeram
19	Infra - KIV	Membina dan membaiki Lorong Abdul Karim, Kampung Bukit Kuching, Jeram	JKKK Kampung Bukit Kuching
20	Infra - KIV	Sokongan membeli enjin sampan baru kepada nelayan miskin - Hong Hock Chee	Pusat khidmad masyarakat DUN Jeram
21	Infra - KIV	Membina bangunan memproses dan membakar bahu berperisa untuk pengusaha kuih bahu Puan Rosnita Muhamad Nordin	Pusat khidmad masyarakat DUN Jeram
22	Infra - KIV	Memohon dewan baru serbaguna di Kampung Permatang, Kuala Selangor	JKKK Kampung Permatang
23	Infra - KIV	Membina sebuah dewan serbaguna di Saujana Utama, Sg Buloh (Zon MDKS)	Ahli Majlis MDKS
24	Infra - KIV	Cadangan Anggaran Bagi kerja-kerja Menaiktaraf jalan Bunga Raya Kg Bukit Kuching Hilir, Mukim Jeram Daerah Kuala Selangor	<a href="mailto:Ahmad@Hasanudin bin Abdul Latip">Ahmad@Hasanudin bin Abdul Latip</a>
25	Infra - KIV	Cadangan Membina & Membaiki Lorong Abdul Karim, Kg Kuching, Jeram, Kuala Selangor	JKKK kg Bukit Kuching
26	Infra - KIV	Memohon peruntukan untuk membaikpulih dan membina stor beserta tempat Pengurusan Jenazah	Surau Al-Muttaqin, Bandar Puncak Alam
27	Infra - KIV	Permohonan untuk Membina Pengkalan Nelayan (Paloh) Kampung Assam Jawa Kuala Selangor	JKKK Kg Assam Jawa
28	Infra - KIV	Menurap Jalan Premix di Dataran Masjid Jamek Kampung Sg. Terap	MDKS
29	Infra - KIV	Kerja-kerja membaiki dan membina longkang di kawasan sekitar Mukim Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor	MDKS
30	Infra - KIV	Kerja-kerja membaiki dan membina longkang di kawasan sekitar Mukim Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor	MDKS
31	Infra - KIV	Membina dataran berbumbung di SR Agama Bukit Hijau, Jeram	SR Agama Bukit Hijau

Bil	KATEGORI	NAMA PROJEK	PEMOHON
1	Infa Sukan - KIV	Membaikpulih padang Futsal di Kg Bukit Kuching	JKKK Kg Bukit Kuching
2	Infa Sukan - KIV	Membaikpulih Padang Bola di Jalan Anggerik 1, Saujana Utama	Ahli Majlis MDKS
3	Infa Sukan - KIV	Membaikpulih peralatan di Padang Permainan kanak-kanak yang terdapat di Saujana Utama	Ahli Majlis MDKS
4	Infa Sukan - KIV	Menyediakan tempat rekreasi di tanah lapang yang telah diserahkan kepada pemaju, Saujana Utama, Sg Buloh	Ahli Majlis MDKS
5	Infa Sukan - KIV	Membaikpulih Pagar Dan Mengecat Semula Padang Futsal Di Kampung Simpang 3 Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Jeram
6	Infa Sukan - KIV	Membaikpulih Pagar Dan Mengecat Semula Padang Futsal Di Kampung Jeram	Pusat Khidmat Masyarakat DUN Jeram

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : SKIM KESIHATAN WANITA (MAMMOSEL)**

190. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan skim ini?
- b) Senaraikan hospital / klinik / pusat kesihatan yang menyediakan khidmat skim ini mengikut DUN?
- c) Nyatakan jumlah penerima manfaat mengikut kaum dari 2008-2013 berdasarkan kawasan daerah, Parlimen dan DUN?

**JAWAPAN:**

- a) Pelaksanaan skim ini ditangguhkan seketika berikutan terdapat penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada para peserta skim ini.
- b) Perkhidmatan Skim Kesihatan Wanita yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri ini tidak disediakan melalui disediakan hospital / klinik / pusat kesihatan tetapi perkhidmatan skim ini disediakan oleh Completech Sdn Bhd dan di bawah seliaan Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB).

Jumlah penerima manfaat mengikut kaum dari 2008-2013 berdasarkan kawasan daerah, Parlimen dan DUN seperti berikut:-

**JUMLAH PENYERTAAN SKIM KESIHATAN WANITA SEHINGGA 31.12.2013**

No	DUN		Sebelum 2012	Jan '13	Feb '13	Mac '13	Apr '13	Total
1	N1	Sungai Ayer Tawar	649					649
2	N2	Sabak	508					508
3	N3	Sungai Panjang	964					964
4	N4	Sekinchan	457			34		491
5	N5	Hulu Bemam	157			57		214
6	N6	Kuala Kubu Bahru	154					154
7	N7	Batang Kali	487		30			517
8	N8	Sungai Burong	578	26				604
9	N9	Permatang	567	4	9	14		594
10	N10	Bukit Melawati	90					90
11	N11	Ijok	295	38	9	23		365
12	N12	Jeram	126	39				165
13	N13	Kuang	358					358
14	N14	Rawang	290	1	9	9		309
15	N15	Taman Templer	242				2	244
16	N16	Batu Caves	381					381
17	N17	Gombak Setia	280	16		25		321
18	N18	Hulu Kelang	121					121
19	N19	Bukit Antarabangsa	152					152
20	N20	Lembah Jaya	111					111
21	N21	Cempaka	211					211
22	N22	Teratai	387				46	433
23	N23	Dusun Tua	202					202
24	N24	Semenyih	61					61
25	N25	Kajang	94					94

No	DUN		Sebelum 2012	Jan '13	Feb '13	Mac '13	Apr '13	Total
26	N26	Bangi	35					35
27	N27	Balakong	162				31	193
28	N28	Sri Kembangan	391					391
29	N29	Sri Serdang	273					273
30	N30	Kinrara	254					254
31	N31	Subang Jaya	532			4		536
32	N32	Seri Setia	65					65
33	N33	Taman Medan	334	18	17	27		396
34	N34	Bukit Gasing	37					37
35	N35	Kampung Tunku	295					295
36	N36	Damansara Utama	51	2				53
37	N37	Bukit Lanjan	206					206
38	N38	Paya Jaras	275	16		17	2	310
39	N39	Kota Damansara	241					241
40	N40	Kota Anggerik	189			11	22	222
41	N41	Batu Tiga	273		35		14	322
42	N42	Meru	529					529
43	N43	Sementa	149					149
44	N44	Sungai Pinang	147					147
45	N45	Selat Klang	415					415
46	N46	Pelabuhan Klang	22					22
47	N47	Pandamaran	51					51
48	N48	Kota Alam Shah	23					23
49	N49	Seri Andalas	1039	32	40	22	29	1162
50	N50	Sri Muda	209	13				222
51	N51	Sijangkang	363	25				388
52	N52	Teluk Datuk	1111					1111
53	N53	Morib	527					527
54	N54	Tanjong Sepat	690					690
55	N55	Dengkil	165		36	38		239
56	N56	Sungai Pelek	458			32		490
57		Ktg Kerajaan	210	28				238
	<b>Total</b>		<b>17643</b>	<b>258</b>	<b>185</b>	<b>313</b>	<b>146</b>	<b>18545</b>

Taburan mengikut Kaum (Sehingga 31.12.2013)

	Malayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
<b>Sehingga Dis' 11</b>	7219	5104	1674	8	14005
<b>Jan '12</b>	550	131	89	1	771

<b>Feb '12</b>	413	98	110	0	621
<b>Mar'12</b>	302	265	156	2	725
<b>Apr '12</b>	318	182	21	0	521
<b>May '12</b>	235	247	109	0	591
<b>Jun '12</b>	191	132	24	1	348
<b>July '12</b>	17	39	5	0	61
<b>Jan '13</b>	156	40	54	8	258
<b>Feb '13</b>	132	4	49	0	185
<b>Mac '13</b>	141	112	60	0	313
<b>Apr '13</b>	10	79	57	0	146
<b>Jumlah</b>	9684	6433	2408	20	18545

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK : PERTUKARAN NAMA TAMAN PERUMAHAN**

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju menukarkan nama Taman Perumahan Angkasa, Bandar Mahkota Banting kepada Taman Brooklands di atas permintaan ramai oleh penduduk yang berupa juga bekas peladang Brooklands?

**JAWAPAN:**

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pelan Pembangunan Kali ke 11/2002 bertarikh 19 November 2002 telah meluluskan nama Bandar Baru Brooklands.

Pada 6 Julai 2005, pihak Majlis telah menerima permohonan untuk menukar nama Bandar Baru Brooklands kepada Bandar Mahkota Banting daripada pihak pemaju.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan dan Pelan Pembangunan Kali ke 11/2005 bertarikh 17 November 2005 telah bersetuju menukar nama Bandar Baru Brooklands kepada nama Bandar Mahkota Banting.

Sehingga kini, pihak Majlis tidak menerima sebarang permohonan untuk menukar nama tersebut kepada Taman Brooklands.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT-SYARIKAT GLC**

192. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Bandingkan keuntungan atau kerugian terkini sebelum cukai yang dicapai oleh keempat-empat syarikat GLC di bawah:
- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS),
  - ii. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB),



- iii. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), dan
- iv. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

**JAWAPAN :**

- a) Keuntungan/(kerugian) terkini sebelum cukai yang dicapai oleh keempat – empat syarikat GLC tersebut berdasarkan **Penyata Kewangan Beraudit tahun 2011 dan 2012** adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Syarikat	Amaun keuntungan/ (kerugian) sebelum cukai RM	Amaun keuntungan/ (kerugian) sebelum cukai RM
		31.12.2012	31.12.2011
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	325,217,000.00	409,579,000.00
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	23,160,701.00	38,095,463.00
3.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	36,005,000.00	15,298,000.00
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	132,590.00	17,428,279.00

*\*Penyata Kewangan tahun 2013 masih dalam semakan Audit*

- b) Berikut merupakan analisis ringkas kepada prestasi kewangan oleh keempat – empat syarikat GLC tersebut pada tahun berakhir **31 Disember 2012** :-

**a. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)**

- i. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan PKNS bagi tahun kewangan 2012, kedudukan dana bersih syarikat telah meningkat sebanyak RM161.579 juta yang bersamaan dengan 3.3% berbanding tahun 2011.
- ii. Pada tahun tersebut, keuntungan bersih adalah sebanyak RM218.99 juta di mana keuntungan ini mengalami penurunan sebanyak -30.65% berbanding tahun kewangan 2011. Selain daripada peningkatan dalam pelbagai kos operasi, antara faktor

utama yang menyumbang kepada penurunan tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan kos pelaksanaan perkhidmatan yang meningkat sebanyak 486.39% kepada RM114.262 juta berbanding kos pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM21.244 juta.

**b. Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)**

- i. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan PNSB bagi tahun kewangan 2012, kedudukan dana bersih syarikat telah meningkat sebanyak RM31.42 juta yang bersamaan dengan 3.1% berbanding tahun 2011.
- ii. Pada tahun tersebut, jumlah keuntungan bersih yang dijana oleh PNSB adalah sebanyak RM9.27 juta di mana keuntungan ini mengalami penurunan sebanyak -67.36% berbanding tahun kewangan 2011. Faktor utama kepada penurunan tersebut adalah disebabkan oleh kos kewangan yang dibayar sebanyak RM10.07 juta faedah kepada bank berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM0.27 juta. Faedah tersebut merupakan faedah ke atas pinjaman yang dibuat bagi tujuan pembelian tanah – tanah untuk dibangunkan secara komersil.
- iii. Walau bagaimanapun, nisbah hutang PNSB masih pada kadar yang rendah berbanding aset yang dimiliki iaitu sebanyak 0.6. Pada masa ini, PNSB mempunyai sejumlah tanah yang bernilai RM690.15 juta pada kos yang masih di dalam fasa pembangunan hartanah yang dijangka dapat memberikan pulangan yang baik untuk tempoh jangka masa panjang.

**c. Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)**

- i. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan KDEB bagi tahun kewangan 2012, keuntungan selepas cukai KDEB di peringkat Kumpulan adalah sebanyak RM22.896 jut berbanding tahun 2011.
- ii. Berikut merupakan rekod keuntungan/(kerugian) selepas cukai KDEB diperingkat Kumpulan bagi tempoh 5 tahun terkini :-

<b>Tahun kewangan</b>	<b>Keuntungan/(kerugian) selepas cukai RM juta</b>
2012	22.896

2011	(5.160)
2010	42.653
2009	(0.737)
2008	(122.488)

- iii. Pada tahun 2012, perkongsian keuntungan dengan Syarikat Bersekutu telah meningkat sebanyak 155.5% kepada RM120.01 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM46.97 juta.
- iv. KDEB kini telah pun selesai mengambil alih syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad yang dijangka dapat mengukuhkan kedudukan kewangan KDEB di masa hadapan.

**d. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)**

- i. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan PKPS bagi tahun kewangan 2012, kedudukan dana bersih syarikat telah mengalami penurunan sebanyak RM13.75 juta yang bersamaan dengan 3% berbanding tahun 2011.
- ii. Perkara ini adalah berikutan prestasi pendapatan bagi tahun 2012 yang mengalami penyusutan sebanyak RM14.9 juta yang bersamaan dengan -95.30%. Pendapatan bagi tahun 2011 adalah pada kadar yang tinggi susulan daripada pelupusan aset dan penutupan operasi syarikat – syarikat subsidiari yang tidak memberikan keuntungan.
- iii. PKPS juga masih lagi dalam proses penyusunan semula operasi syarikat secara menyeluruh dan menjangkakan kestabilan operasi akan dicapai dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PKNS DIARAH TANGGUH PEMBELIAN TANAH BERHARGA RM400 JUTA**

193. Merujuk perbahasan Belanjawan 2011.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional PKNS mahu membeli tanah milik Desaminium Jaya seluas 340.43 ekar berharga RM400 juta?

- b) Bagaimanakah PKNS mahu membiayai pembelian ini?
- c) Apakah pembelian itu ditangguh atau dibatalkan?

**JAWAPAN:**

- a) PKNS membeli tanah tersebut bagi tujuan '*land bank*' PKNS.
- b) & c) Mesyuarat Ahli-Ahli Perbadanan Bil. 05/2009 pada 19 November 2009 telah memutuskan keputusan menangguhkan pembelian tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: BANGUNAN BARU DEWAN NEGERI SELANGOR**

194. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembinaan Bangunan Baru DNS ?
- b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi bagi merealisasikan perancangan tersebut ?

- c) Sila nyatakan berapakah jumlah anggaran peruntukan yang bakal disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan cadangan tersebut ?

**JAWAPAN:**

- a) Lawatan ke Dewan Negeri Sarawak telah diadakan pada 28/1/2014 bagi membantu penyediaan brif projek. Dijangkakan brif projek akan dimuktamadkan pada 30/4/2014.
- Pihak JKR menjangkakan pelan konsep sedia untuk dibentang ke MTESS pada akhir Mei 2014.
- b) Tiada kekangan yang dihadapi bagi merealisasikan perancangan tersebut.
- c) Anggaran peruntukan akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri selepas lukisan konsep berdasarkan kepada keperluan baru yang diterima daripada pihak Pengurusan Dewan dimuktamadkan iaitu pada bulan Mei 2014 nanti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK : KEUNTUNGAN KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD (KHSB)**

195. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah keuntungan KHSB?
- b) Berapa peratus pemberian KHSB daripada keuntungan kepada kerajaan negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah keuntungan (belum diaudit) pada tahun 2013 adalah RM10.68 juta.

- b) Peratus pemberian keuntungan KHSB kepada Kerajaan Negeri akan dibuat berdasarkan pegangan ekuiti semasa KDEB (syarikat milik penuh Kerajaan Negeri) di dalam KHSB iaitu 95%.

Dewasa ini, KHSB tidak mungkin dapat melakukannya kerana syarikat masih lagi dalam proses pemulihan setelah mengalami kerugian berpanjangan beberapa tahun sebelum ini. Dana yang sedia ada amat diperlukan untuk digunakan sebagai modal melaksanakan projek-projek pembangunan.

	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Status	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta
Pendapatan	142.72	146.49	211.45	251.43	219.12	92.36
Keuntungan / (Kerugian)	(59.24)	(79.57)	(193.63)	6.67	26.61	(75.53)

	2009	2010	2011	2012	2013
Status	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta	RM'Juta ("belum diaudit")
Pendapatan	125.12	209.9	169.74	72.68	34.53
Keuntungan / (Kerugian)	27.11	(35.06)	(29.63)	(3.99)	10.68

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : SELANGOR BANDAR SELAMAT**

196. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan secara terperinci projek bandar selamat yang dilaksanakan di Selangor?
- b) Berapakah peruntukan tahunan bagi melaksanakan projek bandar selamat di Selangor?
- c) Berapa jangka masa yang ditetapkan bagi memastikan Selangor mencapai tahap bandar selamat?

**JAWAPAN:**

- a) Projek Bandar Selamat yang telah dilaksanakan oleh 12 PBT adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	PROGRAM YANG DIJALANKAN
1.	MBSA	<p>a. NKRA Bandar Selamat : Penyediaan 4 Langkah Segera di bawah peruntukan JPBD Semenanjung Malaysia (Persekutuan) sebanyak RM2.1 Juta iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengasingan Pejalan Kaki dan Rel Penghadang</li> <li>ii. Pencahayaan</li> <li>iii. Pemasangan Papan tanda Amaran Jenayah</li> <li>iv. Pemasangan Cermin Keselamatan</li> </ul> <p>b. Projek Pemasangan CCTV di bawah peruntukan Negeri Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 50 unit CCTV</li> </ul> <p>c. Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (Skuad PANTAS) di semua PBT yang bertindak sebagai penyelamat pertama sekiranya kawasan PBT menghadapi bencana alam dan juga memantau aktiviti lokasi <i>hot spot</i> yang dikenal pasti sebagai tempat kejadian kegiatan jenayah jalanan.</p>
	MBPJ	<p>a. Pelaksanaan 5 langkah segera meliputi projek – projek berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pencahayaan</li> <li>ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor</li> <li>iii. Cermin Keselamatan</li> <li>iv. Pemasangan papan tanda peringatan jenayah</li> <li>v. Tempat letak motosikal berkunci (dikawasan perniagaan dan kawasan rumah pangsa kos rendah)</li> </ul> <p>b. Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) ditubuhkan di kawasan Petaling Jaya di mana RM5,000 diberikan sebagai elaun kepada setiap pasukan.</p> <p>c. Rukun Tetangga dan persatuan penduduk perlu mendaftar dengan MBPJ, polis dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Selangor.</p> <p>d. MBPJ giat menjalankan aktiviti Publisiti dan Promosi bersama Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga dengan mengadakan pameran dan taklimat bersama pihak PDRM mengenai</p>

		<p>kepentingan menjaga keselamatan.</p> <p>e. Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (Skuad PANTAS) di semua PBT yang bertindak sebagai penyelamat pertama sekiranya kawasan PBT menghadapi bencana alam dan juga memantau aktiviti lokasi <i>hot spot</i> yang dikenal pasti sebagai tempat kejadian kegiatan jenayah jalanan.</p>
3.	MPK	<p>a. Majlis Perbandaran Klang bekerjasama dengan IPD Klang (Utara &amp; Selatan) dengan mengenal pasti lokasi <i>hotspot</i> jenayah dan pemasangan 5 langkah segera (pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, cermin keselamatan, papan tanda dan tempat letak motosikal berkunci);</p> <p>b. Hebahan program bandar selamat melalui pameran dan risalah; dan</p> <p>c. Pemasangan CCTV menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri di kawasan <i>hotspot</i>.</p> <p>d. Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (Skuad PANTAS) di semua PBT yang bertindak sebagai penyelamat pertama sekiranya kawasan PBT menghadapi bencana alam dan juga memantau aktiviti lokasi <i>hot spot</i> yang dikenal pasti sebagai tempat kejadian kegiatan jenayah jalanan</p>
4.	MPSJ	<p>Program-program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Bandar Selamat adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pengasingan lorong pejalan kaki</li> <li>ii) Pencahayaan</li> <li>iii) Cermin Keselamatan</li> <li>iv) Papan tanda cegah jenayah</li> <li>v) Tempat letak motorsikal berkunci</li> <li>vi) Pemasangan CCTV menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri di kawasan <i>hotspot</i>.</li> <li>vii) Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (Skuad PANTAS) di semua PBT yang bertindak sebagai penyelamat pertama sekiranya kawasan PBT menghadapi bencana alam dan juga memantau aktiviti lokasi <i>hot spot</i> yang dikenal pasti sebagai tempat kejadian kegiatan jenayah jalanan</li> </ul>



5.	MPAJ	<p>Lima (5) Langkah Program Bandar Selamat untuk dilaksanakan di MPAJ adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pencahayaan</li> <li>b) Rel Pengadang</li> <li>c) Cermin keselamatan</li> <li>d) Tempat letak motor berkunci</li> <li>e) Papan tanda peringatan/amaran</li> <li>g) Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (Skuad PANTAS) di semua PBT yang bertindak sebagai penyelamat pertama sekiranya kawasan PBT menghadapi bencana alam dan juga memantau aktiviti lokasi <i>hot spot</i> yang dikenal pasti sebagai tempat kejadian kegiatan jenayah jalanan</li> </ol>
6.	MPS	<p>a. Program-program yang diberi keutamaan melibatkan 6 langkah iaitu :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pencahayaan</li> <li>ii. Menyediakan rel penghadang/ pengasingan laluan pejalan kaki</li> <li>iii. Pemasangan tempat letak motosikal berkunci</li> <li>iv. Pemasangan cermin Keselamatan</li> <li>v. Pemasangan papan tanda pencegahan jenayah</li> <li>vi. Pemasangan CCTV</li> <li>vii. Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (Skuad PANTAS) di semua PBT yang bertindak sebagai penyelamat pertama sekiranya kawasan PBT menghadapi bencana alam dan juga memantau aktiviti lokasi <i>hot spot</i> yang dikenal pasti sebagai tempat kejadian kegiatan jenayah jalanan</li> </ol>
7.	MPSepang	<p>a. Jawatankuasa Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Sepang, lima (5) langkah yang akan dan sedang dilaksanakan oleh Majlis adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pencahayaan ;</li> <li>ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor ;</li> <li>iii. Penyediaan tempat letak motosikal berkunci ;</li> <li>iv. Penyediaan dan pemasangan papan tanda peringatan jenayah ;</li> <li>v. Penyediaan dan pemasangan cermin</li> </ol>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>keselamatan</li> <li>vi. Pemasangan CCTV,</li> <li>vii. Menubuhkan pasukan PANTAS</li> </ul>
8.	MPKj	Melaksanakan 5 langkah utama Program Bandar Selamat iaitu pencahayaan, pengasingan laluan pejalan kaki, cermin keselamatan, papan tanda dan tempat letak motosikal berkawal di 48 lokasi hotspot jenayah yang dikenalpasti oleh IPD Kajang, Pasukan Pantas.
9.	MDKL	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menjalankan projek-projek pemasangan elemen pencegahan jenayah seperti pemasangan cermin keselamatan, pemasangan rel penghadang, pencahayaan di tempat-tepat cenderung berlaku jenayah, pemasangan papan tanda peringatan jenayah dan lain-lain</li> <li>b. Program sosial seperti kesedaran pihak awam dalam membanteras jenayah seperti ceramah, pengawasan kejranaan, Kepolisan Masyarakat dan lain-lain.</li> <li>c. Pemasangan CCTV</li> <li>d. Penubuhan PANTAS</li> </ul>
10.	MDHS	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. MDHS melalui Jawatankuasa Pembangunan Mampan dan Bandar Selamat menjalankan 4 langkah segera bagi mengurangkan kadar jenayah jalanan di dalam Daerah Hulu Selangor. Antara langkah-langkah yang terlibat adalah :- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengasingan laluan pejalan kaki dengan kenderaan bermotor</li> <li>ii. Penyediaan cermin keselamatan di kawasan terlindung</li> <li>iii. Pemasangan papan tanda peringatan jenayah</li> <li>iv. Pemasangan tempat letak motosikal.</li> <li>v. Pemasangan CCTV</li> <li>vi. Penubuhan Pasukan PANTAS</li> </ul> </li> </ul> <p>Berikut adalah kawasan-kawasan yang terlibat di dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bandar Utama Batang Kali -Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel pengadang sepanjang 840 meter. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemasangan papan tanda peringatan jenayah.</li> </ul> </li> <li>b. Bandar Kuala Kubu Baharu - Penyediaan laluan</li> </ul>

		<p>pejalan kaki dan rel pengadang sepanjang 260 meter.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemasangan papan tanda peringatan jenayah.</li> <li>- Pemasangan tempat letak motosikal berkunci.</li> </ul> <p>e. Bukit Beruntung - Penyediaan laluan pejalan kaki dan rel (Taman Bunga Raya) pengadang sepanjang 190 meter.</p>
11.	MDKS	<p>Langkah-langkah Program Bandar Selamat bagi mengurangkan kadar jenayah di Kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor</li> <li>ii. Pencahayaan</li> <li>iii. Cermin Keselamatan</li> <li>iv. Pemasangan tempat letak motosikal berkunci</li> <li>v. Papan tanda peringatan jenayah</li> <li>vi. Pemasangan CCTV</li> <li>vii. Penubuhan Pasukan PANTAS</li> </ul>
12.	MDSB	<p>Program yang telah dilaksanakan dibawa Jawatankuasa Bandar Selamat ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pencahayaan</li> <li>ii. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor</li> <li>iii. Rel penghadang jalan</li> <li>iv. Papantanda pencegahan jenayah dan;</li> <li>v. Cermin keselamatan.</li> <li>vi. Pemasangan CCTV</li> </ul>

b) Peruntukan tahunan bagi melaksanakan projek bandar selamat di Selangor adalah seperti berikut:-

PBT	JUMLAH PERUNTUKAN					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013
MBSA	-		RM1.8j	RM1.5j	RM2.1j	RM2.1j
MBPJ	RM43,500	RM43,500	RM43,500	RM2,543,500	RM2,434,500	RM3,434,500

<b>MPK</b>	-	-	RM1.5j	RM1.7j	RM2.3j	RM3,678,000 .00
<b>MPAJ</b>	-	-	-	RM1.5j	RM2.1j	RM2.4j
<b>MPSJ</b>	-	-	RM2,198,27 5.40	RM1,262,43 0.00	RM2,095,31 4.00	RM2.4j
<b>MPS</b>	TIADA MAKLUMBALAS					
<b>MPKj</b>			RM1.7 j		RM2.1j	
<b>MPSp</b>	-	-	-	RM 500,000.00	RM 800,000.00	-
<b>MDKL</b>	-	-	-	RM 500,000.00	RM 841,000.00	-
<b>MDHS</b>	-	-	-	RM 500,00.00	RM 650,000.00	-
<b>MDKS</b>	-	-	-	RM 530,000.00	RM 730,000.00	RM 30,000.00
<b>MDSB</b>				RM 300,000.00	RM 350,000.00	

- c) Setakat ini tiada sasaran yang ditetapkan untuk mencapai tahap bandar selamat. Program Bandar Selamat ini berterusan bagi mencapai kadar indeks jenayah tahunan menurun. PBT juga akan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan di setiap kawasan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: ORANG ASLI**

197. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Butirkan perkampungan orang asli di Negeri Selangor mengikut daerah.
- b) Apakah status warta setiap perkampungan ini?
- c) Apakah langkah kerajaan negeri untuk memelihara perkampungan orang asli ini di samping membekalkan kemudahan asas?

**JAWAPAN :**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PROJEK PEMBESARAN KG TAMAN DESA BUKIT BUJANG**

198. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu projek pembesaran kampung Taman Desa Bukit Bujang, Mukim Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu yang hampir 95% siap?

**JAWAPAN :**

- a) Permohonan ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan bangunan kediaman dan perniagaan ke atas tanah seluas 66.77 hektar (165.86 ekar) bagi tujuan Projek Pembesaran Kampung Ampang Pecah dikenali sebagai Taman Desa Bukit Bujang Kuala Kubu Baharu seperti berikut:-
- i) MMKN Ke 12/1998 pada 29 April 1998
  - ii) MMKN Ke 8/2001 pada 4 April 2001
  - iii) MMKN Ke 29/2001 pada 6 November 2002

Kontraktor yang dilantik iaitu ARK Development Sdn Bhd telah membangunkan sebahagian tanah yang telah diluluskan dengan membina 369 unit rumah di kawasan yang dikenali sebagai fasa 1 dengan keluasan lebih kurang 75,230 ekar. Dari jumlah tersebut sebanyak 276 unit telah dikeluarkan hak milik, manakala 93 lagi masih belum dikeluarkan hak milik dan masih dalam pembinaan sehingga mencapai 95% siap. Dari jumlah tersebut 242 unit rumah sudah diduduki dan telah dikeluarkan sijil layak menduduki.

Permohonan pemberimilikan bagi 93 unit telah dikemukakan kepada EXCO-MTES pada 3 April 2013. EXCO-MTES telah memutuskan supaya pemberimilikan diproses secara tender.

Pada masa ini bahagian Task Force dan penyelidikan Pejabat Tanah Galian Negeri Selangor sedang menyediakan kertas ringkasan untuk diangkat ke mesyuarat EXCO-MTES bagi menentukan kaedah terbaik penyelesaian projek ini pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: ISU “ALLAH”**

199. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila bekalkan semua Standard Operating Procedure (SOP) yang berkenaan untuk Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) apabila JAIS melakukan serbuan ataupun operasi di kawasan agama selain daripada Islam?

**JAWAPAN :**

- a) Meskipun JAIS mempunyai Standard Operating Procedure (SOP) yang digunakan bagi melaksanakan siasatan dan tindakan terhadap kesalahan jenayah Syariah, JAIS masih belum mempunyai SOP khusus untuk tindakan yang melibatkan kesalahan di bawah Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Dikalangan Orang Islam) 1988, kerana berbanding dengan penyiasatan kes Syariah, penyiasatan bagi kesalahan di bawah Enakmen tersebut adalah berdasarkan Criminal Procedure Code, yang merupakan bidangkuasa Mahkamah Sivil.

Sehubungan dengan itu, SOP mengenainya sedang dideraf untuk dibentang dan dibincang dalam Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Enakmen Kawalan Agama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Dikalangan Orang Islam) 1988 yang ditubuhkan melalui Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor bil.1/2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK**

200. Bertanya kepada Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan rumah mampu milik yang ada di Selangor
- b) Sila kemukakan senarai kawasan di mana rumah mampu milik telah dibina dan akan dibina dalam tahun 2014

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B, sehingga kini, sebanyak tiga projek perumahan mampu milik yang melibatkan 1,682 unit telah ada atau siap dibina oleh Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- b) Untuk makluman Y.B juga, pecahan serta kedudukan 1,682 unit projek perumahan mampu milik yang telah siap dibina adalah terdiri daripada Bukit Botak, Selayang mempunyai 1,422 unit. Projek kedua adalah di Seksyen 3 Bandar Baru Bangi yang dibina sebanyak 124 unit. Manakala 136 unit lagi terletak di Bandar Sungai Long, Kajang.

Projek rumah mampu milik yang akan dibina dalam tahun 2014 adalah sebanyak 4 projek yang melibatkan 2,965 unit. Perincian projek tersebut adalah seperti di Jadual 1.

*Jadual 1 : Perincian Projek Rumah Mampu Milik Yang Akan Dibina Dalam Tahun 2014*

Bil	Nama Projek	Pemaju	Jumlah Unit
1.	Desa Alam, Seksyen U12, Shah Alam, Petaling	PKNS / Debbin Sdn. Bhd.	104
2.	Sutera Damansara, Pekan Baru Sg Buloh, Petaling	PNSB / Semponia Sdn. Bhd.	236
3.	Seksyen 1D, Antara Gapi, Hulu Selangor	PKNS	129
4.	Ukay Indah, Sg Sering, Hulu Kelang, Gombak	LPHS	2496
<b>JUMLAH</b>			<b>2,965</b>



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: PENGGUNAAN BALAIRAYA DI KAMPUNG-KAMPUNG**

201. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak balairaya yang terdapat di negeri Selangor
- b) Adakah balairaya-balairaya ini diselenggara selepas diambil alih oleh kerajaan negeri
- c) Siapakah yang bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan ini?

**JAWAPAN :**

- a) Balairaya yang terdapat di Negeri Selangor iaitu:

<b>Bil.</b>	<b>Pejabat Daerah/ Tanah</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Pejabat Daerah/ Tanah Klang	28
2.	Pejabat Daerah/ Tanah Gombak	42
3.	Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor	16
4.	Pejabat Daerah/ Tanah Petaling	21
5.	Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat	67
6.	Pejabat Daerah/ Tanah Sabak Bernam	69
7.	Pejabat Daerah/ Tanah Sepang	25
8.	Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Langat	93
9.	Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor	48
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>409</b>

- b) Ya. Balai Raya-Balai raya ini diselenggara selepas diambil alih oleh Kerajaan Negeri.
- c) Balairaya - balairaya ini diselenggara oleh Pejabat Daerah / Tanah melalui peruntukan pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor berdasarkan permohonan serta keperluan dari masa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : KEMUDAHAN CCTV**

202. Kemudahan CCTV disediakan di kawasan tertentu PBT untuk mencegah jenayah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah CCTV yang dipasang ketika ini mengikut PBT?
- b) Berapakah kos pemasangan CCTV baru dan kos penyelenggaraan setahun mengikut PBT?
- c) Sejauh manakah keberkesanan pemasangan CCTV ini untuk mencegah jenayah?

**JAWAPAN :**

- a) Jumlah CCTV Kerajaan Negeri Selangor yang dipasang ketika ini mengikut PBT adalah:-

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Bilangan CCTV</b>
1.	MBSA	50
2.	MBPJ	60
3.	MPK	60
4.	MPSJ	50
5.	MPS	50
6.	MPKj	60
7.	MPSp	50
8.	MDKL	10
9.	MDKS	8
10.	MDSB	8
11.	MDHS	8
12.	MPAJ	Tidak terlibat
<b>Jumlah</b>		<b>414</b>

- b) Kontrak pemasangan CCTV adalah secara *build operate and transfer* di mana ia melibatkan kos sewaan untuk tempoh selama 20 tahun sebanyak RM488,520.00 sebulan atau RM5,862,240.00 setahun dan penyelenggaraan dilakukan oleh pihak kontraktor sendiri.

- c) Penggunaan CCTV ini didapati berkesan dalam menangani kejadian jenayah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh PBT. Dengan adanya CCTV yang ditempatkan di lokasi terpilih atau *hot-spot* oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Polis DiRaja Malaysia, tugas pemantauan dan rondaan ini sebahagiannya dapat dilakukan melalui sistem pemantauan kamera litar tertutup (CCTV). Dengan adanya pemantauan melalui CCTV di bilik-bilik kawalan PBT dan PDRM, pihak Polis dapat mengesan jenayah dengan lebih mudah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: GERAN KEUSAHAWAN MUDA**

203. Sebanyak RM 1,566,957.20 dari geran Selangorku telah dibelanjakan untuk geran keusahawanan muda

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perincian pengisian program-program yang telah dilaksanakan?
- b) Nyatakan bilangan usahawan yang telah mengikuti program-program tersebut?
- c) Apakah kesinambungan program-program ini dari sudut keusahawanan?

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Perincian program-program Keusahawanan Muda merangkumi:

- i. Memandangkan peruntukan Geran lebih bersifat one-off manakala permohonan bagi program Keusahawanan Muda kebanyakannya memerlukan bantuan kewangan yang berterusan, maka 10% dari peruntukan geran tersebut (RM3 juta dari RM30 juta) dihadkan bagi dimanfaatkan untuk program-program pembangunan belia seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>RM</b>
1	Program Selangor Motor Race 2012	647,850.00
2	Pertandingan Bola Keranjang antara Kampung-Kampung Baru Cina di Seluruh Negeri Selangor	159,050.00
3	Program Belia	150,000.00
4	Program Pembangunan Remaja	125,000.00
5	Program Gotong Royong Anak Muda Prihatin Masjid - Pembaikan & Pemulihan Tandas Masjid	125,857.20
6	Program Pembangunan Belia, Masyarakat & Pencerdasan Rakyat tahun 2012-2013	200,000.00
7	Program Insentif Perkahwinan Belia (Fasa 1-4)	159,200.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,566,957.20</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PROGRAM AKADEMIK YAYASAN SELANGOR**

204. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Berikan secara terperinci program akademik yang dilaksanakan oleh Yayasan Selangor dari 2008 hingga 2013?
- b) Nyatakan peruntukan tahunan bagi melaksanakan program akademik Yayasan Selangor?
- c) Senaraikan bilangan pelajar yang telah ditaja oleh Yayasan Selangor dari 2008 hingga 2013?

**JAWAPAN:**

- a) Program akademik yang dilaksanakan:-  
Kelas Bimbingan – Tingkatan 1 - 5  
Seminar PMR – Tingkatan 3  
Seminar SPM – Tingkatan 5  
Program 'Easy Maths' – Tingkatan 4 & 5  
Latih Tubi Terkawal – Tingkatan 3 & 5  
Program 'Mentor mentee'
- b) Yayasan Selangor memperuntukkan sebanyak RM6,450,600 untuk program akademik.
- c) Bilangan pelajar tajaan Yayasan Selangor :-  
2008 – 1409  
2009 – 1554  
2010 – 1574  
2011 – 1760  
2012 – 3200  
2013 – 5000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PELABUR LUAR NEGERI**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha yang telah dilakukan untuk mempelawa pelabur-pelabur dari luar negeri untuk melabur di negeri Selangor.
- b) Apakah keistimewaan ataupun pengecualian yang boleh ditawarkan oleh kerajaan untuk memastikan Selangor pilihan utama pelabur-pelabur?

**JAWAPAN:**

- a) Antara usaha yang dilakukan untuk menarik pelabur luar melabur di Negeri Selangor adalah seperti berikut;-
  - 1. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan penggalakan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui SSIC akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi..
  - 2. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
  - 3. Melantik wakil di luar Negara bagi membantu mempromosikan peluang-peluang pelaburan di Negara berkenaan.
  - 4. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.
  - 5. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak dalam dan luar Negara.
  - 6. Penyertaan dalam pameran bertaraf antarabangsa.

b) Kerajaan Negeri tidak menawarkan sebarang pengecualian kepada para pelabur.. Namun, Negeri Selangor masih menjadi pilihan para pelabur di sebabkan keistimewaan seperti berikut;-

1. Kedudukan yang strategik berdekatan dengan Pusat Pentadbiran dan juga kemudahan aktiviti import dan eksport.
2. Kestabilan Politik dan Polisi Kerajaan.
3. Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas memudahkan para pelabur berkomunikasi dengan pekerja tempatan.
4. Hak Perlindungan Harta Intelekt
5. Jaringan jalan raya dan lebuhraya yang selesa
6. Industri sokongan seperti perkhidmatan logistik, perbankan dan lain-lain.
7. Sumber Tenaga Mahir dan separuh mahir
8. Kemudahan pendidikan untuk anak-anak expatriate seperti *International School*.
9. Gaya hidup seperti kemudahan pusat membeli belah, padang golf dan lain-lain kemudahan untuk aktiviti riadah.
10. Kemudahan pusat perubatan bertaraf antarabangsa

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengambil beberapa inisiatif lain seperti;-

1. Menyediakan prasarana pelaburan yang kondusif dengan mewujudkan kawasan Industri yang selesa dan lengkap dengan kemudahan infra seperti Selangor Science Park yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.
2. Mewujudkan agensi penggalakan pelaburan seperti SSIC bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.

Mewujudkan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur di peringkat kelulusan pembangunan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PROJEK PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU, KAMPUNG TERSUSUN  
DAN KAMPUNG BAGAN**

206. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan semua projek pembangunan yang telah diadakan pada tahun 2013 dan akan diadakan pada tahun 2014 di setiap kampung baru, kampung tersusun dan kampung bagan dan nyatakan nilai, tempoh pelaksanaan dan status terkini setiap projek tersebut.

**JAWAPAN :**

- a) Senarai projek pembangunan yang telah dijalankan pada tahun 2013 dan yang akan dijalankan pada tahun 2014 adalah seperti di **Lampiran A, B**. Tempoh pelaksanaan projek tersebut adalah bergantung kepada agensi pelaksana projek mengemukakan semua dokumen yang diperlukan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri seperti Butiran Kerja dan Surat Setuju Terima bagi setiap projek yang hendak dilaksanakan. Kerajaan Negeri tiada masalah dari segi peruntukan untuk melaksanakan semua projek kecil pembangunan Kg. Baru yang berkeperluan mendesak.



## LAMPIRAN B

BIL.	AGENSI PELAKSANA	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	Status Projek
1	Pejabat Daerah Tanah Hulu Langat	Kg. Baru Sungai Chua	Membina Pintu Gerbang Kg. Baru Sungai Chua	35,570.00	Projek telah dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Mei 2014
		Kg. Baru Bukit Angkat	Menaik Taraf Kawasan Gelanggang Bola Keranjang Di Kg. Baru Bukit Angkat	29,744.00	
			Menaik Taraf Sistem Saliran Di Kg. Baru Bukit Angkat	49,725.00	
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Kg. Baru Seri Setia	Membina pintu gerbang di atas Jalan SS 9A/14, Kg. Baru Seri Setia	40,945.00	Projek akan dilaksanakan pada bulan April 2014 dan dijangka siap pada Jun 2014
3	Majlis Perbandaran Klang	Kg. Baru Pandamaran	Membina pintu gerbang Kg. Baru Pandamaran	55,506.00	
4	Majlis Perbandaran Kajang	Pekan Batu 11, Balakong	Menaiktaraf longkang di Jalan 11 dan 14 Pekan Batu 11, Balakong	190,000.00	
		Kg. Baru Balakong	Membina gelanggang serbaguna di Kg. Baru Balakong	135,000.00	
		Kg. Baru Balakong	Membina laluan pejalan kaki dan alatan senaman di Kg. Baru Balakong	57,000.00	
5	Majlis Perbandaran Sepang	Kg. Baru Salak	Menaiktaraf gelanggang bola keranjang terbuka kepada berbumbung di Kg. Baru Salak	70,000.00	
6	Majlis Daerah Kuala Selangor	Kg. Bagan Sungai Yu Baru	Menaiktaraf dan membina semula Catwalk jenis konkrit sepanjang 100meter di Kg. Bagan Sungai Yu Baru	198,550.00	

		Kg. Bagan Pasir	Menaiktaraf dan membina semula Catwalk jenis konkrit sepanjang 50meter di Kg. Bagan Pasir	98,765.00	
7	Pejabat Daerah Tanah Gombak	Kg. Sri Indah A	Membaikpulih Balai JKKK Kg. Sri Indah A	4,890.00	Projek akan dilaksanakan pada bulan April 2014 dan dijangka siap pada Jun 2014
8	Pejabat Daerah Tanah Kuala Selangor	Kg. Bagan Sungai Janggut	Menaiktaraf jalan utama didalam kawasan Bagan Sungai Janggut	43,160.00	
		Kg. Bagan Sungai Tengkorak	Membaikpulih lantai simen hadapan pentas awam Bagan Sg. Tengkorak	19,974.00	
		Kg. Bagan Sungai Tengkorak	Melebarkan jalan utama di Kg. Bagan Sungai Tengkorak	19,200.00	
		Kg. Bagan Sungai Tengkorak	Menurap premix di tapak kosong sebelah Tokong Bagan Sg. Tengkorak	6,745.00	
9	Pejabat Daerah Tanah Sabak Bernam	Bagan Parit Baru	Menaiktaraf dan membina semula Catwalk jenis konkrit sepanjang 300meter di Bagan Parit Baru	182,330.00	
		Bagan Sungai Besar	Membaikpulih lantai dan pendawaian lampu limpah di Dewan Serbaguna JKKK Bagan Sg. Besar	47,754.00	
		Jalan 6 Site C Sekinchan	Membina longkang U-Shape di Jalan 6 Ste C, Sekinchan	160,700.00	
10	Pejabat Daerah Tanah Petaling	Kg. Baru Batu 14	Menurap semula jalan dan kerja-kerja di Jalan Bakau, Kg. Baru Batu 14 Puchong	54,000.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: PROJEK PEMBANGUNAN KOMERSIAL LADANG AIR MANIS OLEH  
PNSB**

207. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah status terkini perancangan projek tersebut?
- b) Sila nyatakan apakah kekangan utama yang dihadapi sehingga kini projek tersebut masih belum dimulakan?
- c) Sila nyatakan nama kontraktor utama yang dilantik bagi memajukan projek tersebut dan berapakah anggaran seluruh kos pembangunan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK: TANAH SEKOLAH**

208. Bertanya Kepada YAB Dato Menteri Besar :

- a) Senaraikan semua sekolah di Negeri Selangor dan lokasinya yang masih belum selesai isu tanahnya.
- b) Apakah halangan Kerajaan Negeri untuk memberi tanah atau mewarta tanah bagi setiap kes tersebut?

**JAWAPAN :**

- a) Sehingga kini, terdapat lima sekolah di dua daerah Negeri Selangor yang masih belum selesai isu tanahnya. Butiran mengenainya adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, antara halangan yang dialami oleh Kerajaan Negeri dalam memberi tanah atau mewartakan tanah adalah isu tapak-tapak yang belum dibuat penyerahan balik oleh pemilik tanah kepada Kerajaan Negeri.

## SENARAI SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI SELANGOR YANG MASIH BELUM SELESAI ISU TANAH

## DAERAH KUALA SELANGOR

BIL	TUJUAN	KELUASAN (Ekar)	LOT/ PT	CATATAN
1.	Sek. Keb. Alam Perdana 3	6	HSD 5303 PT. 3860	Tapak sekolah terlibat dengan tanah milik yang belum dibuat penyerahan balik tanah daripada LBSN. Sehubungan itu, permohonan tidak dapat diteruskan.
2.	Sek. Keb. & Sek.Men.Keb. Alam Perdana	18	HSD 5304 PT. 3861	
3.	Sek. Keb. Alam Perdana 2	6	HSD 5303 PT. 3860	

## DAERAH PETALING

BIL	TUJUAN	KELUASAN (Ekar)	LOT/ PT	CATATAN
1.	S.J.K.(T) Sungai Renggam	3.754	PT. 2228	Sedang menimbang untuk mewartakan tapak sekolah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PROJEK PEMBESARAN KG BUKIT CHANDANG**

209. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Adakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap projek pembesaran Kg Bukit Chandang di atas Lot 319, Lot 2851 dan sebahagian daripada Lot 2863 & 2878, Mukim Batang Kali yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2002 tetapi belum dibangunkan?

**JAWAPAN :**

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam sidang kali ke 14/2005 pada 15 Jun 2005 telah meluluskan pemberimilikan tanah kepada 100 pemohon untuk projek pembesaran Kampung Bukit Chandang di atas Lot 319, Lot 2851 dan sebahagian Lot 2863 dan Lot 2878 untuk tujuan bangunan kediaman seluas lebih kurang 12.77 ekar.

Manakala Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dalam sidang kali ke 16/2010 pada 5 Mei 2010 telah menolak permohonan pemberimilikan tanah bagi projek pembesaran Kampung Bukit Chandang kerana tidak terdapat sebarang kerja-kerja pembangunan dijalankan di atas tanah. Kawasan ini juga tidak mempunyai jalan keluar masuk yang sah.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang sama jua telah menolak semua permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah bagi projek pembesaran kampung, melainkan projek pembesaran kampung tersebut mematuhi syarat-syarat pembangunan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 201.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR**

210. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar: -

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) akan menstrukturkan semula industri air?
- b) Sila bekalkan kertas cadangan (proposal) yang terperinci dan dokumen-dokumen yang berkenaan.

**JAWAPAN :**

- a) Langkah untuk menyusun semula Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor adalah selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan. Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 21/2007 yang bersidang pada 11 Julai 2007, telah bersetuju dengan penyusunan semula Pemegang Koneksi Air Selangor di bawah satu konsortium yang akan diterajui oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) melalui surat bertarikh 11 Februari 2008 telah memaklumkan Kerajaan Negeri Selangor bahawa melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 telah menimbang dan memutuskan:-

- i) supaya KDEB mengambil alih operasi dan penyelenggaraan bagi rawatan dan pembekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk Loji Langat 2; dan
- ii) supaya Kerajaan Negeri Selangor bekerjasama dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dalam melaksanakan penstrukturkan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya secara holistik. KDEB akan menjadi peneraju utama dalam konsortium baru.

Pada 22 Januari 2008, PAAB telah memberikan taklimat kepada Kerajaan Negeri Selangor menerangkan mengenai peranan PAAB di dalam penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara.

Rundingan dan perbincangan telah diadakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan KTTHA semenjak tahun 2008. Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan di antara YAB Dato' Menteri Besar Selangor dengan YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air bermula dari 20 April 2009.

Bagi merealisasikan cadangan penstrukturan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih Syarikat Konsesi Air sebanyak lima kali seperti berikut:-

<b>Tawaran/ Nilai tawaran</b>	<b>JUMLAH (RM/JUTA)</b>	<b>Status</b>
13.02. 2009	<b>5,709</b>	<b>Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi</b>
25. 06.2009	<b>9,218</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>ABASS dan SPLASH bersetuju menerima tawaran</b></li> <li>• <b>SYABAS dan Puncak menolak tawaran</b></li> </ul>
31.01.2010	<b>9,227</b>	<b>Ditolak oleh kesemua Pemegang Konsesi</b>
20.2.2013	<b>9,651</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>ABASS dan SPLASH bersetuju dengan syarat</b></li> <li>• <b>Puncak Niaga Holdings iaitu pemegang saham SYABAS dan Puncak memaklumkan bahawa mereka tidak dapat mempertimbangkan tawaran itu tetapi menyatakan kesediaan untuk perbincangan lanjut mengenai tawaran masing-masing.</b></li> </ul>
21.11.2013	<b>9,651</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>ABASS bersetuju dengan syarat</b></li> <li>• <b>Puncak Niaga Holdings dan SPLASH menolak tawaran.</b></li> </ul>



Bagi melaksanakan Model Holistik Negeri Selangor tersebut, KDEB akan mengambilalih 100% kepentingan ekuiti di dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"), Puncak Niaga Sdn Bhd ("PNSB"), Titisan Modal Sdn Bhd ("TMSB") yang menguasai kepentingan di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd ("ABASS") dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad ("SPLASH Holdings") yang menguasai kepentingan di dalam Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd ("SPLASH").

Terma dan syarat kepada tawaran tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Nilai tawaran yang akan dibuat kepada kesemua Pemegang Konsesi Air adalah berjumlah RM9.6b;
- ii. Nilai tawaran tersebut adalah setelah mengambil kira pulangan ekuiti Pemegang Konsesi iaitu sebanyak 12% setahun dan juga nilai Aset-Aset Air yang akan disuntik kepada Pengurusan Aset Air Berhad ("PAAB").
- iii. Kadar pulangan ekuiti 12% adalah dikira sehingga 31 Disember 2012 (tanpa "Compounding") dan setelah ditolak dengan dividen yang telah dibayar sebelum ini;
- iv. Ekuiti yang akan diambilalih termasuklah semua bentuk instrumen pelaburan dan sumbangan daripada pemegang saham e.g. saham biasa, saham keutamaan, pendahuluan dan juga mengambil kira instrument hutang-ekuiti (debt-equity instruments) sekiranya berkaitan.
- v. Dari segi liabiliti yang akan di ambil alih, tawaran tersebut juga merangkumi pengambilalihan kesemua hutang-hutang berkaitan industri yang ditanggung oleh Pemegang Konsesi seperti:-
  - 1) Bond-Bond samaada yang telah diambil alih oleh Acqua SPV Berhad ("Acqua SPV") atau yang masih berada di pasaran modal;
  - 2) Pinjaman berpenggal, atau;
  - 3) Pinjaman Kerajaan (jika berkaitan).
- vi. PAAB akan membuat keputusan ke atas pembayaran lebihan Nilai Buku Aset ke atas liabiliti, dan sekiranya bersetuju akan dibayar terus oleh kepada Pemegang Konsesi.
- vii. Bayaran nilai tawaran akan dibuat secara tunai.
- viii. Nilai tawaran akhir adalah tertakluk kepada proses "due diligence" yang akan dibuat.

- ix. Syarat-syarat lain termasuklah segala kelulusan yang perlu diperolehi oleh Pemegang Konsesi seperti kelulusan pemegang-pemegang saham, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan dan semua agensi berkaitan, kelulusan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi berkaitan serta kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Acqua SPV dan juga pembiaya kewangan (jika berkaitan).

Sekiranya tawaran tersebut tidak dipersetujui oleh syarikat konsesi dari segi tawaran, maka Kerajaan Negeri Selangor akan merujuk perkara berkaitan penilaian tersebut kepada Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa (*Independent International Arbitration*). Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa rujukan kepada Badan Timbang Tara Bebas ini adalah bertujuan untuk menentukan *fair market value* di mana semua pemegang saham di dalam syarikat konsesi akan dibayar pampasan yang adil dan munasabah. Tidak ada mana-mana pihak yang akan mengalami kerugian dari pelaburan yang telah mereka buat di dalam industri tersebut.

Walaupun beberapa tawaran pengambilalihan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor dan KDEB serta usaha gigih Kerajaan negeri untuk berunding dan berbincang bersama dengan pihak Pemegang Saham Syarikat Konsesi Air Selangor, namun cadangan penstrukturan semula Syarikat Konsesi Air Selangor atas dasar “willing buyer willing seller” tidak mencapai persetujuan bersama untuk dimuktamadkan pada tarikh tamat tempoh rundingan iaitu 31 Disember 2013. Faktor utama yang menyebabkan kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh tuntutan melampau mengenai anggaran nilai ekuiti Pemegang Konsesi Air.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) melalui surat bertarikh 09 September 2013 menyatakan keputusan Jemaah Menteri yang bersidang pada 28 Ogos 2013 bahawa sekiranya urusan pengambilalihan Syarikat Konsesi Air atas dasar “**willing buyer willing seller**” masih tidak dapat diselesaikan sehingga 31 Disember 2013, Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan atas dasar kepentingan Negara mengambil tindakan mengikut Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) mulai 01 Januari 2014.

Rundingan dan perbincangan di antara wakil Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan terus dijalankan dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula ini di mana akhirnya persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah dicapai supaya satu Memorandum Persefahaman dimaterikan sebagai permulaan kepada pelaksanaan penstrukturan semula.

Salah satu terma di dalam Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada 26 Februari 2014 adalah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor dan pelaksanaan Projek Langat 2. Bagi memuktamadkan penstrukturan semula,

Kerajaan Negeri Selangor melalui KDEB telah sekali mengemukakan tawaran pengambilalihan Syarikat Konsesi Air di mana tempoh tawaran tersebut tamat pada 10 Mac 2014. Status tawaran tersebut adalah seperti berikut:-

Bil	Syarikat Konsesi Air	Status
(a)	Titisan Modal Sdn Bhd ("TMSB"), Syarikat Induk kepada Konsortium ABASS Sdn Bhd ("ABASS")	<ul style="list-style-type: none"> <li>• secara prinsipnya ABASS bersetuju menerima tawaran harga daripada Kerajaan Negeri Selangor dan akan memaklumkan Pemegang Saham mengenai penerimaan tawaran tersebut</li> </ul>
(b)	Viable Chip (M) Sdn Bhd, Pemegang 30% ekuiti di dalam SPLASH	<ul style="list-style-type: none"> <li>• secara prinsipnya bersetuju menerima tawaran harga daripada Kerajaan Negeri Selangor</li> </ul>
(c)	Gamuda Berhad, Pemegang 40% ekuiti di dalam SPLASH	Tidak bersetuju menerima tawaran harga daripada Kerajaan Negeri Selangor
(d)	The Sweet Water Alliance Sdn Bhd, Pemegang 30% ekuiti di dalam SPLASH	
(e)	Puncak Niaga Holding Berhad, Pemegang 70% ekuiti dalam SYABAS	bersedia untuk "mempertimbangkan" tawaran oleh kerajaan negeri tertakluk kepada beberapa syarat:-
(f)	Puncak Niaga Holding Berhad, Pemegang 100% ekuiti dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pulangan yang lebih tinggi ke atas ekuiti sebanyak 15% dan bukannya 12%,</li> <li>(ii) bayaran penuh pampasan dipertikaikan bukan peningkatan dalam kenaikan tarif air oleh kerajaan negeri,</li> <li>(iii) penolakan proses ketekunan wajar (due diligence) oleh kerajaan negeri ke atas aset Puncak Niaga dan SYABAS; dan</li> <li>(iv) penolakan ke atas proses timbang tara antarabangsa sekiranya berlaku perbezaan pendapat tentang pulangan yang sesuai ekuiti</li> </ul>

Setakat 10 Mac 2014, penstrukturan semula ini masih belum dapat dimuktamadkan lagi. Kerajaan Negeri Selangor telah memaklumkan KTTHA sekiranya penstrukturan semula ini tidak dapat dimuktamadkan, beberapa masalah akan timbul di kalangan Syarikat Konsesi Air antaranya adalah:

- (i) kekangan aliran tunai yang dihadapi oleh SYABAS hingga menyebabkan SYABAS berada dalam keadaan keberhutangan yang sangat meruncing hingga menyebabkan kegagalan dalam membayar harga pembelian air kepada Operator Rawatan Air di mana ini mengakibatkan SYABAS mempunyai tanggungan jumlah tertunggak kepada operator rawatan air dianggarkan sebanyak RM5.0 billion
- (ii) kekangan aliran tunai SYABAS telah menyebabkan bayaran separa 42% dibayar kepada Operator Rawatan Air yang sekali gus turut menjejaskan aliran tunai Operator Rawatan Air yang mana jika tidak diatasi boleh menjejaskan operasi disebabkan kenaikan tarif air yang ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri sehingga proses penstrukturan semula industri perkhidmatan air dimuktamadkan;
- (iii) SYABAS tidak berkemampuan dan tidak kompeten di dalam memenuhi obligasi di bawah Perjanjian Konsesi dalam mencapai sasaran pengurangan Non Revenue Water (NRW) sebanyak 20% seperti mana yang diperuntukkan di dalam Perjanjian Konsesi walaupun SYABAS telah diberikan bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah.
- (iv) Keadaan industri yang tidak holistik akan terus menyumbang kepada pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang sangat tinggi seperti kadar Bulk Supply Rate (BSR), Fixed Monthly Payment (FMP), kos yang mana semua kos ini akan dipindahkan kepada pengguna melalui kenaikan tarif yang tinggi lagi membebankan.

Kerajaan Negeri Selangor telah menyarankan selaras dengan MOU tersebut supaya pihak KTTHA melalui YB Menteri menguatkuasakan pemakaian Seksyen 114 Akta 655 ke atas SYABAS dan Seksyen 191 Akta yang sama ke atas Puncak Niaga dan SPLASH sebagai langkah untuk menyelesaikan risiko-risiko yang dikenal pasti akibat dari penstrukturan semula industri air tidak dapat dimuktamadkan. Namun sehingga kini, rundingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan masih belum mencapai persetujuan bersama dalam memuktamadkan penstrukturan tersebut.

Sekiranya penstrukturan ini dapat dimuktamadkan di bawah Model Holistik yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, KDEB akan mengambil alih peranan dan tanggungjawab Pengarah dan Lembaga Pengarah dalam Syarikat

Pemegang Konsesi sedia ada. Kerajaan Negeri selangor melalui KDEB akan meneliti dan merundingkan semula terma-terma utama perjanjian konsesi sedia ada terutamanya perkara berkaitan dengan kadar harga air pukal, kadar tarif air yang dibayar oleh pengguna, menyemak keperluan pelan pelaburan dan menyelesaikan hal-hal berkaitan dengan isu komersial termasuk menyelesaikan hutang-hutang sedia ada. Seterusnya KDEB dengan persetujuan Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan bekalan air kepada pengguna tidak terjejas. Tindakan-tindakan lanjut yang boleh dibuat mengikut rancangan Kerajaan Negeri Selangor dan KDEB dalam menyusun semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor ini hanya boleh dilaksanakan setelah penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini dimuktamadkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN TANAH-TANAH RIZAB**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pihak yang harus bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan tanah-tanah rizab seperti rizab sekolah, hospital dan sebagainya

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tapak-tapak sekolah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN), Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah melantik Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pegawai Pengawal dan pihak yang bertanggungjawab untuk mengawalselia dan menyelenggara tanah-tanah tersebut adalah agensi atau pihak yang berkaitan dengan tanah rizab tersebut.

Sebagai contoh, bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (S.J.K.(C)) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (S.J.K.(T)), PBN telah melantik Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Pegawai Pengawal, dan dikawalselia serta diurustadbir oleh Lembaga Pengelola Sekolah yang berkenaan.

**PERTANYAAN–PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO’ HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: TUISYEN RAKYAT**

212. Kerajaan Negeri meneruskan program Tuisyen Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pusat-pusat Tuisyen Rakyat yang terdapat di dalam kawasan Dewan Negeri Jeram?
- b) Berapakah jumlah pelajar yang terlibat dan nyatakan guru-guru yang pembimbing program berkenaan di dalam kawasan Dewan Negeri Jeram?

**JAWAPAN:**

- a) Pusat-pusat Tuisyen Rakyat yang terdapat di dalam kawasan Dewan Negeri Jeram, adalah seperti berikut :
  - I. Balai Masyarakat Fasa 3, d/a Lorong Cakera Purnama 12/10, Puncak Alam, Selangor Darul Ehsan;
  - II. KAFA Integrasi Darul Syahadah, d/a Surau Al-Hidayah, Persiaran Saujana Utama 2, Sungai Buloh;
  - III. Pejabat JKK, Kg Bukit Kuching Hilir, Jeram, Selangor; dan
  - IV. Pejabat JKK, Kg Jeram
- b) Jumlah pelajar yang terlibat adalah seramai 100 orang dan jumlah guru yang terlibat adalah seramai 7 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK: TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM**

213. Wujud operasi tapak pembuangan sampah haram di kawasan tadbiran PBT.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah dan lokasi tapak-tapak pembuangan sampah haram mengikut PBT?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan tapak-tapak ini wujud?
- c) Apakah strategi PBT untuk mengatasi masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah dan lokasi tapak pembuangan sampah haram yang dikesan oleh PBT seperti di **Lampiran 1**.
- b) Antara faktor yang menyebabkan tapak-tapak pembuangan sampah haram ini wujud adalah seperti berikut:-
  - i. Sikap tidak bertanggungjawab kontraktor dan individu yang membuat pengubah suaian premis membuang sisa binaan di lokasi seperti di kawasan pedalaman, terpencil dan jauh dari kawasan perumahan atau kawasan tanah lapang yang terbiar;
  - ii. Kontraktor persendirian yang dilantik oleh pihak kilang yang tidak berdaftar oleh PBT dan tidak membuang sampah di tapak pelupusan yang telah diluluskan;
  - iii. Tiada pemantauan dan tindakan oleh tuan tanah bagi mengelakkan pencerobohan tanah milik mereka;
  - iv. Tapak pelupusan yang dibenarkan; dan



- v. Individu atau pihak kontraktor tidak mampu membayar kos pelupusan sampah yang dikenakan oleh syarikat tapak pelupusan dan membayar lebih murah kepada pengusaha tapak sampah haram.

c) Antara strategi PBT untuk mengatasi masalah ini adalah:-

- i. Menjalankan pemantauan berjadual di tempat-tempat yang berisiko dan telah dikenal pasti sebagai lokasi hot-spot pembuangan sampah haram;
- ii. Memasang papan tanda amaran di lokasi yang dikenal pasti;
- iii. Mendapatkan kerjasama daripada penduduk / premis berhampiran untuk menyalurkan maklumat segera kepada pihak PBT;
- iv. Menjalankan operasi penguatkuasaan dengan lebih kerap dan pengintipan di lokasi bagi mengelakkan pembuangan sampah secara berterusan;
- v. Menganakan syarat kepada pemaju perumahan untuk melantik kontraktor yang berdaftar dengan PBT bagi pelupusan sampah-sampah seperti sisa binaan atau sampah pukal.

## JUMLAH DAN LOKASI TAPAK SAMPAH HARAM MENGIKUT PBT

Bil.	PBT	Bilangan Tapak	Lokasi Tapak
1.	MBSA	Tiada	Tiada Kejadian Tapak Sampah Haram
2.	MBPJ	8	Jalan PJU 1A/7 Jalan Emas SD 5/1, Prime Damansara PJU 10/10E Jalan PJU 7/15A Jalan SD 12/1 Jalan SD 13/5 Jalan 9/1A (Rimba Riang), PJU 5 Kota Damansara
3.	MPK	4	Jalan Telekon, Johan Setia Jalan Keluli, Bukit Raja (Tanah ATM) Lebuhraya Pulau Indah (Rezab JPS) Jln. Sg. Saim, Rantau Panjang
